



**DEWAN NEGARA  
LAPORAN PENYATA RASMI  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 22**

**Isnin**

**16 Disember 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b> Pembentukan Kaukus Dewan Negara	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b> <b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>USUL :</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 31)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-  
*Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato' Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Negara**

Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikar @ Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**16 Disember 2019**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Pembentukan Kaukus Dewan Negara**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat pagi dan salam sejahtera. Sukacita ingin saya memaklumkan bahawa Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara telah bermesyuarat pada hari Khamis 12 Disember 2019, dan telah sebulat suara bersetuju bagi membentuk sebuah Kaukus Dewan Negara seperti mana yang telah dilaporkan melalui Kertas Dewan DN 2/2019.

Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara yang telah saya perintahkan untuk dibentangkan di meja mesyuarat pada hari ini. Keahlian bagi kaukus tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai
- (iii) Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris
- (v) Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh
- (vi) Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind
- (vii) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
- (viii) Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
- (ix) Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing
- (x) Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin
- (xi) Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu
- (xii) Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang
- (xiii) Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

Semoga semua ahli kaukus dapat menjalankan amanah yang diberikan dengan baik... [Tepuk] Terima kasih.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas kepercayaan tadi untuk menerajui kokus Dewan Negara. Satu keputusan yang bersejarah di Dewan ini. Terima kasih tuan Yang di-Pertua.

Saya mewakili rakan-rakan juga mengucapkan selamat ulang tahun kelahiran, *happy birthday* kepada Tuan Yang di-Pertua, yang dimaklumkan jatuh pada hari ini... [Tepuk]

Soalan saya, soalan nombor 1.

**1. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, mengenai perincian progres program Kepimpinan Masa Depan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi. Terlebih dahulu izinkan saya mengambil peluang ini mengucapkan *happy birthday* kepada Tuan Yang di-Pertua, semoga sentiasa dirahmati dengan kesihatan dan kebijaksanaan untuk memimpin.

Tuan Yang di-Pertua, dan juga kepada Ahli Yang Berhormat ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *Malaysia Future Leaders School (MFLS)*, Sekolah Kepimpinan Masa Depan bermula ataupun telah dilancarkan pada 1 April 2019 melibatkan pelajar sekolah menengah yang berumur di antara 15 tahun hingga 17 tahun dari seluruh negara.

Sehingga Disember 2019 tahun ini, Program MFLS Tier 2 telah dilaksanakan sebanyak 15 kohort di kem ataupun pusat latihan di seluruh negara dengan penyertaan peserta seramai 27,788 orang. Seramai 200 orang peserta terbaik dari tier kedua ini akan disaring untuk ke peringkat seterusnya iaitu MFLS Tier 3. Di peringkat ini peserta akan mengikuti program yang berbentuk latihan dan *internship*, dengan izin, dari dalam dan luar negara di samping berpeluang menjalani latihan *in-house*, dan *attachment* di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dan syarikat swasta.

Diharapkan agar peringkat ini dapat melahirkan pemimpin belia sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara, serta berkeupayaan untuk memainkan peranan di peringkat antarabangsa nanti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan sebelum itu juga saya mengucapkan semoga cepat sembuh kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang saya dimaklumkan melalui pembedahan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam membimbing pemimpin masa hadapan kita ini, pada pandangan saya, antara isu yang paling penting ialah bagaimana kita menghadapi pemimpin yang mampu berasa selesa dengan kepelbagaian kaum supaya apabila menjadi pemimpin masa depan, mereka melihat semua kaum di Malaysia ini sebagai satu kekuatan, dan malah difikirkan pula bagaimana hendak berlaku adil kepada semua. Bukan sahaja kepelbagaian kaum, mereka-mereka yang minoriti juga- golongan kelainan upaya, golongan asal dan sebagainya.

Jadi saya mohon Menteri jelaskan sedikit, apakah falsafah yang diterapkan kerana ada Tier 1, Tier 2, Tier 3 ini yang digunakan, agar perkara-perkara ini dapat dicapai untuk pemimpin-pemimpin masa depan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi atas pandangan dan juga soalan tadi. Sememangnya Yang Berhormat Senator Mohd Yusmadi merupakan antara tokoh pemimpin muda yang disegani, dan saya rasa beliau juga ramai Ahli Dewan Negara ini boleh menjadi pedoman dan contoh teladan kepada peserta-peserta MFLS dan juga para belia di Malaysia.

Untuk maklum Dewan yang mulia ini, Program MFLS ini adalah berdasarkan lima elemen utama iaitu, pertama, kepimpinan yang merangkumi program-program atau aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kemahiran dan nilai kepimpinan di kalangan belia.

Kedua, pembentukan watak dan jati diri yang merangkumi aktiviti ataupun program tentang pembentukan perwatakan positif.

#### ■1010

Ketiga, kenegaraan. Ini mungkin lebih kepada apa yang Yang Berhormat Yusmadi tadi bangkitkan iaitu meningkatkan pengetahuan, kesefahaman, pemahaman tentang sistem dan juga keadaan masyarakat negara kita. Contohnya Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, sistem pemerintahan negara dan juga kemajmukan masyarakat Malaysia ini.

Keempat, kesukarelawanan iaitu memupuk semangat dan sikap suka membantu dalam perkara yang menuju ke arah kebaikan dan akhirnya, keusahawanan iaitu untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dari segi teori, prinsip dan praktikal tentang aktiviti-aktiviti berkaitan keusahawanan.

Ini semua adalah untuk melahirkan anak muda Malaysia yang mempunyai pandangan yang holistik tentang masyarakat Malaysia dan juga tentang cabaran-cabaran yang dihadapi di dunia global ini. Selain daripada memasukkan lima elemen utama ini, pemilihan peserta juga berpandukan ataupun juga menjurus ke arah membantu menyediakan ruang pergaulan di antara anak muda pelbagai kaum dan pelbagai lapisan di negara ini iaitu kita mempunyai sistem pemberat, di mana kita memastikan agar sekurang-kurangnya 50 peratus daripada peserta merupakan peserta wanita.

Kemudian pecahan dari segi kaum, pecahan dari segi golongan B40, M40 dan juga T20 supaya peserta yang melalui sepanjang program MFLS ini akan berinteraksi dengan rakan-rakan se Malaysia mereka, bukan sahaja daripada kelompok komuniti yang sama tetapi daripada segala semua komuniti yang melambangkan kemajmukan kepelbagaian masyarakat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik apabila Yang Berhormat bercakap soal keusahawanan. Cuma soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memasukkan modul ataupun program yang bertemakan literasi kewangan di dalam program tersebut memandangkan tahap literasi kewangan di kalangan belia ketika ini adalah amat rendah sekali. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani atas soalan tadi. Saya rasa, soalan tadi merupakan soalan yang amat bertepatan dengan keperluan anak muda pada hari ini. Sememangnya secara teknikalnya tidak ada satu modul tentang literasi kewangan tetapi sepanjang ketiga-tiga tiernya program MFLS ini akan diterapkan nilai-nilai yang mempunyai unsur-unsur literasi kewangan.

Mungkin salah satu contoh ialah para peserta akan diberikan peluang untuk menjadi *intern* ataupun pelatih di syarikat-syarikat GLC, syarikat berkaitan kerajaan dan juga syarikat swasta di mana mereka bukan sahaja boleh menimba ilmu tentang literasi kewangan peribadi malah tentang pengurusan syarikat pengurusan kewangan, syarikat dan sebagainya.

Kita mengambil soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani tersebut sebagai satu orang kata, maklum balas dan cadangan yang boleh diterapkan di penambahbaikan yang seterusnya bagi program ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan.



**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa kesedaran di kalangan masyarakat terhadap program MFLS ini agak rendah bagi pendapat saya dan khususnya juga kepada pihak sekolah pun. Saya harap kementerian dapat menganjurkan lebih banyak lagi program kesedaran untuk meningkatkan kesedaran mengenai program yang begitu baik ini supaya lebih ramai anak muda kita boleh menyertainya. Itu cadangan saya.

Soalan saya, setakat sekarang saya difahamkan program ini telah memanfaatkan lebih kurang 27 ribu orang anak muda. Apakah maklum balas daripada peserta dan ibu bapa terhadap program ini setakat ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maklum balas Yang Berhormat...

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling yang juga merupakan antara pemimpin muda yang patut dijadikan teladan kepada anak muda Malaysia.

Terlebih dahulu berkaitan cadangan Yang Berhormat Senator dan juga maklum balas Yang Berhormat Senator tentang program MFLS ini, kita mengambil maklum tentang mungkin info yang tidak dapat capaian yang meluas tetapi perlu difahamkan bahawa program ini merupakan tahun pertama kita melaksanakan program ini dan program ini pun baru bermula pada bulan April yang lalu.

Justeru itu, pada tahun depan kita akan mempergiatkan lagi promosi tentang program ini termasuk *roadshow* di sekolah-sekolah bagi menggalakkan lebih ramai bukan sahaja pelajar sekolah tetapi juga para guru dan ibu bapa untuk mendapat makluman tentang program ini dan menggalakkan penyertaan para pelajar.

Keduanya tentang maklum balas daripada 27 ribu secara spesifiknya 27,788 orang peserta. Memang sepanjang program MFLS, kita akan mengambil penilaian daripada peserta dan setakat ini, sukacita ingin saya maklumkan bahawa melalui penilaian 10 kohort daripada 15 kohort, sebab lima kohort yang terakhir ini belum sempat lagi kita proses borang penilaian mereka tetapi setakat 10 kohort ini, penilaian dilaksanakan dengan menanyakan kepada peserta tentang modul latihan, tentang infrastruktur, kemudahan tentang makanan, tentang jurulatih.

Sukacita dengan bangganya, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa purata dalam skala 1 ke 10, penilaian daripada peserta kita telah mendapat 9.08 dalam skala 1 ke 10. Ini semuanya sebenarnya hasil usaha dan kerja keras walaupun program pertama dan tahun ini merupakan tahun perintis tetapi berkat usaha pegawai-pegawai yang terlibat, jurulatih yang terlibat, maka saya rasa program ini telah mendapat sambutan yang begitu baik daripada para peserta.

Kita berhasrat juga untuk meluaskan ataupun memperluaskan lagi penilaian ini bukan setakat kepada para peserta tetapi juga kepada ibu bapa supaya ibu bapa juga boleh terlibat dalam melihat perkembangan anak-anak mereka yang terlibat dalam MFLS ini. Justeru, satu kajian impak bersama dengan ibu bapa akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat untuk juga mendapatkan maklum balas ataupun *feedback* daripada ibu bapa terhadap program ini untuk dijadikan pedoman kepada langkah-langkah penambahbaikan jika perlu. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**2. Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, jumlah projek yang telah ditangguhkan dan dinilai semula dan penjimatan kos yang berlaku daripada proses tersebut di seluruh negara sejak Pilihanraya Umum Ke-14.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu, saya ingin juga mengucapkan selamat hari jadi kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR telah mengemukakan senarai projek tangguh sebanyak 38 projek kepada MoF pada 6 Mei 2019. Manakala projek yang dirundingkan semula bermula 7 November 2018 adalah sebanyak 60 projek yang sedang dalam pembinaan. Penjimatan kos yang berlaku bagi 60 projek yang telah dirundingkan semula ini hanya akan dapat dikenal pasti setelah semua pengiraan pengurangan harga bagi setiap projek selesai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat. *Mike, mike*. Lagi sekali Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya dengan jumlah pembantahan, rundingan semula dan hasil penjimatan daripada projek-projek yang disebutkan, apakah akan ada tambahan projek untuk wilayah Sabah dan Sarawak untuk tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1020

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa itu saya kena jawab dalam bertulis sebab tidak ada jawapan pada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Ini kerana dia belum ada anggaran penjimatan. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**3. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah polisi kerajaan terhadap kawalan dan perancangan kawasan hijau atau *Green Lung* dalam kawasan pembangunan.

**Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Mengucapkan selawat]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pelan Malaysia iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi Bilangan 7/2000.

Berdasarkan kepada garis panduan ini, keperluan penyediaan 10 peratus tanah lapang adalah disyaratkan kepada semua jenis pembangunan. Tanah lapang ini hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa negeri (PBN) untuk dirizabkan bagi maksud awam selaras dengan peruntukan seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965. Bagi memastikan tanah lapang awam di kawasan pembangunan kekal untuk kegunaan rekreasi, Dasar Perbandaran Negara (DPN) telah menetapkan keperluan supaya pihak berkuasa perancangan tempatan (PBT) mengambil tindakan pewartaan ke atas rizab tanah lapang tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dasar ini diguna pakai bukan sahaja untuk kawasan perumahan tetapi juga untuk pembangunan bandar baharu yang luasnya mungkin melebihi 100 hektar dan untuk pembangunan bercampur. Di dalam pusat bandar pula, galakan diberikan kepada kawasan rekreasi berbentuk *rooftop garden* atau taman atas bumbung atau *vertical garden*. Ini semua menunjukkan komitmen kerajaan untuk menentukan bahawa masalah kawasan hijau itu diperbanyakkan dan dijaga. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat?

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Mengikut kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini, Kuala Lumpur menghasilkan 12 juta tan karbon dioksida setahun. Sedangkan yang mampu diserap oleh tumbuh-tumbuhan ataupun kehijauan sebanyak 20 ribu tan sahaja. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Ini kerana kalau ketidakseimbangan ini dibiarkan begitu, suhu Kuala Lumpur akan meningkat dengan mendadak.

Soalan kedua saya ialah seluas 106 hektar tanah telah digazetkan sebagai Hutan Simpan Kekal di Kuala Lumpur tetapi tanah seluas ini telah digunakan untuk

pembangunan- saya rasa sekitar 38 hektar. Jadi soalnya, adakah kerajaan bercadang menggantikan tanah yang telah digunakan untuk pembangunan tersebut? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau tidak silap yang saya dengar tadi disebutkan bahawa Kuala Lumpur menghasilkan 12 juta tan karbon dioksida sedangkan pokok-pokok yang sedia ada hanya mampu menyerap lebih kurang dalam 20 ribu tan sahaja. Saya sendiri belum lagi baca kajian itu dan sejauh mana perimeter-perimeter yang telah digunakan dalam kajian itu.

Namun masalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bebas karbon ataupun rendah karbon, maaf. Adalah satu usaha yang sedang dijalankan dan kita lakukan ini dengan nombor satu, menambahkan kawasan-kawasan taman. Termasuklah sebagai contoh, Taman Persekutuan Bukit Kiara yang telah baru digazetkan ataupun dikemukakan untuk digazetkan ataupun diluluskan untuk digazetkan yang merupakan sebuah taman yang keseluruhannya adalah 446 ekar, yang terdapat di tengah kawasan Kuala Lumpur.

Begitu juga seperti mana yang kita tahu, adanya Taman Tugu yang seluas 66 ekar yang baru diserahkan oleh Kabinet kepada Amanah Warisan Negara untuk kekal sebagai kawasan hutan tropika. Begitu juga ada Taman Botani yang juga lebih daripada 100 hektar. Ada juga Taman Metropolitan, Taman Ulu Pudu dan beberapa lagi taman-taman yang dalam perancangan, yang sedang diusahakan oleh pihak kerajaan.

Pada masa yang sama, kita menggalakkan penggunaan jentera-jentera yang lebih bersifat mesra alam dengan penggalakan penggunaan pengangkutan awam. Ini kerana kebanyakan daripada karbon dioksida yang dilepaskan ke udara adalah daripada jentera-jentera diesel dan sebagainya yang mana kita cuba kurangkan jumlahnya dengan adanya dasar menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Sebagai contoh di Kuala Lumpur, bas *Go KL* yang percuma, yang mana mengikut anggaran kami telah berjaya mengurangkan lebih kurang dalam 500 kenderaan sehari kerana sudah ditambahnya perkhidmatan itu.

Maka, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dan saya akan lihat pada kajian itu dan kita akan juga mengambil kira sudah pasti syor-syor yang terkandung di dalam kajian itu untuk mencapai matlamat kita bersama Kuala Lumpur Bandar Raya Rendah Karbon. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat hari lahir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Semoga Tuan Yang di-Pertua sentiasa sihat dan sentiasa dirahmati. Soalan saya, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk meminda peraturan sedia ada untuk meningkatkan hukuman kepada orang awam yang didapati melakukan pencemaran di kawasan hutan simpan kekal ataupun di kawasan *Green Lung*? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih atas soalan itu. Saya merasakan persoalan ini lebih perlu ditujukan kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli kerana kawasan-kawasan hutan simpan dan sebagainya adalah di bawah kawalan kita.

Namun persoalan pencemaran sememangnya secara umum sama ada di kawasan hutan simpan ataupun di jalan raya, di sungai dan sebagainya tetap menjadi persoalan yang ingin kita tangani. *Insyallah*, persoalan jumlah denda itu dan perundangan berhubungnya sentiasa dikaji dari segi keberkesannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Happy birthday* Tuan Yang di-Pertua. Nombor 4, soalan saya.

**4. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, usaha penting untuk mengkomersialkan budaya kraf tangan Pantai Timur seperti songket dan kuih muih tempatan yang semakin pupus seperti kuih atisokme.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Senator. *Happy birthday Speaker*.

Terlebih dahulu sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator, izinkan saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada delegasi Jabatan Warisan Negara di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang telah pun mendapat kejayaan penyenaian silat di bawah kategori *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* semasa persidangan Mesyuarat *14th Session of the Intergovernmental Committee for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage* di Bogota, Columbia. So, silat adalah item ketiga selepas Mak Yong pada tahun 2005 dan selepas Dondang Sayang pada tahun 2018.

#### ■1030

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa menjalankan usaha bagi mengkomersialkan budaya kraf tangan pantai timur seperti songket dan kuih-muih tempatan yang semakin pupus. Antara usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, bagi meningkatkan kebolehcapaian produk songket tempatan di pasaran, Kraf tangan Malaysia telah menganjurkan aktiviti khusus untuk mempromosikan tekstil seperti Festival Kraf Tekstil Pantai Timur di Kelantan. Selain itu, produk-produk kraf pantai timur juga dipromosikan semasa Hari Kraf Kebangsaan (HKK), promosi kraf Malaysia, Festival Kraf Malaysia dan promosi di pusat beli-belah dan promosi di peringkat negeri. Produk-produk songket juga dipasarkan di *outlet* usahawan yang berdaftar di bawah program kraf tangan Malaysia seperti syarikat pemasaran Karyaneka dan Kompleks Kraf di Kuala Lumpur, di Langkawi dan juga di Johor.

Kedua, selari dengan perkembangan semasa, Kraftangan Malaysia juga telah mempelbagaikan rekaan produk songket termasuk daripada pantai timur dengan menggunakan motif-motif baru serta kepelbagaian bahan dan warna mengikut kehendak dan cita rasa pasaran. Bagi mempertingkatkan kualiti dan imej produk, Kraftangan Malaysia telah pun menggalakkan penggunaan standard MS1747 Bahagian I Songket Malaysia.

Ketiga, Institut Kraf Negara telah pun menawarkan pengajian secara formal berkaitan bidang tenunan iaitu jurusan seni kraf tenunan di peringkat sijil dan diploma dan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Graduan tenunan berkemahiran ini merupakan pelapis kepada negara dan dapat membantu menghasilkan produk songket secara berterusan.

Keempat, Jabatan Warisan Negara juga telah mewartakan seni kraf pantai timur di bawah Akta Warisan Kebangsaan [*Akta 645*] seperti songket, batik dan kain tenun. Selain itu, songket juga telah pun dicalonkan di bawah kategori *representative list of the intangible cultural heritage of humanity* UNESCO dan pihak JWN juga telah pun mewartakan di bawah Akta 645 makanan-makanan yang di pantai timur seperti kopok, akok, pulut panggang, nasi dagang, nasi kerabu dan gulai tempoyak ikan patin.

JWN juga sedang membuat kajian terperinci ke atas kuih yang disebut oleh Senator. Saya tidak reti hendak sebut. 'atisokme', betul? 'Atisokme' kah atau 'atisokma'? Ataupun lebih dikenali sebagai 'hati kesuma' dahulu, termasuk mendapatkan maklumat lengkap tentang kuih tersebut sebelum sebarang cadangan pewartaan dilakukan. Walau bagaimanapun, kuih 'atisokme' pun telah pun didokumentasikan dalam buku Makanan Warisan Hampir Pupus. Muka surat 186 ada sebut kuih 'atisokme'. Kalau sebut kuih yang sama lah. Jadi dengan usaha ini, *insya-Allah*, kita dapat mengangkat, memperkenalkan kuih-kuih yang hampir pupus ke masyarakat awam. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam hal ini, kita melihat, kita berdepan dengan pembangunan yang menghapuskan kampung-kampung tradisi yang di dalamnya tersimpan warisan-warisan penting seperti Kampung Ladang Tok Pelam di Kuala Terengganu di mana wujud di dalamnya komuniti kraf tradisi asli, pembuatan tembaga, perak, emas, batik, songket, keris, kuih-muih. Kita sedar apa yang telah pun diusahakan oleh pihak kementerian.

Cuma soalan saya, apakah langkah radikal bagi meningkatkan kesedaran belia terutamanya untuk turut sama memelihara tradisi ini daripada semakin pupus? Lebih-lebih lagi hari ini tularnya budaya-budaya popular dari luar yang tidak tentu baik dan buruknya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya, tentang bagaimana kita hendak memastikan bahawa produk kraf ini mendapat tempat dan dikomersialkan, untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, sebenarnya daripada segi jumlah pendapatan negara daripada segi hasil pelancongan, kita dapati bahawa *handy craft* merupakan satu *top sales*, dengan izin. Kalau ikut *total shopping expenditure* untuk tahun 2018, RM23.28 bilion dan *popular shopping item* ataupun item yang paling popular untuk *shopping* ini, untuk beli-belah ialah *handy craft*. Antara survei yang kita jalinkan, 88 peratus daripada pelancong membeli kraf. Maksudnya, ada pasaran kraf kita ini.

Antara langkah yang kita buat untuk memastikan bahawa kraf ini sentiasa boleh dihasilkan untuk komersial, kita telah pun banyak buat program. Antaranya ialah satu Semarak Kraf di mana kita membangunkan produk itu. Sebelum kita hendak komersialkan, kita kena semarakkan ini dulu. Kita kena tengok, buat kajian- *research* bagaimana produk ini dihasilkan. Kemudian kita ada hasilkan Komuniti Kraf Ku (KKK). Ada 13 KKK di Malaysia dan tujuh berada di Sabah dan Sarawak, enam di Semenanjung. Kita kumpulkan mereka dalam Komuniti Kraf Ku dan kita ajar, kita buat *capacity building*, kita latih mereka bagaimana menghasilkan produk kraf secara konsisten. Selepas itu barulah kita boleh bawa mereka ke pasaran.

Saya rasa Kraftangan Malaysia juga banyak bersama dengan- mengadakan pelbagai program Hari Kraf Kebangsaan, festival kraf ini untuk membawa usahawan-usahawan kita. Saya rasa dalam Malaysia sahaja ada- kita telah pun mencatatkan 5,796 usahawan kraf dan mereka berada dalam senarai pengusaha kraf ataupun artisan di bawah Kraftangan Malaysia. Jadi, kita pastikan bahawa mereka ini terjaga, terbela dan diberikan latihan supaya dapat memasarkan produk mereka dengan lebih berjaya lagi. Terima kasih.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Hari Lahir. Saya hendak sentuh- soalan saya berkenaan dengan batik dan songket. Kalau kita lihat sekarang, banyak batik dan songket datang daripada negara luar, dari India, Pakistan dan sekarang sudah menghala kepada negara China. Harga batik dan songket mereka jauh lebih murah daripada apa yang dibuat di negeri Terengganu dan juga Kelantan. Murah di bukan sebarang murah. Sehingga satu samping lebih kurang serupa dengan harga-serupa bentuk, *design* dengan di Terengganu. Kalau Terengganu jual RM2,000, barang dari luar ini ada yang RM200 atau RM300. Kalau kita tengok dengan mata kasar, memang tidak ada perbezaan.

Jadi soalan saya, apakah untuk menjaga kepentingan barang-barang seperti batik dan songket ini, apakah tindakan kerajaan terhadap import barangan yang serupa daripada negara luar? Apakah kalau pihak kerajaan membiarkan, tidak mengambil jalan sebaiknya, maka saya jangka beberapa tahun lagi, industri batik dan songket akan hilang di negara kita. Itu soalan yang pertama. Apakah tindakan kerajaan?

Kedua, kalau kita lihat dulu-dulu, setiap hari Khamis- saya rasa diharuskan ataupun diwajibkan Tuan Yang di-Pertua, memakai batik. Pegawai-pegawai kerajaan. Hari Khamis diwajibkan kah atau diharuskan, saya tidak pasti. Akan tetapi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah program ini kita wajibkan supaya hasil kraf negara kita yang pertamanya dipakai oleh orang negara kita?

Jadi saya rasa tidak menjadi satu kerugian kalau kita peruntukkan satu hari, hari Khamis semua pekerja sektor swasta dan juga kerajaan memakai pakaian batik ataupun songket. Kalau kita di Dewan Negara, Dewan Rakyat, kita dibenarkan untuk pakai samping macam Yang Berhormat Senator Laksamana. Memang dia selalu pakai samping dan songket. Okey, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Laksamana. Akan tetapi berkenaan dengan batik, masih lagi belum kita beri tumpuan yang khas. Jadi itu dua soalan daripada saya dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

■1040

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dua soalan tentang lambakan songket tenun daripada negara-negara seperti India dan Pakistan. Kita kena tahu di India ini ada lebih kurang tiga juga komuniti kraf dan songket ini adalah antara hasil kraf di India.



Walaupun bagaimanapun, kita sentiasa mengadakan kempen penggunaan songket Malaysia secara berterusan. Setiap kali kita ada Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf kita akan sentiasa membawa songket ini sebagai salah satu hasil kraf yang penting.

Dewan kena ingat bahawa di sebalik songket itu walaupun harga dia lebih mahal tetapi songket yang dihasilkan itu dia mengambil masa minimum selama seminggu dan kadang-kadang hampir tiga bulan hingga empat bulan untuk menghasilkan satu songket.

Di sebalik songket itu terdapat artisan mereka yang tua dan ketekunan mereka itulah kita membayar daripada hasil ketekunan mereka. Kualiti mereka lain daripada lambakan yang datang daripada India dan Pakistan. Jadi, itu kita kena bagi kesedaran kepada orang ramai bahawa songket yang kita pakai satu ialah hasil buatan artisan orang Malaysia. Dibandingkan dengan songket-songket daripada negara-negara lain.

Begitu juga kita mengadakan satu kerjasama dengan SIRIM bagi membangunkan satu standard iaitu MS 1747 tadi. Standard ini bertujuan untuk memastikan kualiti produk songket yang dihasilkan oleh usahawan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Jadi, kita ada standard, mereka yang pakai batik itu dia ada standard, ISO standard. Kita juga melindungi, memartabatkan produk songket asli ini dengan memperkenalkan cap dagang. Songket Asli Terengganu yang mengandungi logo pensijilan jaminan kualiti dengan logo Songket Asli Terengganu dan kad jaminan Songket Asli Terengganu, kita ada gerenti dan kita bekerjasama dengan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, Perbadanan Harta Intelekt (MyIPO) dan Terengganu *International Design* untuk tujuan ini.

Kita juga mempromosikan *textile* ini melalui festival yang saya sebut tadi, bagi meningkatkan kebolehcapaian produk songket dan produk tenun ini, Jadi, kemudian saya balik kepada soalan asal tadi tentang bagaimana kita membangun dan memperkasa komuniti kraf songket ini. Dalam kalangan generasi muda dan belia kita ada Institut Kraf tangan Negara yang juga melatih mereka untuk menghasilkan songket. Pengajian secara formal itu tadi ya, kita ada peringkat sijil dan diploma untuk- jadi itu antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa songket sentiasa di martabatkan.

Soalan kedua, berkenaan dengan batik Malaysia, Pekeliling Perkhidmatan Tahun 2008 kewajipan memakai pakaian Batik Malaysia oleh pegawai awam pada setiap hari Khamis. Pada tahun lepas juga, saya pun telah menulis surat ke Bahagian Istiadat dan Protokol supaya diletakkan, saya tambah suruh letak Batik Malaysia bagi memastikan bahawa tidak ada orang pakai batik negara luar.

Saya akui bahawa memang sukar untuk kita menandingi lambakan batik-batik daripada luar terutama sekali daripada negara jiran. Ini kerana mereka sebenarnya bukan batik, mereka sebenarnya *is a printed textile* yang bermotifkan batik. Batik lain, batik ialah

proses dan sebagainya. Akan tetapi, apa yang kita lihat ramai orang muda sekarang dia pakai batik- ia sebenarnya *textile* yang bermotifkan batik, bukan batik sebenarnya. Oleh sebab ia *print*, kalau tengok belakang dia kosong. Melainkan batik kita, depan dan belakang dia ada motif batik itu.

Jadi- dan dalam Dewan parlimen juga ada wakil rakyat yang mengusulkan supaya Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga dibenarkan memakai batik pada setiap hari Khamis. Kami kementerian ini memang menggalakkan sangat dan jikalau usul itu boleh dibawa kepada Dewan ini, saya amat alu-alukan, saya rasa kena tukar segi kod etika pakaian Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Akan tetapi, ini menunjukkan bahawa kalau kita benarkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara memakai batik pada setiap hari Khamis ini memberi mesej kepada artisan-artisan kita di luar bahawa pemimpin-pemimpin kita juga sanggup ataupun boleh memakai batik pada setiap hari Khamis bersama juga dengan pegawai-pegawai penjawat awam yang lain. Kita lihat di mana Dewan DPR di Indonesia bagaimana Jokowi begitu bangganya memakai batik di dalam DPR mereka. Jadi kita harap ini boleh direalisasikan pada masa hadapan.

Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang sentiasa bertanya soalan berkenaan dengan kraf ini supaya dia dapat kita umumkan, kita mempromosikan kepada pihak umum. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan cadangan swasta- cadangan kerajaan untuk memastikan bahawa...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Kita tidak boleh mengenakan satu kewajipan-kewajipan memakai batik kepada swasta tetapi kita menggalakkan. Sebenarnya kalau ikut kita punya *rating* untuk hotel-hotel. Hotel-hotel ataupun *resort* yang memakai batik Malaysia, kita bagi *point* dia lebih sedikit kerana menggunakan kraf. Sebenarnya batik antara *top shopping item* kalau tidak silap saya- 38 *percent* daripada *handy craft* yang dibeli itu, sebanyak 38 *percent* itu adalah batik sebenarnya. Jadi, ini menunjukkan bahawa batik mendapat permintaan yang bagus daripada orang luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi satu Yang Berhormat, ini saya pun hendak tahu, adakah rancangan kerajaan yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat Datuk Razali seperti mengadakan AP untuk songket dan tenun dari luar negeri untuk menggalakkan produk tempatan.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Kita masih lagi dalam peringkat perbincangan Tuan Yang di-Pertua dengan MyIPO bagaimana kita hendak mempatenkan batik dan songket ini. Akan tetapi, ia ambil masa sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seperti logam dan besi dan sebagainya kita ada AP.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Logam dan besi belum lagi kita minta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kita ada dekat MITI tetapi untuk songket dan tenun ini boleh atau tidak kerajaan memberi satu cadangan supaya kita adakan AP supaya barangan tempatan ini...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Dalam proses Tuan Yang di-Pertua. Dalam proses, kita sudah- *I think* dua minggu lepas kita bincang dengan MyIPO dan pegawai-pegawai daripada Kraftangan Malaysia juga masih dalam peringkat perbincangan bagaimana kita hendak memastikan bahawa produk songket dan batik ini dilindungi daripada lambakan daripada luar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Isa.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Hari Jadi, semoga bertambah *handsome*. Bercakap juga tentang tenunan songket, di Pahang terdapat Tenunan Pahang Diraja di Pulau Keladi, di Pekan.

Saya menjelaskan sedikit tentang terdapat tujuh beliawanis Orang Asli yang dilatih di sini dan tiga orang daripadanya telah menjadi usahawan Tenunan Pahang Diraja ini di Pos Betau. Bagi memperkasakan reka bentuk kraf tenun tadi, pusat tenunan ini saya katakan tadi mendapat sokongan daripada Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agung kita. Saya melihat satu sokongan yang hebat di peringkat atasan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah usaha kementerian untuk memperluaskan produk ini? Kemudian melihat kepada reka bentuk, kita selalu melihat kepada reka bentuk motif yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Reka bentuk Melayu yang berteraskan bunga cengkih, bunga tanjung, bunga lawang ada tapak Sulaiman dan gigi yu.

Namun kalau dapat reka bentuk yang berteraskan autentik kepada komuniti Orang Asli, adakah pihak kementerian membuat satu *design*, reka bentuk yang berteraskan Kacip Fatimah, Tongkat Ali, pasak bumi yang lebih kepada motif-motif yang lebih mencabar akan datang. Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri khusus untuk Orang Asal.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tenun Pahang Diraja. Terima kasih Yang Berhormat Senator tentang cadangan Yang Berhormat Senator tentang bagaimana kita hendak mempelbagaikan produk ataupun motif-motif untuk Tenun Pahang Diraja. Saya tidak berani hendak komen di sini sebab saya tidak pakar dalam Tenun Pahang Diraja. Jadi, Kraftangan Malaysia dia juga menghasilkan rekaan-rekaan baharu menggunakan motif-motif asli bagi mendedahkan identiti setempat dengan- saya rasa,

saya minta Kraftangan Malaysia sentiasa berhubung dengan komuniti-komuniti Orang Asal supaya dapat menghasilkan motif yang bermotifkan Orang Asal tersebut.

■1050

Memang benar Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong aktif dalam tenun Pahang dan baru-baru ini pun Baginda telah pun diangkat sebagai *Craft Icon of the Year* oleh *India's Craft Village* dan juga diakui oleh *World Craft Council* (WCC). Oleh sebab penglibatan aktif Raja Permaisuri Agong dalam tenun Pahang, tenun Pahang sekarang ini lebih dikenali dunia. Kalau adanya permintaan yang tinggi, kita boleh terus menghasilkan tenun Pahang yang berkualiti. Seperti apa cadangan Yang Berhormat Senator supaya dimasukkan motif-motif seperti kacip fatimah, pasak bumi dan sebagainya. Saya ingat kacip fatimah ini ubat sahaja, rupanya ada juga motif untuk tenun. Terima kasih.

Jadi, *insya-Allah* kita boleh bekerjasama dengan Orang Asal. Sebenarnya memang kita banyak mengadakan program *capacity building* bersama Orang-orang Asal seperti Mah Meri, Temiar dan sebagainya. Kita banyak juga menghasilkan produk kualiti daripada kaum Orang Asal dan baru-baru ini kita juga menggunakan bakul ataupun beg yang ditunen daripada Sarawak, saya tidak ingat kaum apa itu yang Sarawak itu, Penan ya, di mana di Festival *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) punya *conference* tahun lepas, kita beri setiap *participants*, setiap peserta dengan beg yang ditunen oleh Orang Asal iaitu daripada Penan. Jadi, ini menunjukkan bahawa memang Orang Asal mempunyai banyak hasil, hasil rimba dan sebagainya untuk diketengahkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh.

**Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan selamat hari jadi pada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor lima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5. **Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah bilangan graduan-graduan dari bidang perguruan, farmasi dan kedokteran yang masih belum ditempatkan setakat November 2019 dan apakah langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Juga saya ucapkan selamat hari jadi kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) pada tahun 2017 adalah seramai 5,130 orang, manakala pada tahun 2018 ialah seramai 2,384 orang. Maka, Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 31 Ogos 2019 menunjukkan bahawa jumlah graduan PISMP pada tahun 2019 adalah seramai 2,253 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,250 orang graduan telah lulus temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan telah ditempatkan di sekolah pada 4 November tahun ini.

Bagi graduan pendidikan keluaran daripada universiti awam pula, seramai 5,594 graduan telah dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga yang telah dilaksanakan pada bulan September hingga bulan Oktober tahun ini untuk mengisi kekosongan pelbagai opsyen di KPM dan keputusan dijangka akan keluar pada bulan Disember tahun ini. Pelantikan bagi calon-calon yang berjaya ini dijangka akan bermula pada bulan Januari 2020 bagi menghadapi sesi persekolahan tahun hadapan. Pengambilan guru-guru adalah berdasarkan kepada bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran KPM.

Urusan pengambilan guru dilaksanakan oleh SPP sebagai pihak berkuasa melantik graduan universiti awam yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan akan dipanggil untuk ditemu duga oleh SPP berdasarkan kepada bilangan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Pihak KPM menyediakan unjuran keperluan guru yang boleh menjadikan panduan kepada pihak universiti untuk merancang pengambilan graduan pendidikan dalam bidang-bidang tertentu.

Berdasarkan kajian pengesanan graduan tahun 2018 yang dilaksanakan dalam tempoh enam bulan selepas pelajar tamat pengajian, graduan perubatan yang menunggu penempatan pekerjaan adalah seramai 2,595 orang iaitu 54.3 peratus daripada 4,780 orang dan graduan farmasi adalah seramai 511 orang iaitu 23.9 peratus daripada 2,140 orang. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah tersebut iaitu:

- (i) perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Sehubungan dengan itu, penempatan boleh dibuat tidak bergantung kepada perjawatan dan hanya bergantung kepada slot latihan;
- (ii) meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) daripada 38 pada tahun 2009 kepada 47 buah HLS pada tahun 2018;

- (iii) menambah bilangan penempatan alternatif daripada lima penempatan kepada sembilan penempatan di klinik-klinik kesihatan dan institusi kesihatan mental;
- (iv) membuat pengambilan pegawai perubatan siswazah (PPS) setiap dua bulan iaitu dalam enam kali setahun;
- (v) melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi penawaran kursus baru bidang perubatan di institut pengajian tinggi (IPT) dalam negara selama lima tahun sehingga 2021; dan
- (vi) meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan.

Sekian jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang jelas dan tepat. Akan tetapi masalah yang saya hadapi ialah kami telah dijumpai oleh sekumpulan daripada institut pengajian tinggi swasta (IPTS), di mana graduan-graduan yang telah tamat pelajaran mereka dari sejak tahun 2014 sampai sekarang tidak pernah dipanggil. Soalannya, apakah tindakan atau langkah yang akan diambil untuk mempergiatkan pengambilan graduan ini sebagai ditempatkan di sekolah sebagai guru interim? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat terhadap soalan tambahan tersebut. Pertamanya, guru untuk sekolah rendah sebenarnya adalah dari IPGM. Jadi, kita tidak ambil daripada IPTS. Untuk sekolah menengah, keutamaan juga diberikan kepada UA kecuali Sabah dan Sarawak, di mana untuk menepati prinsip 90/10, jadi kita terbuka kepada graduan-graduan daripada IPTS.

Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat, untuk mengambil guru interim kita telah buka untuk permohonan pada bulan September yang lalu. Dalam bulan Februari yang akan datang ini, sebanyak 2,317 orang guru interim akan ditempatkan di sekolah kebangsaan dan juga 645 orang akan ditempatkan di SJK(C).

SJK(T) tidak ada kerana tidak ada kekosongan. Untuk membantu graduan daripada IPTS, kita akan membuka untuk guru interim, permohonan akan buka lagi pada bulan Januari yang akan datang ini. Untuk kali ini, kami akan buka untuk IP graduan daripada IPTS juga boleh buat permohonan. *Target* kita ataupun sasaran kita adalah kita

masih ada kekosongan guru untuk 757 orang di sekolah kebangsaan dan 243 orang di SJK(C).

Jadi, untuk guru interim ini saya harap bahawa graduan daripada UA ataupun IPTS yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan itu bolehlah membuat permohonan apabila permohonan ini terbuka lagi pada bulan Januari yang akan datang ini. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah lambakan graduan ini disebabkan oleh langkah pengunjuran yang tidak tepat? Apakah graduan keluaran UPSI yang menamatkan pengajian dalam jurusan bahasa Tamil ataupun pengajian Tamil? Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang saya jelaskan tadi, IPGM ikut unjuran KPM. Jadi, kalau kita sediakan unjuran ini, jadi itu memang tempat yang akan disediakan di IPGM.

#### ■1100

Kadang-kadang kita menghadapi masalah adalah kerana pemohon tidak mencukupi. Saya beri contoh, untuk tahun ini kita telah meningkatkan unjuran kita untuk memastikan bahawa lima tahun lagi kita tidak isu kekurangan guru. Akan tetapi, untuk SK kita tidak ada masalah kerana kita sediakan tempat, 4,600 tempat. Akan tetapi, permohonan yang kita terima adalah sebanyak 23 ribu orang. Jadi, cukup besar, *for* itu, cukup besar.

Akan tetapi, untuk SJK(C) dan SJK(T), SJK(C), kita telah sediakan 1,460 tempat untuk bakal guru di IPGM tetapi permohonan yang kita terima sebanyak 1,800 orang dan yang hadir untuk temu duga dan UKCG sebanyak 1,200 orang. Jadi akhirnya, calon yang kita ambil adalah sebanyak 1,054 orang. Sama juga untuk SJK(T) di mana kita telah sediakan tempat sebanyak 460 orang tetapi akhirnya oleh sebab permohonan tidak cukup, yang tidak hadir ke UKCG dan temu duga juga ada, jadi akhirnya kita dapat 200 lebih orang sahaja. Jadi, ini adalah satu isu.

Tentang UPSI, sekali lagi seperti yang saya sebut tadi, graduan daripada UPSI sepatutnya mengajar di sekolah menengah. Akan tetapi, kita akan sediakan unjuran kita kepada UA tetapi ini adalah satu garis panduan sahaja. Maksudnya, UA ada bidang kuasa bidang mereka untuk tidak ikut. Alasan daripada ataupun sebab-sebab ataupun alasan yang dibagi oleh UA, kenapa tidak ikut unjuran kita KPM, sepenuhnya adalah kerana graduan daripada UA juga boleh berkhidmat di sekolah swasta dan sekolah antarabangsa.

Jadi, penempatan guru kita akan ikut kekosongan di sekolah menengah. Kalau kita ada jawatan kosong yang tidak isi di sekolah menengah untuk mana-mana satu mata pelajaran, jadi, kita akan panggil mereka untuk temu duga. Kalau mereka lulus temu duga oleh SPP, mereka akan ditempatkan di sekolah menengah di mana-mana kita ada keperluan. Jadi, untuk graduan daripada UA dan juga termasuklah UPSI, seperti yang saya sebutkan tadi, temu duga telah berjalan dalam bulan September dan Oktober. Mereka akan ditempatkan di sekolah pada tahun depan untuk menghadapi sesi persekolahan tahun 2020. Sekian, jawapan saya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip.

**6. Dato' Zahari bin Sarip** minta Menteri Pertahanan menyatakan, berapakah kos yang diperuntukkan untuk menyelenggarakan kapal selam milik Tentera Laut Diraja Malaysia?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *happy birthday*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Saya ada sediakan senaskhah buku untuk hadiahkan kepada Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Jawapan saya ringkas Tuan Yang di-Pertua, kos yang diperuntukkan untuk menyelenggarakan sebuah kapal selam milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) adalah berjumlah RM100 juta setahun. Kos adalah termasuk sokongan operasi dan penyelenggaraan limbungan kapal selam milik TLDM di Pangkalan TLDM di Kota Kinabalu, Sabah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengajukan soalan tambahan, saya mengambil kesempatan hari ini untuk ucapkan takziah kepada rakan-rakan kita yang terlibat dengan banjir di seluruh negara termasuk kawasan saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan ringkas tetapi saya fikir padat dan jelas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelas.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Jelas. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, saya ingin mengajukan beberapa soalan tambahan iaitu melihat kepada keadaan keselamatan negara dan saya ambil contoh, saya fikir Singapura ada enam buah, kalau tidak silap saya kapal selam. Jadi, untuk keselamatan negara, saya fikir tidak ada kompromi.

Jadi, saya ingin bertanya pandangan kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menambah aset kapal selam ini ataupun rancangan untuk menambah aset-aset yang berkaitan? Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Zahari. Sekarang ini, Singapura ada lima buah kapal selam, Indonesia ada lima buah dan di Vietnam ada enam buah. Ini di rantau kita, tidak kira negara China, Jepun, Korea Utara, Korea Selatan dan negara-negara lain.

Buat setakat ini, kementerian ataupun kerajaan tidak ada rancangan untuk menambah kapal selam tetapi hanya untuk mengekalkan apa yang sedia ada. Akan tetapi, untuk menjaga dan mengawasi kawasan luas yang kita ada termasuk di Selat Melaka dan juga Laut China Selatan, dalam Kertas Putih Pertahanan yang dibentangkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, memang kita anggap Malaysia adalah *maritime nation with continental routes*.

Kita satu negara maritim di mana ATM perlu lebih *joined* dan lebih bergabung daripada pelbagai perkhidmatan darat dan laut. Tentera laut dan tentera udara perlu lebih *joined* supaya menganggap cabaran dan ancaman daripada lautan adalah tugas kita yang paling penting. Ini adalah usaha dan hasrat kementerian supaya kita mengambil serius dengan apa yang kita hadapi di lautan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, *Gute zum Geburtstag, that is in German*. Selamat Hari Jadi [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat marah dekat saya [*Ketawa*]

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Seingatan saya, urusan selenggaraan kapal selam, dua buah kapal selam selama ini dikendalikan oleh firma daripada Perancis, DCN. Baru-baru ini, saya terbaca di dalam surat khabar, Kementerian Pertahanan akan membuka tender untuk selenggaraan kapal selam yang akan ditawarkan kepada- saya berpendapat kepada firma tempatan. Ini selari dengan Kertas Putih Pertahanan yang dibentangkan, hasratnya ialah untuk ke arah keupayaan berdikari.

Cuma, saya ingin memohon maklumat daripada kementerian, apakah kriteria-kriteria yang diperlukan oleh firma-firma tempatan untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam tawaran tender selenggaraan dua buah kapal selam negara kita? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran. Buat setakat ini,

penyelenggaraan kapal selam adalah dijalankan ataupun diuruskan oleh satu anak syarikat gabungan di antara *Naval Group* atau DCN dengan nama baharu ini bersama dengan Boustead. So, ini anak syarikat gabungan dua-dua syarikat.

Apa yang akan diuruskan seperti apa yang disebutkan ataupun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan baru-baru ini ialah pada tahun 2021, satu tender terbuka dengan pra-kelayakan atau *pre-Q* kepada syarikat-syarikat yang berkeupayaan untuk menguruskan penyelenggaraan kapal selam akan diadakan supaya syarikat-syarikat yang berkeupayaan boleh dilantik atau dia boleh *bid*, dalam tender terbuka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tender tersebut.

**Tuan Liew Chin Tong:** Secara *pre-Q* dan selepas itu, syarikat yang berkelayakan akan dipilih untuk menjalankan *in-service support contract* pada tempoh tahun 2012. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan tentera dan sebagainya, mohon maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu kempen sempena kutipan Tabung Pahlawan 2019 sedang diadakan di luar Dewan. Semua Ahli Yang Berhormat dijemput untuk menyaksikan dan menyumbang ke dalam tabung yang disediakan. So, bila keluar ini, tolong keluarkan duit... [Tepuk] Saya, sempena hari jadi, saya bagi RM500 sudah... [Tepuk]

■1110.

7. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, pendirian kerajaan untuk meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 pada masa terdekat ini berikutan peningkatan kematian dan kemusnahan spesies-spesies terancam dalam negara kita.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sedang dalam proses meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yakni Akta 716. Cadangan pindaan Akta 716 ini meliputi skop-skop, ada enam skop:

- (i) penyelarasan dan pengukuhan hukuman kesalahan boleh tangkap di bawah akta;
- (ii) penyelarasan aktiviti berkaitan hidupan lain;
- (iii) pelaksanaan *Wildlife Impact Assessment* melibatkan kawasan habitat hidupan liar;
- (iv) penetapan tanggungjawab pemilik hidupan liar berlesen;
- (v) penambahan kuasa penguatkuasaan; dan
- (vi) penambahbaikan tafsiran dan penyelarasan peruntukan.

Pindaan ini mengukuhkan perundangan undang-undang sedia ada bagi meningkatkan perlindungan serta pemuliharaan hidup liar. Namun begitu, kerjasama daripada Kerajaan Negeri amat diperlukan bagi memastikan habitat hidupan liar sentiasa terpelihara. Sebarang pembukaan hutan untuk tujuan pengusahaan hasilan dan pembangunan hendaklah mengambil kira impak terhadap hidupan liar yang mendiami kawasan tersebut, terima kasih.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapat faham daripada apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kerajaan bersedia untuk mengadakan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dengan apa yang disebut sebagai pemuliharaan hidupan liar ini.

Soalan tambahan saya, selain daripada kerajaan berhasrat meminda undang-undang dan hukuman yang lebih berat kepada pemburu haram dari segi denda dan hukuman penjara, adakah kerajaan bercadang untuk memasukkan penjara mandatori atau sebatan kepada mana-mana individu tanpa memilih pangkat dan kedudukan yang disabitkan kesalahan sama ada memburu hidupan liar secara haram atau menyimpan bangkainya ataupun terlibat dalam urusan pemerdagangan hidupan liar itu.

Soalan yang kedua ialah sejauh mana keberkesanan usaha atau langkah-langkah proaktif yang diambil oleh pihak kementerian dan agensi yang terlibat dari segi penguatkuasaan dan pemantauan seperti mana kejayaan operasi bersepadu khazanah untuk kita memastikan bahawa pemburu haram ini terutamanya datang daripada luar negara dapat diambil tindakan yang sewajarnya, selain warga tempatan yang terlibat bagi membanteras kegiatan pemburuan haram dan pemerdagangan hidupan liar ini.

Soalan yang ketiga, dari segi peningkatan kesedaran kepada orang awam, sejauh mana perkara ini digerakkan dan sejauh mana sambutan di semua peringkat. Malahan saya juga ingin mengetahui sejauh mana kerjasama dan kolaborasi antara kementerian dengan pertubuhan bukan Islam, NGO dan badan korporat dan komuniti tempatan dalam membanteras segala kegiatan yang mengancam hidupan liar negara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan-soalan ini agak panjang, Yang Berhormat.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya cuba jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Okey, Yang Berhormat Senator. Untuk jawapan yang pertama, jawapannya tiada. Jawapannya tiada, hukuman penjara tiada tetapi hukuman untuk menambahkan hukuman dari segi Ringgit Malaysia ataupun denda itu ada. Cuma ini adalah cadangan daripada pihak kementerian dan kita akan bawa

kepada *insya-Allah* kalau tidak ada hal tahun depan Mac-April akan dibentangkan di Parlimen. Jadi dekat situ boleh kita berhujah, itu jawapan nombor satu.

Untuk jawapan nombor dua, langkah-langkah jangka pendek. Satu, kita meningkatkan rondaan penguatkuasaan dan pemantauan di kawasan *hotspot* seperti kawasan pemburuan haram harimau ataupun kawasan-kawasan yang berdekatanlah di kawasan penduduk.

Kedua, meningkatkan rondaan penguatkuasaan di dalam dan luar kawasan perlindungan menerusi Program Operasi Bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi seperti ATM, Polis Diraja Malaysia dan juga Jabatan Perhutanan.

Ketiga, melaksanakan operasi jerat secara berkala di habitat hidupan liar, mencari dan memusnahkan jerat.

Keempat, mengadakan Kempen Selamat Harimau Malaya selama dua tahun. Walaupun Harimau Malaya tetapi ini merangkumi semua untuk habitat yang terpusus.

Kelima, menjadikan tahun 2019 sebagai tahun perang senjata hidupan liar.

Dan keenam, moratorium pemburuan terhadap spesies mangsa harimau seperti rusa sambar, kijang selama lima tahun daripada 1 November 2016 hingga 30 November dan seterusnya ia panjang lagi, jangka panjang seperti saya memaklumkan tadi kita akan bawa RUU baru tahun hadapan.

Akan tetapi apa yang paling penting sekali adalah kerjasama kerajaan negeri. Kita faham kerajaan negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perak dan Johor mereka ada hutan. Maknanya balak adalah hasil untuk negeri tetapi seperti mana yang saya maklumkan tadi di dalam cadangan undang-undang itu kita tiada dipanggil *impact assessment* ataupun kajian kawasan sebelum diluluskan kepada pembalakan.

Sebagai contoh, sekiranya kawasan itu ada terdapat 10 ataupun 20 ekor gajah di kawasan tersebut dan pembalakan dibuat di situ, kebanyakan kita mungkin tidak tahu habitat gajah. Gajah dia ada jalan mereka sendiri. Sekiranya jalan mereka itu telah dimusnahkan ataupun dengan tebaran balak gajah ini akan pergi ke kampung-kampung ataupun kawasan berdekatan untuk mereka cari makan, itu salah satu faktor.

Jadi dalam RUU nanti kita akan lebih memperketat bermakna kawasan sama ada kawasan ladang ataupun pembalakan mestilah mendapat kerjasama ataupun sokongan daripada Jabatan Perhutanan Negeri ataupun pusat, itu yang kedua.

Jawapan yang ketiga, KATS melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) turut bekerjasama dalam pemeliharaan hidupan liar dengan *Malaysia Nature Society*, *Worldwide Fund for Nature* (WWF Malaysia), *World Wildlife Conservation Society*, *Malaysia Conservation Alliance for Tiger* dan Perlindungan Alam Malaysia dan juga dengan NGO-NGO lain kita ada kerjasama. Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Selamat hari jadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Pantun dulu.

*Sorong papan, tarik papan;  
Soalan saya hari ini nombor lapan.*

**8. Datuk Paul Igai** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah program yang sedang dan akan diambil oleh kementerian untuk meningkatkan sosioekonomi 13 daerah di luar bandar Sarawak dan lima daerah di Sabah yang mempunyai pendapatan purata di bawah RM4k yang sudah dikenal pasti oleh kementerian. Adakah program-program ini dilaksanakan serentak dan mengikuti SOP sama atau mengikuti suasana masing-masing. Apakah kejayaan setakat ini dan cabaran yang dihadapi kementerian dalam pelaksanaan program tersebut.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Senator Datuk Paul Igai atas soalan beliau yang bertanya berkenaan program-program untuk meningkatkan sosioekonomi di 13 daerah, daerah termiskin di luar bandar di Sarawak dan lima daerah di Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini buat masa ini Program Pembangunan Ekonomi yang telah dilaksanakan adalah program sedia ada seperti pembangunan usahawan termasuk dari pembiayaan, penyediaan premis, perniagaan dan latihan keusahawanan seperti di bawah MARA dan KEMAS.

■1120

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang bertujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di kampung-kampung di daerah-daerah tersebut.

Selain itu, untuk tahun 2019, kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan empat daerah iaitu Baling dan Yan di Kedah, Tumpat di Kelantan dan Kota Marudu di Sabah yang melibatkan Unit Perancangan Ekonomi Negeri, pejabat daerah, agensi-agensi kementerian dan bagi Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sesi libat urus berkenaan bertujuan untuk mengenal pasti kampung-kampung yang ingin dibangunkan di daerah-daerah tersebut berserta dengan cadangan program ekonomi yang ingin dilaksanakan di kampung-kampung berkaitan.

Walau bagaimanapun, cadangan program yang diterima, hampir semua adalah lebih tertumpu pada pembangunan infrastruktur asas seperti jalan perhubungan, bekalan air bersih dan terawat serta bekalan elektrik. Manakala cadangan program-program ekonomi masih perlu diperhalusi bagi memastikan kesesuaian dan kebolehlaksanaan program-program tersebut. Secara dasarnya, program-program peningkatan ekonomi

dilaksanakan adalah berdasarkan aktiviti ekonomi sedia ada dan juga aktiviti yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan di kampung terbabit seperti tanaman getah, penternakan burung walet, tanaman nanas madu dan sebagainya.

Untuk tahun 2020, kementerian bercadang untuk meneruskan sesi libat urus dengan daerah-daerah yang lain yang berkaitan termasuklah di Sabah dan Sarawak bagi mengenal pasti program-program ekonomi yang akan dilaksanakan di kampung-kampung yang berkaitan. Semua sesi libat urus ini akan menjadi input yang penting untuk KPLB untuk merangka satu program menyeluruh yang akan dilaksanakan di RMKe-12 untuk tempoh lima tahun ini dengan tumpuan kepada daerah-daerah tersebut. Sekian, terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Soalan saya, adakah indeks pengukuran seperti *property line index* (PLI) ataupun pendapatan garis kemiskinan (PGK) akan ditukar atau diubahsuai kerana suasana sosioekonomi pada masa ini sudah berubah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Program-program yang diadakan, yang sedia ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya faham soalan, lebih kepada garis kemiskinan ya. Memang, ada isu yang timbul sekarang tentang garis kemiskinan yang sedia ada sama ada garis kemiskinan yang kita sudah warisi daripada kerajaan lama masih relevan, tepat untuk digunakan. Isu ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bukan dalam bidang kuasa KPLB, lebih kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang sekarang mengkaji isu ini. Saya rasa sudah diterima secara prinsip mesti ada kajian semula atas garis kemiskinan ini.

Sebagai contoh, sama ada garis kemiskinan untuk seluruh negara adalah 0.4 peratus adalah satu peratus yang lebih tinggi, itulah antara isu-isu yang sekarang dikaji. Akan tetapi secara terperinci, saya rasa lebih baik kementerian itu menjawab soalan ini tetapi yang saya boleh tahu memang garis kemiskinan ini akan dikaji semula dan ini akan membantu KPLB juga dalam kerja-kerja di kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Puan Asmak binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Puan Asmak.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, selamat hari jadi, semoga murah rezeki dan panjang umur dalam bahasa Kelantan ya, tadi dalam bahasa Jerman [*Ketawa*]

Okey Timbalan Menteri, saya mohon jawapan bertulis mengenai hasil sesi libat urus bersama dengan kampung yang disebutkan tadi iaitu di Tumpat, Kelantan di bawah

garis kemiskinan dan juga senarai pelan tindakan dan mitigasi yang akan dilakukan pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Tidak payah, yang itu dia minta secara bertulis.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya melihat di kawasan pedalaman Sarawak, kawasan rumah panjang khususnya, tiada program khusus untuk meningkatkan sosioekonomi kepada mereka. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh bagi fokus kepada kawasan ini dari segi peruntukan, programnya sebab saya melihat paras kemiskinannya sangat rendah sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Program khusus.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik, berkaitan dengan permohonan untuk jawapan bertulis, hasil daripada sesi libat urus memang kita boleh bagilah secara bertulis. Akan tetapi yang diminta itu yang kedua ialah program-program.

**Puan Asmak binti Husin:** Pelan tindakan untuk Tumpat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Pelan tindakan itu seperti yang saya sudah sebut dalam jawapan saya, itu belum disusun, itu yang saya hendak jelaskan ya. Akan tetapi output daripada sesi libat urus, kita akan bagi secara bertulis.

Berbalik kepada cadangan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, apa yang disebut memang betul. Sarawak kita tahu daripada 28 daerah-daerah termiskin di Malaysia, 13 daripada 28 itu adalah di Sarawak. Dengan statistik itu jelas menunjukkan keadaan di Sarawak adalah lebih serius dari segi kewujudan kemiskinan dan sebagainya khususnya di luar bandar. Semua daerah ini adalah di kawasan luar bandar termasuk rumah-rumah panjang, termasuk juga kampung-kampung dalam bentuk bukan rumah panjanglah, yang bertaburan dan sebagainya.

Seperti yang saya jawab tadi, sesi libat urus masih dijalankan dan akhirnya kita akan sediakan satu program menyeluruh yang akan dimasukkan dalam RMKe-12 supaya memastikan ada perubahan dalam keadaan dalam semua kawasan termiskin ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Ini ada lagi, Menteri pun ada tunggu nak jawab. Nanti bila perbahasan Menteri akan jawab, Yang Berhormat boleh tanya.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Saya hendak menyentuh tentang kemiskinan di Sarawak. Minta jawapan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemiskinan Sarawak?

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ya, kemiskinan di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat dah jawab dah.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tidak, saya hendak bertanya soalan tambahan kepada dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya dah beritahu bahawa Yang Berhormat boleh tanya masa penggulangan oleh kementerian. Ini kita dah kesuntukan masa, okeylah Yang Berhormat, tanyalah *[Ketawa]*

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak mengucapkan selamat hari jadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat tidak faham, saya faham sajalah. *[Ketawa]*

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah, sejauh manakah kerjasama dan koordinasi yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam aspek pembasmian kemiskinan di luar bandar. Ini adalah sebab kadar kemiskinan di Sarawak seperti yang kita ketahui telah menyusut daripada 0.9 peratus dalam tahun 2014 kepada 0.6 pada tahun 2016. Pendapatan di luar bandar pun pada tahun 2014 ialah RM3,387 dan dalam tahun 2016 telah meningkat kepada RM3,695. Kalau kementerian ada, apakah angka untuk tahun 2018 dan sebagainya? Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Dari segi hubungan dan kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sarawak, itu selalu diuruskan seperti mana yang dibuat dengan kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Sebagai contoh, kita ada tiga peringkat jawatankuasa iaitu jawatankuasa di peringkat Menteri, jawatankuasa di peringkat KSU dan jawatankuasa di peringkat teknikal juga.

Jadi semua ini melibatkan pegawai-pegawai daripada kedua-dua pihak iaitu KPLB pusat dan juga KPLB di peringkat negeri. Jadi itulah, angka yang diminta itu kita akan bagi secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan selamat hari jadi kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.



9. **Dr. Nuing Jeluing** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah untuk melaksanakan yuran perundingan doktor swasta selaras dengan jadual bayaran yang disyorkan seperti yang dipersetujui antara Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Kementerian Kesihatan. Apakah justifikasi untuk tidak melaksanakan jadual tersebut.

■1130

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman fi perundingan pengamal perubatan swasta di kawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, di bawah dua jadual berbeza, di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] iaitu yang pertama Jadual Ketiga Belas di bawah Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Pindaan 2013, yang mengawal selia fi perundingan dan tatacara bagi pengamal perubatan swasta di hospital swasta.

Kedua, Jadual Ketujuh Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006, yang mengawal selia fi perundingan dan tatacara bagi pengamal perubatan swasta di klinik-klinik swasta. Fi perundingan dan tatacara di bawah Jadual Ketiga Belas telah dipinda pada tahun 2013. Manakala fi perundingan di bawah Jadual Ketujuh belum pernah dipinda sejak mula dikuatkuasakan.

Justeru, cadangan pindaan Jadual Ketujuh telah diangkat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ke Jemaah Menteri pada 24 April 2019. Jemaah Menteri telah menyarankan agar cadangan ini dibincangkan di dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) untuk mengambil kira impak kenaikan fi perundingan pengamal perubatan am swasta ke atas kos sara hidup rakyat.

Susulan daripada itu, satu kajian impak kenaikan fi perundingan telah dijalankan dengan kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia, *Malaysia Medical Association* dan Jabatan Perangkaan Negara. Hasil kajian ini telah dibentangkan di NACCOL pada 12 November 2019. Cadangan pindaan ini telah dibincangkan semula di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019 dan Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk memansuhkan kawalan ke atas fi perundingan di bawah Akta 586.

Pemansuhan fi perundingan ini melibatkan semua fasiliti berdaftar, Jadual Ketujuh dan fasiliti berlesen. Jadi ini berkenaan dengan Jadual Ketiga Belas. Dengan pemansuhan kawalan fi perundingan ini, pengamal perubatan dan pergigian swasta akan dapat menentukan kadar fi perundingan yang dikenakan ke atas pesakit. Pesakit pula boleh menilai dan membuat keputusan awal jika fi perundingan yang ditawarkan adalah berpatutan.

Pengamal perubatan swasta perlu dikehendaki untuk memaparkan fi perundingan di fasiliti kesihatan swasta dengan jelas agar pesakit maklum akan fi perundingan sebelum mendapatkan rawatan. Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk merealisasikan keputusan pemansuhan kawalan fi

perundingan ini. Kementerian juga akan mengadakan sesi-sesi penerangan dan penjelasan berkaitan perkara ini kepada semua pemegang taruh. Pemansuhan kawalan fi perundingan tersebut akan berkuat kuasa selepas pindaan dalam Jadual Ketujuh dan Jadual Ketiga Belas yang diwartakan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan beliau. Sebenarnya soalan ini saya hantar sebelum kerajaan atau Kabinet mengumumkan pemansuhan fi perundingan untuk pengamal perubatan swasta.

Kebanyakan pengamal perubatan sangat suka dengan keputusan Kabinet berkenaan dengan pemansuhan fi perunding ini. Akan tetapi saya ada satu soalan iaitu adakah sudah ditetapkan, bilakah ia akan berkuat kuasa, sebab soalan ini saya tanya sebab ada yang klinik-klinik swasta yang sudah memakai fi baharu yang dibuat dia sendiri. Oleh sebab itu saya ingat perlu kementerian menetapkan bila tarikh berkuat kuasa pemansuhan fi perundingan ini sebab juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri faham Yang Berhormat.

**Dr. Nuing Jeluing:** Ya. Itu saja terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Dari segi penguatkuasaan peraturan yang baharu ini belum, perlu tunggu sehingga peraturan itu diwartakan melalui kementerian. Jadi setakat ini sebab peraturan yang baharu belum diwartakan jadi pengamal perubatan tidak boleh menggunakan pakai yang *deregulation* ini.

Jadi cuma saya gunakan peluang ini untuk menerangkan prosedur bagaimana kita melakukan pindaan peraturan tersebut. Pertama, kita perlu maklumkan kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia dulu untuk melakukan *regulatory impact assessment* dan selepas itu perlu adakan rundingan ataupun *stakeholder engagement* dengan pemegang taruh dan selepas itu kita akan merangka dasar dan juga pindaan peraturan tersebut kemukakan kepada *AG Chamber* dan selepas *AG Chamber* meluluskan jadi ia akan dikemukakan balik kepada kementerian untuk ditandatangani dan diwartakan melalui *approval* oleh Menteri Kesihatan.

Jadi ini mungkin ambil masa yang mungkin satu bulan hingga enam bulan. Terpulang kepada berapa lama *AG Chamber* dan juga *Malaysia Productivity Corporation* untuk buat penilaian. Jadi cuma saya hendak ulang, belum lagi boleh guna pakai pemansuhan *regulation of fee* ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk jawab lisan selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.37 pg.****Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy]:**

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kerja Raya, seperti yang tertera di nombor 11 di dalam Senarai Susunan Giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas Perbahasan Belanjawan 2020 yang telah diedarkan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 17 Disember 2019.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong Yang Berhormat?**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[12 Disember 2019]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy, dipersilakan.

11.38 pg.

**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bermula, saya mengucapkan selamat hari jadi kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Salam Sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Baharu. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2020 pada kali ini.

Saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri, akan menggulung bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Perpaduan), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang terletak di bawah kluster Jabatan Perdana Menteri. Sebelum saya meneruskan dengan ucapan penggulungan izinkan saya juga untuk melafazkan serangkap pantun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tukar giliran Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hal ini kerana kalau pantun hendak bagi Timbalan saya.

[Ketawa]

■1140

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mohon meneruskan dengan pantun sayalah.

*Pergi ke Kelantan bersama kawan;  
Singgah di Baung untuk makan;  
Bahas dan debat lumrah Dewan;  
Giliran saya gulung perbahasan... [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan, teruskan.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas peruntukan yang telah diluluskan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi tahun kewangan 2020 sebanyak RM241,526,300 berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2019 sebanyak RM208,316,300 iaitu peningkatan sebanyak 15.9 peratus.

Peruntukan bajet ini pasti akan melonjakkan lagi usaha-usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari di atas cadangan supaya program-program integrasi kaum dilaksanakan segera bagi merapatkan hubungan antara kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk menangani beberapa isu antara kaum yang dilihat sebagai rumit dan kompleks dan telah berbahang sejak kebelakangan ini. Fokus kerajaan baharu pada hari ini adalah untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan bersatu padu dalam membela nasib rakyat Malaysia pelbagai bangsa agar pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dapat dikongsi bersama secara adil dan saksama.

Kerajaan amat komited untuk memenuhi harapan serta amanah rakyat dan sentiasa peka dan sensitif pada isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian dan integrasi rakyat terus terpelihara melalui pelaksanaan-pelaksanaan program seperti berikut.

Pertama, melaksanakan program secara bersepadu dan terancang untuk menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi rakyat secara langsung dan tidak langsung melalui program pembangunan belia dan sukan, program pertukaran pelajar dan pendidikan guru, program seni budaya serta Sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia yang telah dijadikan program nasional sempena sambutan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Gawai, Dayak, Tadau Keamatan dan sambutan Hari Krismas.

Kedua, mengendalikan program-program silang budaya bagi menerapkan sikap saling menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan.

Ketiga, memperkenalkan dan melancarkan kempen kesedaran dari semasa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat terhadap proses pembinaan negara yang berterusan di mana Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan aktif mempromosikan pelaksanaan program-program membudayakan perpaduan meraikan kepelbagaian supaya rakyat bukan sahaja menerima kerencaman kaum bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya.

Keempat, melaksanakan program ekonomi Rukun Tetangga yang merupakan contoh terbaik usaha untuk mempercepatkan proses integrasi sosial kerana keberhasilannya mempunyai serampang dua mata iaitu pembangunan ekonomi dalam komuniti dan meningkatkan pemahaman budaya, adat resam, agama dan sensitiviti rakan kaum lain.

Kelima, melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) sebagai salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan, dengan izin, *government-linked companies* sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latar belakang keturunan.

Keenam, program integrasi pegawai persekutuan melibatkan penyertaan pegawai perkhidmatan awam dari Semenanjung yang bertujuan memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai ini yang bertugas di Sabah dan Sarawak mengenai adat resam dan budaya hidup masyarakat setempat agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan berbeza dan dapat bergaul mesra dengan masyarakat setempat.

Ketujuh, program integrasi komuniti yang dilaksanakan telah melibatkan penyertaan dari pemimpin masyarakat, ketua-ketua kaum, golongan belia dan pelajar di Semenanjung dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan merupakan program integrasi antara wilayah bagi memupuk dan menerapkan semangat persefahaman, muhibah dan persaudaraan antara masyarakat Malaysia.

Program ini diadakan sempena majlis-majlis utama di Malaysia yang bertujuan memberi peluang kepada peserta melihat dan mengalami sendiri sambutan tersebut di mana mereka berpeluang untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan. Program ini didapati telah berjaya mengurangkan persepsi negatif dan meningkatkan interaksi dan jati diri sehingga menjadikan peserta semakin terbuka dan boleh menerima cara dan corak hidup etnik lain di negara ini.

Di samping itu, pewujudan dan penambahan penerbangan-penerbangan kos rendah atau, dengan izin, *low cost carrier* telah juga memudahkan perjalanan dan membantu penduduk Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berinteraksi dan saling mengunjungi antara satu sama lain bagi merapatkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Laksamana...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya pernah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya sekolah-sekolah asrama penuh digunakan sebagai pusat untuk interaksi antara pelajar-pelajar pelbagai kaum dari Sabah dan Sarawak ini, contohnya dengan menambah bilangan pelajar-pelajar India di asrama penuh. Saya cadangkan kalau mereka dapat *best result, straight A's*, supaya boleh ditempatkan untuk asrama penuh. Begitu juga pelajar-

pelajar Cina. Dan menghantar pelajar-pelajar Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, membawa pelajar Sabah dan Sarawak ke Semenanjung.

Kalau kita lihat program-program tadi, itu program-program bersifat *seasoning*. Kita perlukan program jangka panjang. Sebab, saya mengalami pengalaman duduk di asrama penuh, kawan sebilik saya, kami lapan orang, empat orang Melayu, dua orang Cina, dua orang India tinggal sebilik menjadikan kami berinteraksi sesama kaum dengan lebih faham. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Saya bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Sekiranya pelajar-pelajar ditempatkan di asrama dan di bilik yang sama sebagaimana contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator tadi, itu adalah satu usaha yang baik. Sebenarnya sekiranya pelajar-pelajar berbilang kaum dan bangsa tinggal bersama, mereka akan lebih saling faham memahamilah antara satu sama lain. Itu adalah satu cadangan yang baik. Akan tetapi, cadangan tersebut sebenarnya mesti diteliti oleh Kementerian Pendidikanlah supaya pelaksanaannya dapat dijalankan ya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid supaya golongan yang bersikap rasis dibawa melawat hospital untuk melihat penglibatan pelbagai kaum di hospital dalam memberi rawatan kepada pesakit.

Saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah beberapa kali mengadakan program *Harmony Walk* yang mempunyai pelbagai pengisian aktiviti yang melibatkan penganut pelbagai agama dan masyarakat setempat.

Dalam pengisian program *Harmony Walk* ini, para peserta program ini telah dibawa melawat ke hospital untuk melihat sendiri penglibatan kakitangan hospital dari pelbagai kaum yang memberikan perkhidmatan kepada para pesakit yang terdiri dari berbilang kaum tanpa sebarang amalan diskriminasi. Langkah seperti ini sememangnya dapat mempamerkan sikap penerimaan dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain agar dapat mencegah sikap rasis dan prejudis sesama insan.

Dengan mengambil kira persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker mengenai...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

## ■1150

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat Menteri, saya juga ada membangkitkan perkara berhubung Buku Harapan yang ditandatangani sendiri oleh Perdana Menteri. Saya buat ulasan bahawa saya lihat, Perdana Menteri tidak mengagihkan tanggungjawabnya kepada kementerian-kementerian. Maka, sebab itu saya mohon supaya dibuat jadual. Sebanyak 60 janji, 5 iltizam dibuat jadual dan diletakkan kementerian-kementerian mana yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan. Kita hendak lihat juga peratus tindakan yang telah dilaksanakan.

Oleh kerana baru-baru ini, Perdana Menteri kata sudah 90 peratus telah dipenuhi tetapi Menteri Kewangan kata 60 peratus pula. Jadi, kita hendak tahu yang mana betul. Jadi, saya mohon supaya Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menjadualkan 60 tanggungjawab janji ini dan juga 5 iltizam. Kalau boleh dipaparkan di surat khabar, diberitahu kepada rakyat supaya rakyat boleh mengakui sama ada tindakan telah diambil kepada janji Buku Harapan ini atau sebaliknya.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, iltizam khusus untuk Masyarakat India. Siapa yang ambil tindakan, kementerian mana? Adakah kementerian semata-mata Kementerian Perpaduan sahaja yang ambil tindakan ini? Saya lihat ada 24 perkara yang dibangkitkan bermacam-macam kementerian yang bertanggungjawab untuk memenuhi janji yang telah kita bentangkan dalam Buku Harapan. Saya harap Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil iktibar supaya memaparkan kejayaan ataupun apa yang telah dicapai setakat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan kemukakan pandangan Yang Berhormat kepada rakan-rakan saya di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat juga ada mengutarakan kesangsian Yang Berhormat contohnya Yang Berhormat berikan tentang iltizam khusus kepada masyarakat India. Dalam iltizam tersebut contohnya lah terdapat banyak perkara yang telah disebut dalam iltizam tersebut. Jadi, walaupun di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial, saya bertanggungjawab bagi MITRA yang mengendalikan hal ehwal Masyarakat India di negara ini, tidak semestinya semua perkara dalam iltizam tersebut yang menyentuh Masyarakat India jatuh ke bawah saya lah.

Ada kalanya ianya melibatkan isu-isu kewangan seperti ekuiti kaum India dan sebagainya dan ianya akan berbalik kepada Kementerian Kewangan dan sebagainya. Jadi, terdapat pertindihan fungsi, bukan semua kita boleh agihkan secara terus kepada satu kementerian secara khususlah, itu yang saya dapat berikan pada hari ini lah.



Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tidak ada di sini. Ada? Mana? Tidak ada. Macam mana? Saya hendak jawab atau sebab saya faham ada ramai yang berhujah pada hari ini. *Can I give it in writing?* Boleh saya bagi secara bertulis?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawab lah. Tidak datang? Ya.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Jadi, saya teruskan dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh telah mengemukakan pertanyaan mengenai bagaimanakah 8205 Jawatankuasa Rukun Tetangga dapat diperkasakan untuk menangani isu sensitif dari gerakan yang cuba mengancam dan memecahbelahkan kaum di Malaysia dan apakah bentuk program yang dilaksanakan?

Selain itu Yang Berhormat juga bertanyakan mengenai pemilihan *mediator* komuniti dan bagaimana proses tersebut dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah perkauman dan agama. Yang Berhormat turut meminta penjelasan mengenai definisi perpaduan dan toleransi dalam masyarakat majmuk dari pandangan kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai masyarakat majmuk.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan kita pada hari ini adalah amat peka dengan situasi semasa dan sentiasa mengenal pasti kaedah dan tindakan untuk memupuk perpaduan dan kesepaduan di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum melalui pendekatan 4P dengan menggunakan jentera rukun tetangga yang terdapat di seluruh negara seperti berikut.

Pertama, penggalakan. Aktiviti yang berbentuk promosi perpaduan dan hubungan silaturahim bagi tujuan mengeratkan lagi keharmonian yang sedia ada dan mengukuhkan perpaduan sejagat. Contohnya adalah Program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang telah diadakan bertujuan membina hubungan mesra, interaksi dan memupuk persefahaman melalui kerjasama strategik antara rukun tetangga, persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara.

Bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan menyejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mengelakkan persaingan tidak sihat antara mereka. Program ini telah dijalankan sebanyak lapan siri melibatkan 16 buah negeri mengikut pecahan enam zon dengan konsep pelaksanaan berbentuk seminar, forum dan dialog.

Hasil daripada pelaksanaan program tersebut telah menunjukkan semangat kerjasama dan penerimaan yang tinggi di kalangan pemimpin Rukun Tetangga (RT),

*Residents Association* (RA), NGO dan badan korporat serta semua Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri (ROS) yang turut melibatkan penyertaan peserta dari pelbagai kaum dalam program tersebut.

Kedua, pencegahan. Aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi tujuan menghalang berlakunya sesuatu konflik yang boleh mengganggu gugat keharmonian dan perpaduan. Antaranya adalah penerapan kemahiran *mediacy* melalui jentera rukun tetangga kepada pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi untuk bertindak sebagai pendamai komuniti bagi menangani pertikaian dan konflik antara pihak-pihak yang bertelagah agar dapat mencari jalan perdamaian dan mewujudkan suasana menang-menang. *Win-win situation*. Manakala program sayangi komuniti dilaksanakan bagi menangani isu-isu komuniti setempat terutamanya di kawasan B40 agar kesejahteraan komuniti ini terpelihara.

Ketiga, pencelahan. Aktiviti yang dilaksanakan adalah tindakan segera yang bertujuan untuk meredakan ketegangan yang tercetus dan menghalang konflik yang wujud daripada merebak. Antara program yang dijalankan adalah program dan aktiviti mempromosikan persefahaman, keharmonian, serta toleransi dalam kalangan masyarakat di peringkat akar umbi melalui kerjasama antara jentera rukun tetangga dengan jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama JKMPKA.

Keempat, pemulihan. Aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memulihkan hubungan dan kemesraan yang terjejas disebabkan konflik yang berlaku serta untuk mengembalikan suasana kemesraan sedia ada bagi mengekalkan perpaduan. Antaranya adalah pelaksanaan program-program *Moments of Unity*, Sambutan Minggu Perpaduan, *Unity Fiesta* dan program Ramah Mesra di peringkat komuniti setempat untuk memupuk dan mempertingkatkan lagi semangat muhibah dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sedia maklum bahawa dalam usaha untuk memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat, kita perlu menangani perselisihan faham atau persengketaan yang kadangkala berlaku di antara satu sama lain supaya mengelakkan daripada tercetusnya ketegangan atau kejadian yang lebih serius. Maka, pendekatan perdamaian diperkenalkan melalui proses *mediacy community*. *Mediator community* merupakan pihak ketiga yang berkecuali yang akan berusaha untuk mencari jalan perdamaian di antara pihak-pihak yang bertelagah atau berkonflik.

Keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan *mediacy community* adalah termaktub di bawah Seksyen 8D, Akta Rukun Tetangga, Akta 751. *Mediator* Komuniti ini terdiri daripada pengerusi dan Jawatankuasa Rukun Tetangga yang mempunyai kriteria berikut:

**■1200**

- (i) seorang yang mampu berkomunikasi dengan baik;
- (ii) seorang yang matang dari segi pemikiran;
- (iii) seorang yang penyabar dan tidak panas baran; dan
- (iv) seorang yang disenangi dan mudah didampingi ahli masyarakat.

Pada kelazimannya, NK ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin KRT dan pegawai-pegawai kerajaan yang dilatih khas melalui Kursus Asas Mediasi yang kendalikan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk membantu menyelesaikan pertikaian atau konflik di peringkat akar umbi.

*Mediator* komuniti yang tinggal di setiap kawasan rukun tetangga akan menerima maklumat daripada pengerusi rukun tetangga atau mana-mana ahli komuniti berhubung sesuatu konflik atau pertikaian berkaitan isu kaum dan agama.

Seterusnya *mediator* komuniti ini sebagai pihak ketiga akan menawarkan khidmat untuk membantu menjadi pengantara bagi mendamaikan konflik atau pertikaian dan mewujudkan suasana menang-menang *win-win situation* di antara pihak-pihak yang bertelagah.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kini sedang bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa bagi meningkatkan kemahiran *mediator* komuniti melalui kursus pensijilan jangka pendek dengan fokus kepada pengantaraan dalam bidang keagamaan. Di samping itu, pengertian toleransi kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merujuk kepada mesej-mesej, nilai-nilai sejagat dan kerohanian yang cuba untuk diterapkan melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan semasa sambutan Hari Toleransi Sedunia pada tahun ini iaitu pada 16 November seperti yang diputuskan melalui Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tujuan Sambutan Hari Toleransi Sedunia yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia untuk mengamalkan nilai-nilai murni, hormat-menghormati, saling faham memahami dan meraikan kepelbagaian budaya yang ada di negara kita.

Selain itu, amalan toleransi juga menekankan agar penganut agama perlu lebih memahami perbezaan antara agama dan mengelakkan dari melakukan sebarang bentuk keganasan atau diskriminasi ke atas manusia. Di Malaysia, penerapan nilai toleransi di tekankan kepada aspek kehidupan berjiran, hubungan rakan sekerja dalam organisasi dan aktiviti sambutan perayaan pelbagai kaum dan agama sepanjang tahun.

Sambutan ini juga merupakan salah satu acara tahunan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** Sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum dia tersasar jauh daripada KRT dengan SRS, saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. KRT adalah Kelab Rukun Tetangga dan SRS adalah Skim Rondaan Sukarela.

Jadi, dua-dua agensi tersebut ialah sukarela. Apakah pihak Yang Berhormat Menteri tidak bercadang untuk membayar sedikit elaun kepada kedua-dua jawatankuasa yang saya sebut tadi? Ini kerana kedua-dua jawatankuasa yang saya sebutkan tadi sudah lama berkhidmat dengan masyarakat.

Sebagai contoh, SRS dan juga Kelab Rukun Tetangga (KRT). Fungsinya tidak banyak berbeza dengan MPKK. Jadi, MPKK mempunyai elaun kepada pengerusi dan ahli jawatankuasa. Akan tetapi SRS dengan KRT, apa yang saya dapat tahu tidak ada apa-apa elaun kecuali ada sedikit peruntukan tahunan sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang cadangan saya untuk diadakan sedikit elaun kepada kedua-dua jawatankuasa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** Terima kasih Yang Berhormat. KRT dan SRS saling bekerjasama antara satu sama lain, SRS adalah sebahagian daripada KRT. Jadi, konsep KRT ini memang daripada awal lagi ialah konsep sukarela. Jadi, tiada apa-apa yang dibayar kepada merekalah.

Jadi, cadangan Yang Berhormat adalah satu cadangan yang baik malah semasa berhujah di Dewan Rakyat juga cadangan ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Maka, saya akan membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan sekiranya bolehlah kalau boleh berikan elaun dan sebagainya. Jadi, itu cadangan yang baguslah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Boleh ya? Tadi sebab saya tadi tidak ada, sebab ada sesi media mengenai kaukus. Akan tetapi, saya cuma hendak mengatakan bahawa selama ini kita lihat bahawa seakan-akan nekad politik untuk perpaduan seakan langkah-langkah tindakan-tindakan yang diambil seakan-akan melepaskan batuk di tangga.

Pada cadangan saya, kementerian ini perlu seorang menteri yang lebih senior dan perlu peruntukan yang lebih. Ini kerana kita kalau setakat mengadakan program-program seperti melepaskan batuk di tangga, saya rasa kadar pencapaian perpaduan negara pada tahap hari ini semakin kurang dan rapuh.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan peruntukan dan juga kalau boleh memperkasakan dengan Menteri yang berprestasi lebih tinggi.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** Terima kasih Yang Berhormat. Macam inilah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat perlukan Menteri yang senior tetapi kalau

*attitude* ahli-ahli politik tidak betul, tidak guna juga. Masalahnya peringkat akar umbi mereka bersatu padu, masalahnya dibangkitkan oleh ahli-ahli terutama Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli politik yang sengaja mempermainkan isu-isu perkauman. *That is very clear* Yang Berhormat. Yang Berhormat *you are senior politician, you know what the game is...*

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Adakah apabila kita berjanji memberi pampasan kepada setiap individu Tamil dalam menyaman Kerajaan Britain satu langkah yang memecahbelahkan rakyat juga?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** Yang Berhormat, *that's got nothing to do with my* hujahan okey.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** *I just want to ask a question.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** *No, no, no. You can ask me on another occasion. It has got nothing to do with this-* ini tak perlu, ya.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Saya rasa ini adalah satu *personal attack*.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Ini adalah- sebab Yang Berhormat mengatakan ahli-ahli politik, maka saya teringat imbas kembali, adakah tindakan itu menyatukan atau tidak bertanggungjawab? Itu sahaja.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** Itu adalah satu isu yang amat berlainan. Mungkin Yang Berhormat tidak faham mengapa tindakan itu dilakukan. *You come another day; you ask me. I'll give you the right answer.*

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** *Do not raise your voice. Not to raise your voice. Why are you so excited?* Saya cuma minta penjelasan sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** *No, no, no.* Sebab hari itu bila yang juga saya cerita yang juga membangkitkan isu yang sama. Tidak ada kena mengena langsung.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tak perlu latah, tak perlu latah.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat, Yang Berhormat selalu kata betul...

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusam:** *No, no I answer you. I know you raise the issue; I'll answer you. I come there; you just wait for your time.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Okay no problem. I'll wait, I wait.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** *Please wait.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Giliran, giliran. Sila. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusam:** Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sambutan ini juga merupakan salah satu acara tahunan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama. Sehingga tahun 2019, sambutan Hari Toleransi Sedunia yang dianjurkan oleh JKMPKA

meliputi aktiviti dialog harmoni, debat ala Parlimen oleh generasi muda, sukan perpaduan, bengkel motivasi belia dan sebagainya. Melalui aktiviti-aktiviti ini masyarakat di negara ini dapat bertukar pandangan berkongsi pengalaman memperkukuhkan semangat kerjasama serta menghargai perbezaan yang wujud dalam kalangan masyarakat majmuk melalui penerapan nilai-nilai kebersamaan serta saling menghormati perbezaan antara satu sama lain yang merupakan asas pembinaan semangat perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook. Saya percaya beliau ada. Telah habis tempoh. Jadi, saya berikan jawapan secara bertulis sahajalah.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua saya beralih kepada JAKOA yang juga berada di bawah saya. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid telah bertanya berapakah projek jalan perhubungan luar bandar yang dibina oleh JAKOA pada tahun 2019 dan tahun 2020?

■1210

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019, sebanyak 41 projek jalan perhubungan telah dibina oleh JAKOA dengan kos sebanyak RM2,575,709. Manakala pada tahun 2020, JAKOA telah merancang untuk membina sebanyak 33 jalan dengan anggaran kos sebanyak RM5,138,750. Rumusan projek adalah seperti berikut.

Di negeri Kelantan, bilangan projek adalah sebanyak 10 dengan kos projek RM1,300,150. Manakala pada tahun 2020 pula, bilangan projek adalah sebanyak empat dengan kos projek sebanyak RM1,130,000. Di Negeri Sembilan bilangan projek adalah tujuh dengan kos projek sebanyak RM277,576 dan bagi tahun 2020 pula, bilangan projek adalah empat dengan kos projek sebanyak RM660 ribu. Di negeri Pahang bilangan projek untuk tahun 2019 ialah tujuh dengan kos projek RM470,170 manakala bagi tahun 2020 bilangan projek ialah tiga projek dengan kos sebanyak RM420 ribu. Di negeri Perak pula, 17 projek bagi tahun 2019 dengan kos projek sebanyak RM527,813 manakala pada tahun 202, bilangan projek ialah 15 projek dengan kos sebanyak RM1,978,750. Di negeri Johor pula bilangan projek adalah 41.

Maaf, jadi keseluruhannya sebanyak 41 projek bagi tahun 2019 dengan kos sebanyak RM2,575,709 manakala pada tahun 2020 sebanyak 33 projek telah dirancang dengan kos sebanyak RM5,138,750.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan JAKOA dan KPLB mempertimbangkan pembinaan jalan perhubungan luar bandar seperti berikut. Satu, *list* yang panjang ya Yang Berhormat. RPS Betis ke Kuala Pos GOB dan sebagainya.

Jadi mengenai cadangan pembinaan jalan-jalan tersebut, untuk makluman Yang Berhormat, untuk pembinaan jalan perhubungan di pelbagai lokasi di negeri Kelantan,

Pahang, Perak dan Johor, ia akan diteliti dan dipertimbangkan dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti peruntukan, kebenaran izin lalu dan lain-lain. JAKOA juga akan merujuk cadangan pembinaan jalan-jalan tersebut kepada JPM dan KPLB untuk dipertimbangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA mengambil maklum laporan mengenai keperluan jalan *premix* di kawasan- di Kampung Orang Asli Kabung dan Kampung Orang Asli Pasir Gudang. Bagi Kampung Orang Asli Kabung, berdasarkan semakan didapati laluan jalan tersebut berada di atas tanah milik syarikat persendirian dan pihak JAKOA perlu mendapatkan kebenaran- izin, lalu sebelum projek jalan *premix* tersebut dapat dibina. Manakala bagi jalan di Kampung Orang Asli Pasir Salam, didapati jalan *premix* telah dibina sejauh tiga kilometer. Walau bagaimanapun, siasatan akan dibuat bagi mengenal pasti keperluan jalan perhubungan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat. JAKOA akan meneliti cadangan projek jalan di kedua-dua kampung tersebut pada tahun 2020.

Beberapa program keusahawanan yang dijalankan pada tahun 2019 dan perancangan keusahawanan pada tahun 2020- Yang Berhormat, maaf ya. Yang Berhormat juga bertanya berapakah program keusahawanan yang dijalankan pada tahun 2019 dan perancangan keusahawanan pada tahun 2020?

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2019, JAKOA telah melaksanakan sebanyak lima program keusahawanan kepada usahawan-usahawan Orang Asli iaitu pelaksanaan kursus keusahawanan dan Karnival Orang Asli. Seramai 196 orang usahawan Orang Asli menerima manfaat melalui pelaksanaan program-program ini. Sebanyak empat kursus keusahawanan telah dijalankan dengan kerjasama pihak Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), *Commerce Dot Com* (CDC) dan Syarikat Titisan Kejora.

Antara kursus yang dilaksanakan adalah kursus coklat buatan tangan, taklimat *awareness industry* pembinaan Malaysia, taklimat sistem e-perolehan dan kursus *smart digital tourism*. JAKOA juga turut mengadakan pelbagai Karnival Keusahawanan Orang Asli pada tahun 2019 bertempat di Dataran Pahlawan, Melaka yang melibatkan sebanyak 35 orang usahawan Orang Asli.

Selain itu pihak JAKOA juga turut terlibat dalam Karnival Keusahawanan Desa anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada bulan Oktober 2019 dengan penglibatan sebanyak 18 orang usahawan Orang Asli.

Pada tahun 2020, sebanyak 7 program telah dirancang untuk usahawan Orang Asli. Antara program yang telah dirancang pada tahun 2020 ialah Kursus Umum Usahawan bersama pihak MARA, Kursus Ekopelancongan bersama Jabatan

PERHILITAN, Bengkel Salon bersama pihak MARA, Karnival Keusahawanan Orang Asli, Kursus *Social Media Marketing* bersama MDEC, Kursus Asas Pembinaan bersama CIDB dan Kursus Pengurusan Chalet bersama INFRA.

Sebagaimana cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Isa agar JAKOA mengadakan kerjasama dengan rakan sinergi seperti MARA, MDEC, SME CORP supaya program Karnival Keusahawanan Orang Asli lebih berkesan. Pihak JAKOA telah dan akan meneruskan kerjasama untuk mengadakan beberapa program bersama pihak MARA pada tahun 2020.

Pihak JAKOA juga menjalankan MOU bersama SME CORP dalam beberapa program pembentukan keusahawanan Orang Asli. Beberapa peruntukan keusahawanan dan dana koperasi yang diagihkan kepada usahawan dan koperasi Orang Asli tahun 2019 dan bajet- Yang Berhormat juga bertanyakan berapakah peruntukan keusahawanan dan dana koperasi yang diagihkan kepada usahawan dan koperasi Orang Asli tahun 2019 dan bajet yang dirancang untuk tahun 2020. Peruntukan keusahawanan dan dana koperasi yang telah diagihkan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1.5 juta meliputi bantuan bimbingan usahawan sebanyak RM1 juta dan bantuan koperasi sebanyak RM500 ribu.

Bagi tahun 2020, JAKOA memperuntukkan jumlah yang sama kepada usahawan dan koperasi Orang Asli. Berikut merupakan perincian jumlah bagi program keusahawanan dan koperasi. Bagi tahun 2019, bantuan bimbingan usahawan, peruntukan yang diberikan adalah RM1 juta dan sebagaimana yang saya katakan tadi dan juga koperasi RM500 ribu lah ya. Jadi jumlahnya adalah sebanyak RM1.5 juta. Seterusnya Yang Berhormat bertanyakan apakah pandangan JAKOA dengan cadangan supaya geran pembangunan...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Boleh mencelah.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Ya.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya tengok agak jelas. Cuma isu kita dengan komuniti Orang Asli ialah isu birokrasi, bagaimana geran yang ada itu dipermudahkan untuk disalurkan kepada usahawan dan juga koperasi-koperasi. Ini kerana kita melihat- seperti yang saya jelaskan dulu banyak geran di JAKOA tetapi yang diagihkan sangat minimum ya, *12 percent, 15 percent*. Mungkin tahun ini lebih baik di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri.

Cuma maksud saya tadi, apakah langkah kementerian untuk hendak mempermudah pengagihan ini dengan mengurangkan birokrasi? Jika ada koperasi-koperasi atau usahawan yang bermasalah, panggilkan kursus dua hingga tiga hari lepas itu buat *paper work*, terus kita luluskan, kita bincangkan untuk diagihkan. Mohon penjelasan.



**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mungkin terdapatlah isu-isu birokrasi dan memandangkan Yang Berhormat telah bangkitkan isu ini, saya akan semak kembali tentang prosedur-prosedur yang terbabit bersama dengan pegawai-pegawai di jabatan saya dan saya akan cuba membuat suatu *adjustment* untuk mempermudah lagi prosedur tersebut bagi masyarakat Orang Asli, ya.

Jadi tadi Yang Berhormat juga semasa perbahasan telah meminta pandangan JAKOA dengan cadangan supaya Geran Pembangunan Koperasi di JAKOA disalurkan kepada SKMM dan Institut Koperasi Negara untuk pembangunan Koperasi masyarakat Orang Asli dengan lebih baik dan berkesan.

■1220

JAKOA akan meneliti cadangan Yang Berhormat untuk menyalurkan Geran Bantuan Pembangunan Koperasi kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institusi Koperasi Malaysia memandangkan agensi tersebut mempunyai kepakaran dalam mengurus tadbir pertubuhan koperasi.

Namun begitu, JAKOA dimaklumkan pihak SKM juga mempunyai peruntukan khusus untuk bantuan kepada pertubuhan koperasi yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Pihak JAKOA sentiasa menerima baik pendapat serta cadangan dalam meningkatkan pembangunan Koperasi Orang Asli.

Seterusnya, Yang Berhormat juga bertanyakan tentang projek PPRT dan baik pulih yang dilaksanakan oleh JAKOA pada tahun 2019 mengikut pecahan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, PPRT adalah merupakan Program Perumahan Rakyat Termiskin di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pada tahun 2019, sebanyak 110 unit bina baharu dan 55 unit baik pulih rumah telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak RM6 juta. Projek bina baharu dan baik pulih di perkampungan Orang Asli dilaksanakan oleh KPLB. Maklumat pelaksanaan projek PPRT mengikut negeri adalah seperti berikut.

Negeri	Bilangan Projek Bina Baharu	Bilangan Projek Baik Pulih
Pahang	30	10
Perak	30	15
Kedah	30	15
Kelantan	20	15
Terengganu	20	15
Selangor	10	5
Negeri Sembilan	10	5
Melaka	10	5
Johor	10	5

Yang Berhormat juga ada mencadangkan JAKOA dan KPLB supaya menyediakan pelan reka bentuk rumah PPRT bertiang bagi Orang Asli yang tinggal di gigi air serta yang tinggal di kawasan lereng bukit. JAKOA mengambil maklum mengenai cadangan tersebut supaya pelan reka bentuk rumah PPRT bertiang bagi Orang Asli yang tinggal di gigi air dan kawasan lereng bukit serta perbincangan lanjut akan diadakan dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar memandangkan pelan reka bentuk disediakan mengikut garis panduan tatacara pelaksanaan PPRT di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang berkuat kuasa 1 Januari 2019.

Seterusnya, Yang Berhormat juga bertanyakan usaha JAKOA menangani masalah bekalan air payau di Kampung Denai, Endau, Rompin dan sama ada bekalan paip retikulasi telah disediakan. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA telah mengambil inisiatif menyediakan bekalan air terawat melalui JAKOA Negeri Pahang dengan penghantaran air secara berkala bagi kegunaan harian penduduk di Kampung Denai, Endau, Rompin.

Isu air payau yang dibangkitkan sememangnya dalam perhatian pihak JAKOA. Kerjasama dengan Jabatan Mineral dan Geosains serta Kementerian Kesihatan Malaysia akan diadakan bagi mengenal pasti kaedah penyelesaian terbaik. Sehingga Disember 2019, paip retikulasi masih belum disediakan di Kampung Orang Asli Denai, Rompin. Namun, pihak JAKOA akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa air negeri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar memandangkan kos projek berkenaan memerlukan peruntukan yang tinggi dengan anggaran sebanyak RM10 juta.

Seterusnya, Yang Berhormat juga bertanyakan dalam usaha JAKOA menangani masalah air di Pasir Salam. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA mengambil maklum mengenai masalah air yang dihadapi oleh penduduk Kampung Orang Asli Pasir Salam. Pada masa ini, penduduk kampung menerima bekalan air yang dibekalkan secara berkala oleh pihak berkuasa air negeri. Antara inisiatif yang diambil untuk menyediakan bekalan air yang terawat adalah melalui kerjasama dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia bagi menyediakan bekalan air terawat dengan menggunakan sumber air tasik berhampiran dengan kampung tersebut. Cadangan pelaksanaan projek tersebut dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2020.

Yang Berhormat juga telah memohon JAKOA melihat kembali Projek Bekalan Air Luar Bandar, *tube well* dan projek BAKAS. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Kerja Negara pada tahun 2017, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bersetuju untuk menyelesaikan isu projek air Rossington sebanyak 14 lokasi telah diselesaikan dalam fasa 1, manakala baki akan diselesaikan dalam RMKe-12.

Berkaitan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS), JAKOA mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat dan akan mengadakan perbincangan bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memandangkan projek tersebut adalah di bawah bidang dan tanggungjawab KKM.

Seterusnya, Yang Berhormat juga bertanyakan tentang status projek air Kampung Kuala Koh, Gua Musang yang tercemar baru-baru ini. Projek bekalan air alternatif di Kampung Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang telah siap dibina dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains serta Bahagian Bekalan Air Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli pada November 2019. Penduduk telah menerima bekalan air terawat mulai Disember 2019.

Seterusnya, Yang Berhormat juga bertanyakan tentang status pembekalan elektrik ke komuniti Orang Asli Pasir Salam serta Kampung Teji, Kampung Abu, Kampung Lon, Kampung Renglas di Cameron Highlands. Untuk makluman Yang Berhormat, Kampung Teji, Kampung Abu, Kampung Lon dan Kampung Renglas di Daerah Cameron Highlands telah disediakan dengan kemudahan bekalan elektrik semenjak tahun 2017. Manakala Kampung Orang Asli Pasir Salam di Daerah Johor Bahru juga telah disediakan dengan bekalan elektrik pada tahun 2012.

Seterusnya, Yang Berhormat bertanyakan adakah JAKOA dan MESTECC telah membuat konsultasi dan libat urus dengan komuniti Orang Asli yang terlibat dalam projek pembinaan mini hidro dan apakah hasilnya. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi pelaksanaan sebarang projek pembangunan, JAKOA akan memastikan persetujuan komuniti melalui *free, prior and informed consent* diperolehi terlebih dahulu melalui sesi libat urus bersama pemimpin tempatan, Tok Batin, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli bagi memastikan hak dan kebajikan Orang Asli terjamin.

Seterusnya, berkenaan dengan status pembinaan projek hidro di kampung Orang Asli di Gopeng dan Gua Musang. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembangunan hidro di Gopeng, Perak masih belum dimulakan disebabkan penduduk tidak bersetuju dengan proses pengambilan balik tanah. Penduduk Kampung Orang Asli Geruntum, Daerah Kampar telah mengemukakan bantahan dan saman kepada Kerajaan Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kerajaan Negeri Perak, Pengarah Tanah dan Galian Perak, *Perak Hydro Renewable Energy, Hydro Gopeng, Control Hydro Sdn Bhd*.

Kes saman masih dalam tindakan mahkamah. Manakala bagi projek hidro elektrik di jajahan Gua Musang, Kelantan oleh Tenaga Nasional Berhad, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 November telah meluluskan pelaksanaan projek tersebut. Pelaksanaan

projek ini akan mengakibatkan tiga penempatan Orang Asli akan terjejas iaitu Kampung Rias, Pos Balar dan Pos Tohoi dengan jumlah penduduk dianggarkan 1,115 orang.

Walau bagaimanapun, pihak TNB telah bersetuju dan mempertimbangkan bayaran pampasan serta menyediakan penempatan semula lengkap dengan kemudahan infrastruktur kawasan pertanian dan dusun kepada 284 ketua isi rumah di kawasan yang terlibat. Antara komponen pembangunan fizikal yang akan dilaksanakan oleh TNB kepada ketua isi rumah terlibat adalah seperti berikut:

- (i) tapak rumah 0.5 ekar;
- (ii) rumah 75 meter persegi;
- (iii) tapak dusun 0.5 ekar; dan
- (iv) ladang getah 5.5 ekar.

Seterusnya, yang juga telah bertanyakan...

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Mohon laluan.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Ya.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Saya ingin pencerahan sedikit Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan proses konsultasi ataupun *free, prior and informed consent*. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, khasnya untuk JAKOA sebagai satu badan yang menjaga kebajikan dan juga kepentingan Orang Asli, apakah proses yang dijalankan oleh kementerian untuk memastikan bahawa *due diligence* ataupun proses perundingan itu dilakukan dengan baik?

Ini sebab seperti di jawapan tadi, masyarakat Orang Asli terpaksa membawa kes itu ke mahkamah untuk mendapatkan pengadilan. Jadi, ini bagi saya tidak adil bagi masyarakat Orang Asli yang harus membawa kes mereka itu ke mahkamah, sedangkan JAKOA mempunyai *duty* ataupun tanggungjawab untuk memastikan semua projek ini harus melalui satu proses yang telus untuk memastikan kepentingan mereka itu terjaga. Jadi, saya minta penjelasan dari pihak Menteri juga. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa satu *consent* perlu diperoleh. Jadi, kes-kes yang Yang Berhormat nyatakan tersebut, saya percaya telah difailkan semasa kerajaan terdahulu.

#### ■1230

Jadi, sejak ambil alih ini juga terdapat tunggakan kes-kes di mahkamah terutamanya di Johor dan sebagainya. Saya sedang mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Johor dan juga Perak umpamanya supaya perkara ini dapat diselesaikan kerana kita di dalam kerajaan baharu memang amat prihatin dengan kebajikan masyarakat Orang Asli ini. Jadi, selaras dengan iltizam Pakatan Harapan juga maka kita

sedang cuba menyelesaikan kes-kes terdahulu ini secara *mediation* dengan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Senator juga telah menyatakan beberapa perkara berkenaan dengan sistem maklumat penduduk Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem air damak mempunyai beberapa modul yang merangkumi *core business* JAKOA. Sistem ini telah digunakan secara dalaman oleh pihak JAKOA. Walau bagaimanapun, bagi data banci masyarakat Orang Asli yang merangkumi data-data berkaitan kampung, koordinat, profil demografi ketua isi rumah, ahli isi rumah demografi, pendapatan dan lain-lain telah 95 peratus selesai semakan dan pengemaskinian dan dijangka selesai pada suku pertama tahun 2020.

JAKOA dan ICU JPM telah beberapa kali mengadakan mesyuarat berkaitan data masyarakat Orang Asli miskin untuk diintegrasikan dengan data eKasih ICU JPM dengan data banci Orang Asli 2010. Pada bulan September 2019, bagi fasa pertama JAKOA telah berkongsi data masyarakat Orang Asli miskin yang terkini seramai 8,660 ketua isi rumah yang telah selesai dikemas kini untuk semakan pihak ICU JPM. JAKOA akan menghantar baki ketua isi rumah miskin yang telah selesai dikemas kini secara berperingkat kepada pihak ICU JPM untuk pengintegrasian data.

Yang Berhormat Senator Puan Nor Asmak ada memohon...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** *Hello*, boleh mencelah?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Ya.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih atas penjelasan tentang data ataupun sistem penduduk Orang Asli. Sekiranya apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya adakah Orang Asli dah boleh mohon- dah ada nama dalam daftar eKasih dah boleh mohon i-Suri, dah boleh mohon program petrol bersasar? Kalau yang ini biasanya dah kurang isu lah cuma mungkin tambahan baki yang belum disiapkan lagi. Maksud saya adakah nama-nama ini dah ada dalam sistem eKasih dan tidak ada isu. Saya khawatir walaupun kita dah *merge*, tapi bila Orang Asli nak *online* nama dia masih tidak ada lagi. Mohon penjelasan.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Sebagaimana yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat, JAKOA telah berkongsi data masyarakat Orang Asli ini seramai 8,660 KIR yang telah selesai dikemas kini untuk semakan pihak ICU. Jadi kita perlukan- ICU ada prosedurnya tersendiri di mana mereka melakukan semakan dan setelah semakan tersebut dilakukan, maka jumlah 8,660 ketua isi rumah ini akan dimasukkan ke dalam sistem dan akan dapat menikmati kemudahan sistem ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Asmak ada mohon maklumat berkaitan peratusan B40, M40 dan T20 di kalangan masyarakat Orang Asli. Berdasarkan Banci

Masyarakat Orang Asli Tahun 2010, majoriti masyarakat Orang Asli berada dalam kategori B40 iaitu sebanyak 99.29 peratus, M40 sebanyak 0.68 peratus dan T20 sebanyak 0.03 peratus. Saya juga percaya Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga akan respons terhadap angka ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator juga ada memohon maklumat tentang status semakan semula Akta 134 dan program libat urus dengan pihak yang berkepentingan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Semakan 1974). Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mendaftarkan Akta 134 ke dalam senarai akta untuk pindaan oleh pihak kerajaan yang dipantau oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri pada Januari 2019.

JAKOA perlu menyediakan hala tuju dan Dasar Pembangunan Masyarakat Orang Asli yang baru bagi menyatakan kepada keperluan terhadap pindaan Akta Orang Asli 1954 yang bertujuan untuk menambahbaikkan peruntukan perundangan sedia ada untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli agar sejajar dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini pihak JAKOA telah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 pada 22 April 2019 untuk mendapatkan maklum balas dan input daripada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli dengan menghasilkan 136 resolusi. Pada bulan Julai 2019, JAKOA telah mengadakan konsultasi bersama pihak badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, SUHAKAM dan Majlis Peguam Malaysia.

JAKOA telah mengadakan konsultasi bersama badan antarabangsa iaitu *United Nations Development Program (UNDP) Malaysia* dalam mendapatkan input berkaitan dengan amalan terbaik yang telah dilaksanakan di peringkat antarabangsa dan komitmen negara terhadap triti atau konvensyen antarabangsa yang melibatkan Malaysia. Konsultasi bersama agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri telah dilaksanakan pada November 2019 bagi merangka pernyataan dasar, strategi dan pelan tindakan bersama untuk penyediaan Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli.

Draf pelan ini perlu kepada beberapa siri konsultasi sebelum dibentangkan kepada kabinet bagi mendapat persetujuan. Melalui pelan ini, JAKOA akan melakukan beberapa siri konsultasi khusus bersama masyarakat Orang Asli dan pihak berkaitan bagi melihat kepada perundangan sedia ada dalam melaksanakan penambahbaikan yang sewajarnya terhadap pindaan Akta Orang Asli 1954. Proses pindaan akta memang mengambil masa dan perlu dilakukan dengan teliti dan terancang agar memenuhi objektif pindaan tersebut.

Yang Berhormat juga ada bertanyakan tentang kos biasiswa untuk tahun 2018 dan 2019. Peruntukan bantuan pendidikan IPTA bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM5,361,800 manakala peruntukan bantuan IPTA tahun 2019 adalah sebanyak RM5,021,300.

Seterusnya Yang Berhormat juga bertanya kes biasiswa yang ditolak dan jumlah rayuan. Sebanyak 327 permohonan bantuan pendidikan telah diterima pada tahun 2019, 39 bantuan pendidikan telah ditolak dan jumlah rayuan yang diterima adalah sebanyak 8, manakala 31 lagi pihak JAKOA tidak menerima sebarang permohonan rayuan.

Yang Berhormat juga mohon penjelasan tentang punca ketetapan kelayakan penjaga bagi seorang pelajar Orang Asli untuk mendapat biasiswa. Punca kuasa dan dasar bagi seseorang pelajar Orang Asli mendapat bantuan pendidikan JAKOA adalah melalui Jawatankuasa Bantuan Pendidikan IPT JAKOA dan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) JAKOA. Kriteria penjaga bagi memohon bantuan pendidikan adalah daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM3,000 sebulan, pendapatan per kapita isi rumah B40 RM4,360, pemegang kad orang kurang upaya, penghidap penyakit kronik dan jumlah tanggungan yang ramai.

Berkenaan dengan isu kelewatan bayaran biasiswa, kelewatan bayaran yang diberikan pada akhir semesta adalah disebabkan beberapa faktor. Lazimnya waran peruntukan kerajaan akan disalurkan bermula Februari setiap tahun manakala terdapat pelajar telah mendaftar masuk semester baru pada bulan Disember dan tiada pembayaran dapat dilakukan pada bulan Disember dan Januari ekoran proses penutupan akaun kerajaan.

Selain itu, terdapat pelajar yang lewat mengemukakan dokumen perlanjutan Bantuan Pendidikan IPT JAKOA. Pelajar juga ada yang lewat mengemukakan maklum balas dokumen yang didapati tidak lengkap. Kelewatan ini juga disebabkan oleh pelajar yang tidak mengemas kini *query* dokumen yang dihantar melalui *e-mail* dan gagal dihubungi oleh pihak JAKOA melalui nombor telefon kerana pelajar menukar nombor telefon tanpa memaklumkan kepada jabatan.

Berkenaan dengan kos biasiswa yang diberikan kepada pelajar Orang Asli, yang melanjutkan pelajaran di IPT bagi tahun 2018 dan 2019, kos bantuan pendidikan yang diberikan kepada pelajar Orang Asli adalah sebanyak RM5,361,800 bagi tahun 2018.

#### ■1240

Manakala peruntukan bantuan pendidikan IPT tahun 2019 ialah sebanyak RM5,021,300. Sebanyak 39 kes biasiswa ditolak dan jumlah rayuan biasiswa yang diterima balik adalah sebanyak lapan orang. Manakala baki 31 lagi, JAKOA tidak menerima sebarang rayuan. Permohonan yang ditolak adalah disebabkan pendapatan isi

rumah melebihi garis B40 iaitu melebihi RM4360 dan tidak menepati kriteria SBGP. Yang Berhormat juga ada bertanyakan isu kelayakan kepada ibu bapa Orang Asli yang gajinya melebihi RM5000. Mereka tidak layak menerima biasiswa.

Punca kuasa dan dasar bagi seseorang pelajar Orang Asli mendapat bantuan pendidikan JAKOA adalah melalui Jawatankuasa Bantuan Pendidikan IPT JAKOA dan SBGP JAKOA. Kriteria penjaga sebagaimana saya nyatakan adalah bagi keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3000 sebulan dan pendapatan per kapita B40 pada kadar tidak lebih RM4360 dan jika jumlah tanggungannya ramai.

JAKOA melalui Jawatankuasa Bantuan Pendidikan IPT akan menyelaraskan beberapa permohonan bantuan pendidikan dan isu berkaitan dengan pemberian bantuan pendidikan IPT kepada pelajar Orang Asli. Jawatankuasa ini akan menyemak dan mengesyorkan penilaian bagi setiap permohonan baru bantuan pendidikan pelajar Orang Asli yang melanjutkan pelajaran di IPT dalam negara. Juga ...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon mencelah Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Ya.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kadar RM3000 untuk pendapatan bagi keluarga B40 tadi agak rendah. Saya mencadangkan supaya kalau boleh kementerian menyemak semula kepada angka yang wajar kepada kos sara hidup hari ini. Kalau RM5000 pun sebenarnya tidak mencukupi, lagi-lagi ibu bapa yang tinggal di bandar. Itu satu perkara.

Kedua, kalau kita melihat JAKOA terbeban dengan proses birokrasi pelajar-pelajar mohon biasiswa yang tidak lengkap itu dan ini. Kalau kita melihat secara logik biasanya pelajar akan mendaftar semester satu dan data sistem itu akan digunakan untuk sampai enam semester atau sepuluh semester. Adakah JAKOA menyediakan satu *smart system* supaya pelajar ini boleh di-*update* bila-bila keadaan dan tidak perlu- maksudnya kalau setiap semester dia mohon biasiswa hendak kena *update* data-data. Makna dia boleh *update* data dan JAKOA boleh menyemak data dalam sistem yang sama. Itu maksud saya. Adakah JAKOA perlu menyediakan satu *smart system* bagi perkara ini?

Ketiga, bolehkah JAKOA mengurangkan birokrasi yang saya katakan tadi, banyak lagi perkara yang memudahkan. Apabila kita tengok ada 39 biasiswa yang ditolak, lapan yang diterima balik dan 31 tidak buat rayuan. Orang kampung dengan masalah telekomunikasi, perhubungan dan sebagainya, sukar hendak buat surat, hendak merayu kepada KP dan akhirnya apabila hendak merayu ini, banyak prosedurnya lagi.

Akhirnya jadi malas hendak merayu. Akhirnya dikatakan tadi 31 yang tidak merayu ini dengan saya, satu beban besar ditanggung oleh ibu bapa apabila anak dua tiga orang yang belajar di IPT. Mohon kalau dapat kementerian memperhalusi perkara ini supaya



memudahkan masyarakat Orang Asli menerima manfaat daripada sistem bantuan pendidikan ini. Mohon pihak Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya terdapat dua kategori. Satu ialah bagi mereka yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3000 dan yang keduanya kepada mereka yang berada pada tahap B40 iaitu menerima kurang daripada RM4360.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang berpendapatan lebih daripada kadar yang saya nyatakan tadi, sekiranya mereka mempunyai isu lain seperti bilangan anak-anak yang ramai dan sebagainya, maka pertimbangan kerap kali diberikan oleh JAKOA dan telah pun diberikan kepada mereka yang telah mengemukakan rayuan berdasarkan kepada faktor tersebut.

Selanjutnya, berkenaan dengan *smart system* ini, buat masa ini, saya tidak pastilah sama ada suatu *smart system*. Saya akan semak dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Isu ketiga Yang Berhormat bangkitkan dan juga Yang Berhormat nyatakan tadi supaya mengurangkan birokrasi, itu adalah satu cadangan yang baik. Saya rasa itu adalah satu yang perlu diterima. Jadi kita akan semak balik birokrasi kita dan tengok bagaimana kita boleh membantu masyarakat Orang Asli.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyatakan nilai yang tidak praktikal diberikan kepada penerima biasiswa atau Skim Bantuan Galakan Pendahuluan Kepada Pelajar Orang Asli dan mohon supaya kerajaan menilai semula jumlah yang diberikan. Kerajaan melalui JAKOA telah memberikan bantuan pendidikan IPT ini kepada seramai 4659 orang mahasiswa dan mahasiswi Orang Asli di IPTA dalam negara sejak tahun 2015 sehingga tahun 2019 dengan jumlah kos perbelanjaan peruntukan sebanyak RM25,361,229.

Pada tahun 2019 ini sahaja, JAKOA komited bagi membantu seramai 1145 orang penerima Bantuan Pendidikan IPT yang layak dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM6.5 juta. Nilai yang diberikan kepada penerima Bantuan Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi JAKOA adalah sama dengan kadar biasiswa atau Pinjaman Pelajaran Persekutuan di Institut Pengajian Tinggi Tempatan kumpulan A, tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Seterusnya Yang Berhormat juga ada bertanyakan tentang kos yang dibelanjakan untuk kebajikan pesakit Orang Asli yang ditanggung oleh JAKOA. JAKOA komited untuk...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Yang Berhormat boleh? Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Terima kasih penjelasan. Saya rasa isu biasiswa bagi pengajian diploma dan ijazah, JAKOA merupakan antara *standard* dalam menyediakan kadarnya. Cuma yang saya bangkitkan isu yuran asasi di UIAM iaitu disediakan oleh JAKOA RM1500. Ini

yang dimaklumkan oleh beberapa pelajar. Apabila saya semak di UIA, yuran sahaja yang dibayar ialah RM1395. Ada baki RM215 untuk pelajar, makan selama lima bulan. Itu yang saya persoalkan supaya ada satu kadar yang lebih praktikal bagi Asasi. Kalau diploma dan ijazah, tidak ada masalah. Mohon penjelasan.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Yang Berhormat, perkara ini saya tidak dapat beri jawapan sekarang. Saya akan semak balik tentang yuran di UIAM ini dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan kebajikan pesakit Orang Asli, JAKOA memang komited dalam memastikan kebajikan Orang Asli terjaga dengan menyediakan bantuan kebajikan perubatan dan bantuan kebajikan am kepada pesakit dan juga pengiring pesakit.

Berikut pecahan perbelanjaan kebajikan yang ditanggung oleh JAKOA bermula tahun 2012 hingga tahun 2019. Banyak *list* ini Yang Berhormat. Bagi tahun 2012, bantuan kebajikan pesakit adalah RM312,720

Tahun	Bantuan Kebajikan Pesakit (RM)	Bantuan Kebajikan Am (RM)
2012	312,720	384,411.68
2013	740,181.97	677,102.25
2014	833,471.92	1,079,639.68
2015	756,373.06	3,387,440.02
2016	810,864.29	4,257,661.78
2017	763,671.74	3,044,414.25
2018	1,064,004.91	3,905,943.47
2019	737,757.88	1,045,008.43

#### ■1250

Seterusnya saya ingin menyatakan bahawa JAKOA komited dalam memastikan kebajikan Orang Asli terjaga dengan menyediakan bantuan kebajikan perubatan dan bantuan kebajikan am kepada pesakit dan juga pengiring pesakit. Bagi tahun 2019 sebagaimana yang saya nyatakan tadi sejumlah RM1,782,766.31 untuk kebajikan pesakit untuk Orang Asli memberi manfaat kepada 24,740 orang penerima.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Manolan telah juga membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan isu pendidikan awal di kalangan masyarakat Orang Asli iaitu pra sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga 28 Februari 2019, berdasarkan sistem maklumat prasekolah kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia merekodkan terdapat 1,990 orang murid prasekolah Orang Asli yang berdaftar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bantuan-bantuan dan dana pendidikan bagi murid-murid prasekolah ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, JAKOA akan memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tindakan lanjut.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan isu tadika. Untuk makluman Yang Berhormat, pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli bagi Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) berumur antara lima tahun hingga enam tahun adalah pendidikan asas-maaf saya nyatakan sekali lagi. Pendidikan awal kanak-kanak Orang Asli bagi Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) berumur antara lima tahun sehingga enam tahun adalah pendidikan asas yang penting. Ini merupakan pendidikan awal dalam perkembangan hidup seseorang individu selepas pendidikan di rumah.

Pada tahun 2019, JAKOA dengan kerjasama KEMAS telah membuka sebanyak 279 buah TABIKA di perkampungan Orang Asli pertambahan sebanyak empat buah TABIKA lagi berbanding sebanyak 275 pada tahun 2018. Pertambahan ini usaha kolaborasi strategik JAKOA dan KEMAS yang sudah terjalin dalam membawa kanak-kanak Orang Asli ke pendidikan arus perdana.

Guru-guru TABIKA ini dilatih oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS melalui beberapa siri latihan berasaskan akademik dan kemahiran. Pengajaran TABIKA berasaskan modul-modul yang dibangunkan dengan merangkumi dan menerapkan pendidikan awal bagi menguasai kemahiran 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul adalah ini adalah merangkumi aspek-aspek perkembangan kanak-kanak strategi pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran pusat prasekolah dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan pendidikan persekolahan.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan isu pengangkutan bas sekolah seperti bas sekolah yang usang dan van yang selalu rosak. JPM melalui jabatan...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah Yang Berhormat Menteri. Sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan prasekolah tadi soalan saya sebenarnya menjurus kepada sekolah komuniti. Kalau kita tengok realitinya memang ada *figures* jumlah pelajar-pelajar Orang Asli yang menyertai prasekolah dan juga TABIKA. Memang tidak dinafikan ada.

Akan tetapi realitinya yang berlaku khususnya di kawasan pedalaman ramai anak Orang Asli ini yang berumur lima tahun hingga enam tahun ini memang tidak bersekolah disebabkan kampung mereka jauh daripada sekolah. Jadi soalan saya adakah pihak JAKOA khususnya membantu sekolah-sekolah komuniti di kampung-kampung pedalaman ini sebelum mereka masuk ke darjah satu. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak campur sikit soalan tadi, boleh ya. Berkaitan dengan pengangkutan untuk sekolah anak-anak Orang Asli, baru-baru ini saya ada membuat lawatan ke kampung Orang Asli di Tasik Chini. Lalu mereka mengadu bahawasanya sebelum ini ada pengangkutan bot percuma ataupun dengan bayaran yang sangat minimum dan juga pengangkutan daripada bot itu ia akan

naik kereta ataupun bas terus ke sekolah. Akan tetapi sekarang bot tersebut sudah tiada dan pengangkutan sekolah juga tiada. Jadi menyebabkan ia tidak menggalakkan anak-anak mereka untuk pergi ke sekolah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sila.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Saya berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan tadi berkenaan dengan sekolah komuniti ini saya ingin berkongsi jugalah pengalaman saya sendiri semasa saya ke kawasan pedalaman di Kelantan pada awal tahun ini saya juga dapati terdapat keperluan bagi membina memulakan sekolah-sekolah komuniti. Saya juga difahamkan, terdapat juga badan-badan sukarela yang turut terlibat dalam mengadakan kelas-kelas seperti ini.

Jadi, dalam perbincangan saya dengan jabatan, saya juga bagi tahun yang akan datang, saya juga telah memberi cadangan supaya pihak JAKOA *identify* kawasan-kawasan pedalaman ini yang memerlukan sekolah komuniti ini dan ia masih dalam rancangan kami dan kami memang amat prihatin bahawa kanak-kanak berumur lima tahun hingga enam tahun harus pergi ke sekolah.

Jadi, antara cadangan kami adalah untuk juga berkolaborasi dengan pihak-pihak swasta dan juga menjalankan CSR juga bagi membantu kerajaan memulakan sekolah-sekolah ini. Jadi berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi berkenaan dengan isu kanak-kanak yang tidak ke sekolah di Tasik Chini kerana sudah tiada lagi bot untuk membawa mereka ke sekolah, saya perlu semak perkara ini Yang Berhormat Senator dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Senator ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Panjang juga. Jadi, tadi Yang Berhormat semasa perbahasan Yang Berhormat juga ada membangkitkan isu pengangkutan bas sekolah seperti bas usang dan van yang selalu rosak ya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri melalui JAKOA telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan sokongan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli khususnya dalam aspek pendidikan termasuklah bantuan pembiayaan pengangkutan murid Orang Asli ke sekolah. Pelaksanaan kontrak pengangkutan ini dibuat dengan kaedah perolehan sebut harga terbuka. Semua sebut harga ini terbuka kepada pengusaha pengangkutan yang mempunyai akses perolehan dan kod bidang dalam *locality* pengusaha tersebut.

Justeru itu, pemilihan kontraktor ini adalah berdasarkan kepada pematuhan spesifikasi teknikal dan kewangan yang telah ditetapkan oleh kaedah perolehan semasa.

Seterusnya Yang Berhormat juga ada mencadangkan supaya JAKOA dan KPLB mengkaji dan mengiktiraf kolej-kolej komuniti yang dilaksanakan oleh pihak NGO dalam meningkatkan pendidikan di kalangan Orang Asli. JAKOA telah melaksanakan kerjasama secara kolaborasi strategik dengan pihak kolej komuniti sejak tahun 2013 sehingga kini. Dalam tempoh tersebut seramai 362 belia Orang Asli telah mengikuti program di kolej komuniti dengan jumlah peruntukan sebanyak RM641,760.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, proses untuk mengiktiraf kolej-kolej komuniti ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia. Pihak JAKOA akan memanjangkan perkara ini kepada kedua belah pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu MPKKOA berkenaan peruntukan sebanyak RM10 ribu dan adakah sama ada MPKKOA diberi peruntukan seperti MPKKP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 30 November 2019 Jabatan Orang Asli (JAKOA) merekodkan sebanyak 268 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM5,671,000. Peruntukan ini melibatkan bayaran elaun pengerusi sebanyak RM900 sebulan. Bayaran elaun setiausaha RM300 sebulan, bayaran elaun kehadiran mesyuarat RM50 sekali hadir dan bayaran tuntutan elaun makan mesyuarat RM100 setiap mesyuarat.

Selain itu JAKOA turut mengadakan pelbagai program bertujuan meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme Ahli MPKKOA seperti program transformasi minda dan simposium. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Majlis Pengurusan Komuniti Orang Asli (MPKKOA) setakat ini tidak terlibat dengan pelaksanaan dana sebanyak RM10 ribu yang disalurkan kepada semua MPKKP di kampung tradisional Melayu. Namun begitu, pihak JAKOA sedang menyediakan kertas pertimbangan permohonan MPKKOA bagi mendapatkan kelulusan khas peruntukan dana tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya minta kita sambung karang ya. Jadi lepas kita rehat. Pukul 2.30 petang karang.

Sekarang saya tangguhkan mesyuarat Dewan ini sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

■1430

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*  
Ahli-ahli Yang Berhormat;

*Dalam sampan buah keranji;  
Saya datang hendak menunaikan janji.*

Janji saya tadi minta Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy terus dengan ucapan, terus perbahasannya.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sampai ke persoalan akhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, yang mana beliau mencadangkan ibu bapa pejabat JAKOA dipindahkan ke Putrajaya dalam usaha menjimatkan kos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKOA serta beberapa agensi kerajaan lain...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri, sebelum pergi ke poin seterusnya, boleh?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Ya.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih. Okey, berkenaan dengan MPKKOA tadi Yang Berhormat Menteri. Saya memang mendapat maklum bahawa MPKKOA ini tidak ada peruntukan RM10 ribu seperti MPKKP di negeri-negeri yang bukan bawah Pakatan Harapan. Jadi, itulah saya mohon supaya dipertimbangkan, beri juga peruntukan kepada MPKKOA ini. Poin kedua, adakah Menteri bercadang untuk menambah MPKKOA ini disebabkan tadi Menteri ada sebut ada 268 MPKKOA di seluruh negara, di mana kita dapat tahu jumlah kampung Orang Asli hampir 900 buah kampung.

Jadi, disebabkan oleh pertambahan penduduk, kalau boleh pihak kementerian tambah jumlah MPKKOA ini seperti- saya bagi contoh di Cameron Highlands, di Pos Batau, Cameron Highlands hanya ada satu MPKKOA sahaja sedangkan ada lebih lapan kampung dan juga ramai Batin di situ.

Kedua, di Pos Iskandar, Bera. Penduduk hampir 3,000 orang tetapi MPKK hanya ada satu sahaja. Ada juga kampung yang penduduknya tidak ramai, dalam 200-300 orang tetapi MPKK mereka ada. Jadi, disebabkan oleh pertambahan penduduk, saya mohon pihak kementerian untuk menambah. Adakah bercadang untuk hendak menambah di kampung-kampung yang mempunyai penduduk yang ramai ini? Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Memang sebagai mana yang saya katakan tadi, MPKKOA tiada peruntukan RM10 ribu tersebut. Walau bagaimanapun, satu kertas sedang disediakan untuk diangkat kepada Menteri Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya. Jadi, cadangan untuk menambah MPKKOA ini adalah cadangan yang baik. Sebenarnya, jabatan juga sedang memperhalus cadangan ini dan saya memang bersetujulah. Ada perkampungan-perkampungan yang memerlukan tambahan MPKKOA ini.

Jadi, berkenaan dengan cadangan JAKOA dipindahkan ke Putrajaya ini untuk menjimatkan kos. JAKOA serta beberapa agensi kerajaan lain telah dicadangkan untuk berpindah ke Kompleks D, Putrajaya melalui surat Bahagian Pengurusan Hartanah pada 21 Ogos. Namun, perbincangan bagi tujuan pembinaan ini masih belum dilaksanakan di peringkat JPM. Semakan awal JAKOA mendapati kadar sewaan paling minimum di Putrajaya adalah sebanyak RM6.50 kaki persegi berbanding kadar sewaan tempat sekarang berjumlah RM5.80 kaki persegi.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa ibu pejabat JAKOA harus dipindahkan ke suatu tempat yang sesuai. Malahan, saya berpendapat bahawa sekiranya kemudahan dapat disediakan di tempat yang strategik, di mana masyarakat Orang Asli mempunyai akses, ia adalah lebih baik.

Jadi, itulah cadangan di peringkat jangka panjang. Akan tetapi buat masa kini, jabatan sedang memperhalus cadangan pemindahan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada satu lagi unit di bawah saya iaitu unit MITRA. Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair telah membangkitkan kesediaan kerajaan untuk menubuhkan satu skim seperti FELDA dan FELCRA kepada masyarakat India miskin dan terpinggir untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak menafikan bahawa antara punca utama masyarakat India terpinggir adalah kerana ladang-ladang yang dahulunya merupakan punca pendapatan dan tempat tinggal mereka kini telah dibangunkan atas tujuan komersial. Perkara ini menjejaskan taraf sosioekonomi secara menyeluruh dan membawa kepada pelbagai gejala sosial di kalangan masyarakat India.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat, MITRA bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan sedang dalam perancangan untuk mengkaji keberhasilan dan mekanisme pelaksanaan cadangan penubuhan skim seperti FELDA dan FELCRA ini untuk masyarakat India yang miskin. Perkara-perkara berkaitan seperti permodalan, tanah dan sebagainya perlu diteliti lanjut bagi memastikan cadangan seumpamanya ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, memohon penjelasan kerajaan terhadap wakaf yang diamalkan oleh masyarakat Hindu di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada hari ini mengamalkan sikap terbuka terhadap wakaf yang diamalkan oleh pengamal agama Hindu di Malaysia. Terma wakaf Hindu berasal daripada perkataan *endowment* yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu berdasarkan kepada laman sesawang Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, dengan izin, *Endowment means any endowment, be it land, landed property, buildings,*

*houses, burial grounds, temples, money given or to be given for the benefit of the Hindu community.* Di Malaysia hanya terdapat dua negeri sahaja yang mempunyai wakaf Hindu iaitu di Melaka dan Pulau Pinang.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram memohon penjelasan sama ada kerajaan melalui MITRA, JPM menyediakan program kesihatan dan memperkasakan wanita untuk kaum India. Beliau turut membangkitkan sama ada kerajaan menyediakan peruntukan seperti pinjaman atau biasiswa kepada kaum India yang mengikuti pengajian di institut pengajian tinggi.

Saya ingin menjelaskan bahawa MITRA ada melaksanakan pelbagai jenis program yang memperkasakan dan membangunkan kaum wanita seperti:

■1440

- (i) kesedaran mengenai kesejahteraan fizikal, mental dan emosi;
- (ii) pemberian bantuan dan rawatan kesihatan dialisis;
- (iii) kesedaran dan pengurusan kewangan serta gangguan seksual;
- (iv) pembangunan sahsiah;
- (v) latihan kemahiran; dan
- (vi) program pendidikan di peringkat diploma yang turut menyediakan peluang pekerjaan.

Kesejahteraan wanita sama ada kanak-kanak, belia, ibu tunggal, golongan kurang upaya dan sebagainya sentiasa diberi perhatian dan diambil kira dalam perancangan program-program MITRA. Pada masa ini, MITRA tidak memberikan pinjaman atau biasiswa secara terus kepada pelajar India IPT, sebaliknya MITRA memberikan bantuan awal kepada 544 pelajar IPT bagi sesi 2019/2020.

Seterusnya, saya ingin...

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Yang Berhormat Menteri, yang berkaitan dengan pemberian pinjaman dan juga biasiswa. Saya rasa Yang Berhormat mempertimbangkan sebab saya masyarakat India kini mempunyai banyak masalah dalam pendidikan dan juga dapatkan bantuan dan juga pinjaman ataupun biasiswa daripada pelbagai pihak. Kita boleh katakan bahawa kita dapat pinjaman pendidikan daripada kerajaan. Akan tetapi kalau kita tengok angka yang mereka terima itu agak kurang sekali.

Jadi yang sekarang masalahnya ialah MIED daripada MIC yang memberikan dana pendidikan secara pinjaman dan juga biasiswa untuk perhatian Yang Berhormat. Berkaitan dengan hal itu, saya hendak tanya tentang apa sudah jadi dengan Amanah Saham 1Malaysia? Di mana RM1.5 bilion ini tambahan kepada 30,000 unit setiap pemohon. Apa yang jadi berkaitan dengan- untuk meningkatkan ekuiti masyarakat India di negara Malaysia? Sekian, terima kasih.



**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Yang Berhormat, saya jawab soalan yang kedua dahulu. Soalan kedua ini Yang Berhormat telah tanya sejak tahun lalu, banyak kali saya sudah jawab. Akan tetapi untuk hari ini memandangkan isu ini tidak dibangkitkan, saya tidak ada *the exact figure but if you still insist, I have answered before*, saya boleh beri secara bertulis.

Mengenai cadangan pertama Yang Berhormat, saya memang bersetujulah. Untuk cadangan, saya memang bersetuju dengan cadangan bahawa masyarakat India miskin ini perlu diberikan biasiswa. Akan tetapi buat masa kini, apa yang diberikan adalah hanya bantuan awal sahaja kepada pelajar-pelajar. Kita perlu meneliti dengan lebih teliti lagi. Memandangkan kekangan kewangan, apa yang boleh diberikan untuk sesi 2019 ini adalah hanya bantuan awal sahajalah.

Jadi seterusnya, saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu yang mempersoalkan tentang dana berjumlah RM4 bilion yang diumumkan dalam iltizam Pakatan Harapan.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kerajaan terdahulu telah memperuntukkan sejumlah RM500 juta melalui Rancangan Malaysia Kesebelas untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat India mulai tahun 2016 hingga 2020. RMKe-11 akan berakhir pada tahun 2020. Sepanjang lima tahun ini, had siling sebanyak RM100 juta setiap tahun telah ditetapkan oleh kerajaan terdahulu. Berdasarkan perancangan tersebut, Kerajaan Pakatan Harapan telah menyalurkan RM100 juta setiap tahun di bawah Belanjawan 2019 dan 2020.

Berkaitan dana khas sebanyak RM4 bilion untuk menambahkan ekuiti dan mempertingkatkan tahap sosioekonomi masyarakat India, kerajaan tidak dapat mempertimbangkan permohonan ini bagi tahun 2019 dan 2020.

Soalan ini juga saya telah jawab sejak tahun lalu disebabkan atas kekangan kewangan semasa. Jadi perkara ini- pada bulan Disember lalu saya telah pun menyatakan di Dewan yang mulia ini. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan penjelasan lanjut berhubung dengan perkara ini daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Nanti, nanti dahulu. Biar saya habis dahulu, nanti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membawa Tuan Yang di-Pertua kepada suatu perhatian. Saya telah semak kembali *Hansard* di mana pada 11 Disember, Yang Berhormat Datuk Mohan telah membuat satu tuduhan yang melulu terhadap saya. Beliau-saya baca *Hansard* ya. Beliau menyatakan, "*Yang Berhormat Waytha Moorthy ini pernah*

*janji kepada masyarakat umumnya mengatakan bahawa sekiranya kamu semua berkumpul dan protes di Kuala Lumpur pada tahun 2007, tidak silap saya bulan November...”* Dia kata “*Kalau you all datang berkumpul, kita akan sue mahkamah British dan dapatkan pampasan. Jadi saya tidak mahulah satu lagi dia tipu. Satu lagi dia tipu kan? Saya tidak mahu dia tipu lagi.*”

Jadi Tuan Yang di-Pertua, semasa perbelanjaan, ini ialah perbelanjaan perbincangan Bajet 2020. Yang Berhormat Mohan A/L Thangarasu pula telah membangkitkan satu perkara yang berlaku pada 2007. Itu pun fakta yang beliau nyatakan tersebut adalah tidak betul sama sekali, bahawa saya telah meminta masyarakat umumnya berkumpul di Kuala Lumpur pada bulan November 2007. Kalau mereka kumpul, kita akan *sue*. Itu adalah satu fakta yang tidak benar sama sekali. Tambahan pula, beliau menyatakan yang saya menipu masyarakat India. Jadi saya ingin meminta Yang Berhormat Datuk Mohan A/L Thangarasu supaya tarik balik kenyataan tersebut *because it is really unfair to me*.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat, kamu tahulah. Takkan Yang Berhormat tidak pernah kata- Yang Berhormat pernah kata pada tahun tidak silap saya 2007 atau 2008, yang mana...

**Seorang Ahli:** Tahun 2008.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Tahun 2008 ya? Yang Berhormat pergi ke London selepas itu di London- saya tahu lima tahun kah, berapa tahun tinggal di London, asyik keluarkan *statement* mengatakan, “*Saya hendak sue Kerajaan British.*”

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Saya tidak kata selama lima tahun, saya tidak kata dalam lima tahun itu, saya tidak kata, saya buat. Itu *you must know*.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Then...*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *And you must know when I said it.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Without knowing when I said it. You simply don't say November...*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat, Yang Berhormat pernah kata...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You know...*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat pernah kata, kenapa saya sentiasa, selalu cakap fasal ini...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *I am telling you, your fakta is wrong.* Yang Berhormat, *your fakta is wrong.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Are you willing to withdraw now?*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Fasal apa? *I won't withdraw...*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Yang Berhormat, *are you willing to withdraw now?*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *No, no. You said...*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *No, no, no. You are lying.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *No, you said...*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You have lied to this House. You have lied to this House.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *No, no, no.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You are liar.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *No, no. Eh, come on, who are liar?*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You have lied to this House.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Who are liar? Come on, you are the liar.*

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** *Repeat outside.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You have lied to this House.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *You are the liar...*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *I challenge you. If you have that gut, go out and tell there. Go out there and tell the media. You are the liar.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *No, no, no. You are the liar.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Come on, saya hendak tanya.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You are the liar* Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Yang Berhormat, saya hendak tanya...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You have misled this House.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *You kata dahulu 10 ribu kuil telah dirobuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You kata, you kata you telah...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Mana? Buktilah.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Apa?*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Jumlah 10 ribu kuil pernah roboh oleh Kerajaan Barisan Nasional.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Saya ada bukti, saya ada bukti. At the right place, I will do it.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *You are the Minister...*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *At the right place, I will do it. I'm telling you this is not part of the hujahan. This is not part of the hujahan perbelanjaan.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *No, no, no. You are the one told.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You have misled this House.*

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** *Point of order...*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *You are the one told.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Come on lah. If you have that gut, say it outside. I will sue you, man.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Come on.*

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *I am going to sue you.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Liar...*

**Tuan Waytha A/L Ponnusamy:** *If you have that gut, say it outside.*

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Kita bahas perbelanjaan. Bukan ini, isu sudah tidak relevan.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You are liar. You are liar.*

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Kita bahas isu bajet. Bukan ini isu, ini isu luar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Tipulah, you tipulah.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Tidak tahu fakta jangan cakap!*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Kalau tidak tahu fakta jangan cakap. Don't open your mouth.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *If you don't know the fact, don't open your mouth.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Otherwise, go outside and say it.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *No, I challenge you. No, I challenge you. Say the same thing.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Apa yang awak cakap di sini, cakap di luar. Saya akan saman awak. Kalau berani buat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Okay, go out now. Go out, I'll see.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *No, I challenge you to say the same thing. I challenge you to say the same thing. You don't have the guts.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk, duduk sekejap.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Kita sambung tadi.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin / hendak sedikit berkaitan dengan apa yang di bincang. Ini penjelasan – sedikit saya hendak tanya, penjelasan sahaja. Yang Berhormat boleh? Saya boleh tanya penjelasan?

Pada 31 Ogos 2007, ini saya hendak tanya benar atau tidak. Itu sahaja. *A HINDRAF filed a class action suit against the Government of the United Kingdom at the Royal Courts of Justice in London for US4 trillion, sama dengan US1 million for every Malaysian Indian.* Adakah ini benar atau tidak? Itu yang saya hendak tanya, sebab hal ini tidak boleh berlanjutan. Adakah benar atau tidak? *Thank you* Yang Berhormat.

#### ■1450

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. *If you ask question like that, I can answer you, okay.*

Memang benar, *but you date is wrong. You date 31<sup>st</sup> August is wrong. I sued the British Government* pada 30 Ogos 2007 pada hari Jumaat, di *United Kingdom*. Saya ada memfailkan satu tuntutan sivil terhadap Kerajaan *United Kingdom* atas nama saya sendiri dan dalam saman tersebut, saya antara lain telah mendakwa bahawa Kerajaan British telah tidak memastikan bahawa hak masyarakat India Malaysia terlindung semasa kemerdekaan diberikan kepada Persekutuan Malaya pada tahun 1957.

Antara lain dalam saman yang sama, saya juga menuntut Kerajaan British supaya memberi pampasan sebanyak RM1 juta kepada setiap masyarakat India di Malaysia atas *negligent* mereka. Itu saya lakukan pada 30 Ogos 2007. Ini menyatakan, kenyataan ini

menyatakan bahawa saya suruh orang datang ke Kuala Lumpur pada bulan November supaya kita boleh saman. Fakta *is wrong but as I said, "yes" I did it...*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Apa sudah jadi RM1 juta itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *That is not the subject here.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *I want to ask you what happen?*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *So, okay we lost the case, so what? We lost the case.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *So, minta maaf kepada masyarakat India.*

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Minta maaf kepada siapa?

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Kenapa mahu tipu?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *Come on.*

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Come on* lah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You don't say* tipu hah.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *You* penipulah!

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik. Saya minta... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Siapa tipu?

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** ...Tarik balik sekarang.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *Come on* lah *you also idiot* lah. Tarik baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat, ada lagi tajuk lain, ada lagi? Sambung ya. Habis?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tarik baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Habis ya.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** *You* tarik balik dahulu. *Idiot don't allow here...*

**Tuan Nga Hock Cheh:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey tidak apa Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** *What you said...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Tuan Waytha Moorthy telah menerangkan dengan panjang tentang perbincangan tadi...

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Kena tarik balik ya Yang Berhormat. Tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Jadi saya ucapkan...

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Tarik balik, tarik balik. Dia kata "*idiot.*"

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** ...No, no, you go out and say.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Come on lah, kalau dia cakap saya "idiot"...

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Come on lah, you are the liar. You say so many things about this to previous government and came back to the government. Shame on you. Go on contest and come lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Use your brain lah. That's why you are-intelligent... What about HINDRAF.

**Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** That why. You tipu rakyatlah. Cheater number one.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Wait, wait. Please, please. Tolong, tenang ya, sekarang. Yang Berhormat terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy yang telah menjawab tadi dengan panjang lebar dan tepat. Terima kasih banyak ya.

Sekarang saya hendak beralih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah binti Salleh dipersilakan.

#### 4.53 ptg.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas berkaitan pengurusan hal ehwal Islam semasa perbahasan Belanjawan 2020 sama ada secara umum atau khusus. Saya sangat menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah dibahaskan dan saya telah meneliti perbahasan yang dibuat dan akan memberi penjelasan ke atas beberapa isu khusus.

Sesungguhnya kami di Jabatan Perdana Menteri berkongsi hasrat yang sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk mengangkat martabat Islam selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Saya mulakan dengan perbahasan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili pada 9 Disember 2019. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili telah pun dijawab pada hari Khamis, 12 Disember 2019 iaitu soalan nombor 37 kerana Yang Berhormat Senator membangkitkan perkara yang sama dalam soalan beliau.

Justeru, dinyatakan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan amat prihatin dengan keadaan operasi dan pengurusan Lembaga Tabung Haji sehingga mengambil langkah dengan inisiatif melaksanakan pelan penstrukturan semula dan pemulihan demi menyelamatkan Tabung Haji serta menjaga kepentingan lebih 9.3 juta pendepositnya.

Penstrukturan semula dan pemulihan Tabung Haji telah dilaksanakan bertujuan bagi mengimbangi semula kedudukan kewangannya. Aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan kurang berdaya saing telah dipindahkan kepada Urusharta Jamaah Sdn. Berhad (UJSB) iaitu sebuah syarikat bertujuan khas SPV milik penuh kerajaan. Langkah ini bagi membolehkan jurang defisit dapat ditutup ataupun diselaraskan semula dan seterusnya memulihkan kedudukan kewangan Tabung Haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Haji telah memindahkan aset yang terdiri daripada 29 hartanah, satu syarikat tidak tersenarai dan 106 syarikat ekuiti domestik kepada Urusharta Jamaah Sdn. Berhad iaitu SPV milik penuh kerajaan. Nilai keseluruhan perpindahan adalah berjumlah RM19.9 *million*. Pemindahan ini bagi menutup jurang di antara aset dan liabiliti yang dialami oleh Tabung Haji.

Bagi negeri Sarawak, sejumlah dua hartanah dan satu syarikat tidak tersenarai telah dipindahkan ke SPV dengan nilai perpindahan seperti berikut di mana hartanahnya ialah *Tabung Haji Hotel and Convention Centre* di Kuching melibatkan tanah dan hotel. Nilai buku ialah RM207,685,560 dan nilai perpindahan ialah RM315,626,534. Syarikat tidak tersenarai ialah Tabung Haji Estet Holding Sdn. Berhad, nilai bukunya ialah RM718,322,502 dan nilai perpindahan RM801,775,349.

Seiring dengan hala tuju korporat Tabung Haji untuk keluar dari industri perhotelan yang bersifat kapital intensif, Tabung Haji memerlukan pengurus jenama hotel bertaraf antarabangsa di mana sebagai pemilik bangunan, Tabung Haji hanya akan mendapat pulangan sekiranya operasi menjana keuntungan. Daya maju *business* perhotelan juga mencabar ekor jarak hotel Tabung Haji Sarawak dengan bandar Kuching adalah sejauh 11 kilometer.

Pemindahan *Tabung Haji Hotel and Convention Centre*, Kuching ke SPV adalah berdasarkan rasional berikut. Aset pelaburan tersebut kurang berdaya saing dan



mengalami kejatuhan nilai melebihi 20 peratus dari nilai buku dan aset tersebut memberi pulangan yang rendah kurang daripada dua peratus setahun.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berkaitan para pekerja *Tabung Haji Hotel and Convention Centre*, Kuching. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak *Tabung Haji Hotel and Convention Centre*, Kuching yang merupakan anak syarikat milik Tabung Haji telah merujuk dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak bagi memastikan kebajikan para pekerja hotel berkenaan sentiasa dipelihara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab kepada perbahasan untuk...

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini bermakna bahawa aset Tabung Haji khususnya *Tabung Haji Hotel and Convention Centre* di Kuching sekarang ini di bawah syarikat SPV.

Jadi, soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan bayangan, adakah bangunan itu akan beroperasi dalam masa yang terdekat ataupun kalau tidak ada dipindah milik kepada pihak yang lain, adakah Tabung Haji bercadang katakan untuk membuka peluang kepada mana-mana pihak yang mahu menyewa bangunan tersebut. Ini kerana kita begitu sayang melihat bangunan yang cantik itu tetapi nampaknya macam sesuatu yang dikatakan terbiar begitu sahaja. Jadi masyarakat di negeri Sarawak merasakan bahawa sesuatu yang amat merugikan kalau ia dibiarkan begitu sahaja.

Jadi, adakah kalau ada pihak ketiga tidak- mungkin tidak membeli dalam kos RM300 juta macam itu tetapi kalau ada yang mungkin mahu menyewakannya sama ada untuk jangka masa pendek ataupun jangka masa pertengahan, supaya bangunan itu tidak terbiar begitu sahaja. Terima kasih.

■1500

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tadi. Dia macam ini Yang Berhormat Senator. Bila kita keluarkan, kita keluarkan syarikat-syarikat yang tidak berdaya saing tadi dalam SPV, maka SPV Urusharta Jemaah Sdn. Berhad yang bertanggungjawab untuk mengurus hartanah tadi ataupun dalam kes ini ialah Tabung Haji Hotel and Convention Centre. Jadi Urusharta Jemaah Sdn. Berhad SPV ini dia di bawah Kementerian Kewangan. Ia bukan di bawah Tabung Haji. Sekiranya UJSB mahu jual aset tersebut, maka Tabung Haji ada *first right of refusal*. Maksudnya Tabung Haji boleh berpendirian untuk beli ataupun untuk tidak membeli.

Di dalam kes ini, Tabung Haji mempunyai pendirian bahawa hotel ini bukan sesuatu yang Tabung Haji ingin orang kata beri tumpuan. Maka, kita serahkan kepada

UJSB. Maksudnya kita tidak ambil *that first right of refusal*. Jadi saya juga dimaklumkan bahawa UJSB dalam proses mengoptimumkan pulangan kepada Tabung Haji Hotel and Convention Centre dan saya juga dimaklumkan bahawa proses untuk dijual mungkin akan berlaku dalam masa terdekat. Jadi, itu *in the future* lah. Akan tetapi saya *explain* tadi Tabung Haji ada *first right of refusal* dan Tabung Haji tidak mengambil apa *right* itu dan serahkan kepada UJSB. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas keprihatinan tersebut.

Saya juga seterusnya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris di mana berkenaan dengan guru-guru agama- guru-guru Quran di negeri Terengganu yang melibatkan 700 orang guru. Saya difahamkan 700 orang guru yang elaanunya dipotong sebanyak RM100. Sebelum ini elaanunya RM500 sebulan tetapi dipotong menjadi RM400 sebulan. Jadi dalam perbahasan Yang Berhormat Senator mengatakan bahawa guru-guru Quran ini bertindih dengan guru KAFA dan guru-guru KEMAS juga.

Hasil daripada maklum balas yang saya terima ialah 700 orang guru-guru Quran ini termasuk dalam senarai 3,087 guru KAFA di negeri Terengganu. Jadi status guru KAFA ini dia kira kontrak tahunan. Dia *renewable* setiap tahun. Lantikan oleh Jabatan Agama Islam negeri, elaun dibayar oleh JAKIM- elaun dibayar oleh Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM. Elaun guru Al-Quran pula dibayar oleh kerajaan negeri.

Jadi guru-guru KEMAS ini, jawatan dia ialah guru KEMAS di mana mereka menerima gaji *Contract of Service* Gred 29. Jadi dia punya perjawatan ialah guru KEMAS tetapi mereka dalam masa yang sama buat *part time* jadi guru KAFA, mendapat elaun RM1,000 mulai tahun depan. Sebelum ini RM900 dan juga mereka menjadi guru Al-Quran yang dibayar oleh kerajaan negeri sebanyak RM400.

Jadi maksudnya kalau keseluruhan apa yang mereka terima, seorang guru itu terima pada tahun depan RM1,000 sebagai elaun guru KAFA, RM400 sebagai elaun guru Al-Quran dan gaji *Contract of Service* Gred 29. Jadi 700 orang ini, ini lah dia status 700 orang ini yang seperti saya dimaklumkan. Jadi saya kira mungkin ke hadapan apabila guru-guru KAFA ini kita hendak tengok kepada kebajikan mereka, mungkin kita tidak masuklah guru-guru Al-Quran ini daripada kalangan guru KAFA sebab kita hendak guru KAFA ini menjadi sepenuh masa.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon penjelasan sedikit. Okey, guru Quran, kalau tidak silap saya guru Quran ini di bawah Kementerian Luar Bandar. Guru Quran diwujudkan pada tahun 2005. Sehingga saya mendapat maklumat ini, guru Quran ini sebenarnya tidak termasuk seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri. Ini guru Quran berasingan, dibayar RM500 sebulan

elaun daripada KEMAS. Akan tetapi pada ketika itu, RM500 ini dibayar- KEMAS membayar RM500. Bermakna Kerajaan Pusat yang bayarlah sepatutnya tetapi dipindahkan kepada kerajaan negeri kerana pemerintahan Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri sama.

Akan tetapi apabila Pilihan Raya Keempat Belas baru-baru ini, pemerintahan kerajaan negeri sudah berasingan, maka Kerajaan PAS negeri Terengganu telah memotong RM100 daripada RM500. Jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan Pakatan Harapan membayar- mengambil balik daripada menyerahkan kepada kerajaan negeri guru Quran ini kepada Kerajaan Pusat. Maksudnya, bayar balik dan mencadangkan daripada RM500 kepada RM600. Ini disebabkan RM500 Yang Berhormat, saya tidak tahu RM500 ini apa yang dapat digunakan tetapi apabila ditakrif guru Quran, mereka guru Quran ini banyak di kalangan wanita. Dia banyak memberi khidmat kepada masyarakat.

Jadi, cadangan saya, boleh kita tengok balik supaya Kerajaan Pusat mengambil alih guru Quran ini 100 peratus dan memberi bayaran mengikut kaedah lama ataupun ditambah RM100 yang saya kira dan saya pasti guru Quran ini hanya berada di negeri Terengganu sahaja. Saya pasti di negeri lain tidak ada. Jumlah keseluruhan kalau kita bayar RM600, lebih kurang RM420 ribu setahun. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh agihkan sebahagian daripada RM1.3 bilion peruntukan kebajikan agama JPM. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dia ada beberapa perkara di sini ya. Pertama kita kena kenal pasti sama ada guru Al-Quran ini merupakan orang yang sama yang menerima elaun guru KAFA. Jadi Yang Berhormat Senator, maklumat yang saya terima, mereka dalam senarai guru KAFA. Kalau mereka bukan, maksudnya mereka guna perjawatan guru KEMAS dan menerima elaun yang berbeza *on top of the allowance* guru KEMAS itu ataupun gaji guru KEMAS itu. Jadi perkara ini kita perlu selidik lebih mendalam.

Sebenarnya Yang Berhormat Senator, di Kelantan dulu juga ada. Di Kelantan dulu juga ada guru Al-Quran yang sekarang sudah dihentikan kerana itu adalah lantikan kerajaan dulu dan lantikan politik dan pada hari ini tidak wujud lagi. Jadi Kerajaan Persekutuan hanya bertanggungjawab untuk guru KAFA sebab guru KAFA ini memang kita ada seramai lebih 3,000 orang guru KAFA di Terengganu.

Jadi kita kena tengok sama ada tugas mereka *overlap* ataupun orang yang sama buat dua kerja ataupun orang yang sama buat tiga kerja. Guru KEMAS lagi, guru KAFA lagi, guru Quran lagi. Kita kena perlu semak *database* ini kerana lantikan itu kalau di bawah kerajaan negeri ataupun dibayar oleh kerajaan negeri ataupun kalau lantikan itu betul melalui perjawatan KEMAS, juga perlu kita selidik.

Jadi ini perkara yang perlu kita *ascertain*. Kita tidak boleh hendak kata pihak Kerajaan Persekutuan akan terus membayar sebab kita kluatir orang yang sama menerima elaun berkali-kali. Terima kasih kepada Yang Berhormat ya.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang bertanya sejauh mana kerajaan berazam menjadikan wakaf sebagai salah satu teras pembangunan aktiviti sosial masyarakat bagi mengurangkan pergantungan kita terhadap perbelanjaan dan kutipan cukai, bagi mendidik masyarakat untuk tidak bergantung kepada subsidi dan mengelakkan kerajaan untuk menambah hutang untuk membangunkan keperluan rakyat. Jadi saya ingin menjelaskan bahawa, kerajaan dalam usaha menjadikan wakaf sebagai sektor ketiga ekonomi negara sebagai pelengkap kepada sektor pertama iaitu kerajaan dan sektor kedua iaitu swasta.

#### ■1510

Bagi tujuan ini, Yayasan Waqaf Malaysia dalam fasa akhir mewujudkan Tabung Waqaf Pendidikan Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Tabung Waqaf Kesihatan Negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana manfaat dana ini kelak boleh membantu membaik pulih pembangunan infrastruktur, fasiliti pendidikan serta juga kesihatan. Contoh, dana ini boleh untuk membangunkan makmal, untuk membangunkan sekolah daif, untuk penyelenggaraan sekolah. Bagi hospital pula boleh buat dewan bedah yang baharu, beli katil dan sebagainya. Jadi, Tabung Waqaf Pendidikan Negara dan Tabung Waqaf Kesihatan Negara, kita dalam fasa akhir untuk mewujudkan tabung tersebut.

Untuk mendidik masyarakat supaya tidak bergantung kepada subsidi, kerajaan sekarang berusaha untuk mempromosi menjadikan wakaf sebagai satu jenama dalam keluarga- *a household brand* dan sedang memperkasakan kempen untuk kesedaran wakaf. Bagi menggalakkan masyarakat berwakaf, kerajaan telah mengumumkan insentif potongan cukai dalam Belanjawan 2020, di mana sumbangan wakaf tunai pihak kepada berkuasa agama negeri atau badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri layak menikmati potongan cukai. Selain daripada itu, potongan cukai juga diperluaskan kepada universiti awam yang diluluskan untuk menerima wakaf oleh pihak berkuasa.

Bagi mengelakkan kerajaan untuk menambah hutang, kerajaan dalam tindakan membangunkan Dasar Sosioekonomi Rahmah yang akhirnya akan mewujudkan satu *Blueprint* Sosioekonomi Rahmah bertujuan mengembelengkan sumber dana-dana Islam seperti wakaf dan zakat. Dasar ini akan memberi penumpuan terhadap tujuh intervensi dalam konteks pembangunan sosioekonomi ummah yang telah dikenal pasti sebagai memerlukan penambahbaikan iaitu sektor pendidikan, sektor kesihatan, perumahan,

persekitaran, peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi, makanan berkualiti, pembasmian kemiskinan dan kebajikan.

Di dalam dasar ini, salah satu elemen utama yang perlu ada adalah untuk mewujudkan satu *consolidated fund* dalam bentuk *the house of Mal* ataupun Darul Mal. Sekarang ini kita ada Baitulmal tetapi sekarang ini Baitulmal kita lebih kepada baitul zakat. Jadi, apabila kita ada *consolidated*, kita cuba elakkan daripada penggunaan perkataan baitulmal supaya orang tidak *confuse* kita menjenamakan dia sebagai Darul Mal ataupun *the house of Mal*. Al-Markas Al-Mal yang akan menyatukan semua dana-dana tersebut agar satu perancangan rapi dapat dibuat bagi memanfaatkan dana-dana tersebut dengan lebih efisien.

Cabaran kita tentu sekali ia melibatkan beberapa perkara teknikal, melibatkan pindaan akta dan sebagainya. Contoh, dana seperti wang tidak patuh syariah ataupun harta yang tidak dituntut dalam Amanah Raya contohnya. Ini semua perlu kepada pindaan akta, perlu kepada kajian dan sebagainya.

Akan tetapi inilah *way forward* yang kita sedang cuba mencari bagaimana apabila wujudnya *consolidated fund* tersebut, kerajaan menyasarkan agar semua bentuk pembangunan di bawah tujuh intervensi tadi dibangunkan tanpa menggunakan dana *taxpayer* ataupun pembayar cukai yang sekarang ini kita tahu tidak mencukupi untuk membiayai keperluan sekolah, bangunan, infrastruktur jalan, hospital dan sebagainya. Jadi kita hendak bangunkan sektor ekonomi yang ketiga ini.

Jadi, kita juga melihat bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan akan menjadi perintis dan kemudian modul itu boleh dikongsi dengan negeri-negeri lain. Sebagai contoh, bagi bidang pendidikan, kerajaan menerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam proses untuk menubuhkan universiti wakaf melalui dua kolej universiti yang sedia ada di bawah MAIWP iaitu PICOMS dan juga Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur. Kita juga meletakkan dasar satu keluarga asnaf satu ijazah supaya dengan dasar tersebut kita boleh memacu bagaimana membantu keluarga-keluarga asnaf di Wilayah Persekutuan.

Bagi tujuan kesihatan, MAIWP sedang berusaha menubuhkan hospital wakaf yang akan mengambil PUSRAWI sebagai perintis kepada model tersebut di Wilayah Persekutuan. Malah selepas daripada ini, ada syarikat-syarikat sedang menunggu untuk berjumpa saya untuk berunding berkenaan dengan mewujudkan hospital-hospital wakaf di negeri-negeri lain. Kelantan pun ada berminat Yang Berhormat Senator. Jadi, itu kita lihat kepada modul pendidikan, kita lihat kepada modul kesihatan.

Kemudian tempat tinggal. Macam mana kita hendak wujudkan rumah yang boleh dimiliki oleh golongan asnaf. Oleh sebab mereka tidak mampu hendak beli rumah, jadi

kita kena cari jalan bagaimana boleh kita cari jalan untuk sewa beli untuk kita boleh- Majlis Agama Islam kerjasama dengan *developer* atas tanah wakaf contohnya untuk membangunkan rumah sewa beli. Ini juga sedang kita dalam *Blueprint* Sosioekonomi Rahmah tadi.

Kemudian kita juga telah memulakan projek asnaf-*preneur* iaitu untuk melahirkan penerima bantuan zakat, perniagaan baitulmal MAIWP yang bekerjasama dengan SME Corp. dan kita sudah mula dengan Program Tunas Usahawan Baitulmal di mana seramai 74 orang usahawan baitulmal telah mengikuti program ini pada tahun ini. Kita hendak mereka daripada menjadi daripada penerima zakat berubah kepada pembayar zakat. Kemudian kita juga buat *food bank* melalui YaPEIM. YaPEIM telah memperuntukkan sebanyak RM4,000,000 untuk *food bank*. Kemudian kita juga- untuk basmi kemiskinan, buat pertama kalinya MAIWP telah meletakkan KPI di mana KPI ini ialah untuk mengeluarkan asnaf daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

KPI untuk MAWIP pada tahun 2019 ialah sebanyak dua peratus hingga empat peratus. Oleh sebab kita baru mula letakkan KPI jadi kita tidak hendak *ambitious* sangat, kita tidak hendak letak tinggi, kita letak dua peratus hingga empat peratus. Saya ingin maklumkan pada hari ini bahawa KPI ini telah berjaya dicapai di mana seramai 616 orang daripada 22 ribu penerima iaitu bersamaan dengan 2.8 peratus telah berjaya dikeluarkan daripada kategori penerima zakat kepada pembayar zakat.

Jadi, inilah dia perkara-perkara yang kita sudah mulakan di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam konteks *Blueprint* Sosioekonomi Rahmah ini nanti. Kita juga mengambil kira pendekatan *Multidimensional Poverty Index*, indeks kemiskinan pelbagai dimensi sebagai kaedah untuk mengukur dan memantau kadar kemiskinan dalam negara.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey mohon pencelahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya atas rebat cukai yang berjaya hari itu. Baiklah, saya ingin bertanya tentang Dasar Sosioekonomi Rahmah ini. Dasar Sosioekonomi Rahmah ini saya faham tadi telah dimulakan oleh MAIWP sebagai perintis.

Jadi, adakah Dasar Sosioekonomi Rahmah ini selepas ini akan melibatkan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian khususnya Kementerian Kewangan sebab dia akan dimasukkan dalam salah satu proses membasmi kemiskinan. Seterusnya, macam asnaf-*preneur* tadi, adakah asnaf-*preneur* ini akan menggunakan kaedah biasa ataupun sudah mula menggunakan kaedah wakaf. Sekian, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Berkenaan dengan- sebenarnya ada dalam jawapan saya seterusnya Yang Berhormat Senator tetapi Yang Berhormat Senator telah bertanya, saya jawablah. Berkenaan dengan dasar sosioekonomi ini, memang- oleh sebab Majlis

Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), kita sedia maklum bahawa majlis ini di bawah tadbir urus negeri-negeri. Jadi, di bawah yang Kerajaan Persekutuan hanya lah Wilayah-wilayah Persekutuan.

Jadi, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan dasar yang kita katakan tadi. Akan tetapi, boleh kita jadikan model untuk kita kongsi juga dengan negeri-negeri lain. Bagaimana kita bekerjasama dengan agensi kementerian-kementerian lain, seperti yang saya katakan tadi tabung wakaf tadi. Kita kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita juga sedang berusaha untuk menubuhkan Tabung Waqaf Negara. Tabung Waqaf Negara ini berbeza daripada yang di bawah MAIWP ini.

Di bawah MAIWP ini kita cakap fasal *the house Mal* tetapi Tabung Waqaf Negara ini untuk membantu sektor yang pertama tadi. Oleh sebab sektor yang pertama tadi yang dibangunkan oleh *taxpayer* atau pembayar cukai daripada bajet tahunan, belanjawan tahunan tadi yang tidak mencukupi itu boleh kita bantu dengan mewujudkan Tabung Waqaf Negara.

Jadi, boleh *cross* kementerian, hendak pergi kepada *agriculture* dan sebagainya itu kita akan teroka lagi lebih banyak. Sebenarnya Yang Berhormat Senator, telah ada sebelum ini, tetapi inisiatif tersebut di bawah myWakaf Yang Berhormat tanya.

#### ■1520

Dia macam ini. Sebelum ini, dia tidak ada *streamline*. Sebelum ini tidak ada- dia ada *overlapping* di antara apa yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan dan apa yang dilakukan oleh Yayasan Waqaf Malaysia. Yayasan Waqaf Malaysia wujudkan MALPA iaitu Majlis Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri daripada wakil-wakil majlis agama Islam negeri-negeri buat benda yang sama yang dibuat oleh Kementerian Kewangan. Sebelum ini tidak ada penyelarasan. Sebelum ini ada *overlap* di situ.

Jadi, majlis agama Islam ini kadang-kadang dengan Kementerian Kewangan, majlis agama Islam kadang-kadang dengan Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama Islam. Jadi, sebelum ini dia ada *overlap*. Jadi, sekarang ini tugas kamilah untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku.

Dasar sosioekonomi di bawah Kementerian Kewangan seharusnya menumpukan kepada dasar, menumpukan kepada undang-undang, menumpukan kepada polisi macam mana hendak membantu *the implementation of it*. *The implementation of it* ialah di bawah majlis agama Islam negeri. Majlis agama Islam negeri pula bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama Islam. Jadi, seharusnya perkara itu- akan diperjelaskan di masa hadapan. Akan tetapi, sebelum ini, dia ada *overlap*. Sebelum inilah.

Saya tidak hendak menuding jari sebelum ini kerajaan mana, tetapi itulah yang berlaku sebelum ini ya, ada *overlap*.

Seterusnya ya, Yang Berhormat Senator, kerajaan dalam usaha menggubal Rang Undang-undang Wakaf Wilayah Persekutuan. Seharusnya dibentangkan pada bulan Disember ini tetapi terpaksa ditangguhkan kepada April 2020 kerana ada beberapa seksyen yang perlu diperkemas. Apabila kita kaji- kita hendak jadikan ia satu undang-undang yang baik. Kita hendak jadikan ia undang-undang yang baik dan apabila ada seksyen-seksyen yang tertinggal dan kita lihat bahawa ia nanti kalau kita ada *weakness* dalam *law* itu, nanti kemudian hari kita hendak pinda balik, jadi kita tunggulah, kita sabar sedikit untuk bawa kepada bulan April 2020 ya, Rang Undang-undang Wakaf.

Berkenaan dengan wakaf hindu tadi, itulah sudah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Waytha Moorthy. Saya hendak tambah sedikit sahaja berkenaan dengan wakaf ini. Sebenarnya wakaf hindu ini tidak ada istilah- tidak ada istilah wakaf hindu ya. Dia istilahnya wakaf itu untuk Islam dan bukan Islam bukan wakaf. Bukan Islam ialah *endowment* ya. Dia tidak ada istilah wakaf untuk bukan Islam.

Jadi kalau kita tengok kepada Perlembagaan, Jadual Kesembilan Senarai II Butiran 1 Perlembagaan Persekutuan, istilah Hindu *endowment* dirujuk sebagai derma kekal Hindu. Di bawah Jadual Kesembilan Senarai I Butiran 15(c) Perlembagaan Persekutuan. Wakaf tadi, Senarai II, Butiran 1, Perlembagaan Persekutuan. Derma kekal Hindu di bawah Jadual Kesembilan, Senarai I, Butiran 15(c). Ia ada lain dan dia sebut dekat dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa ini adalah derma kekal Hindu, *endowment* kalau kita *translate*.

Cuma masalahnya, apabila wujud *Penang Hindu Endowment Board* di Pulau Pinang, kemudian apabila Audit menterjemah menggunakan istilah wakaf, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, jadi di situ timbul sedikit orang kata kekeliruan. *Translation* itu pun salah sebab istilah wakaf hanya untuk Islam. Jadi, bila kita tengok kepada Perlembagaan, ia jelas. Bila kita tengok kepada penggunaan ini, ada khilaf di situ ya.

Jadi, saya teruskan kepada...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon celahan. Jadi, apakah pandangan pihak kementerian? Adakah hendak mengekalkan istilah tersebut ataupun Akademi Wakaf Hindu ini perlu ditukar? Sekian.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Saya kira perlu kita selaraskan penggunaan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Jadi, mungkin selepas ini kita akan hantar memo dan sebagainya supaya Audit Negara dan sebagainya menggunakan istilah



yang betul berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Sebelum ini, saya kira perkara itu mungkin tidak di perasalahkan ya, *overlook*. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator juga bertanya berkenaan dengan *Islamic Fund Management Blueprint*. Ini juga dibangunkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia iaitu di bawah Kementerian Kewangan. Ini yang saya sebut tadi, dia sebelum ini hubungan itu tidak jelas. Kementerian Kewangan buat, kemudian di bawah Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama Islam juga buat. Masing-masing berhubung dengan MAIN, masing-masing tidak bercakap satu sama lain.

Jadi, sekarang pada hari ini kita kena jelaskan fungsi. Fungsi Kementerian Kewangan ialah berkenaan dengan dasar ya, dan pelaksana dia memang majlis agama Islam dan majlis agama Islam negeri-negeri. Kemudian yang menaungi majlis agama Islam negeri-negeri ini berkenaan dengan hal ehwal agama Islam ialah Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama Islam. Jadi, apabila *the structure is right, insya-Allah, everything will fall in place*. Sebelum ini mungkin perkara itu ada *overlap* tetapi orang tidak berani hendak tegur. Jadi, itu dia, Yang Berhormat.

MyWakaf tadi pun sama ya, dia ada inisiatif tetapi dengan majlis agama Islam negeri, tetapi melalui AIBIM, Kementerian Kewangan, bukan melalui Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Senator Asmak juga bertanya apakah langkah kerajaan melalui Bajet 2020 untuk menyediakan suasana sesuai untuk inovasi teknologi iaitu *Fintech* bagi memastikan wakaf dapat mencapai hab keberkesanan tertinggi dan boleh menarik lebih banyak penyumbang dan menurunkan beban kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, seiring dengan teknologi industri terkini ataupun *fourth industrial revolution* dan *internet of things*, Yayasan Waqaf Malaysia juga ke arah mengaplikasikan penggunaan teknologi *blockchain* dalam pengurusan wakaf. Kita memang dalam rundingan, bekerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang ini untuk mengguna teknologi itu dalam pengurusan wakaf kita.

*Insya-Allah*, dalam minggu ini juga kita akan berjumpa dengan majlis agama Islam negeri-negeri untuk kita kongsi juga dengan majlis agama Islam negeri-negeri. Seperti yang saya katakan tadi, majlis agama Islam negeri bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri. *I mean*, kita bekerjasama, bekerjasama. Jadi, apa yang kita ada, kita kongsi. Kita kongsi *best practice, insya-Allah*, ke hadapan.

Siapa yang bertanggungjawab untuk melatih kepakaran dan membentuk kesedaran? Jawapannya ialah JAWHAR. Kita ada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. JAWHAR ini merupakan satu jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang juga

sebelum ini dia punya- peranan JAWHAR, Yayasan Waqaf Malaysia dan sebagainya *is not consolidated*. Masing-masing- dulu-dulu. Taklah dulu-dulu sangat. Setahun lebih sahaja dulu-dulu itu. Akan tetapi, masing-masing buat hal masing-masing ya dan ia tidak *consolidated* dia punya *effort*.

Jadi, pada hari ini amat penting untuk mengenal pasti *core business* masing-masing dan bagaimana kita *complement* satu sama lain supaya kita tidak berlaku keadaan di mana kita *overlap*. Akan tetapi, memang tanggungjawabnya ialah tanggungjawab JAWHAR.

Tadi saya sudah sebut berkenaan dengan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah (MALPA) berkenaan dengan wakaf. Ini adalah pengurusan tertinggi setiap majlis agama Islam negeri dan dia mengumpulkan semua wakil-wakil daripada majlis agama Islam negeri-negeri dan di situlah kita menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan wakaf, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Senator, banyak Yang Berhormat Senator tanya fasal wakaf ini. Yang Berhormat Senator Asmak juga bertanya berkenaan dengan wakaf sama ada dibincangkan di mahkamah sivil atau di mahkamah syariah. Buat masa ini, kes berkaitan wakaf dibicarakan di mahkamah syariah sepertimana yang diperuntukkan dalam Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Akan tetapi, wujud keadaan di mana ada *dispute case*. Dalam *dispute case* muamalat ini, ia akan didengari di Mahkamah Tinggi Sivil Kuala Lumpur. Nanti Yang Berhormat Hanipa yang menggulung selepas saya akan bercakap lebih berkenaan dengan perkara ini.

Saya teruskan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa dan Yang Berhormat Senator Asmak yang bertanya berkenaan dengan *Rahmatan lil alamin*, peranannya dalam menjayakan wawasan baru negara dan berapakah peruntukan khusus yang disediakan untuk tujuan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita meluluskan dasar pentadbiran Islam ini pada 25 Oktober 2019 dalam Mesyuarat Kabinet.

#### ■1530

Jadi, pendekatan ini *rahmatan lil alamin* ini dihasratkan sebagai dapat melahirkan satu negara *rahmah*. Apabila kita sudah luluskan dasar ini di dalam Kabinet, kita juga telah membawa ia dalam meluluskan di MKI pada 14 Mac 2019. Ia juga mendapat perkenan Majlis Raja-Raja pada 4 Julai 2019. Seterusnya, pada 25 Oktober 2019 telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jadi, ketiga-tiga *level* ini kita sudah bawa berkenaan dasar pentadbiran Islam, Gagasan *Rahmatan Lil Alamin* ini. Seterusnya, kita sedang merangka satu *blueprint*

negara *rahmah*. Ya, selepas kita ada dasar tadi, kita akan rangka *blueprint* dalam- kita sudah mulakan *framework blueprint* ini. *Blueprint* ini memberi definisi kepada negara *rahmah* itu sendiri.

Apa dia negara *rahmah* ataupun *compassionate state* yang kita katakan yang mana kita memberi definisi ada- pemimpinnya macam mana? Pemimpinnya yang tidak rasuah, contohnya. Pentadbirannya macam mana? Pentadbirannya yang tadbir urus yang baik, ya. Tadbir urus- dasarnya macam mana? Dasarnya yang berteraskan prinsip *maqasid syariah* sebagai *guiding principles*. *Sustainable Development Goals* sebagai *guiding principles*. Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai *guiding principles*, ya.

Jadi, kita hendak lihat kepada ekonominya. Ekonominya yang macam mana? Ekonominya di mana ada kemakmuran yang dikongsi, ekonomi yang mampan, ekonomi yang adil dan ekonomi yang memberikan hak kepada yang memerlukan. Hubungan komunitinya macam mana? Hubungan komuniti yang harmoni dan yang hormat-menghormati antara kaum dan agama.

Kita *define* dalam *Blueprint Negara Rahmah* ini. Bagaimana tentang keselamatan? Kita mementingkan kepada keamanan dan keselamatan. Mementingkan juga kepada kelestarian alam sekitar dan pembangunan yang *sustainable*. Apa-apa projek mesti *sustainable*, ya dan tidak atau bukan berdasarkan polisi *Profits Before People*. Ia mesti *People Before Profits*. Ini contoh dasar-dasar yang kita akan bina di bawah *Blueprint Negara Rahmah* ini ya.

Jadi, kita akan laksanakan bersama di semua kementerian dan agensi-agensi. Ini merupakan cabaran yang amat besar terutamanya di dalam kita membawa pemikiran *maqasid syariah* di dalam penentuan dasar. Ini sebab yang faham *maqasid syariah* pun tidak semestinya boleh bawa dasar dalam penggubalan dasar itu. Ini sebabnya penggubalan dasar ini apabila ia melibatkan kementerian lain, saya bagi contoh ya, baru-baru ini, apabila kita- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan meluluskan dasar berkenaan dengan kerusi keselamatan untuk kanak-kanak. Jadi, orang ramai rasa marah dan rasa itu susah serta rasa itu membebankan.

Akan tetapi, kalau kita lihat dasar *based on maqasid syariah*, ini adalah bertepatan dengan *maqasid syariah* itu sendiri. Jadi, *governance by maqasid syariah* memang amat-amat mencabar di masa hadapan dan perlu kepada latihan, perlu kepada *advocacy* dan perlu menyiapkan diri kita. Akan tetapi, bukan kita hendak melakukannya semalaman, yang penting kita meletakkan batu asas kita.

Jadi, setiap dasar di setiap kementerian dan di setiap agensi, berpandukan kepada *governance by maqasid syariah*. Jadi, itu cabaran kita. *Insyallah*, SDGs merupakan kita punya *guiding principles* dan *maqasid syariah* dan SDGs tidak bercanggah kerana ia

amat-amat selari dan juga Wawasan Kemakmuran Bersama. Itu tiga *guiding principles* kita.

Jadi...

**Puan Raj Munni binti Sabu:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Ya saya.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Ada soalan tambahan pada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang *maqasid syariah* dan *rahmatan lil alamin* bersama SDGs. Matlamat Pembangunan Mampan daripada *United Nations* tahun 2030. Saya ada bertanya tentang perkara ini sangat cantik sebenarnya. Apabila kerajaan boleh mengeluarkan satu dasar yang *rahmah* dan kemudian menggabungkan antara *maqasid syariah* dan digabungkan pula dengan Matlamat Pembangunan Mampan, 17 matlamat yang telah diputuskan oleh *United Nations*.

Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, saya tidak pastilah mungkin akan dijawab. Ada dalam perbahasan saya tetapi saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Menteri akan jawab. Akan tetapi, *since*, sudah menyentuh, mungkin saya boleh bertanya terus.

Di dalam Belanjawan 2020, ada peruntukan RM5 juta yang diberikan kepada Parlimen dan Ahli-ahli Parlimenlah untuk dimanfaatkan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk mengembangkan pengetahuan berkenaan SDGs dibawa kepada rakyat katanya. Sekali gus berkaitan dengan *Rahmatan lil alamin*.

Cuma soalan saya adalah, selain daripada RM5 juta tersebut, ada tidak kementerian, Yang Berhormat Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri ini, merangka bagaimana contohnya Ahli-ahli Dewan Negara ini berminat untuk sama-sama melebarkan pengetahuan dasar tentang *Rahmatan lil alamin* yang digandingkan dengan 17 SDGs tadi?

Bagaimana kita boleh membantu sama kerajaan untuk memperturunkan perkara ini ke ruang lingkup *networking* kita? Tidak hanya- maknanya hanya kepada Ahli Parlimen Dewan Rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya JAKIM menerima peruntukan dalam Belanjawan 2020 ini sebanyak RM10 juta. Peruntukan RM10 juta ini adalah untuk program *advocacy* dan juga untuk program latihan dan pelbagai program. Boleh kita buka kepada Ahli Dewan Negara yang berminat. Saya sedia menerima cadangan-cadangan bagaimana untuk kita kolaborasi dan untuk

kita kerjasama untuk sama-sama kita membawa agenda negara *rahmah* kepada orang ramai dan juga di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat, apabila masyarakat sivil membaca dengan definisi negara *rahmah* ini, mereka mengatakan definisi negara *rahmah* ini lebih besar daripada definisi *civil society*. Memang besar kerana itulah wawasan kita untuk menterjemahkan *compassionate state* ataupun negara *rahmah* ini kepada satu yang boleh kita laksanakan dari sudut dasar, pemikiran, tingkah laku, hubungan dalam masyarakat dan segala-galanya.

Ya bukan satu perkara mudah. Saya akui bukan perkara mudah. Kita perlukan kolaborasi dengan semua pihak. *Insyah-Allah*, dengan peruntukan RM10 juta itu, kita sedang merencana program untuk tahun hadapan iaitu tahun 2020 dan kita sedia, *insyallah* untuk berbincang. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon soalan tambahan. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana membekalkan kepada kami, buku *Aspirasi Pentadbiran Islam Malaysia Baharu*. Jadi, mudahlah kita hendak tengok dan hendak memahami apa yang sebenarnya dibuat. Cuma saya hendak tanya, pada muka surat 30, didapati kalau kita tengok, teras utamalah dalam konsep *rahmah* yang hendak dikemukakan oleh kerajaan hari ini ialah berkaitan dengan *maqasid* dan juga *rahmah*, ya.

Jadi, memang ditulis di sini, *maqasid* ini adalah menjadi *guiding principles* yang akan diletakkan sebagai asas dalam tadbir urus negara. Jadi, untuk memastikan setiap tindak-tanduk itu dan proses yang hendak dilakukan di peringkat pelaksanaan mematuhi konsep *maqasid syariah*, adakah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan SOP dalam proses membuat keputusan?

Seterusnya, adakah ejen pemantau ataupun *auditing agency* khusus berkaitan dengan *maqasid syariah* macam yang kita ada dalam indeks syariah dulu, Jawatankuasa Khas Kabinet Indeks Syariah. Saya lihat Jawatankuasa Khas Kabinet Indeks Syariah yang dulu itu, saya tidak pasti masih ada kah tidak lagi, mungkin boleh digunakan juga sebagai *process indexing* ataupun *auditing* dalam *maqasid syariah*.

Ini sebab kalau kita biarkan begitu sahaja, sebenarnya semua benda boleh jadi *based on maqasid*, betul tidak? Okey, seterusnya berkaitan dengan konsep *rahmah* juga. Saya suka hendak merujuk pada muka surat 38 berkaitan dengan fokus untuk bergerak menuju masyarakat *rahmah*. Di sini ada tiga fokus utama yang akan dijalankan oleh kementerian. Cumanya, saya tertarik apabila pihak Yang Berhormat Menteri sebelum ini mengatakan apabila kita menjalankan Gagasan Masyarakat *Rahmah*, antara tujuan

utama adalah untuk memupuk perpaduan. Jadi, saya mencari juga, di mana konsep perpaduan itu akan dimasukkan di sini? Jadi, mungkin Yang Berhormat boleh jelaskanlah.

Ketiga, *last* ini, *last* sudah. Ketiga adalah, macam mana kita hendak pastikan di peringkat pelaksana, mereka memahami apa yang hendak dibawa oleh kerajaan? Ini sebab saya bimbang takut jadi seperti sebelum ini. Apabila datang *Islam Hadhari*, *Hadhari* itu dimasukkan secara kosmetik dalam peringkat pelaksanaan. Apabila datang *wasatiyyah*, *wasatiyyah* dimasukkan secara kosmetik dalam peringkat pelaksanaan dan saya bimbang juga ia akan jadi macam ini.

#### ■1540

Contoh, apabila saya baca buku *rahmah* yang dikeluarkan yang diselenggarakan oleh Dr. Izwan daripada JAKIM. Saya lihat contohnya, ada satu artikel berkaitan dengan rahmat dalam kewangan. Oleh sebab saya adalah bekas pensyarah, saya tahu dia punya taktikal untuk menghasilkan *chapter in book* ini.

Jadi, saya lihat contohnya *rahmah* itu dimasukkan di dalam beberapa perenggan di atas yang lain berkaitan dengan kewangan itu diambil seolah-olah *copy-paste* daripada kewangan yang ada. Jadi, bagaimana kita hendak pastikan pelaksanaan itu tidak *reflect* yang dasar-dasar sebelum ini. Sekian, terima kasih. Habis sudah itu soalan.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih di atas keprihatinan. Saya *share concern* tersebut. Dia apabila lulus Dasar Pentadbiran Islam pada 25 Oktober 2019, maka kita ada punca kuasa untuk buat *blueprint*. Jadi *blueprint* ini yang kita sedang bangunkan, *framework* kita sudah ada di mana daripada definisi tadi daripada *guiding principle* tadi ada teras-teras strategiknya, intervensinya di mana inisiatifnya banyak mana, ini semua sedang kita bangunkan Yang Berhormat Senator.

Seperti yang dikatakan tadi, memang ia merupakan cabaran yang besar. Buku tersebut dia *general*, dia tidak menggariskan lagi *blueprint*. Dia hanya bercakap tentang konsep. Memang ramai orang *worry*. Ramai orang risau bahawa konsep itu tidak dapat kita terjemahkan, sebab itu kita bangunkan *blueprint*. Tanpa *blueprint* kita tidak boleh terjemahkan, kami juga akui.

Dia akan jadi kosmetik. Kami juga akui ia akan jadi *lip service* tetapi kita tidak akan lihat penterjemahannya dalam penggubalan dasar, terjemahannya dari segi contoh-contoh inisiatif, program dan tingkah-laku. Kadang-kadang tingkah-laku tidak mencerminkan *rahmah*. Bergaduh, duduk melabel, *judgemental* dan sebagainya.

Jadi, ini satu cabaran bagi kita tetapi kita masukkan dalam *blueprint* itu. Program ini ialah program lima tahun, *insya-Allah* inisiatif ini. Saya sendiri tidak begitu mengatakan lima tahun tidak cukup, kalau boleh 2030 sama dengan SDG sama dengan Wawasan Kemakmuran Bersama untuk capai negara *rahmah* ini, 2030.

Berkenaan dengan indeks syariah, saya ingin menyatakan indeks syariah ialah ukuran. *How syariah compliance* satu-satu dasar ataupun satu-satu program di sesebuah kementerian, satu kayu ukur. Pada pandangan saya, ini saya pun sudah bincang dengan pegawai-pegawai di peringkat kementerian *anything good is Islamic*- sebenarnya. Jadi, kalau indeks syariah kita itu tinggi itu tidak bermaksud kita *Islamic* dari segi *thinking*. Jadi *it is a challenge*, satu cabaran bagi kita.

Di dalam kita mengukur *audit governance by maqasid* syariah ini bukan untuk mengaudit *outcome* tetapi mengaudit proses. Ini kerana dasar itu digubal daripada pemikiran *maqasid* ataupun dasar itu digubal bukan daripada pemikiran *maqasid*. Oleh sebab kalau dasar itu digubal populis contohnya, dia akan kalau ukur indeks syariah dia akan tinggi tetapi tidak semestinya dia ini digubal mengikut proses kefahaman *maqasid* syariah.

Jadi ini cabaran untuk kita supaya kerana pegawai-pegawai kita perlu ada *framework* itu. Ada *framework* yang jelas dan kita perlu gabungkan bukan sahaja *maqasid* syariah, SDG, Wawasan Kemakmuran Bersama. *Guiding principle* inilah yang akan menentukan apa dasar yang kita buat yang menentukan sama ada kita lihat perkara ini betul kah atau tidak betul.

Contohnya, apabila kadang-kadang pentadbiran ini bila *pressure* atau tekanan daripada orang ramai kita boleh *succumb* kerana kita mungkin hendak jadi populis. Akan tetapi, kalau kita betul-betul berpegang kepada pegangan dasar yang digubal mengikut pemikiran *maqasid syariah* kita kan pertahankan, *insya-Allah*.

Jadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is not just the outcome that we audit, is just also the process*. *Insya-Allah* ini benda-benda yang saya kalau diberi izin, *insya-Allah* untuk terus tugas ini saya akan terus pantau, *insya-Allah*. Saya ingin teruskan kepada soalan Yang Berhormat...

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya ada sedikit soalan berkenaan dengan rujukan kepada *maqasid syariah* itu sendiri. Ke mana tempat rujuknya? Itu sangat penting. Kalau kita tidak jelas tempat rujukan *maqasid* itu dia akan hanyut. Sebagaimana kita belajar dalam syariat rujukan *maqasid* itu ialah al-Quran, as-sunah, *ijma'* dan *qias*. Itu perlu diperkemas supaya kita tidak hanyut. Itu satu.

Kedua berkenaan dengan sektor perundangan. Saya rasa dalam banyak sektor itu maka sektor perundanganlah yang paling sukar untuk dilaksanakan. Jadi, saya ingin tahu sejauh mana usaha kerajaan untuk mengharmonikan di antara syariat dengan

undang-undang yang sedia ada ataupun undang-undang yang akan digubal supaya undang-undang yang sedia ada ini mematuhi syariat dan undang-undang yang akan digubal itu akan mematuhi syariat.

Jadi, kalau undang-undang itu bercanggah dengan syariat dengan sendiri dia tidak akan berlaku rahmat dan akan berlaku macam-macam. *Rahmah* itu mestilah tunduk dan patuh kepada syariat Allah SWT, tuan kepada dunia ini. Kalau ia bercanggah mana melawan arus perdana dan tidak akan berlaku rahmat itu. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Mustafa. Ya, betul kita setuju bahawa memang rujukan kita tidak lari daripada al-Quran dan as-sunah, *ijma'* dan *qias*. Berkenaan dengan sektor perundangan, saya ingin maklumkan bahawa di bawah Jabatan Perdana Menteri- Hal Ehwal Agama Islam ini ada 14 agensi.

Sebelum ini sejumlah 14 agensi ini berfungsi silo. Ia bekerja secara silo bersendirian, masing-masing. JAKIM, YAPIM, YADIM, JAWI, MAWIP dan sebagainya. Akan tetapi pada hari ini kita sudah pun *cross agencies* mengikut kluster. Jadi, ada tujuh kluster yang kita gabungkan agensi-agensi ini. Antaranya kluster masjid, dakwah dan undang-undang ini salah satu daripada kluster.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan penggubalan undang-undang, penelitian undang-undang sedia ada, *review* balik juga *review* kepada mungkin fatwa yang sedia ada, ini semua termasuk dalam kluster ini dan kluster ini ada dia punya intervensi-intervensi yang perlu dibuat.

Antaranya ialah melihat semula kepada undang-undang di mana yang kita perlu pinda, di mana kita perlu perbaiki dan sebagainya. Kerjanya banyak sebenarnya. Kita juga akur bahawa tanpa kalau kita tidak patuh kepada tuntutan al-Quran apa yang diberikan sebagai garis panduan kepada kita orang Islam, tidak datanglah *rahmah* nya itu. Akan tetapi kita juga, oleh sebab terlalu banyak benda yang perlu dibuat, ada juga *priorities*-nya.

Kita tidak mampu buat segala-galanya. Contoh saya beritahu kepada Yang Berhormat Senator, contohnya apabila kita ada sekolah tahfiz. Apabila ada sekolah tahfiz yang kadang-kadang ada aduan-aduan. Kadang-kadang kita tidak boleh ambil tindakan, kerana apa? kita tidak ada undang-undang. Jadi penggubal undang-undang, pindaan undang-undang dan sebagainya yang kita lihat bahawa contohnya wakaf selama ini potensinya begitu besar tidak dibangunkan tetapi perlu juga kepada bawa undang-undang baru, bawa penggubalan undang-undang, penggubalan dasar, perkasakan agensi sedia ada dan sebagainya.



Jadi, *insya-Allah* semuanya dalam pelan strategik itu tetapi ada *priority-priority* sebab saya pun kadang-kadang rasa sudah terlalu banyak yang hendak dikejar tetapi *insya-Allah* doakan kami, kami memang mahu menghala ke arah itu, *insya-Allah*.

Saya teruskan kalau boleh diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan mahkamah, berkenaan dengan cerai *fast track*, Mahkamah Khas Hadanah dan Mahkamah Khas Nafkah. Perkataan yang diguna oleh Yang Berhormat Senator Hajah Noridah ialah perceraian ekspres. Saya guna perkataan *fast track*.

#### ■1550

Ini kerana perkataan ini, istilah ini dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah Selangor. Dia memperkenalkan perceraian secara *fast track* sejak tahun 2015. Inisiatif ini bermatlamat untuk mempercepatkan proses penyelesaian kes perceraian di bawah peruntukan seksyen 47, Permohonan Perceraian, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Jadi kalau dulu 90 hari permohonan itu, sekarang ini dipercepatkan kepada enam jam bekerja. Skop pelaksanaan proses kerja *fast track* ini adalah melibatkan proses permohonan perceraian dengan talak dengan syarat suami isteri hadir, persetujuan bersama untuk bercerai secara baik, keadaan isteri suci dan tidak berlaku persetujuan dalam tempoh suci tersebut dan mahkamah berpuas hati dengan alasan pecah belah ataupun *syiqaq* dalam perkahwinan.

Jadi statistik kes perceraian *fast track* mulai tahun 2016 sebanyak 3,519 kes. Bagi tahun 2017, sebanyak 2,238 kes dan tahun 2018 sebanyak 2,265 kes dan tahun 2019 sebanyak 2,521 kes di mana jumlah keseluruhan adalah sebanyak 10,543 kes. Kesemua kes ini berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang dari enam jam berbanding dengan 90 hari sebelum program ini diperkenalkan. Ini di Selangor sahaja.

Mahkamah Khas Hadanah buat masa ini dalam peringkat libat urus bersama agensi-agensi kerajaan berkaitan sebelum beroperasi sepenuhnya. Buat masa ini, kes-kes berkaitan hadanah dijalankan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagaimana bidang kuasa yang telah diberikan melalui seksyen 46 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993. Begitu juga peruntukan yang sama, terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri berkait kes hadanah adalah dilaksanakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

Walau bagaimanapun, pengendalian kes nafkah di Mahkamah Khas Bahagian Nafkah telah beroperasi pada 1 September 2019 yang lalu di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang telah dikhususkan dan beroperasi mengendalikan kes-kes nafkah dan permohonan-permohonan lain yang berkaitan dengannya. Jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan bermula pada 1 September 2019 hingga November 2019 adalah sebanyak 81

kes. Kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak 55 kes manakala kes masih dalam prosiding adalah sebanyak 26 kes.

Ini bermakna program ini memberi impak yang positif dan berjaya mempercepatkan tempoh penyelesaian kes nafkah dari 14 bulan kepada 6 bulan. Ini adalah merupakan satu inovasi yang dilaksanakan bagi membantu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Berdasarkan rekod statistik yang diperolehi daripada sistem pengurusan kes mahkamah syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), ini pertanyaan berkenaan dengan kes penceraian. Kes penceraian, kita bagi secara bertulislah sebab panjang ya Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, sebelum ke kes penceraian, sedikit penjelasan boleh mengenai hadanah tadi? Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri melihat setakat hari ini kedudukan undang-undang yang membebaskan si isteri untuk membuktikan apabila nafkah tidak dibayar. Saya menjangkakan sekiranya tidak bersalahan dari segi syariah mungkin ketua hakim ada di sana, bahawa kadang-kadang saya kasihan pada golongan isteri ini, dahlah kadang suri rumah, kemudian hendak buktikan tidak bayar semua itu.

Ini sebab saya tengok kes-kes macam itu sekiranya beban pembuktian dikenakan bukan kepada si isteri tetapi kepada si suami, saya rasa kemungkinan ia akan lebih memudahkan terutama isteri-isteri yang tidak semua yang mempunyai pendidikan, mempunyai rekod yang baik. Jadi ini ialah saya rasa salah satu mungkin ruang untuk kes-kes nafkah ini dapat dipercepatkan. Ini pandangan saya sekiranya tidak bersalahan dari segi kedudukan syariah.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira segala perkara-perkara yang inovatif begini memang JKSM sentiasa mencari jalan untuk penambahbaikan. Dia tulis tidak boleh baca [*Ketawa*]

Mahkamah Rayuan Syariah, dia bukan di Mahkamah Tinggi, di Mahkamah Rayuan akan diminta berkenaan dengan bahan bukti daripada pihak lelaki. Kes yang tadi kita buat di Mahkamah Tinggi kan, kemudian di Mahkamah Rayuan kita boleh gunakan yang ini. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Senator mencadangkan di Mahkamah Tinggi, pun digunakan *burden of proof* kepada pihak lelaki, saya boleh minta JKSM untuk kaji. Okey, terima kasih.

Saya terus ya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan memperkasakan undang-undang syariah. Meningkatkan kompetensi dan prestasi mahkamah syariah negeri-negeri. Apa dia dasar dan strategi untuk mempertingkatkan kompetensi dan prestasi mahkamah syariah negeri-negeri. Pertama, memperkasakan undang-undang syariah. Menggubal model draf undang-undang bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman

antara negeri-negeri seluruh Malaysia. Kerajaan sedang dalam proses menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri seluruh Malaysia dari segi kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman.

Kerajaan juga melalui Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang telah menjalankan kajian untuk menambah baik undang-undang syariah melibatkan undang-undang keluarga Islam, tatacara jenayah syariah, tatacara mal, mahkamah syariah dan undang-undang keterangan mahkamah syariah.

Perkara yang ini semua dah selaras tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, undang-undang kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri yang selama ini kita tidak dapat diselaraskan, baru-baru ini kita bawa kepada MKI, telah pun dipersetujui untuk diselaraskan. Ini satu pencapaian ya sebab selama ini memang tidak boleh, kita tidak capai untuk menyelaraskan undang-undang jenayah syariah. Akan tetapi kita dah capai persetujuan di peringkat MKI baru-baru ini, *alhamdulillah*.

Kemudian, mewujudkan undang-undang baharu. Kerajaan komited dalam menggubal undang-undang syariah yang baharu. Antaranya ialah yang kita baru luluskan Akta Profesion Guaman Syarie Wilayah-wilayah Persekutuan 2019 dan diwartakan pada 29 November 2019 yang lalu. Kedua ialah Rang Undang-undang Wakaf yang akan dibawa pada bulan April nanti.

Kemudian, memperkasakan pentadbiran kehakiman syariah. JKSM sedang mengkaji untuk meningkatkan hierarki mahkamah syariah bagi memberi keadilan dan peluang kepada pihak-pihak untuk menyemak dan merayu kes-kes yang telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah Negeri-negeri untuk menambah satu lagi *layer* rayuan. Peringkat Mahkamah Syariah Tambahan akan dibuat secara berfasa untuk menjadikan penambahan peringkat mahkamah syariah secara progresif kepada empat dan kemudian lima.

Ia bermula dengan empat, bermula dengan menambahkan rayuan lagi satu *layer* supaya kita memberi ruang lebih untuk merayu dan kemudian untuk menambah *layer* yang lagi satu daripada mahkamah rendah, mahkamah tinggi, mahkamah lagi satu *layer* menjadikan kesemuanya lima peringkat. Itu berfasa-fasa dan bermula dengan tambahan *layer* kepada rayuan.

Platform Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) akan digunakan untuk tujuan penyeragaman negeri-negeri dan pindaan enakmen berkaitan. Memperkasakan mahkamah syariah melalui cadangan pengkhususan pengendalian kes hadanah dan nafkah yang dikatakan tadi.

Pembangunan prasarana mahkamah syariah juga di mana kompleks mahkamah syariah baharu di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri diberi perhatian seperti projek

pembinaan mahkamah syariah yang baharu di negeri Sabah dan Pahang yang sedang dalam proses pembinaan dan menaik taraf sistem *e-Syariah* kepada sistem *e-Syariah* yang baharu iaitu versi tiga untuk penambahbaikan sistem pengurusan kes dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di mahkamah syariah seluruh Malaysia. Kita juga memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran dan kompetensi pegawai syariah.

#### ■1600

Usaha untuk meningkatkan kompetensi pegawai kehakiman dan perundangan syariah seluruh negara sentiasa dilaksanakan melalui langkah-langkah penekanan yang serius kepada falsafah disiplin *maqasid syariah*. JKSM juga telah mengorak langkah menyemak dan menambah baik modul-modul latihan pegawai perundangan dan kehakiman syariah bagi meningkatkan kualiti dan menepati kompetensi pegawai perundangan dan kehakiman syariah mengikut kehendak semasa, membina minda *maqasid syariah* di kalangan pegawai-pegawai syariah melalui pelaksanaan modul latihan Akademi Latihan Syariah melalui kerjasama dengan institut latihan awam seperti ILIM, Institut Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan lain-lain sehinggalah akademi latihan syariah mempunyai prasarannya sendiri.

Selain itu, JKSM juga sedang mengorak langkah membina jaringan kerjasama antarabangsa melibatkan perkongsian pintar struktur kehakiman dan perundangan syariah. Arahan amalan Mahkamah Syariah sehingga tahun 2018, JKSM telah mewujudkan 210 arahan amalan untuk diguna pakai di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia bagi tujuan penyelarasan pemakaian hukum syarak dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah. Arahan amalan ini sentiasa disemak dan di kemas kini dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan.

Bagi kes rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah menetapkan petunjuk aras bagi penyelesaian kes-kes rayuan syariah dalam tempoh enam bulan dari mula kes didaftarkan di JKSM bagi negeri-negeri yang menggunakan khidmat panel hakim rayuan syariah di JKSM. Hal ini dapat mempercepatkan lagi penyelesaian kes-kes rayuan di Mahkamah Syariah dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan pengurusan kes rayuan.

Saya pergi seterusnya kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Nuridah berkenaan dengan modul pra perkahwinan dan pasca perkahwinan di mana Yang Berhormat Senator mencadangkan supaya ada elemen undang-undang di dalam modul, diperkenalkan elemen undang-undang di dalam modul latihan pra perkahwinan dan pasca perkahwinan.

Saya dimaklumkan, saya rasa kalau saya hendak baca panjang, di dalam semua latihan-latihan ini, dalam modul-modul ini ada dimasukkan berkenaan dengan seksyen-seksyen berkaitan dengan di bawah Akta 303 berkenaan dengan kesalahan berkaitan dengan perkahwinan seperti pernyataan palsu, poligami tanpa kebenaran dan sebagainya memang ada dalam kursus tersebut. Akan tetapi bila saya tanya kepada pegawai dia orang dengar tidak. Dia orang dengar tidak apabila kursus itu berkenaan dengan aspek undang-undang ini.

Jadi mungkin dia orang tidak dengar sangat sebab hendak kahwin. Jadi dia pergi kursus itu sebab wajib pergi kursus. Jadi bila ada masalah, seolah-olah macam dia tidak tahu maklumat tersebut sedangkan dalam modul ini, kita periksa, memang ada dalam modul. Banyak dan panjang. Kalau Yang Berhormat hendak, saya bagi secara bertulis semua seksyen-seksyen yang dimuatkan di dalam modul latihan pra perkahwinan dan pasca perkahwinan.

Jadi, saya kira itulah saja Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah berbahas. Sekiranya ada lagi perkara-perkara yang saya tertinggal, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bangkitkan dan kita boleh beri jawapan bertulis dan saya ucapkan terima kasih di atas segala perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah binti Salleh yang telah menerangkan dengan panjang lebar dan tepat.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin. Dipersilakan.

#### **4.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menjawab soalan-soalan yang melibatkan banyak sebenarnya agensi. Saya juga terpaksa, dengan izin, *cover* yang melibatkan agensi seperti di bawah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga.

Saya ingin mulakan, Tuan Yang di-Pertua kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk John Ambrose berkaitan dengan isu adakah kerajaan bercadang memastikan APM juga mendapat peruntukan tambahan RM24 juta untuk menampung pelaksanaan kenaikan elaun.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai kenaikan elaun sebanyak RM2 sejam kepada anggota RELA yang minta dipanjangkan kepada anggota sukarela Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) mulai tahun 2020. Untuk makluman Yang

Berhormat, kerajaan secara dasarnya bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM24 juta kepada APM bagi maksud pembayaran tersebut.

Kenaikan ini akan menjadikan kadar elaun yang baharu bagi penugasan anggota sukarela adalah sebanyak RM9.50 sen sejam iaitu pertambahan sebanyak RM2. Dulu RM7.80, sekarang RM9.80 bagi pegawai dan RM8 daripada RM6 sejam bagi anggota lain-lain pangkat. Kerajaan seterusnya Kementerian Kewangan akan menyegerakan kelulusan dan peruntukan sebaik menerima surat justifikasi daripada pihak Jabatan Perdana Menteri mengenai kenaikan elaun tersebut.

Seterusnya saya ingin berpindah kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin mengenai NADMA. Yang Berhormat membangkitkan isu pengurusan bencana dan mencadangkan untuk memastikan wakil Exco Negeri yang memegang portfolio berkaitan dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri agar memudahkan penyelesaian pengurusan bencana.

Untuk makluman Yang Berhormat, Arahan Nombor 2020 Majlis Keselamatan Negara telah meletakkan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan keahlian KPBN ini terdiri daripada ketua-ketua jabatan, agensi peringkat negeri yang terlibat dalam pengurusan bencana.

Perkara-perkara yang dibincangkan di peringkat JPBN perlu sentiasa dibentangkan kepada Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun Yang Berhormat Ketua Menteri dan dianggotai oleh Exco-Exco Negeri. Oleh yang demikian, Exco-Exco boleh menggunakan platform JKNN untuk memberikan syor atau mengajukan soalan berkaitan pengurusan bencana negeri masing-masing.

Seterusnya isu berkaitan dengan perjanjian juga boleh dibangkitkan semasa Mesyuarat Exco di setiap negeri di mana Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengerusi JPBN yang merupakan ahli. Di samping itu, Exco ataupun wakil-wakil rakyat juga boleh menyampaikan pandangan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah masing-masing dipengerusikan oleh pegawai daerah yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak juga membangkitkan tentang- sekarang saya pindah kepada SPR. Siapakah pihak yang bertanggungjawab- eh, minta maaf! Masih NADMA.

Siapakah pihak bertanggungjawab melatih pakar menangani bencana mengikut jenis bencana terutama bagi negeri yang kerap ditimpa bencana? Untuk makluman Yang

Berhormat, NADMA bertanggungjawab untuk menetapkan dasar latihan berkaitan pengurusan bencana negara.

NADMA juga akan mengadakan program-program latihan dan simulasi, untuk menguji *standard operating procedure* (SOP) sesuatu bencana yang melibatkan pelbagai agensi dan pihak. Walau bagaimanapun, agensi jabatan teknikal masing-masing bertanggungjawab untuk merancang dan melatih pakar untuk menangani bencana berdasarkan bidang tanggungjawab masing-masing serta dasar yang terbentuk dan diselaraskan oleh NADMA.

Yang Berhormat Puan Asmak juga membangkitkan adakah kerajaan berhasrat menaikkan pemberian mengikut bilangan orang kepada negeri mengikut pindaan terakhir tahun 2006 purata per kepala rakyat Kelantan iaitu sebanyak RM14.60. Apakah alasan Yang Berhormat mencadangkan ia dinaikkan?.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya soalan ini adalah berkaitan dengan Kementerian Kewangan, maka saya telah mengarahkan pegawai saya untuk memberikan notis kepada Kementerian Kewangan untuk menjawab soalan ini. Yang Berhormat sekarang saya berpindah kepada agensi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Ini soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad yang mencadangkan agar kerajaan terutama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) memberikan pandangan kepada Orang Asli terhadap kepentingan pengundi dan apa hak mereka sebagai pengundi serta penerangan mengenai undi 18 tahun.

■1610

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR melalui Akademi Pilihan Raya (APR) sentiasa menjalankan program-program pendidikan pengundi bagi memberi kesedaran dan kefahaman kepada seluruh rakyat Malaysia tentang proses pilihan raya yang diadakan di negara ini sehingga 4 Disember 2019, APM telah menjalankan sebanyak 284 Program Pendidikan Pengundi dan Pendidikan Sivik Pilihan Raya dengan jumlah penyertaan seramai 95, 368 orang.

Ini termasuklah program bersama dengan komuniti Orang Asli Pos Lenjang dan juga Pos Titum di Negeri Pahang yang telah dianjurkan pada 21 hingga 24 November 2019 yang melibatkan seramai 800 orang. APM juga sentiasa bersedia untuk bersama dengan JAKOA dan jabatan agensi kerajaan lain dalam usaha untuk memberi kesedaran dan pendidikan pilihan raya kepada lebih komuniti Orang Asli.

Ini setiap kali Yang Berhormat adalah melibatkan tahun lepas ya untuk tahun-tahun ini tahun depan *insya-Allah* akan diteruskan lagi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu yang berkaitan dengan SPR. Justeru itu, JPM akan mengambil

perhatian tindakan ke atas cadangan dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Asmak juga- banyak ya soalan Yang Berhormat Asmak ini. Beliau membangkitkan tentang beberapa isu berkaitan reformasi Dewan Negara antaranya adalah apakah langkah yang dilaksanakan seterusnya selepas laporan oleh Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara? saya rasa tadi pagi kita telah mendapat maklumat bahawa akan ditubuhkan kaukus ya Dewan Negara ini jadi saya rasa yang itu Yang Berhormat menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa mendengar dan ingin membuat perubahan kepada Jawatankuasa Reformasi Dewan Negara.

Yang Berhormat Senator juga ingin tahu bilakah kerajaan akan mengembalikan Akta Perkhidmatan 1963 yang di uar-uar kan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2018 mengikut autonomi Parlimen? Ahli Yang Berhormat Parlimen Malaysia dalam usaha memenuhi janji 16 seperti terkandung dalam Buku Harapan sedang mengkaji dan menyediakan undang-undang yang bersesuaian agar Parlimen mempunyai pentadbiran sendiri sebagai institusi bebas. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan agar diadakan latihan supaya gerak kerja pemeraksanaan Dewan Negara lebih efektif di mana Dewan Negara sebagai pusat revisi di Parlimen.

Ahli-ahli Yang Berhormat, latihan bagi Ahli Dewan Negara dan urus setia dicadangkan untuk diperhalusi di dalam *caucus* Reformasi Dewan Negara bagi melihat bentuk latihan yang sesuai pada Dewan Negara serta penglibatan *resource person* daripada pertubuhan antarabangsa dan parlimen-parlimen luar negara. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya menaiktarafkan penyediaan penyelidikan di Parlimen kerana sehingga kini masih terdapat pegawai kontrak yang disambung setiap dua tahun dan bahagian ini perlu diketuai oleh ahli akademi peringkat tertinggi.

Ahli Yang Berhormat, pada masa ini bahagian penyelidikan dan perpustakaan telah diperuntukkan dengan 20 perjawatan yang diketuai oleh setiausaha bahagian Pegawai Penyelidik Gred 54 iaitu terbuka dan 15 Pegawai Penyelidik Gred 48 yang juga terbuka dan empat orang Pegawai Kakitangan Perpustakaan Parlimen.

Kesemua 15 jawatan Pegawai Penyelidik Gred 48 yang juga terbuka itu diisi melalui pelantikan secara kontrak selaras dengan pekeliling perkhidmatan bilangan 2 tahun 2008 Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak bertujuan untuk mendapatkan calon daripada luar perkhidmatan awam yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang penyelidikan.

Pengalaman yang diperlukan oleh Pegawai Penyelidik Gred 48 adalah sekarang ini 10 tahun dalam bidang yang berkaitan. Tuan-tuan ini boleh dimohon oleh mana-mana individu yang mempunyai syarat termasuk ahli akademi. Yang Berhormat



juga membangkitkan tentang kegunaan bilik ya di bahagian Dewan Negara di bangunan baharu Parlimen.

Untuk makluman Yang Berhormat projek kerja-kerja naik taraf dan baik pulih bangunan Parlimen Malaysia fasa 3B yang mengandungi blok Ahli Parlimen dan pentadbiran dan Dewan serba guna dijangka akan disiapkan dan diserahkan pada 15 Januari 2020, tahun depan ya.

Dengan siapnya blok Ahli Parlimen dan pentadbiran ini nanti akan memberikan kemudahan dan keselesaan kepada Ahli Parlimen, pegawai-pegawai kementerian dan pegawai kakitangan Parlimen. Bila saya katakan Ahli Parlimen itu saya juga merujuk kepada Dewan Negara ya antaranya ialah tujuh buah bilik Ahli Parlimen untuk kegunaan Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat secara *sharing* ya konsep *sharing* dan 35 buah bilik kementerian untuk kegunaan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Selain daripada itu, tempat-tempat lain yang disediakan seperti *lounge* Ahli Parlimen, perpustakaan, kafeteria, surau, *business center* dan kemudahan rekreasi seperti sauna, gimnasium, gelanggang tenis, dan gelanggang badminton dapat digunakan sepenuhnya pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 mulai 9 Mac 2020 nanti. Yang Berhormat semua kalau sudah siap nanti saya rasa Yang Berhormat tidak hendak balik lagi sudah, hendak duduk Parlimen sahaja...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Mencilah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Siapa? Oh silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya hendak balik tadi soalan keupayaan Pegawai Penyelidik di Dewan Negara. Saya rasa perlu ada satu *training* untuk penyelidik. Pengalaman saya apabila saya minta maklumat-maklumat untuk bahan-bahan ucapan saya, pegawai tidak memberi statistik yang jelas. Hanya di *print* kan dan *email* kepada saya.

Sehingga hari ini saya tidak dapat jawapan soal berapa peratus kah *performance* kepada kementerian di dalam melaksanakan bajet? Nampak macam pegawai penyelidik itu tidak dilatih dan tidak mempunyai keupayaan untuk buat *research*. Itu saya rasa ini kena diberi latihan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya akan memastikan apa Yang Berhormat cadangkan itu kita akan ambil kira ya sebab saya rasa saya bersetuju dengan Yang Berhormat sepatutnya pegawai penyelidik ini patut terlatihlah untuk boleh membantu semua Ahli-ahli Parlimen tidak kira Dewan Negara atau Dewan Rakyat. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan yang amat bernas itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya pergi kepada Yang Berhormat Datuk Rahimah binti Haji Mahamad ada ya? Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada, ada, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Beliau ingin tahu bagaimanakah komitmen kerajaan dalam memastikan ketetapan dan perancangan yang dibangunkan oleh Pusat Governance Integrity dan Anti Rasuah Nasional (GICC) daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memastikan tidak ada ruang rasuah atau penerimaan hadiah yang masih berlaku iaitu di kalangan penjawat awam tertinggi, GLC dan Badan Berkanun.

Untuk maklumat Yang Berhormat, bagi memastikan takbir urus baik dan gejala rasuah di negara kita terus terkawal GIACC dengan kerjasama kementerian dan agensi berkaitan terus komited melaksanakan pemantauan berkala ke atas pelaksanaan 115 inisiatif melibatkan enam bidang keutamaan yang terkandung dalam Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019 hingga 2023 iaitu pertamanya Yang Berhormat:

- (i) Takbir Urus Politik;
- (ii) Pentadbiran Sektor Awam;
- (iii) Perolehan Awam;
- (iv) Perundangan dan Kehakiman;
- (v) Penguatkuasaan Undang-undang; dan
- (vi) Takbir Urus Korporat.

Justeru itu bagi memastikan tiada ruang rasuah atau penerimaan hadiah di kalangan penjawat awam tertinggi dapat di kawal melalui mekanisme yang teratur selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti dan sekarang memuktamadkan pindaan berkaitan peraturan pegawai penjawat awam termasuk yang melibatkan dasar penerimaan hadiah di kalangan pegawai awam dan dijangka selesai pada tahun 2020.

Perkara ini juga selaras dengan objektif strategik NACP bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dan pentadbiran kerajaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 8, Bilangan 3, Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Mei 2019 telah bersetuju supaya salah satu daripada lima skop NACP yang diklasifikasikan sebagai Indikator Prestasi Menteri, *Ministerial Performance Indicator* (MPI) untuk dilaksanakan oleh semua kementerian. Salah satu skop tersebut adalah berhubung perwujudan dan pelaksanaan dan dasar penerimaan hadiah. Skop MPI juga secara tidak langsung tidak meletakkan akauntabiliti Yang Berhormat Menteri berdasarkan penerimaan hadiah dilaksanakan di kementerian dipatuhi oleh semua pegawai awam kementerian.

Selain itu, kerajaan juga pada Oktober 2019 telah mengeluarkan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No.1, Tahun 2018, Siri Satu, No.1/2018 berhubung penubuhan Unit Integriti dan Governance (IGU) di GLCC termasuk syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kementerian dan agensi kerajaan termasuk di bawah kerajaan negeri. Penubuhan IGU ini juga kini berupaya membantu GLC dan syarikat berkaitan dalam pengukuhan kawalan dalaman bagi mencegah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di samping meningkatkan ekonomi negara melalui budaya perniagaan yang bersih dan sihat.

Yang Berhormat sekarang Yang Berhormat saya dapati hadiah pun dapat buah-buahan dan juga buku ya sampai sudah tidak ada tempat Tuan Yang di-Pertua hendak letak buah-buahan, peti ais pun sudah penuh sudah.

Seterusnya Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah telah menyoal apakah kerajaan sedar dengan mewujudkan IPCMC akan mempunyai satu kemungkinan matlamat tersebut tersirat untuk melemahkan pengurusan undang-undang dan memberi peluang *new terrorism* dan subversif bergerak bebas.

Isu yang dibangkitkan adalah isu yang sama semasa sesi menjawab soalan tambahan bagi pertanyaan menjawab lisan nombor tiga iaitu mengenai IPCMC pada 21 Disember 2019. Saya ingin tegaskan Yang Berhormat kerajaan sekali lagi menafikan pendakwaan IPCMC akan melemahkan pengurusan undang-undang, memberi peluang *new terrorism* dan subversif bergerak bebas kerana tujuan utama penubuhan IPCMC adalah untuk memperkasakan institut kepolisan serta meningkatkan imej PDRM pada mata masyarakat. Oleh itu tidak timbul isu IPCMC akan mengganggu tugas pasukan polis dalam menguatkuasakan undang-undang dan menjaga keselamatan negara.

#### ■1620

IPCMC juga bukan setakat untuk menerima aduan salah laku pihak polis tetapi juga untuk membantu meningkatkan integriti anggota polis. Malah IPCMC juga akan memastikan kebajikan anggota PDRM diambil berat oleh semua pihak. Pada masa yang sama matlamat tersurat penubuhan IPCMC adalah untuk menjadikan pasukan PDRM sebagai pasukan yang disegani dan dihormati serta menambah baik persepsi rakyat terhadap PDRM.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong membangkitkan tentang isu- adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula jawatan Setiausaha Parlimen bagi memartabatkan lagi institusi Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Setiausaha Parlimen adalah hak prerogatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Perkara 43B Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, buat

masa ini tidak ada keperluan untuk jawatan tersebut. Maka kita masih lagi mengekalkan urusan yang lama iaitu kita telah tidak melantik Setiausaha Parlimen.

Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong juga membangkitkan tentang rombakan Kabinet dan memohon agar rakyat mendapat perkhidmatan terbaik daripada kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah sepenuhnya budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang semua kita tidak boleh hendak mengganggu lah budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind mencadangkan kerajaan memberi elaun khas kepada semua anggota SPRM sebagai motivasi dan perangsang untuk terus membanteras rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat selaras dengan langkah-langkah memperkasa SPRM, beberapa inisiatif sedang dikaji dengan meletakkan kepentingan rakyat serta keadilan dan kesaksamaan undang-undang sebagai keutamaan.

Antara cadangan yang dikemukakan adalah, SPRM kini sedang mengkaji dan mengesyorkan bagi mendapatkan pertimbangan kerajaan untuk menaikkan kadar saraan bagi pegawai SPRM iaitu meletakkan skim perkhidmatan pegawai SPRM di tahap yang kompetitif dan selayaknya.

Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind juga mencadangkan supaya kadar Bayaran Inisiatif Pencegahan Rasuah (BIPR) dibuat semakan semula sebagai satu imbuhan untuk memperkasakan kebanyakan warga kerjanya agar mempunyai budaya kerja cemerlang serta meningkatkan kualiti operasi secara keseluruhannya. Ini adalah sejajar dengan perkembangan semasa di mana jenayah rasuah semakin kompleks dan rumit. Keupayaan sumber manusia ini memerlukan komitmen serta kemahiran tinggi dalam penguatkuasaan dan juga pencegahan rasuah.

Seterusnya berpindah pada Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga telah membangkitkan berapakah jumlah kes- SPRM dan SIAP bagi kes salah guna kuasa rasuah dan integriti oleh penjawat awam, pihak swasta dan orang ramai dan orang awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun ini sehingga November Yang Berhormat, SPRM telah membuka sebanyak 1,031 kertas siasatan bagi kes-kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Daripada jumlah tersebut, 545 kes melibatkan penjawat awam. 179 kes pula melibatkan pekerja di sektor swasta dan selebihnya adalah kes-kes yang melibatkan orang awam.

Pihak SIAP pula telah melaporkan telah menerima sebanyak 121 aduan bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, 36 aduan adalah bersifat rasuah dan kesemuanya telah dirujuk pada tindakan SPRM. Manakala 85 lagi adalah aduan

melibatkan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram, *money laundering* yang masih lagi dalam tindakan agensi disebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh ada? Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh membangkitkan isu berkenaan ketirisan dan ingin tahu jumlah yang memberi dan menerima rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 hingga 2023 telah diperkenalkan pada Januari 2019 merupakan bukti komitmen kerajaan sekarang adalah antara lain untuk membendung rasuah salah guna kuasa melalui penambahbaikan kepada tadbir urus politik pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan penghakiman serta penguasaan undang-undang dan juga tadbir urus korporat. NACP juga memperlihatkan bukti kesungguhan kerajaan membentuk ekosistem yang akan memerangi segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa.

Tadi Yang Berhormat membangkitkan tentang adakah kerajaan ingin membuat satu undang-undang mengenai isu ketirisan ini. Yang Berhormat, kita perlu pinda undang-undang Yang Berhormat kerana buat masa ini Yang Berhormat, tidak ada undang-undang yang khusus tentang tindakan yang boleh ambil oleh pihak SPRM mengenai ketirisan. Apa yang berlaku Yang Berhormat, bila ada ketirisan, tindakan tatatertib diambil berdasarkan laporan audit dan sebagainya. Akan tetapi tindakan undang-undang jenayah setakat ini tidak ada tindakan diambil.

SPRM juga telah dipertanggungjawabkan untuk usaha-usaha meminda akta pencegahan rasuah yang sedia ada untuk merealisasikan objektif strategik ini iaitu NACP telah meletakkan tempoh masa lima tahun daripada 2019 hingga 2023. Manakala lima tahun untuk cuba meminda undang-undang yang berkaitan. Daripada segi mereka yang telah disabitkan bersalah Yang Berhormat sehingga November 2019, seramai 23 orang telah disabitkan dengan kesalahan memberi rasuah, manakala seramai 16 orang telah disabitkan dengan kesalahan menerima rasuah.

Saya ulang Yang Berhormat, 23 orang telah disabitkan dengan kesalahan memberi rasuah manakala seramai 16 orang telah disabitkan dengan kesalahan menerima rasuah. Tidak ada soalan tambahan ?

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Banyak Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin ini. Rajin ya. Tadi telah dibangkitkan dengan Yang Berhormat Fauziah tentang *dispute case*, kes-kes yang dipertikaikan berkaitan dengan kes wakaf. Adakah kes ini berkaitan dengan kes wakaf ini didengar di bawah mahkamah sivil atau didengar di bawah mahkamah syariah.

Yang Berhormat juga membangkitkan keberkesanannya memerlukan- sivil dan *Islamic finance*. Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang perkara berkaitan undang-

undang syariah semata-mata adalah akan jatuh di bawah bidang kuasa mahkamah syariah termasuklah perkara-perkara wakaf. Ini diperuntukkan dalam Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Namun jika ia berkaitan dengan transaksi atau instrumen berdasarkan muamalat syariah- atau instrumen perjanjian wakaf ia akan jatuh di Mahkamah Muamalat. Contohnya Yang Berhormat menguatkuasakan atau membatalkan surat ikatan wakaf.

Ketiga, bagi perkara berkaitan hartanah semata-mata yang melibatkan Kanun Tanah Negara tanpa sebarang isu undang-undang muamalat, maka ia jatuh di bawah bidang kuasa mahkamah sivil khususnya mahkamah *New Civil Court* (NCvC). Akan tetapi Yang Berhormat, secara umumnya mahkamah menerima apa sahaja kes yang difailkan oleh peguam.

Jadi, terpulang pada peguam kalau mahkamah rasakan lepas difailkan itu didapati bukan bidang kuasa mahkamah, mahkamah ada hak untuk membatalkan ataupun berdasarkan permohonan daripada pihak satu lagi lah. Itu secara umumnya Yang Berhormat tentang isu wakaf lah.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon bertanya. Sedikit sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ya sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan kes-kes berkaitan dengan wakaf ini kita ada banyak inovasi wakaf baharu. Jadi, saya ingin bertanya adakah kita mempunyai persediaan kepakaran dari sudut mendengar kes-kes berkaitan wakaf, *Islamic finance* sekarang ini terutama dari sudut inovasi-inovasi baharu. Sekian terima kasih. Bawah muamalat *batch* lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Yang Berhormat, saya akui untuk makluman Yang Berhormat- sebelum itu saya terangkan dulu tentang prosiding 'bank muamalat'- eh, bukan bank muamalat, tetapi Mahkamah Muamalat. Yang Berhormat, Mahkamah Muamalat ini ditubuhkan sebagai mahkamah khas. Dia macam mahkamah, ada mahkamah rasuah, makna kita hendak mempercepatkan kes-kes yang melibatkan urusan muamalat ini diperuntukkan oleh satu hakim sahaja.

Akan tetapi Yang Berhormat, saya akui, tadi saya dalam perbincangan saya pun akui bahawa mahkamah yang ditubuhkan ini kemungkinan ada kelemahan juga. Di mana ada kadang-kadang kes-kes di mana mungkin hakim itu tidak seratus peratus mungkin telah memahirkan dalam kedua, khususnya yang melibatkan hukum Islam. Di sini perlunya mungkin hakim-hakim untuk merujuk pada pakar-pakar dan ini tidak ada halangan Yang Berhormat.

Akan tetapi Yang Berhormat, apa Yang Berhormat tekankan itu saya rasa perkara itu akan diambil berat oleh pihak mahkamah. Tadi saya dalam perbincangan dengan pihak

yang berkenaan saya juga telah meminta supaya pihak mahkamah mengambil berat terhadap isu ini bagi memastikan sebarang isu-isu yang melibatkan perundangan Islam yang dibangkitkan di mahkamah sivil ini mendapat perhatian yang sebenarnya.

Sebenarnya Yang Berhormat, kita ada satu keadaan di mana agak unik di Malaysia ini, di mana mahkamah sivil ini Yang Berhormat sebenarnya secara umumnya memang membicarakan kes-kes sivil. Akan tetapi realitinya kadang-kadang sesetengah peguam membangkitkan isu-isu syariah dalam Mahkamah Sivil. Sebab itu lah kita tubuhkan *one-to-one*, *one-* untuk memastikan Mahkamah Syariah ini hanya memutuskan kes syariah sahaja.

Akan tetapi realitinya Yang Berhormat, kes syariah ini juga merangkumi kes-kes yang melibatkan kes isu-isu acara *mal*, acara komersial dan sebagainya. Yang mana kalau kita rujuk pada Mahkamah Syariah, ini juga satu keadaan juga- Mahkamah Syariah juga setengah daripada mereka tidak ada kemampuan juga.

#### ■1630

Mereka sudah biasa dengar kes nikah-cerai sahaja. Jadi bila melibatkan mahkamah, urusan-urusan *mal* ini bukan saya mereka tidak mahir tetapi kurang pendedahan.

**Puan Asmak binti Husin:** Mungkin saya tambah itu sedikit. Sebenarnya memang muamalat *bench* pada awal hari itu ditubuhkan kerana *nature* nya adalah *nature* syariah tetapi kepakaran daripada sudut yang lain itu, kewangan itu berada di sivil, lalu ditubuhkan satu muamalat *bench*. Cuma isunya ialah oleh kerana dia agak adik berbanding dengan yang lain dan macam satu inovasilah di dalam mahkamah, jadi soalan saya ialah berkaitan dengan latihan kepakaran sekarang itu bagaimana. Oleh sebab sebelum ini kita ada isulah dari sudut kepakaran hakim dan sebagainya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Memang hakim-hakim Yang Berhormat, proses melatih hakim-hakim ini berjalan sepanjang masa. Dia bukan satu program- sebenarnya bukan hakim muamalat, semua hakim memang di *train*. Sekarang ini Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, hakim-hakim juga dilatih untuk menulis penghakiman yang baik dan sebenarnya pihak ada menubuhkan satu jurnal untuk hakim-hakim menulis, spesifik jurnal ya.

Tadi Yang Berhormat latihan itu telah berlangsunglah cumanya kalau Yang Berhormat kata tingkatkan lagi saya bersetuju kita kena tingkatkan lagi sebab kita lihat hakim-hakim kita ini- untuk makluman Yang Berhormat, pada suatu masa dulu pada tahun 70-an mungkin ya, awal 80-an, keputusan mahkamah Malaysia ini memang dihormati. Kalau kita lihat keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah zaman 60-an, 70-an dulu Yang Berhormat bukan sahaja mahkamah di hormati malahan di *quoted* oleh mahkamah

luar. *At one time, we were very well known* ya. Akan tetapi sekarang Yang Berhormat, saya akuilah kadang-kadang ada masanya kita akan menurun sedikit tetapi kerajaan amat peka dengan benda itu sebab itu kerajaan telah siap sepanjang tahun memang ada melatih hakim-hakim untuk mempertingkatkan lagi kualiti mereka.

Saya rasa pengamal undang-undang tahulah tentang latihan ini ya. Jadi Yang Berhormat tak perlu risau, kita akan sentiasa memastikan hakim-hakim memberikan perkhidmatan yang terbaiklah. Yang Berhormat juga minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Agama menyatakan adakah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tunggu sekejap ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey sila.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih. Oleh sebab kita dapat Speaker baru saya hendak bagi pantun jugalah. Saya ini tak pernah pantun, saya pantun dua kerat sahaja.

*Pagi-pagi makan keladi;*

*Selamat hari jadi [Ketawa]*

Itu sahaja. Baru reka ini Tuan Yang di-Pertua, boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *Happy birthday* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada ya. Beliau meminta Perdana Menteri menyatakan hal Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang kurang memuaskan dan hal Yang Berhormat Menteri penuh tidak hadir dan hanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja yang ada dalam Dewan Negara. Serta adakah kerajaan akan mewujudkan semula jawatan Setiausaha Parlimen? Yang Berhormat...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Sudah itu, sudah dijawab tadi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ini saya, tak fasal- Yang Berhormat tadi hal itu sahaja yang pasal Setiausaha Parlimen tetapi pasal kehadiran itu belum jawab lagi



Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebenarnya tidak timbul isu yang menyatakan kehadiran Ahli Yang Berhormat tidak memuaskan. Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat. Dalam Parlimen ini sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara, statusnya, ini saya cakap dari segi Perlembagaan ya. Yang Berhormat sebagai peguam tahu. Sebenarnya Menteri dan Timbalan Menteri dalam status menjawab soalan dalam Parlimen ini sama sahaja.

Dia tak timbul Menteri jawab atau Timbalan Menteri jawab atau tak, sama sahaja Yang Berhormat dari segi Perlembagaan lah. Cuma Yang Berhormat saya akuilah memang kadang-kadang kita hendak Menteri menjawab. Akan tetapi Yang Berhormat realitinya kita pun faham bahawa Menteri-Menteri seperti yang Speaker pernah katakan kadang-kadang terlalu sibuk. Jadi kita menjawab Yang Berhormat, kita akan memastikan jawapan yang diberikan jawapan yang terbaik dan kita memastikan jawapan yang diberikan jawapan yang benar. Oleh sebab itu Yang Berhormat tak perlu risau kalau Timbalan Menteri yang menjawab.

Kita akan memastikan jawapan yang kita berikan jawapan yang memang kita boleh bertanggungjawablah, Menteri boleh bertanggungjawab. Jadi Yang Berhormat tak perlu risau dalam perkara itu. Tentang ketidakhadiran di dalam Dewan Yang Berhormat, memang saya rasa Yang Berhormat ini berlaku bukan sahaja di Dewan Negara, Dewan Rakyat pun sama. Akan tetapi Yang Berhormat saya ingin tegaskan di sini Yang Berhormat, semua Yang Berhormat cakap di Parlimen di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara ini dicatatkan oleh pegawai-pegawai kita dan selepas itu kita akan mengadakan satu *briefing base session* untuk kita mendapatkan dan kita akan membaca *Hansard*.

Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat, ini contoh Yang Berhormat. Setiap Yang Berhormat ucap ini saya kata adakan ini semua, ada ini... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Maknanya kita akan pasti kita baca. Kita buat *homework* Yang Berhormat, jangan takut Yang Berhormat, Yang Berhormat tak perlu risau. Akan tetapi saya bimbang ya.

Okey, seterusnya saya ingin- okey Yang Berhormat Puan Asmak lagi ya. Yang Berhormat Puan Asmak banyak soalan, Ahli Senator yang paling rajinlah. Okey, tak apa Yang Berhormat Puan Asmak, saya tangguh sekejap ya, saya bagi Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada? Ini kawan lama. Yang Berhormat ingin tahu daripada RM4 bilion yang diperuntukkan kepada JPM untuk belanja pembangunan, berapakah jumlah yang akan digunakan untuk memenuhi manifesto Pakatan Harapan? Yang Berhormat, Bajet 2020 telah diluluskan kepada JPM adalah berasaskan kepada

Wawasan Kemakmuran Bersama yang mana merangkumi manifesto Pakatan Harapan. Setiap program yang telah diluluskan disusun mengikut teras bagi mencapai objektif sepertimana yang disasarkan oleh kerajaan. JPM telah diperuntukkan dengan RM3.852 bilion bagi belanja permohonan RP atau *Rolling Plan* Ke-4 tahun 2020 merangkumi 344 projek sambungan dan juga 28 projek baru.

Permohonan bagi setiap projek di bawah JPM telah dibentangkan oleh jabatan agensi di peringkat Menteri JPM mengikut portfolio masing-masing. Justeru projek-projek yang telah diluluskan adalah selari dengan manifesto Pakatan Harapan. Kesemua 28 projek baharu yang telah diluluskan dengan aliran tunai tahun 2020 sebanyak RM120,994,800 adalah selaras dengan objektif kerajaan dan manifesto Pakatan Harapan. Okey.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya ingin bangkitkan Yang Berhormat Menteri, peruntukan tersebut saya jangkakan ia akan memenuhi keperluan sama ada manifesto ataupun WKB30 atau Wawasan Kemakmuran Bersama. Jadi dalam hal ini, saya hendak tahu peruntukan itu pada tahun ini dapat memenuhi menyelesaikan 60 janji dalam manifesto kita itu termasuk lima iltizam yang telah dibentangkan di dalam Buku Harapan.

Oleh sebab sebelum ini saya melihat manifesto tersebut kebanyakannya tiada tuan punya yang akan mengambil tindakan. Oleh sebab sebelum ini, manifesto-manifesto tersebut ataupun janji-janji tersebut tidak diarahkan kepada kementerian-kementerian yang akan melaksanakan projek itu. Oleh sebab itu kita dapati ada kementerian-kementerian yang membuat tindakan di luar daripada manifesto, di luar daripada buku anggaran belanjawan.

Maka sebab itu saya memohon, pagi tadi saya ada memohon daripada Yang Berhormat Menteri Perpaduan supaya saya minta Jabatan Perdana Menteri menyenaraikan 60 manifesto janji tersebut termasuk lima iltizam dan tunjukkan kementerian-kementerian mana yang akan membuat tindakan dan sejauh mana yang telah diambil tindakan. Sekiranya belum, bila boleh diselesaikan manifesto tersebut termasuk WKB30 ditambah pula dengan Kertas Putih Pertahanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi saya hendak bagi tahu sedikit Yang Berhormat, pertamanya manifesto Yang Berhormat,

tak bolehlah kita buat sampai lengkap sehingga kementerian ini, kementerian ini. Biasanya berbentuk umum sahaja Yang Berhormat dan untuk makluman Yang Berhormat ini kali pertama dalam Malaysia ini orang begitu peka dengan manifesto. Dulu tak pernah Yang Berhormat. Ini kali pertamalah, jadi saya mengucapkan tahniah, termasuk Yang Berhormat lah. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata betul, kita adakan janji kementerian mana itu- saya rasa itu cadangan yang baik dan *insya-Allah* saya akan panjangkan perkara ini kepada pihak yang terlibat. Sebenarnya Yang Berhormat, apa yang berlaku begitulah, kalau dalam manifesto contohnya Yang Berhormat kalau berkaitan dengan agama, kita letakkan kepada kementerian yang menjaga agama.

Kalau Kementerian Pendidikan kita tak bagi kepada Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya. Memang itu sebenarnya Yang Berhormat itu, benda itu *understood* lah, tak perlu hendak kita bagi tahu. Akan tetapi Yang Berhormat, saya rasa apa Yang Berhormat bangkitkan itu saya akan bincang dengan pihak yang terbabit untuk memastikan- sebenarnya Yang Berhormat kita ada jawatankuasa manifesto, kita ada jawatankuasa yang memastikan segala janji manifesto itu dapat dilaksanakan. Kita ada jawatankuasa yang mana saya tahu memang jawatankuasa sentiasa membuat pertemuan-pertemuan untuk memastikan segala manifesto yang kita buat itu dapat dilaksanakan.

#### ■1640

Walaupun kita akui ada kekangan-kekangan terpaksa kita lalui. Kalau boleh Yang Berhormat, kita hendak buat semua apa yang dijanji dengan seberapa waktu yang boleh. Kalau boleh semua, kalau bolehlah. Kalau boleh semua satu hari sudah buat. Akan tetapi Yang Berhormat realitinya tidak boleh begitulah. Jadi Yang Berhormat saya rasa kita ada lima untuk memerintah ini.

Jadi Yang Berhormat kena sabar sikit. Jangan perkara yang kita lima tahun, kita minta dalam satu hari dan sebagainya. Ada hendak tanya kah? Akan tetapi Yang Berhormat, saya setuju Yang Berhormat. Memang kena ada satu pemantauan lah ya. Kita setuju, kita setuju. Akan tetapi yang hendak betulkan, kena betulkan jugalah.

Saya hendak bangkitkan tentang yang dibangkitkan oleh isu ICU ya. Ada empat orang Ahli Dewan Negara telah membangkitkan perkara di bawah tanggungjawab Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid telah mencadangkan supaya sistem eKasih dikemas kini dari segi kelayakan dan senarai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Isa tidak ada dalam Dewan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tiada. So hendak jawab atau apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara bertulislah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Boleh, okey. Terima kasih. Saya tidak akan jawab, saya akan jawab bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada juga ya. Tidak ada, saya jawab bertulis. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada. Ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Bertanyakan berapakah peruntukan permohonan Belanjawan 2019 untuk Kelantan dan berapakah yang telah dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 1 Disember 2019, negeri Kelantan menerima peruntukan permohonan dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.51 bilion untuk pelaksanaan 304 buah projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 202 telah dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2019. Yang Berhormat ada? Tidak ada? Itu ya, itu satu jawapan dia. Tidak ada pernyataan ya. Terima kasih. Tidak, saya biasa kalau ada soalan-soalan, biasanya Yang Berhormat Senator ataupun Ahli Dewan Rakyat dia bangun minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada lagi 11 kementerian Yang Berhormat pada hari ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey Yang Berhormat. Tidak apa. Tuan Yang di-Pertua saya akan- sudah hendak habis pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *Almost finish.* Okey JPA. JPA ini nampaknya ramai yang berminat. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada ya. Jawapan bertulis. Yang Berhormat Senator Tuan Alan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *[Ketawa]* Ada.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Ada, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada, ada. Okey. Menyeru agar penjawat awam memberikan taat setia dan kerjasama yang penuh pada kerajaan semasa bagi memudahkan pelaksanaan dasar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, JPA memberi perhatian yang serius terhadap isu-isu berkaitan taat setia dalam kalangan pegawai awam dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya didapati pelanggaran tata kelakuan terbukti berlaku seperti yang telah

digariskan dalam Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U. (A) 395/1993).

JPA juga akan terus memperingatkan setiap pegawai awam mengenai keperluan dan kepentingan kepatuhan berkenaan sama ada menerusi perhimpunan bulanan jabatan, mesyuarat peringkat pengurusan tertinggi, ketua jabatan mahupun menerusi kursus-kursus yang diadakan bagi memastikan pelaksanaan dasar-dasar negara berjalan dengan lancar. Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara juga telah mengadakan mesyuarat bersama semua ketua setiausaha kementerian pada 26 November 2019 dan memberi peringatan mengenai isu ini. Kini, pada 16 Disember 2019, semua ketua setiausaha dan timbalan ketua setiausaha telah dijemput untuk menghadiri satu sesi amanat bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang akan turut memberikan penekanan terhadap isu kepatuhan kepada kerajaan pemerintah.

Yang Berhormat Senator Tuan Alan juga membangkitkan agar diadakan dialog-dialog dalaman antara jabatan dan kementerian untuk mengetahui keluhan dan masalah yang dihadapi oleh penjawat awam. Untuk makluman Yang Berhormat, hubungan majikan-pekerja merupakan agenda yang sentiasa mendapat perhatian kerajaan. Pada tahun 1991, pelbagai mekanisme telah diwujudkan bagi memastikan suara penjawat awam sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan. Antara hasil program berkenaan adalah:

- (i) program pertemuan CUEPACS dengan pegawai tinggi kerajaan;
- (ii) majlis bersama kebangsaan;
- (iii) majlis bersama jabatan, kementerian dan agensi ataupun jabatan;  
dan
- (iv) pertemuan kesatuan atau persatuan dengan kerajaan dalam sesi perbincangan dua hala yang diadakan dari semasa ke semasa.

Setiap cadangan yang dikemukakan akan dipertimbangkan secara menyeluruh terhadap berdasarkan peraturan dan dasar-dasar semasa.

Sekarang ini saya bangkit Yang Berhormat Senator Puan Sopiha binti Sharif. Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada ya. Beliau membangkitkan tentang elaun, kadar bantuan sara hidup, COLA ya. Yang Berhormat telah mencadangkan agar kerajaan menaikkan elaun kadar bantuan sara hidup, COLA untuk pegawai-pegawai Gred 41 ke atas.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan penjawat. Walau bagaimanapun belanjawan mengambil kira kemampuan-kemampuan semasa. Dalam Bajet 2020 kerajaan telah mengumumkan kenaikan kadar bantuan sara hidup sebanyak RM50 sebulan kepada kumpulan pelaksana saja.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying ada? Ada ya. Telah mencadangkan agar kerajaan melaksanakan satu kajian tahap keberkesanan sektor awam dan menjalankan program perintis bagi memastikan prestasi kerajaan awam mampu menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan perkhidmatan awam dalam menyokong revolusi industri 4.0 dibahagikan kepada tiga komponen iaitu kompetensi penjawat awam, *people*, proses kerja, *work progress* dan yang ketiga teknologi. Bagi kumpulan kompetensi penjawat awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA telah melaksanakan inisiatif *Digital Government Competency dan Capability Readiness* (DGCCR) sektor awam bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran digital pegawai awam di dalam mendepani era digital dan ledakan teknologi IR 4.0.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying ada ya?... [Disampuk] Oh, orang yang sama ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya sampai tidak ingat, ramai sangat. Telah mencadangkan agar konsep bekerja dari rumah, *work from home* dari masa kerja anjal, fleksibel boleh dipertimbangkan kepada jawatan yang sesuai. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan waktu bekerja yang fleksibel antara untuk kebajikan dan peningkatan prestasi penjawat awam. Antaranya ialah waktu bekerja *flexi* (WBF) di mana pegawai diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja pada bila masa daripada tempoh 7.30 hingga 9 pagi dan waktu pulang daripada 4.30 petang hingga 6 petang. Itu yang pertama.

Kedua, kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita mengandung yang usia kandungan lima bulan ke atas ataupun 22 minggu mulai 1 Januari 2018. Mereka dibenarkan pulang awal satu jam daripada waktu bekerja biasa. Kemudahan ini turut dipanjangkan kepada pasangan mereka yang juga pegawai awam supaya boleh pulang bersama-sama.

Ketiga bagi pegawai perkhidmatan awam yang mempunyai anak kurang upaya (OKU), ketua jabatan juga boleh membenarkan pegawai menggunakan tertentu dalam waktu bekerja biasa untuk menguruskan kebajikan dan keperluan anak-anak. Makna kata tidak kira, *anytime* dia boleh keluar, tetapi dapatkan kebenaranlah. Pegawai berkenaan perlu memastikan waktu yang digunakan diganti semula untuk menyelesaikan tugas hakiki supaya perkhidmatan kerajaan tidak terjejas. Itu yang ketiga.

Keempatnya pegawai perkhidmatan awam juga dibenarkan menggunakan kemudahan kebenaran keluar pejabat jika pegawai mempunyai urusan pentadbiran persendirian yang perlu dilakukan dalam waktu bekerja. Tempoh maksimum yang

dibenarkan ialah tidak melebihi 4 jam sehari atau separuh daripada waktu bekerja sehari, tidak termasuk waktu rehat, yang mana lebih rendah. Yang Berhormat, yang paling fleksibel di Dewan Negara dan Dewan Rakyat. *Anytime* boleh keluar.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, ada Puan Asmak. Yang Berhormat Senator Puan Asmak memang rajinlah, *salute*-lah. Beliau ingin mengetahui tentang adakah ada kuota bagi memastikan suara wanita diangkat walaupun tidak mencapai 30 peratus. Ini saya harus memuji kerajaan Kelantan, dengan kerajaan PAS saya rasa, saya pujilah ya sebab mereka memang *reserve*-kan Senator untuk wanita. Apa yang baik saya pujilah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil perhatian akan pandangan dan saranan oleh Yang Berhormat Senator itu seperti mana telah dimaklumkan dalam sidang Dewan yang lalu, kerajaan sentiasa telah pun meningkatkan penyertaan wanita di kalangan Ahli Parlimen misalnya di mana Jemaah Menteri, tindakan Kerajaan Pakatan Harapan melantik Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Datuk Dr. Wan Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jelas menunjukkan bahawa kerajaan ini memberikan pengiktirafan yang tinggi terhadap pencapaian, kebolehan serta tenaga bakti yang disumbangkan oleh kerajaan wanita. *First time* Yang Berhormat, Timbalan Perdana Menteri ini wanita dan kita tidak beri Menteri Wanita jaga wanita pada lelaki ya.

Justeru itu, dengan pengiktirafan tersebut kerajaan berharap agar ia akan menjadi pemangkin untuk Ahli Yang Berhormat wanita yang lain terus diberi peluang dan ruang untuk menyumbang kepada negara sehingga peringkat yang lebih tinggi.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin yang terakhir. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa ingin mengetahui berhubung pelaksanaan janji-janji manifesto pada Pilihanraya Umum Ke-14. Ini adalah kerana menunaikan janji adalah wajib. Terima kasih Yang Berhormat memperingatkan kita menunaikan janji adalah wajib. Jawatankuasa Nasional Janji Kerajaan telah ditubuhkan sebagai mekanisme pemantauan pencapaian dan pelaporan peringkat tertinggi dalam menilai dan membuat keputusan dasar bagi memastikan *milestone* pencapaian kesemua inisiatif adalah seperti yang disertakan.

Selain itu, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam menilai dan mempertimbangkan cadangan serta syor yang berkaitan *outreach* dan respons terhadap reaksi-reaksi rakyat. Seterusnya bagi memastikan inisiatif berkaitan dengan janji kerajaan menunjukkan kemajuan dan prestasi yang memberangsangkan, pencapaiannya dipantau melalui mekanisme pemantauan pembangunan sedia ada di peringkat kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja jawapan saya. Kalau ada jawapan yang mungkin saya tidak dapat cover, saya akan jawab dalam bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Di dalam perbahasan saya, saya ada bangkitkan isu *sewerage charges* oleh *domestic user* seperti *tank* yang belum menerima apa-apa jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau Menteri tidak ada jawapan yang sudah disiapkan, saya sudi menerima jawapan secara bertulis untuk jimat masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Itu mungkin bukan bawah kementerian ini, kementerian lain Yang Berhormat. Tunggulah kemudian Yang Berhormat. Mungkin setengah yang Yang Berhormat bangkitkan itu kementerian lain, Indah Water.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *Oh, very well. I am not sure which one to answer.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *If you not sure, don't ask [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Menteri di Kementerian Belia dan Sukan.

#### 4.51 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah memberikan pandangan, pertanyaan, cadangan dan juga idea-idea berkaitan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan 2020 ini. Saya di sini ingin memberikan maklum balas terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Pertama sekali, kementerian ini menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin tentang pelan tindakan bagi peruntukan kemudahan sukan agar memberi manfaat kepada rakyat demi kesaksamaan ekonomi. Dalam Belanjawan 2020, KBS telah diperuntukkan RM184 juta untuk pembinaan kemudahan sukan yang baharu serta RM104 juta untuk menaik taraf kemudahan sukan yang sedia ada berpegang kepada konsep kemakmuran bersama. Pada tahun 2020 nanti juga, perhatian akan diberikan kepada kemudahan sukan luar bandar. Bagi perkara ini, belanjawan sebanyak RM4.4 juta akan diperuntukkan.

Bercakap tentang sukan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh yang telah memberikan pandangan dan cadangan tentang Program Pembangunan Bolasepak Negara (NFDP) khususnya berkaitan pencarian bakat-bakat muda terutamanya di luar bandar.



Tuan Yang di-Pertua, tahun ini merupakan tahun kelima NFDP dilaksanakan dan bakal melihat generasi pertama pelatih Akademi Bola sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) di Gambang, Pahang tamat latihan mereka. Buat masa kini, kita mempunyai 236 orang pemain di AMD daripada kategori bawah 13 tahun sehinggalah kategori bawah 17 tahun. Di kalangan mereka, ada yang sudah pun menerima tawaran dari pasukan dalam dan luar negeri. Contohnya, Luqman Hakim Shamsudin yang ditawarkan kontrak dengan K.V. Kortrijk dari Liga Satu Belgium. Beliau diiktiraf sebagai antara 60 pemain remaja terbaik dunia.

Selain itu, pelatih-pelatih dari akademi turut laris di Liga Malaysia apabila sudah pun menerima tawaran dari pasukan Liga Super seperti Selangor FA dan JDT- Johor Darul Takzim. Pemain-pemain muda ini telah mempamerkan pencapaian yang cemerlang apabila skuad bawah 15 tahun menjuarai Piala AFF pada bulan Ogos lalu setelah menewaskan Thailand. Manakala pasukan bawah 18 tahun pula menduduki tempat kedua di Kejohanan Piala AFF bawah 18 tahun di Vietnam, juga pada bulan Ogos yang lalu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah NFDP, program Akademi Tunas turut diwujudkan dan ini mungkin sebagai menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi. Ia diwujudkan di peringkat negeri bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat di akar umbi seawal umur tujuh tahun sehinggalah 12 tahun.

Di seluruh negara kini terdapat 45 Akademi Tunas dengan penglibatan sebanyak 279 orang jurulatih serta 6,046 orang pemain. Sasaran kementerian ialah menjelang tahun 2025 nanti, kita akan ada 250 Akademi Tunas di seluruh negara termasuk kawasan-kawasan luar bandar dengan jurulatih seramai 1,750 orang dan 45 ribu orang pemain.

Masih tentang sukan. Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip membangkitkan tentang pencapaian atlet Malaysia dalam Sukan SEA Manila yang baru selesai. Saya ingin mula dengan mengajak Dewan yang mulia ini untuk memberikan pengiktirafan kepada kontinjen Malaysia tidak kira para atlet, mahupun jurulatih ataupun pegawai yang sudah pun berusaha bersungguh-sungguh demi maruah negara di Sukan SEA Manila tersebut.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu perkara yang boleh membanggakan kita semua iaitu Ketua Kontinjen- *chef-de-mission* Malaysia merupakan seorang bekas Ahli Dewan ini yakni Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin. Saya memohon Dewan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada beliau... [Tepuk]

Kita perlu mengaku bahawa kita tidak dapat mencapai sasaran 70 pingat emas. Tuan Yang di-Pertua, ini misi bersama. Misi KBS, Majlis Sukan Negara, persatuan sukan dan juga pihak-pihak yang terlibat. Ini misi yang merentasi politik. Kita ada CDM daripada

parti yang berlainan dengan parti pemerintah. Ini misi Malaysia. Justeru, kalau menang, kita menang sama-sama. Kalau kalah, kita kalah sama-sama.

Justeru dalam aspek ini, KBS akan *go back to the drawing board* dengan izin. Satu post-mortem akan dilaksanakan dalam masa terdekat untuk mengenal pasti kelemahan kita dan cara mengatasinya. Walau bagaimanapun, dalam masa kita bermuhasabah, jangan pula kita lupa pencapaian atlet negara tidak kira apa jua pingat mereka. Bahkan yang tidak berjaya memenangi pingat, atlet-atlet kita telah mencurahkan sepenuh usaha mereka. Contohnya, pesilat negara saudara Muhammad Faizul M Nasir yang bertempur sehingga mengalami kecederaan, lalu pingsan tidak sedar diri dalam gelanggang.

Saya juga menyaksikan persembahan hebat atlet-atlet muda kita seperti *figure skater* kita iaitu saudari Chew Sze Chyi yang baru berumur 20 tahun yang bertanding buat kali pertama di Sukan SEA. Walaupun beliau tidak menang, namun jelas beliau bukan sahaja telah memberikan usaha terbaik, malah mempunyai potensi besar jika diberikan peluang seterusnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, 51 peratus atlet Malaysia yang menyertai Sukan SEA kali ini merupakan atlet kali pertama ke temasya sukan peringkat ini dan 43 peratus atlet kita tersebut berumur 21 tahun ke bawah, malah 27 peratus pingat kita disumbangkan oleh atlet yang bertanding di Sukan SEA buat kali pertamanya termasuklah 12 pingat emas.

Dalam kata lain, Malaysia tidak ketandusan atlet untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Mungkin ada di kalangan atlet muda ini belum lagi dapat memenangi pingat emas, namun lihatlah pasukan badminton kita yang telah melakukan *hat-trick*, meraih tiga pingat emas berturut-turut iaitu saudari S Kisona, Lee Zii Jia, Aaron Chia beregu dengan Soh Wooi Yik, semuanya berumur 21 tahun.

Atlet olahraga kita iaitu saudara Haiqal Hanafi baru berumur 20 tahun dan kini bergelar Raja Pecut Asia Tenggara dengan catatan masa 10.35 saat. Pada Sukan SEA kali ini, 43 peratus atlet Malaysia merupakan atlet wanita. Tadi saya sudah sebut atlet seperti S Kisona dalam sukan badminton. Kita ada juga ratu gimnas kita, saudari Farah Ann. Atlet lompat tinggi kita, saudari Yap Sean Yee yang telah berjaya memenangi pingat emas untuk acara ini selepas 40 tahun. Kali terakhir negara kita menang dalam acara ini ialah pada tahun 1979- saya pun belum lahir lagi masa itu [*Ketawa*] Di Sukan SEA Jakarta melalui Gladys Chai Ng Mei.

#### ■1700

Sidang yang saya hormati sekalian, saya sempat melihat sendiri pasukan bola jaring kita beraksi dalam perlawanan akhir berdepan musuh tradisi iaitu Singapura. Atlet-atlet bola jaring kita bertempur habis-habisan untuk menang pingat emas buat negara.

Salah seorang daripada mereka Saudari Izyan Shazana baru melahirkan anak pertamanya lapan bulan yang lalu. Inilah kehebatan atlet-atlet Malaysia. Kesimpulannya, saya ingin mengatakan bahawa kerajaan merasa amat bangga dengan atlet-atlet kita dan pegawai-pegawai sukan yang terlibat dan amat menghargai jasa serta pengorbanan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin juga membangkitkan tentang isu pengangguran belia. Walaupun isu ini bukan isu baru, namun kini isu ini diberikan keutamaan oleh kerajaan. Pada 11 September 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan perunding, penyelaras dan penasihat kepada kerajaan untuk meluaskan peluang pekerjaan anak muda daripada aspek dasar, perancangan serta pelaksanaan agenda pembangunan ekonomi anak muda.

Pada 2 Oktober 2019 pula, Jemaah Menteri telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Gig Ekonomi bagi mengorak strategi Malaysia dalam sektor ini yang menjadi semakin popular di kalangan anak muda. Hasil awal semua perbincangan tersebut dalam Belanjawan 2020, kerajaan telah memperkenalkan program Malaysia Kerja. Program ini merupakan dasar inovatif, dengan izin, *an innovative policy* di mana kerajaan memberikan insentif kepada sektor swasta untuk mengambil pekerja baharu di kalangan mahasiswa, di kalangan wanita dan di kalangan rakyat Malaysia secara amnya. Program ini menyasarkan penyediaan 350 ribu peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia dalam tempoh lima tahun ini.

Kementerian sedar bahawa permintaan pasaran kerja terhadap pekerja kemahiran memang wujud dan memang ada. Justeru, melalui 22 buah Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBSN) di seluruh negara, KBS telah meluaskan program-program TVET yang sedia ada dengan program-program baharu seperti *bootcamp*, *Teaching Factory*, *Skills Training for At Risk Youth* ataupun STAR@U. Semuanya bertujuan untuk memberikan nilai tambah kepada anak muda dalam aspek pensijilan kemahiran.

Contohnya pada tahun ini, melalui program *bootcamp*, 819 orang pelatih muda berjaya dilatih dan terus mendapat pekerjaan dengan gaji antara RM1,700 sehingga RM2,700 sebulan. Manakala program STAR@U yang menyasarkan latihan kepada belia berisiko telah melatih lebih kurang 1,150 orang belia terutamanya daripada kawasan luar bandar, di kalangan belia tercicir dan belia yang mempunyai rekod jenayah *juvenile*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad membangkitkan- saya rasa ini yang terakhir, membangkitkan soal *internship* ataupun latihan amali khususnya untuk pelajar TVET. Kementerian Belia dan Sukan

sememangnya mempunyai kerjasama strategik dengan badan berkanun, syarikat milik kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan demi melancarkan ataupun demi melaksanakan program latihan *internship- on-job training*, dengan izin, dan juga kebolehterajaan dan kebolehpasaran graduan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dalam industri berkaitan.

Sehingga 30 November 2019, KBS telah menjalinkan kerjasama strategik dengan 44 buah syarikat melalui memorandum persefahaman (MoU) di peringkat nasional, manakala lebih 300 buah syarikat telah terlibat dalam melaksanakan MoU dengan ILKBS di peringkat institusi latihan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 16 merupakan agensi dan syarikat berkaitan kerajaan.

Antara syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan juga agensi yang mempunyai MoU dengan KBS dan menawarkan penempatan pekerjaan secara aktif kepada pelajar dan lepasan ILKBS sama ada semasa *on-job training* ataupun selepas tamat latihan, termasuklah Prasarana Berhad di mana seramai 150 orang pelajar telah terlibat sejak tahun 2016 dan Gamuda Berhad di mana seramai 655 orang pelajar telah terlibat sejak tahun 2015. Secara keseluruhannya peratus kebolehpasaran graduan ILKBS adalah 93 peratus dengan gaji permulaan purata sebanyak RM1,762 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah maklum balas dan jawapan ke atas semua cadangan, pandangan dan pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator-Senator tentang KBS. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih di atas keprihatinan, teguran dan sokongan berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap segala semua usaha yang dijalankan oleh KBS. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada kementerian. Dipersilakan Menteri dari Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat kalau nak jawab duduk pun boleh. Yang Berhormat Menteri, jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan. Yang tiada, kalau boleh bagi secara bertulis.

#### **5.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai 25 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2020 di Dewan yang mulia ini yang antara lain telah menyentuh sebanyak 46 perkara berkaitan portfolio Kementerian Dalam Negeri.

Akan tetapi sebelum itu, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir yang ke-54 kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Saya akan menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2020 berkaitan Kementerian Dalam Negeri berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- (i) pembangunan infrastruktur dan aset;
- (ii) hal ehwal imigresen dan pekerja asing;
- (iii) kepenjaraan dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan;
- (iv) kewarganegaraan dan pendaftaran; dan
- (v) keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A/L. Achyuthan Nair...

**Tuan Yang di-Pertua:** Achyuthan Nair.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind, Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip dan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang telah membangkitkan mengenai keadaan balai polis dan kuarters polis yang uzur di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019 terdapat dua jenis peruntukan disediakan khusus bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan premis-premis PDRM seperti berikut.

Pertama, peruntukan khas Kementerian Kewangan (MOF) berjumlah RM40,137,000 bagi pembaikan kecil dan kecemasan premis-premis PDRM. Kedua, peruntukan bagi pembaikan segera 902 pondok dan balai polis serta formasi seluruh Malaysia berjumlah RM17,701,694.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri juga telah diluluskan peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan sebanyak RM200 juta di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan di Kompleks Perumahan PDRM serta kerja-kerja pembaikan dan penggantian lif-lif Kompleks PDRM seluruh Malaysia. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut, PDRM telah mengenal pasti dan menyenaraikan sejumlah 12,409 kuarters di 158 lokasi dan lain-lain keperluan infrastruktur guna sama yang perlu dibaiki dan di naik taraf.

Peruntukan ini juga meliputi penggantian 201 unit lif di 34 lokasi di mana semua kerja pembaikan kuarters dan lif tersebut sedang dilaksanakan dan terdapat juga kerja-kerja pembaikan kuarters yang telah siap sepenuhnya. Di bawah cadangan Projek

Pembangunan Fizikal Polis Diraja Malaysia di bawah pakej *Rolling Plan* Keempat (RP4) RMK-11 Tahun 2020, Kementerian Kewangan (MOF) telah menyatakan cadangan untuk projek-projek kerja-kerja pembaikan pejabat dan balai seluruh Malaysia diteruskan pelaksanaan pada tahun 2020 dengan tambahan peruntukan sebanyak RM87 juta dan PDRM telah mengemukakan senarai tajuk-tajuk pembaikan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk dilaksanakan pada tahun 2020 dengan memberikan keutamaan kepada skop kerja yang mendesak dan memerlukan pembaikan segera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** ...Telah bertanyakan mengenai status pembinaan Balai Polis Pusat Miri, Lutong dan Tanjung Lobang Sarawak.

#### ■1710

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Polis Pusat Miri ini sedang beroperasi di bangunan sedia ada sejak tahun 1953, 64 tahun yang lalu beralamat di Lot 91, Blok 9, Miri. Tapak hanya seluas 0.993 ekar. Balai ini beroperasi dengan keanggotaan seperti berikut:

Pangkat	Bilangan (orang)
ASP	1
Subinspektor	1
Sarjan Mejar	1
Sarjan	3
Koperal	7
Konstabel/Lans Koperal	44
Konstabel/Lans Koperal sokongan	7

Pembangunan semula bagi cadangan projek masih belum diangkatkan melalui kementerian berikutan pembangunan di tapak sedia ada tidak dapat dilaksanakan disebabkan kawasannya yang terlalu kecil. Ini bermakna pembinaan balai polis yang baharu hanya akan dilaksanakan setelah tapak baharu yang berkeluasan lima ekar sehingga 10 ekar dapat disediakan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Sarawak selaras dengan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi.

PDRM telah pun mengenal pasti bangunan-bangunan lama yang telah usang untuk dibaiki dan dinaiktarafkan termasuk di Balai Polis Tanjung Lubang dengan menyenaraikan projek-projek tersebut dalam rancangan pelaksanaan program projek Pelan Strategik PDRM 2015-2020. PDRM juga sedang mengenal pasti tapak tanah projek yang sesuai untuk pembangunan projek ini dan akan dilaksanakan secepat yang mungkin selepas isu tanah dapat diselesaikan.

Maka dengan itu, kita mohon bantuan daripada Yang Berhormat untuk nyatakan kepada kerajaan negeri untuk beri kita tanah.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Saya punya kuasa ada kurang sedikit. Kalau kementerian pergi, dia kuat sedikit. Semoga kerajaan negeri dapat membekalkan tanah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Kita akan bekerjasama, *insya-Allah*.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Okey, terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif yang telah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Ada. Telah bertanya mengenai cadangan Kementerian Dalam Negeri untuk menambah aset dan kelengkapan baharu PDRM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dalam memperengkapkan aset dan kelengkapan bagi memastikan kelancaran fungsi sesebuah agensi termasuklah agensi penguat kuasa.

Dalam hubungan ini, kerajaan melalui agensi pusat telah pun meluluskan sebanyak 17 projek bukan fizikal baharu bagi pelaksanaan di bawah *rolling plan* keempat tahun 2020 Rancangan Malaysia Ke-11. Ia meliputi pembelian aset kenderaan, alat bantuan teknik, kelengkapan dan sistem teknologi maklumat yang anggaran kos keseluruhannya berjumlah RM0.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** ...Telah membangkitkan mengenai status Kompleks CIQ di Mukim Bantul yang sudah siap tetapi masih lagi tidak digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status cadangan CIQS bagi sempadan Malaysia-Indonesia di sempadan Pagalungan masih berada dalam peringkat cadangan. Perkara ini telah dibincangkan beberapa kali dalam Persidangan Sosioekonomi Malaysia-Indonesia ataupun Sosek Malindo, namun telah ditangguhkan.

Walau bagaimanapun, Pusat Pemeriksaan Imigresen dan Keselamatan di daerah kecil Pagalungan masih beroperasi seperti biasa. Kehadiran agensi penguat kuasa seperti Kastam, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanya bagi memantau kegiatan keluar masuk secara ad hoc.

Berikutan Kompleks CIQ di Mukim Bantul yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, sebenarnya merupakan pejabat sementara milik syarikat pembalakan yang telah disewa oleh pihak Kastam bagi tujuan memantau dan menilai pergerakan keluar masuk di sempadan berkenaan. Namun, atas faktor

keselamatan, pegawai pihak Kastam telah menarik balik pegawai yang bertugas di Bantul dan telah menamatkan sewaan pejabat berkenaan dengan pihak syarikat pembalakan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah bertanya sama ada kementerian bercadang untuk menambah aset dan kelengkapan baharu APMM bagi menjaga perairan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalas amanah dan tanggungjawab operasi penguat kuasa dan cari lamat di Zon Maritim Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah dilengkapi dengan aset-aset yang berkeupayaan mengesan dan bertindak dengan segera. Walau bagaimanapun, terdapat juga aset-aset yang sedang dalam proses pembaikan dan penggantian bagi meningkatkan keupayaan APMM dalam melaksanakan tugasnya.

Selain itu, pembinaan enam buah Kapal Ronda Generasi Baru (NGPC) merupakan projek pertama APMM dalam pelan menggantikan kapal-kapal yang telah uzur. Pembinaan ini telah pun bermula sejak tahun 2015 dan sebanyak tiga daripada enam buah kapal ini telah siap beroperasi dan ditempatkan di Selangor, Sarawak dan Sabah.

Seterusnya, proses penggantian kapal maritim Malaysia diteruskan dengan perolehan tiga buah *offshore patrol vessel* (OPV) bermula tahun 2017 dan kapal pertama dijangka akan siap pada tahun 2020. APMM berhasrat untuk memiliki kapal induk atau *mothership*, dengan izin, dan KDN akan memberi perhatian berhubung perkara itu.

Mengikut perancangan jangka masa panjang, APMM telah menetapkan untuk memperkasakan aset-aset menerusi pembangunan di bawah RMKe-12 yang bakal menghasilkan angkatan aset laut yang lengkap dengan mempunyai sebanyak 116 buah kapal ronda iaitu 96 buah bersaiz sederhana NGPC dan 20 buah bersaiz besar ataupun OPV.

Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose telah membangkitkan mengenai cadangan kerajaan untuk melaksanakan Pas Sementara Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum saya memberikan maklum balas berkenaan Pas Sementara Sabah ini, izinkan saya untuk menceritakan kronologi berkaitan dengan perkara ini.

Cadangan pewujudan dokumen pengenalan kepada PATI bermula pada 31 Julai 2015 yang pada ketika itu dinamakan sebagai Pas Residen Sabah semasa pentadbiran kerajaan terdahulu. Pada ketika itu, cadangan pemerluasan pas residen ini telah dibincangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing



(JKPWAS-Teknikal) Bil. 2/2015 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sabah pada ketika itu pada 12 Mei 2015 dan seterusnya setelah tiada bantahan di peringkat jawatankuasa teknikal tersebut, ia diangkat dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing (JKPWAS-Induk) Bil. 2/2015 yang dipengerusikan secara bersama di antara mantan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan mantan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pada 31 Julai 2015 oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut- kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari Sabah, dengar ini penjelasan:

- (i) Pas Residen diberikan kepada pemegang-pemegang dokumen IMM13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci;
- (ii) *standard operating procedure* (SOP) permohonan Pas Residen yang disediakan perlu mengambil kira aspek termasuk keselamatan dan keupayaan pemohon; dan
- (iii) jawatankuasa khas ditubuhkan untuk meneliti keseluruhan aspek bagi cadangan memperluaskan Pas Residen yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Cadangan dasar Pas Residen Sementara Sabah (PRESS) pada ketika itu telah dibentangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat *pre-council* JKPWAS-Induk di Sabah Bilangan 1/2016 pada 15 Februari 2016. Saya ulang tarikhnya. Pada 15 Februari 2016 yakni semasa kerajaan terdahulu masih memerintah bukan sahaja di negeri Sabah tetapi juga di Malaysia. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Cadangan dasar PRESS tersebut kemudiannya telah dibentangkan ke Mesyuarat JKPWAS-Induk Bil. 1/2016 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Mantan Menteri Dalam Negeri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pada 16 Mei 2016.

Selaras dengan peralihan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan negeri Sabah, PRESS telah dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah pada 24 Mei 2019 dan mesyuarat bersetuju cadangan ini untuk dikaji semula.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, suka saya sebut di sini khususnya kepada rakyat negeri Sabah yang hari ini di Sabah telah memainkan isu ini dengan begitu aktif sekali dengan menuduh kononnya kerajaan yang ada pada hari ini di negeri Sabah mesra kepada PATI. Oleh sebab itulah kita memperkenalkan kad PSH ini kepada rakyat negeri Sabah.

**■1720**

Maka dengan itu melalui jawapan dalam Dewan Negara yang mulia ini, maka dengan ini saya ingin sebutkan bahawa niat baik kerajaan yang ada pada hari ini meneruskan agenda yang diteruskan dan yang telah dimulakan oleh kerajaan yang terdahulu itu sepatutnya disambut baik oleh rakyat negeri Sabah kerana niat dan nawaitu program ini diadakan adalah ingin membanteras bukan sahaja masalah pendatang asing tanpa izin tetapi tidak ada pengkoordinasian, tiga dokumen yang dikeluarkan oleh tiga agensi yang berlainan di negeri Sabah. Maka dengan itulah program ini ataupun kad PSS ataupun PSH ini diperkenalkan oleh kerajaan yang terdahulu dan diteruskan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

Susulan daripada itu, penambahbaikan cadangan PSS telah dibentang dalam mesyuarat jawatankuasa JKPWAS-Induk pada 6 September 2019 dan mesyuarat bersetuju dengan pelaksanaan Pas Sementara Sabah (PSH) kepada pemegang IMM13, Sijil Banci dan Kad Burung-Burung mulai 1 Jun 2020.

Pengeluaran PSH ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan kepelbagaian dokumen yang dimiliki oleh warga asing di Sabah bagi memudahkan pengecaman dan operasi oleh pihak berkuasa. PSH akan dikeluarkan dalam bentuk kad yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti biometrik dan mempunyai nombor ID yang unik bagi membezakan PSH dengan pas-pas imigresen sedia ada sebagai mekanisme kawalan keberadaan dan pergerakan warga asing di Sabah. Tiada celahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tiada. Pada masa kini, satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan di peringkat negeri Sabah yang dipengerusikan secara bersama oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah. Pasukan petugas khas ini terdiri daripada pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Pas Sementara Sabah (PSH) termasuklah Kementerian Dalam Negeri. Pasukan petugas khas ini bertanggungjawab bagi memperincikan mekanisme pelaksanaan PSH ini termasuklah penentuan kriteria pemberian PSH seterusnya memastikan kelancaran operasi.

Salah satu peranan pasukan petugas khas ini adalah menyediakan pelan komunikasi PSH yang merangkumi pelbagai medium penyampaian maklumat berhubung PSH kepada pelbagai peringkat masyarakat di negeri Sabah. Ini bagi memastikan konsultasi secara menyeluruh kepada rakyat dapat dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang keraguan dalam kalangan masyarakat negeri Sabah. Tiada?

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Saya ingin minta penjelasan.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Minta mencelah.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Boleh minta penjelasan?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Sila, sila.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Pertama sekali terima kasih atas jawapan yang amat komprehensif termasuklah juga menerangkan latar belakang proses untuk pengeluaran bagaimana PSH ini terjadi. Akan tetapi dalam perbahasan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengetengahkan bahawa kebanyakan daripada *resentment* ataupun kekusaran masyarakat itu lebih kepada bagaimana PSH itu diumumkan.

Bagi mereka, kebanyakan masyarakat ini terasa macam terkejut sebab tidak tahu dari hujung pangkal proses ini. Jadi, saya rasa penting juga dalam masa jangka masa dari sekarang sampai bulan Jun, apabila pas PSH ini akan dikeluarkan, satu proses konsultasi yang lebih menyeluruh seperti yang dinyatakan. Cuma saya ingin bertanya apakah proses tersebut? Adakah peluang masyarakat madani ataupun CSO ini terlibat dalam proses tersebut? Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat tadi. Sebagaimana yang saya sebutkan sepatutnya perkataan terkejut itu tidak patut timbul kerana perkara ini telah dimulakan sejak tahun 2010. Bayangkanlah sekarang sudah tahun 2019, ianya telah dimulakan. Projek- sesi konsultasi sebagaimana yang telah kita sebutkan. Pelaksanaan PSH ini Tuan Yang di-Pertua, ia ada *time frame*-nya. Kita telah menjadualkan bermula 1 Januari 2020 akan kita mulakan sesi *town hall* untuk menerangkan kepada pemimpin-pemimpin, baik pembangkang ataupun kerajaan tentang bukan sahaja dari segi apa itu PSH tetapi mekanisme dan pelaksanaan di mana kita akan sebut nanti dalam sesi *town hall* tersebut.

Jadi, bila mengatakan bahawa kita tidak mengadakan sesi libat urus kepada rakyat di bawah sana saya rasa adalah tidak adil. Ini kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi perkara ini telah dimulakan oleh kerajaan terdahulu. Apa yang saya pelik Tuan Yang di-Pertua, parti yang dahulunya *part of the government, previous government* adalah di antara mereka yang terkejut dengan pelaksanaan program PSH ini sedangkan mereka adalah di antara orang-orang yang telah pun merangka perkara ini dan kita hanya meneruskan apa yang mereka telah cadangkan dahulu kerana kita menganggap bahawa perkara ini penting dilakukan.

Oleh sebab di Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, kita memahami keraguan dan kebimbangan rakyat negeri Sabah, isu PATI ini sebab ianya memang merupakan satu isu yang cukup kronik dan telah pun lama. Maka dengan itu, kita kerajaan pada hari ini, oleh sebab kita tahu perkara yang baik, maka kita teruskan program ini.

Sedangkan kalau dikira Tuan Yang di-Pertua, yakinlah kalau PSH ini satu hari nanti kita buktikan bahawa ia berjaya mengurangkan isu pendatang asing tanpa izin di Sabah. Saya berani katakan dalam Dewan yang mulia ini, *credit should be given to the previous government* juga kerana mereka telah memulakan program ini kerana kita tahu ada masalah pemalsuan dokumen-dokumen khususnya tiga dokumen iaitu IMM13, Kad Burung-Burung dan juga Sijil Banci yang berleluasa di negeri Sabah. Oleh sebab itulah, melalui program ini kita yakin dan percaya kita dapat mengasingkan mana original dan mana yang palsu bila mana yang datang ini nanti...

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Mohon pencerahan.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** ...Menukar kad mereka pada masa itu kita akan kenal pasti. Kalau yang bawa nanti ini bawa yang palsu kita tangkap kerana inilah terbukti inilah orang-orang pendatang asing tanpa izin yang perlu kita tangkap dan hantar ke negara asal mereka. Ada celahan? Dipersilakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Betul kata Timbalan Menteri mungkin rancangan untuk mengadakan pas sementara ini dirancang semasa kerajaan yang lalu. Akan tetapi tidak ada pengumuman umum. Jadi, saya rasa perkataan terkejut itu betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa cadangan dan perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana kerisauan rakyat kita di Sabah. Mungkin kerisauan ini boleh diredakan jika ada jaminan daripada kerajaan bahawa pemegang PSH ini tidak dibenarkan untuk memohon kewarganegaraan Malaysia. Saya mencadangkan untuk kerajaan mempertimbangkan ini.

Satu lagi soal permohonan kewarganegaraan ini terkandung dalam Bahagian III, Perlembagaan Malaysia. Jadi, sekarang ini permohonan-permohonan kewarganegaraan diluluskan secara senyap-senyap. Itulah kerisauan rakyat kita di negeri Sabah kerana kewarganegaraan ini diluluskan secara senyap-senyap dan rakyat tidak tahu. Satu hari orang asing yang berjalan-jalan di pekan Donggongan, di Penampang atau Bandar Kota Kinabalu seminggu kemudian dan tiga bulan kemudian mempunyai warganegara dan mereka uar-uarkan. *They boast about it.*

Jadi, saya cadang di sini bahawa permohonan-permohonan kewarganegaraan haruslah dibuat secara terbuka. Saya tanya kerajaan ini adakah rancangan untuk membuat pindaan pada Bahagian III di mana proses kelulusan permohonan kewarganegaraan ini lebih terbuka. Jika nama-nama orang yang bankrap boleh dipaparkan secara awam dan secara umum, saya tidak tahu kenapa pula perkara yang

penting seperti kewarganegaraan ini tidak dapat disenaraikan untuk mendapat *feedback* atau bantahan daripada rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Panjang soalan dia Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ingat semua. Apa yang penting pertama yang saya ingat tadi bahawa kanonnya PSH ini untuk diberi kewarganegaraan. Kita telah secara jelas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cakap ia dibuat secara senyap.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Itu yang kedua Tuan Yang di-Pertua. Pertama tadi, PSH ini untuk beri kewarganegaraan. So, saya ingin jelaskan di sini bukan hanya di peringkat Dewan Rakyat saya telah sebut malah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dalam Dewan Undangan Negeri telah menyatakan dengan jelas bahawa PSH bukanlah medium ataupun proses untuk memberikan kewarganegaraan kepada mana-mana individu yang memegang kad ini.

#### ■1730

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau pemegang MyPR setelah 12 tahun dia memegang MyPR, dia boleh memohon kewarganegaraan- dari segi peraturannya. Akan tetapi lulus atau tidak lulus itu perkara kedua. Akan tetapi untuk PSS ini 10 kali, 20 kali, 30 kali dia sambung pun dan memegang pun kad PSS ini selama 100 tahun pun dia tidak boleh menggunakan kad PSS ini sebagai asas untuk dia memohon kewarganegaraan. Walaupun pegang 100 tahun tidak akan membantu kad PSS itu yang dia pegang selama 100 tahun itu untuk memegang kewarganegaraan kerana itu tidak akan diambil kira.

Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi disebut bahawa PSS bukanlah kad pengenalan dan bukanlah medium untuk kita memberikan kewarganegaraan kepada mana-mana individu yang memegang kad ini. Ia hanyalah sebagai satu mekanisme untuk kita mengkoordinasi tiga kad yang dikeluarkan oleh tiga agensi yang berbeza di negeri Sabah sehingga menyukarkan pihak berkuasa kita untuk membuat penguatkuasaan.

Di Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku saya pernah mengepalai operasi imigresen di negeri Sabah. Saya sendiri masuk ke kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, orang cakap saya gila. *You* masuk kawasan, *you* pergi buat operasi di kawasan *you* dan kejar pendatang asing tanpa izin.

Akan tetapi, apa yang berlaku apabila kita buat operasi ini? Orang-orang yang kita tangkap ini ada yang menunjukkan Kad Burung-Burung dan kad JKM mereka. Secara kuat kuasa undang-undang, imigresen tidak iktiraf kedua-dua kad ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi oleh sebab kuasa imigresen itu dan kad ini dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri

Sabah, mahu tidak mahu pegawai imigresen terpaksa melepaskan mereka. Ini kerana kad itu dikeluarkan oleh kerajaan negeri, itu masalah kita.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Boleh mencelah?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Oleh sebab itulah untuk mengelakkan perkara ini daripada ada kekeliruannya, maka kita keluarkan satu kad sahaja. Maknanya kerajaan negeri perlu berhenti mengeluarkan Kad Burung-Burung, MKN perlu memberhentikan pengeluaran kad banci. Cukup hanya dengan satu kad yang mana kita akan iktirafnya sebagai satu kad iaitu Pas Sementara Sabah. Tambahan.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan Kad Burung-Burung ini dan Sijil Banci, adakah ia sah dari segi undang-undang Malaysia? Setahu saya, kewarganegaraan Malaysia hanya tertakluk kepada seperti mana yang saya katakan tadi Perlembagaan Malaysia dan undang-undang JPN.

Jadi saya ingin tahu, kesahihan Kad Burung-Burung ini. Saya rasa kuasa untuk memberi kewarganegaraan atau status-status tertentu seperti pemastautin tetap di negara kita ini atau *work permit* adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Adakah sah apabila satu dokumentasi pengenalan dikeluarkan oleh sebuah negeri di negara kita ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator ini dia selalu *confuse* di antara kewarganegaraan dengan pas sementara Sabah ini. Sebenarnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi, perlu diingat dan saya ingin jelaskan sejelas-jelasnya hari ini yang mengeluarkan Kad Burung-Burung ini dikeluarkan bermula pada ketika kerajaan Parti Bersatu Sabah memerintah negeri Sabah lagi, bukan Parti Warisan Sabah. Ia yang dikeluarkan oleh kerajaan dahulu. Bayangkanlah 26 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah, tiga penggal kerajaan Parti Bersatu Sabah memerintah. Mereka yang keluarkan ini.

Hari ini, kerajaan pada hari ini ditinggalkan dengan masalah yang terpaksa kita selesaikan. Maka dengan itulah untuk kita mengkoordinasi tiga dokumen ini, pening kepala penguat kuasa kita Tuan Yang di-Pertua dengan tiga kad ini. Alangkah eloknya kalau kita jadikan ia satu. *Eventually*, tiga dokumen ini telah pun dikeluarkan di negeri Sabah. Jadi untuk membetulkan masalah ini, untuk membetulkan kekeliruan yang timbul ini maka sebab itulah kita turut menyokong dan meneruskan apa yang telah dimulakan dan dirancang oleh kerajaan terdahulu selain daripada ia juga merupakan saranan daripada RCI yang ditubuhkan dahulu untuk mengurus warga asing yang ada di negeri Sabah. Ada lagi tambah?

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Jadi jawapannya tidak sahlah itu?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tidak sah dari segi itu. Sebab itu kita sebut tadi...

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Okey, itu sahaja.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Kita tidak...

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Itu yang soalan saya, tidak sahlah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, yang mengeluarkan kad ini adalah Kerajaan Negeri Sabah dan ia telah di isu kepada pemegang-pemegang ini. Pemegang-pemegang ini pun sudah generasi ketiga dan keempat Tuan Yang di-Pertua, sudah lahir di Sabah, membesar di Sabah. Kalau kita hendak hantar pun, sebagaimana saya sebut, saya ulang sekali dalam Dewan yang mulia ini, masalah yang kita hadapi hendak kita hantar generasi ketiga, keempat yang bukti ada lahir di Sabah cuma diberikan sijil lahir bukan warganegara.

Kita ingin hantar ke Filipina, generasi inilah yang kita mempunyai kesukaran untuk menghantar. Ini kerana Kerajaan Filipina tidak menganggap mereka ini sebagai warganegara mereka sebab tidak ada pembuktian yang dikeluarkan atau dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Filipina terhadap mereka ini. Apa yang hanya ada pada mereka, hanya sijil lahir bukan warganegara yang bukti bahawa mereka ini di lahir di Sabah. Itulah yang dihadapi oleh kita.

Oleh sebab itulah saya sebutkan oleh kerana mereka ini tidak boleh dihantar, apa kita buat dengan mereka? Takkan kita hendak biarkan mereka hidup di negeri Sabah tanpa langsung dokumen. Hendak hantar pergi mana, ke China, ke Jepun? Negara mana yang sanggup menerima mereka?

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Setuju kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa masalah ini *is made worst* kerana tuntutan negara Filipina kepada tanah air Sabah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya *duk* tidak faham "burung" ini apa benda Tuan Yang di-Pertua? [*Ketawa*]

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, dia panggil "burung-burung" sebab satu ketika dahulu lambang negeri Sabah ini dia burung- burung. Sebelum dipindah kepada yang baharu ini, ia lambang burung dahulu. So, dipanggillah kad itu Kad Burung-Burung yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Oleh sebab, di kad itu ada lambang burung. Itulah nama dia "Kad Burung-Burung."

Jadi, menjawab kepada soalan tambahan tadi Yang Berhormat Senator, kita tidak menolak kemungkinan itu disebabkan oleh Yang Berhormat sedia tahu Kerajaan Filipina masih *claim* bahawa Sabah ini *part of their* wilayah, yang mana kita rakyat negeri Sabah *of course* kita membantah dan kita tidak setuju kerana kita sudah dimerdekakan di bawah

Malaysia. Maka dengan itu, mungkin juga disebabkan salah satu faktor di mana mereka tidak mahu membuka pejabat konsulat mereka di negeri Sabah.

Jadi, disebabkan itulah masalah yang kita hadapi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya sekali lagi saya ulang PSS ini perlu kita teruskan dalam usaha bukan hanya untuk mengkoordinasi tiga dokumen yang ada di negeri Sabah tetapi komitmen kita. Saya ulang sekali lagi, komitmen untuk mengurangkan jumlah pendatang asing tanpa izin yang menggunakan dokumen palsu di negeri Sabah iaitu tiga, salah satu daripada tiga dokumen iaitu Kad Burung-Burung, IMM13 dan juga Kad Banci yang ada di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Raj Murni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak tanya dahulu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, so, bermakna PSS ini tidak menghalang dari mendapat kerakyatan?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** No, PSS ini bukanlah- Tuan Yang di-Pertua, ia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, ia bukannya...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Ia memohon kerakyatan ini, ini perkara yang lain. Apa yang ingin kita lakukan ini adalah sebagai untuk memastikan tiga dokumen yang kita sebutkan tadi, yang mengelirukan pegawai-pegawai kita dan menyukarkan kita. Ini kerana tiga agensi yang berlainan mengeluarkan kad-kad ini. Oleh sebab itulah untuk menyelesaikan isu pertindihan ini dan perbezaan dokumen-dokumen ini. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pun saya rasa sedia maklum Kad Burung-Burung ini Tuan Yang di-Pertua, langsung tidak ada *security element*-nya. Orang boleh tiru dan palsukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya faham. Itu saya faham. Tidak, yang kekhuatiran mereka ini, ini bukan, dengan izin, *precondition* untuk mendapatkan...

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** No, no. Tidak, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita faham. Adakah PSS ini akan menghalang dari mendapat kerakyatan?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Mereka boleh memohon Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh memohon? Okey.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Itu perkara yang lain. Mereka boleh memohon. Sesiapa pun boleh memohon.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Boleh minta laluan?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sekejap.



**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Sekali lagi. *Sorry*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sabar pada soalan-soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri pandai jawab.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Satu daripada kerisauan rakyat tulen di negeri Sabah adalah apabila orang-orang yang memegang dokumen-dokumen tersebut diberi pas sementara dan suatu hari nanti mereka diberi kebenaran untuk memohon kewarganegaraan Malaysia. Ini adalah satu jalan di mana mereka mendapat kewarganegaraan secara *indirect* dan satu lagi ini akan menggalakkan lain-lain *illegal immigrants* yang berada dekat dengan Sabah untuk datang. Ini kerana senang mahu dapat dokumen *to stay in* Sabah seperti PSS. Itu pemikiran rakyat. Jadi, saya harap kementerian akan mengambil kiralah semua ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Okey Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan tambahan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Sebagai mana saya sebutkan tadi, jumlah yang akan kita berikan PSS ini cukup jelas hanya sebanyak 136,055. Maknanya tidak akan dikeluarkan kepada orang yang baharu. Maknanya kenyataan yang mengatakan bahawa kita menggalakkan nanti akan ramai orang pendatang asing tanpa izin datang ke Sabah dan dapat kad PSS, kita telah nyatakan PSS ini tidak akan di isu kepada orang yang baharu. Hanya orang-orang yang telah memegang sekarang ini IMM13 yang asli, Kad Burung-Burung yang asli dan Kad Banci yang asli sahaja. Berapa kali mahu beritahu ini?

■1740

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ulang tidak ada yang baharu Yang Berhormat, jangan bimbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan burung-burung- Kad Burung-Burung [*Ketawa*]

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, masalah dia nama dia memang itulah.

**Datuk John Ambrose:** Boleh tanya satu soalan lagi kah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh lagi, tidak boleh, duduk.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Mohon penjelasan.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya berminat sebab saya pun ada dari Sabah. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan yang disebutkan dari 130 ribu lebih itu saya rasa jelas. Generasi sudah berada

lama di Sabah, generasi ketiga dan keempat contohnya. Pada saya dan sudah mungkin begitu lama, pada saya pun jelas. Cuma, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setuju kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sikap kita yang terlalu pentingkan diri. Saya minta maaf, sikap kita yang pentingkan diri *and reluctant* untuk menyelesaikan isu tersebut menyebabkan kes ini berlanjutan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Raj Murni binti Sabu:** ...Berlanjutan sehingga berpuluh-puluh tahun lagi. Jadi, setuju kah Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang itu. Kedua, soalan saya adakah dengan dasar *rahmah* nya kita, negara yang bersifat *rahmah* akan mengambil sikap lebih bertanggungjawab dengan meneliti- kalau mereka layak untuk diberi kerakyatan, berikan mereka kerakyatan tetapi wartakan contohnya. Sekiranya ada bantahan dan rakyat Sabah yang tulen itu disebutkan tadi boleh membantah, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan, masukkan dalam teks ucapan saya yang tadi yang pertama itu. Saya setuju dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Inilah masalah kita Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita tidak ada *political will* ataupun kesungguhan, keberanian untuk menyelesaikan isu pendatang asing tanpa izin ataupun isu tiada pengkoordinasian ketiga-tiga dokumen ini, masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah ini tidak akan selesai. Saya ada sebut dalam Dewan Rakyat satu pepatah yang disebutkan dalam bahasa Inggeris, '*If you keep on doing the same thing hoping for different result, it will not happen*'. Kita kena berani untuk mengubahnya, kita sudah 26 tahun UMNO-Barisan Nasional memerintah, tiga penggal Parti Bersatu Sabah memerintah, *we keep on doing the same things*.

Kalau kita berharap dengan perkara yang sama itu boleh mengubah keadaan yang berlaku di negeri Sabah, ia tidak akan berlaku. Maka dengan itulah, kita dengan beraninya walaupun cadangan datang daripada kerajaan terdahulu, kita mengambil niat baik cadangan yang mereka telah kemukakan dan kita teruskan dengan harapan agar *insya-Allah* Sabah ini isu tiga pengkoordinasian dan isu pendatang asing tanpa izin yang ada di negeri Sabah ini dapat kita selesaikan *once and for all*.

Saya pun malu juga Yang Berhormat apabila negeri saya digelar sebagai penternak pendatang asing tanpa izin di Malaysia. Saya pun malu juga. *Don't tell me*, saya selaku orang Bajau di Sabah ini tidak malu. Bukan hanya orang Kadazan, Dusun, Murut yang malu saya juga orang Bajau yang malu. Kalau tidak layak, tidak layak Yang Berhormat. Saya pun akan menentang sekeras-kerasnya jika ada orang yang tidak layak diberikan kad warganegara ini diberikan kad warganegara.

Kita perlu jelas dalam perkara ini sebab itulah kita berani walaupun kredit kalaulah berjaya PSS- saya ulang sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, kalaulah PSS ini berjaya menyelesaikan isu masalah pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah, *credit should be given to the previous government* kerana mereka yang telah memulakan langkah ini untuk membanteras isu pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, dari Selangor kah dari Sabah?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Ini Senator ini. Satu perkara lagi Yang Berhormat ialah ketika saya di Semporna saya dapati ialah anak-anak yang kahwin campur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Ini gara-gara cinta. Ibunya Sabah, ayah Filipina yang tidak mempunyai dokumen yang sah. Jadi, bagaimana kita hendak mengiktiraf anak sebegini?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Itu perkara yang lain Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ini bukan PSS.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Itu kita akan tengok dalam isu yang lain. Sekarang ini kita sentuh tentang PSS yakni dokumen-dokumen yang telah pun diberikan oleh kerajaan baik kerajaan terdahulu kepada masyarakat yang sama iaitu orang-orang yang telah pun lahir di Sabah datang- generasi ketiga dan keempat, generasi pelarian yang datang daripada Filipina suatu ketika dahulu pada awal tahun 70-an.

Jadi sekarang ini oleh sebab mereka sudah lahir di negeri Sabah, generasi ketiga dan keempat dan orang-orang inilah telah diberikan kad IMM13 ini dan sebab itulah untuk sekali lagi saya ulang, untuk mengkoordinasi ketiga-tiga dokumen ini maka kita wujudkan PSS dengan tujuan dan niat untuk memudahkan penguat kuasa kita untuk menguatkuasakan undang-undang khususnya berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin.

**Datuk John Ambrose:** Boleh mencelah.

**Puan Asmak binti Husin:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk John Ambrose:** Boleh mencelah, soal PSS ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat Senator Puan Asmak ini, Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Saya juga ingin bertanya tentang generasi ketiga ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari mana?

**Puan Asmak binti Husin:** Cuma saya hendak ke Kelantan. Sebab kami juga adalah negeri bersempadan dengan negara lain. Kami juga ada limpahan dari negara lain yang generasi ketiga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini berkaitan dengan PSS. Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dahulu selepas itu boleh mencelah.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana kalau berlanjutan ini, nanti sudah Dato timun pula bangun untuk minta orang India punya salah. Ini pelbagai-bagai masalah akan masuk. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk John Ambrose:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada mendengar tadi dengan jelas bahawa PSS ini untuk 136 ribu. Akan tetapi yang kena keluar dalam *newspaper* mula-mula itu 600, itu yang kerisauan orang-orang Sabah. Mereka cakap kalau *you kasi* PSS kepada ini orang untuk tiga tahun *to be renew*, selepas tiga tahun kalau kamu orang tidak mahu *renew*, *where this people go because you already legalize kasi* satu dokumen. *I'm not the lawyer but I'm just asking* boleh kah begini. Ini kerisauan orang. *So, you have to explain* pergi Yang Berhormat pembangkang itu yang saya cakap dalam ucapan saya. Saya tahu ini memang dari PBS lagi. Pengerusi RCI dahulu, Tan Sri Joseph Pairin betul kah tidak?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Betul.

**Datuk John Ambrose:** So, kita takut kerisauan orang ini selepas tiga tahun kalau undang-undang tidak- fasal dia ada buat jenayah, dia tidak dapat *renew* dia punya PSS, *where does this people go? You already give them the authority PSS to save for three years*. Itu yang saya takut dari segi undang-undang, apa macam? Saya bukan *lawyer* tapi bagus cek betul-betul...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh faham, boleh faham.

**Datuk John Ambrose:** Ini kerana kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh faham Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey, pertama soalan dia tadi ada dibangkitkan soal 600 ribu. Tuan Yang di-Pertua, itu hanya berbentuk andaian yang dikeluarkan dan ditulis oleh media. Sebenarnya nombornya adalah 136,055. Itu sahaja yang sebenarnya yang nyata dan jelas. Sejumlah 600 ribu ini hanya berbentuk andaian sebab kerana tidak ada data yang ada di negeri Sabah. Itulah sebabnya kita sebutkan tadi isu 600 ribu ini datang daripada ramai di antara pemegang kad-kad ini yang sebenarnya bukan yang asli Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Ramai di kalangan mereka yang memegang yang palsu yang dikeluarkan oleh sindiket-sindiket ini. Jadi dalam data yang ada dalam agensi kita hanya 136,055 tetapi dipetik oleh media, 600 ribu itu hanya berbentuk andaian

sebab kenapa? Ini kerana mereka kelihatan seolah-olah terlalu ramai, golongan ini yang memegang IMM13 sebab apabila mereka tunjukkan mereka ada dokumen.

Oleh sebab itu masalahnya kita tidak boleh *identify* sama ada ia original kah, asli atau palsu. Jadi bagaimana cara untuk kita mengenal pasti ia palsu atau original. Makanya, sebagaimana saya selalu sebut dalam ucapan saya kalau di negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan mendapati terlalu banyak wang palsu di dalam pasaran, apa kerajaan buat? Dia akan buat wang yang baharu, tarik yang lama supaya kita boleh kenal pasti mana yang baharu. Mana yang original, mana yang palsu. Samalah konsepnya dengan PSS ini. Kita tahu banyak yang palsu IMM13, Kad Burung-Burung dan Kad Banci ini.

Okey, untuk kita memastikan agar original dan palsu ini dapat kita asingkan, maka kita tarik ketiga-tiga dokumen ini dan kita gantikan satu kad yang bersekuriti tinggi mempunyai cap jari, mempunyai *facial recognition* yang mana ketiga-tiga dokumen yang ada hari ini tidak ada langsung Tuan Yang di-Pertua, gambar pun tidak ada, cap jari pun tidak ada.

Jadi, inilah sebabnya saya berharap rakyat Sabah menyokong usaha ini dan yakinlah bahawa kita tidak ada- ini bukannya matlamat mana-mana parti politik baik yang dahulu ataupun yang sekarang tetapi ini adalah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah dan juga mengkoordinasi tiga dokumen yang selama ini dikeluarkan oleh tiga agensi yang berlainan. Saya rasa cukuplah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang baiklah- tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri ini untuk tiga tahun kah?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey, dari segi- terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan tadi Yang Berhormat Senator sebut juga tentang isu tiga tahun. Suka saya sebut tiga tahun- saya maklumkan tentang tiga tahun ini, kita mengambil kira pandangan daripada jabatan imigresen yang akan berhadapan dengan masyarakat ini apabila pembaharuan kad-kad ini tamat tempoh dan mereka akan ke kaunter imigresen untuk *renew*. Ingin saya jelaskan di sini kenapa tiga tahun.

Ada orang mengatakan bahawa kalau orang Semenanjung datang ke Sabah, tiga bulan paling maksimum dia kena balik. Orang Sarawak bekerja di Sabah, maksimum satu tahun Tuan Yang di-Pertua dia kena balik. Demikian juga orang Sabah bekerja di Sarawak dia kena balik selepas satu tahun. Pelancong asing yang datang ke Malaysia paling lama tiga bulan dia kena balik. Akan tetapi untuk orang-orang ini, ke mana mereka hendak keluar Tuan Yang di-Pertua ini?

■1750

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Hendak lari ke mana? Sekarang pun- kita hendak pergi ke Kuala Lumpur pun Tuan Yang di-Pertua kena ada kelulusan daripada Pengarah Imigresen Negeri Sabah. Tidak ada tempat untuk mereka pergi.

Jadi, kalaulah kita kata- okey untuk menyamakan agar mereka setaraf dengan orang Semenanjung, *renew* setiap tiga bulan. Saya tidak boleh *imagine* apa yang akan berlaku kepada kaunter-kaunter imigresen kita di negeri Sabah. Setiap hari hanya layan PSS sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya, kita warganegara mahu *renew* passport mungkin akan menghadapi masalah sebab semua kaunter-kaunter ini dipenuhi oleh orang-orang yang ingin *renew* PSS mereka.

Ada orang tanya kenapa tidak hantar? Sekali lagi saya ulang, masalahnya bukan mudah untuk menghantar Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah mudah penghantaran ini sebagai mana di sebut oleh puak-puak yang ada di Sabah ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan PBS sewaktu memerintah patut sudah hantar dulu. Tidaklah pening kerajaan sekarang. Selama 26 tahun UMNO Barisan Nasional memerintah Tuan Yang di-Pertua. Kenapa tidak hantar? Kita baru satu tahun tujuh bulan mereka *expect* untuk kita hantar semua ini. Bukan senang Tuan Yang di-Pertua, mereka pun tahu.

Akan tetapi kerana ingin dipolitikkan perkara ini maka benda yang mereka mulakan- bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, yang memulakan dulu hari ini di Sabah melaungkan kononnya kita mesra PTI, kerana kita ingin wujudkan PSS. Sedangkan kerajaan dulu yang buat. Kerajaan dulu yang mulakan. Kita hanya meneruskan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri saya minta maaf. Jikalau orang itu tidak *renew*, apa akan jadi kepada mereka?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tangkap Tuan Yang di-Pertua, masuk lokap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya kah? Macam PATI.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Ya, lah sebab dia tidak *renew*, bermakna dia pendatang asing tanpa izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, *renew* secara automatik- senanglah macam lesen?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Kenapa Tuan Yang di-Pertua, ulang sekali lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Renew* itu dipermudahkan?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Dia akan ke kaunter buat pembayaran...

**Tuan Yang di-Pertua:** Senang sahajalah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** ...Ia ada bayaran yang kena- kalau dia tidak bayar, dia tidak *renew*. Kita buat operasi, *expired* PSS dia, kita tangkap masuk lokap.

Tadi Yang Berhormat tanya apa berlaku kalau dia melakukan kesalahan undang-undang, melanggar undang-undang Malaysia. Kita akan buat dia sebagai mana undang-

undang biasa. Kalau dia melakukan kesalahan, kita tangkap dakwa di mahkamah dan masuk penjara. Kalau dia didapati bersalah oleh mahkamah. Ia proses yang sama juga Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukuplah itu Yang Berhormat, semua faham.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sikit lagi. PSS ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin:** Baik. Tadi Yang Berhormat Menteri dinyatakan jumlah sebenar yang dikenal pasti untuk layak PSS ini sebanyak 136 ribu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jumlah 55.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin:** Okey, 55. Jadi jumlah ini termasuk kah isteri-isteri, anak-anak itu? Okey, terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Itulah akan kita bancikan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dengan soalan tambahan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kadang-kadang ada dua, tiga bini. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Apabila seseorang individu itu memegang PSS. Di dalam kad dia itu akan tertulis berapa tanggungan dia. Untuk kita mendaftarkan tanggungan dia, kita kena pastikan dahulu bukti-bukti bahawa benar itu anak dia. Kita tidak mahu nanti esok lusa Tuan Yang di-Pertua, dia ambil semua orang, dia cakap semua dia punya anak. Kalau tidak ada pembuktian bahawa itu bukan anak dia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam dekat sini dekat Semenanjung ini kita ada DNA dan sebagainya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey, terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Okey Tuan Yang di-Pertua saya rasa cukuplah dengan PSS ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Kita jumpa sahaja nanti di Pilihanraya Kecil Kimanis untuk menjawab *[Ketawa]*

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Telah membangkitkan mengenai punca bagi masalah tinggal lebih masa di Malaysia oleh pelancong warga China dan India. Selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat meminta Kementerian Dalam Negeri

memaklumkan tindakan oleh Kementerian serta sistem pengesahan yang diguna pakai oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengenal pasti mereka yang tinggal lebih masa di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memastikan mana-mana warga negara asing termasuk warganegara India dan Republik Rakyat China (RRC) mematuhi peraturan undang-undang semasa negara ini dengan melakukan operasi penguatkuasaan secara berterusan di seluruh negara.

Melalui operasi penguatkuasaan yang dijalankan seramai 146,026 orang pendatang asing tanpa izin telah ditangkap atas pelbagai kesalahan imigresen dari tahun 2017 sehingga 5 Disember 2019. Sejumlah 7113 orang PATI warganegara India dan 3414 orang PATI *Republic of China* telah ditangkap daripada jumlah keseluruhan tangkapan PATI tersebut.

Bagi memastikan jumlah PATI di dalam negara yang melakukan kesalahan imigresen terus berkurangan. Kerajaan sedang melaksanakan Program PATI Pulang Ke Negara Asal ataupun *Program Back For Good (B4G)* yang bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa di bawah seksyen 15(1)(C) atau tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah di bawah seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen tahun 1959/63 untuk pulang ke negara asal secara sukarela mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Program ini dilaksanakan bermula 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019 di Semenanjung Malaysia sahaja dan melibatkan bayaran kompaun sebanyak RM700 bagi setiap PATI yang menyertai program ini. PATI yang terlibat hendaklah membawa dokumen perjalanan yang sah, pasport dan sijil perjalanan kecemasan serta tiket untuk pulang ke negara asal dalam tempoh tujuh hari.

Sekiranya mereka tidak mempunyai pasport yang sah atau langsung tidak mempunyai pasport. Mereka perlu merujuk kedutaan masing-masing bagi mendapatkan sijil perjalanan kecemasan atau *emergency certificate*. Kedutaan akan mengeluarkan sijil perjalanan kecemasan untuk PATI pulang ke negara asal mereka.

Sejak Program *Back For Good (B4G)* diperkenalkan pada 1 Ogos 2019 sehingga 8 Disember 2019. Seramai 126,873 orang PATI telah berdaftar dengan program ini. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, PATI warganegara India mencatatkan jumlah seramai 21,609 orang, manakala seramai 412 orang PATI warganegara- *people Republic of China* telah berdaftar melalui program B4G.



Pada masa ini kementerian juga sedang dalam usaha untuk menghasilkan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI lebih komprehensif dan menyeluruh sebagai satu langkah memperkukuh tadbir urus dan menambah baik usaha penguatkuasaan sedia ada.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai kementerian dan agensi.

Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya-upaya agensi penguatkuasaan dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima strategi atau fokus utama iaitu strategi operasi penguatkuasaan PATI yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara.

Kedua, strategi perundangan dan dasar penguatkuasaan PATI yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI.

Ketiga, strategi kawalan sempadan dan pintu masuk yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara.

Keempat, strategi pengurusan warga asing yang menggariskan pelan menyelaraskan dasar berkaitan warga asing dan,

Kelima, strategi media dan publisiti yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan dengan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensy yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutama sekali pasukan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen Malaysia mengambil langkah proaktif dalam mencegah kemasukan warga negara asing yang berisiko termasuk kemungkinan seseorang melakukan kesalahan imigresen di dalam negara dengan memastikan setiap kemasukan warga asing di pintu-pintu masuk negara melalui sistem tapisan dan kawalan keselamatan meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan penyemakan identiti.

Sistem tapisan dan kawalan keselamatan di pintu masuk yang berintegrasi dengan sistem MyIMMs adalah seperti berikut:

- (i) Sistem pangkalan data biometrik warga asing dan Sistem Sekuriti Nasional ataupun *National Foreigner Enforcement and Registration System* (NFERS);
- (ii) Sistem pangkalan data *Stolen and Lost Travel Document* (SLTD) INTERPOL;
- (iii) Pelaksanaan sekatan perjalanan ke atas suspek pengganas yang dikenal pasti dalam pangkalan data senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia.

Selain daripada sistem-sistem tersebut, pelawat dari negara-negara yang dikenakan syarat keperluan Visa untuk masuk ke Malaysia wajib memohon dan mematuhi keperluan Visa sebagai saringan awal- *early prescreening* bagi mengelakkan pelawat-pelawat yang tidak dikehendaki dan tidak memenuhi kelayakan.

#### ■1800

Pihak JIM juga melaksanakan semakan silang ataupun *cross checking* dengan izin, dengan pangkalan data senarai sah sedia ada di dalam sistem MyIMMs sebelum pengeluaran visa di kedutaan ataupun Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Bagi memperkukuhkan lagi proses semakan dan tapisan keselamatan Imigresen, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional ataupun *National Immigration Integrated System* (NIIS) untuk menggantikan dan menambah baik sistem Imigresen sedia ada.

Kementerian juga bercadang untuk melaksanakan proses tapisan ataupun saringan keselamatan awal ke atas semua penumpang ataupun pelancong ke negara ini melalui pelaksanaan *Advanced Passenger Information (API)* dan *Advanced Passenger Processing (APP)* sebagai sebahagian daripada tambahan ciri-ciri tapisan keselamatan dalam NIIS kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sikit.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri dia kena rehat sikit ya. Kalau kita lihat- ini jawapan Dewan kepada saya berkaitan berapa banyak pas lawatan PLKS masuk ke Malaysia sejak tahun 2008. Kalau kita lihat 2008 sebanyak dua juta pekerja asing dibenarkan masuk PLKS. Tahun 2009 seramai 1.9 juta. Tahun 2010 seramai 1.9 juta juga. Tahun 2011 seramai 1.9 juta juga, tahun 2012 seramai 1.8 juta. Tahun 2013, 2014, 2015 sampai tahun 2018 seramai dua juta. Saya kira jumlah

pekerja asing yang dibenarkan masuk dengan PLKS ini sudah melebihi 20 juta. Apakah kerajaan ada data mereka yang pulang mengikut jadual dan kalau *based on* data ini kita tahu berapa ramai yang tinggal di sini, *overstayed*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengawal ini?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Okey, terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Dari segi statistik data berapa yang keluar itu mungkin saya boleh bagi secara bertulis sebab saya tidak ada statistik *number* untuk diberikan di sini. Akan tetapi apa yang saya ingin jelaskan di sini sebab itulah hari ini kerajaan sedang merangka satu dasar khususnya melibatkan pekerja asing ini kerana kita ingin *formulate* kan satu dasar baharu yang mana kebergantungan kita kepada pekerja asing ini perlu dikurangkan Tuan Yang di-Pertua. Saya harap dasar ini mungkin akan dapat kita umumkan *sometimes next year, insya-Allah* dan ia akan diharap dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing. Sekali lagi nanti berkenaan dengan statistik tadi mungkin saya boleh bagi secara bertulis.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tambahan sikit. Saya bimbang ada unsur-unsur memperdagangkan manusia. Saya jumpa pekerja Bangladesh, dia terpaksa membayar dengan begitu mahal sekali dan perniagaan mengimport pekerja asing ini menguntungkan. Jadi adakah ini dapat dibendung?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih. Setakat ini *alhamdulillah* kita masih boleh membendung lagi isu pemerdagangan manusia yang ada di negara kita sebab itu penguatkuasaan dari segi Imigresen itu, dari segi operasi-operasi memang kita lakukan secara berkala. Sebagaimana saya sebutkan tadi satu dasar baharu tentang kebergantungan kepada pekerja asing ini *insya-Allah* akan kita umumkan tahun hadapan dalam usaha untuk mengurangkan jumlah mereka di negara Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun, ada?... Tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kamarudin ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Oh ada ya. Beliau telah bertanyakan sama ada KDN bercadang untuk melanjutkan tempoh operasi di semua ICQS seperti di ICQS Bukit Kayu Hitam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlanjutan tempoh operasi di ICQS Bukit Kayu Hitam merupakan salah satu cadangan penyelesaian kerajaan kepada masalah kesesakan khususnya melibatkan kenderaan berat dan bermuatan semasa tempoh pembangunan bangunan ICQS Bukit Kayu Hitam sedia ada.

Di samping itu, perlanjutan tempoh operasi ICQS Bukit Kayu Hitam merupakan usaha kerajaan bagi memenuhi keperluan meningkat kemudahan logistik dan *facilities* perdagangan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab logistik bersepadu serta pintu masuk perdagangan ke rantau Asia Tenggara. Tempoh perlanjutan operasi di ICQS

Bukit Kayu Hitam juga pada masa ini masih dalam fasa percubaan sehingga bulan Jun 2020. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia dan Thailand telah menubuhkan pasukan penilaian bagi mengkaji keberkesanan perlanjutan tempoh operasi di ICQS Bukit Kayu Hitam dan CIQ Sadao sebelum kedua-dua pihak membuat keputusan mengenai hala tuju dan ketetapan mengenai perlanjutan tempoh operasi di kedua-dua ICQS tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sebarang keputusan untuk perlanjutan tempoh operasi ICQS melibatkan kajian di peringkat dasar dan persetujuan bersama dengan negara jiran kerana bakal melibatkan implikasi kos yang besar kepada kedua-dua pihak. Selain itu perlanjutan tempoh mana-mana operasi ICQS juga memerlukan perubahan menyeluruh kepada kesemua perkhidmatan yang menyokong ekosistem operasi *supply chain* termasuklah perkhidmatan logistik, perbankan, pergudangan dan lain-lain. Pada masa ini tiada cadangan untuk melanjutkan tempoh operasi di mana-mana ICQS lain seperti di ICQS Bukit Kayu Hitam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula tentang topik kepenjaraan AADK dan RELA. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai bertanya sama ada peruntukan sebanyak RM15 juta mencukupi dalam menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah yang kian meningkat di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 2020, Agensi Antidadah Kebangsaan diperuntukkan sebanyak RM408 juta dalam peruntukan bajet mengurus yang merangkumi emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pelaksanaan program-program pencegahan, penguatkuasaan dan rawatan dan pemulihan.

Di bawah inisiatif Bajet 2020 juga kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM15 juta kepada AADK bagi melaksanakan program Rintis melalui inisiatif bersepadu menangani masalah penyalahgunaan dadah dan bahan serta pelencongan sosial di tujuh buah negeri iaitu Kedah, Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu melibatkan 12 kawasan berisiko tinggi mulai Julai 2019. Pelaksanaan projek Rintis ini melibatkan penglibatan daripada kementerian, jabatan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan termasuklah komuniti setempat.

Projek Rintis yang dilaksanakan oleh AADK dijangka akan diperluaskan ke beberapa negeri lain termasuklah Sabah dan Sarawak dalam mencari model terbaik inisiatif bersepadu bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah, *substance* dan pelencongan sosial. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM bertanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sama ada Kementerian Dalam Negeri akan membantu PEMADAM dari segi kewangan, saya juga telah bangkitkan perkara ini selaku Yang di-Pertua PEMADAM Kebangsaan. Saya telah nyatakan agar Kementerian

Dalam Negeri perlu membantu PEMADAM ini dalam usaha kita untuk mengadakan kempen-kempen khususnya ke peringkat sekolah-sekolah di seluruh negara kita.

Diharapkan dengan bajet yang disalurkan dan inisiatif berterusan kerajaan masalah penagihan dan penyalahgunaan dadah dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, Timbalan Yang di-Pertua PEMADAM bertanya kos rawatan pemulihan seorang penagih dadah termasuklah pemberian *methadone* di *Cure and Care*. Selain daripada itu Ahli Yang Berhormat turut bertanya sama ada kementerian akan menjalankan program perintah berkurung, *curfew* kepada golongan remaja yang didapati terlibat dengan gejala dadah dan cadangan dikriminilisasi para penagih yang diisytiharkan sebagai pesakit.

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan memandang serius masalah penyalahgunaan dadah dan *substance* di negara ini dan mengambil pelbagai pendekatan baharu melalui konsep perkhidmatan *open access services* yang dilaksanakan melalui modul *Cure and Care* yang dipraktikkan di Klinik *Cure and Care*.

Implikasi kewangan sentiasa dititikberatkan melalui inisiatif holistik yang melibatkan pendekatan psikososial *pharmacotherapy* dan spiritual bagi memastikan kejayaan dan pengekalan kepulihan klien. AADK membelanjakan secara purata sebanyak RM50 seorang untuk kos pemulihan bagi seorang penagih dadah sehari dan secara kasarnya perbelanjaan sebulan untuk seorang penagih dadah adalah sebanyak RM1,050 ataupun RM12,775 setahun. Kos *methadone* di fasiliti *Cure and Care* ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pegawai Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia akan mendispen *methadone* di fasiliti *Cure and Care* AADK dan AADK menyediakan tempat pendispenan. Saya pun susah hendak sebutlah Tuan Yang di-Pertua, *methadone* sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, faham.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Buat masa ini pihak kementerian masih lagi mengkaji keperluan dan kaedah yang sesuai mengenai program perintah berkurung, *curfew* kepada golongan remaja yang didapati terlibat dengan gejala dadah.

#### ■1810

Pelaksanaan program ini masih perlu diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam dengan mengambil kira demografi, budaya, implikasi perundangan dan kewangan dan lain-lain.

Berhubung dengan dasar *decriminalization* penyalahgunaan dadah, ia perlu dikaji dengan teliti dan terperinci sebelum dilaksanakan di Malaysia. Perkara ini melibatkan perubahan yang besar dari segi dasar dan undang-undang dadah sedia ada. Selain daripada itu, sebarang perubahan dasar yang dibuat perlu mematuhi konvensyen dadah

antarabangsa yang berkuat kuasa agar dia ia tidak bercanggah dengan komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri bersama dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk mencari mekanisme pelaksanaan yang sesuai dengan normal serta budaya tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif telah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dato' Haji Mohd Suhaimi ada minta sesiapa yang *supply*, dengan izin, methadone kepada kementerian. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya menunggu Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah tukar...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Yang Berhormat Timbalan Menteri habis baru saya hendak bertanya. Memang betul saya bertanya siapakah *supplier* kepada *methadone* itu. Di manakah *methadone* ini diperbuat? Kemudian saya juga menyatakan bahawa semasa Persidangan ASEAN ada disebutkan juga bahawa- saya bacakan sedikit Tuan Yang di-Pertua "*This is important. ASEAN shall continue to be resolute in our position, despite the shift in drug policies seen in other parts of the world advocating decriminalization or legalization of drugs*". Makna kata ASEAN sendiri juga masih belum bersetuju dan kita sekarang sedang berbincang hendak *decriminalize* dan sekiranya kita *decriminalize* saya menyatakan dalam perbahasan saya bahawa anak-anak kita ini akan membawa dadah yang dibenarkan. Ini amat membimbangkan kita.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Okey, terima kasih, itu sahaja? Ada lagi? Tidak ada? Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat Senator tadi. *Yang supply methadone* Tuan Yang di-Pertua adalah Kementerian Kesihatan Malaysia. Mereka yang memilih siapa *supplier* kita hanya *administer*. Selaku Kementerian Dalam Negeri, kita hanya menerima benda ini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan siapa *supplier* itu kita kena rujuk dan tanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif telah mencadangkan supaya kementerian menambah baik kadar elaun RELA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi elaun RELA sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, RELA telah diluluskan kadar kenaikan elaun daripada RM6 sejam kepada RM8 sejam bagi anggota lain-lain pangkat dan daripada RM7.80 sejam kepada RM9.80 sejam bagi anggota berpangkat pegawai. Elaun baru ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

Mengenai isu kewarganegaraan dan pendaftaran. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu telah meminta supaya kementerian menjelaskan mengenai dakwaan terdapat seramai 300 ribu permohonan kewarganegaraan oleh masyarakat India yang sekian lama telah tertangguh dan jumlah permohonan yang telah selesai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2012, Kementerian Dalam Negeri telah menerima beberapa dakwaan bahawa terdapat seramai 300 ribu orang individu berketurunan India yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan.

Menyusuli dakwaan tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan sesi libat urus ataupun *engagement* bersama penyelaras isu masyarakat India di Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan perincian individu yang terlibat memandangkan angka mengenai individu berketurunan India tanpa dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan yang diuar-uarkan adalah berbeza-beza. Iaitu pertama sebanyak 300 ribu individu berketurunan India pada tahun 2012, kemudian seramai 2,500 orang pada tahun 2014. Kemudian seramai 25 ribu orang pula pada tahun 2018.

Semasa sesi *engagement* tersebut, pihak penyelaras masyarakat India telah memaklumkan bahawa angka-angka tersebut hanyalah anggaran semata-mata dan pihaknya masih belum membuat kajian terperinci. Justeru, Kementerian Dalam Negeri telah memohon agar pihak penyelaras tersebut mengemukakan senarai dan keberadaan individu yang terlibat bagi tujuan semakan serta perancangan program yang bersesuaian. Namun begitu sehingga kini, Kementerian Dalam Negeri masih belum memperoleh senarai seperti mana yang dijanjikan. Soalan tambahan? Tiada.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Berapa yang sebenarnya telah diberi? Saya hendak tahu, sebelum ini 300 ribu selepas itu 250 ribu, sekarang 25 ribu yang mana satu yang betul? Cuma fasal apa Tuan Yang di-Pertua, anggaran ini *allegation* ini yang diberi oleh siapa? Menteri sekaranglah, iaitu Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy dia yang mula dahulu. Fasal itu tadi saya kata pembohong, dia itu pembohong. So, jangan-jangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Jangan kelirukan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Nga Hock Cheh:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. *Please*. Yang Berhormat. Yang pertama Yang Berhormat Menteri tidak ada di dalam Dewan.

Kedua, dia pada masa sekarang ini dia tunggu daripada penyelarar kaum India ini untuk dikemukakan. So, mana tahu boleh tambah sebanyak 320 ribu. Dia belum habis kemas kini. Belum habis kemas kini.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Saya nampak tadi macam hendak berdiri, jadi saya *stop*-lah [*Ketawa*] Saya ulang sekali lagi. Tadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi hanya berbentuk anggaran dan kita masih lagi menunggu daripada penyelarar daripada Jabatan Perdana Menteri untuk memberi perincian kepada kita tentang keberadaan mereka. Akan tetapi sehingga ke hari ini, kita masih belum menerima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2014 sehingga 30 November 2019, sebanyak 6,821 permohonan kewarganegaraan daripada pemohon berketurunan India telah diterima di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh negara. Dalam tempoh yang sama, seramai 3,676 orang pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Itulah jumlah dia tadi. Yang lain masih lagi dalam proses penelitian, semakan dan ada dokumen-dokumen yang masih lagi tidak lengkap, banyaklah faktornya.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Berapa ramai dalam proses, saya hendak tahu, yang telah mendaftar?

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Saya telah sebut tadi sebanyak 6,821 permohonan kewarganegaraan daripada pemohon berketurunan India telah diterima dan yang telah diluluskan dan diberikan kewarganegaraan seramai 3,676 orang.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** So, jadi lebih kurang 3,000 lebih sahajalah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Ya.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Oh! Tiga *percent* sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sampai sekarang Yang Berhormat

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Sampai sekaranglah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dia belum kemas kini Yang Berhormat.

**Datuk Mohan A/L Thangarasu:** Kemungkinan nanti tukar kerajaan lain pula angkanya [*Ketawa*]

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih dalam nombor tiga, kita ada lapan lagi. So, kalau Yang Berhormat biar Menteri menjawab...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya yang hendak mencelah itu betul-betul kalau mustahak celahlah. Kalau tidak, tidak mengapalah kita semua boleh duduk dalam Dewan sampai pukul 12 malam... [*Dewan ketawa*]

Okey. Sebentar Yang Berhormat Menteri.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sambung, Yang Berhormat sambung ya.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya ada 47 muka surat sebenarnya. Saya baru di muka surat 20... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cuba, cuba...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cuba padatkanlah.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang bertanya mengenai tindakan kementerian terhadap cadangan untuk membersihkan database kad pengenalan Jabatan Pendaftaran Negara sebelum proses pendaftaran pengundi secara automatik dilaksanakan bagi mengelakkan wujudnya PATI yang menjadi pengundi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat- boleh saya *speed up* Tuan Yang di-Pertua?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan juga *Electro Reform Committee* melalui satu pasukan *task force* JPN dan SPR yang ditubuhkan pada 10 September 2019 bekerjasama rapat dalam usaha untuk menambah baik dan meningkatkan ketepatan maklumat Daftar Pemilih serta proses pemurnian maklumat daftar pemilih termasuklah maklumat individu yang telah meninggal dunia dan alamat tidak dikemas kini yang dikawal selia oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

#### ■1820

Walau bagaimanapun, buat masa ini *task force* berkenaan adalah bertujuan untuk menyelaras, menyemak proses dan prosedur pendaftaran pemilih secara automatik serta memastikan kelancaran pelaksanaan dasar kerajaan berhubung penurunan had umur pengundi dan calon daripada 21 tahun kepada 18 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip telah bertanya mengenai Parti Komunis Malaya dan Al-Arqam, sama ada dua parti ini dikategorikan sebagai pertubuhan yang haram serta pendirian kementerian mengenainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua parti ini adalah haram. Saya ulang sekali lagi, haram.

Oleh yang demikian, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan bernois dan tidak bernois secara berkala ke atas pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM. Di samping itu, JPPM juga melakukan pemantauan ke atas pertubuhan yang bergerak tanpa daftar termasuklah gerakan berkaitan ideologi Parti Komunis Malaya dan Al-Arqam atas aduan, risikan dan maklumat yang diterima.

Seksyen 41(1)(b) Akta Pertubuhan tahun 1966 [*Akta 355*] juga memperuntukkan mana-mana daripada pertubuhan atau cawangannya yang tidak didaftarkan di bawah seksyen 7, maka ia menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Seperti isu pertubuhan yang menghadiri Majlis Peringatan Perjanjian Damai Hatyai yang dikaitkan dengan PKM pada 1 Disember lalu, pihak kementerian melalui JPPM telah mengeluarkan Notis di bawah seksyen 66, Akta Pertubuhan tahun 1966 [*Akta 355*] terhadap tiga pertubuhan berkenaan supaya ahli jawatankuasa pertubuhan terbabit hadir ke jabatan untuk memberi keterangan berkaitan pembabit pertubuhan berkenaan dalam majlis peringatan itu. Selain itu, seksyen 64 di bawah akta ini juga memperuntukkan terutamanya dalam hal khas sekiranya terdapat bukti yang kukuh, maka premis pertubuhan yang tidak didaftar atau menyalahi undang-undang boleh disita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu keselamatan pula, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah bertanya sama ada KDN bercadang untuk mewujudkan daerah pentadbiran polis di Bandaraya Kuching Utara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa keperluan bagi mewujudkan Ibu Pejabat Polis- IPD Padawan adalah lebih mendesak berbanding IPD Kuching Utara. Ini kerana ia meliputi kawasan yang luas iaitu 984,388 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 225 ribu orang.

Pada masa ini, IPD Padawan masih beroperasi di Balai Polis Siburan yang dibina pada tahun 1963. Di bawah Daerah Padawan, terdapat enam balai polis yang beroperasi iaitu Balai Polis Siburan, Balai Polis Batu 10, Balai Polis Beratok, Balai Polis Tapah, Balai Polis Batu Kawa dan Balai Polis Kota Sentosa. Sebagai makluman juga, sempadan antara Kuching Utara dan Padawan adalah di kawasan Gita dan Matang di mana sebahagian kawasan Kuching Utara masih di bawah kawalan IPD Kuching manakala sebahagian lagi adalah di bawah IPD Padawan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah bertanya sama ada kementerian bercadang untuk mewujudkan elaun risiko ataupun insentif khas bagi

anggota polis yang berdepan dengan pelbagai ancaman pada masa kini. Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia sentiasa meneliti dan membuat kajian secara berterusan untuk menambah baik sistem skim perkhidmatan dan elaun-elaun serta kemudahan lain untuk membantu anggota-anggota PDRM terutama yang berpangkat rendah dalam menangani kos sara hidup yang kian meningkat. Antara elaun-elaun yang telah dikaji bagi tujuan menjaga kebajikan dan mengurangkan beban anggota PDRM ialah cadangan:

- (i) pemanjangan bayaran insentif penerbangan, *operator special mission equipment* Pasukan Gerakan Udara;
- (ii) pemanjangan elaun bayaran Insentif Penyiasatan kepada Pasukan Khas Siasatan Bersepadu;
- (iii) penyelarasan Imbuan Tetap Perumahan bagi perkhidmatan PDRM;
- (iv) elaun juruiring, elaun pakaian preman dan elaun dobi bagi Unit Tindakan Khas;
- (v) kenaikan kadar bayaran Insentif Pasukan Simpanan Persekutuan;
- (vi) bayaran Insentif Khas Bahaya dan Kesusahan, Bahagian Operasi Khas;
- (vii) Elaun Perjalanan daripada tempat kediaman ke tempat bertugas;
- (viii) bayaran Insentif dan Elaun Khas untuk pegawai polis yang bertugas di kawasan ESSZONE;
- (ix) bayaran insentif PDRM;
- (x) pemanjangan bayaran Insentif Tugas Am kepada peringkat kontinjen dan Bukit Aman;
- (xi) pemanjangan bayaran Insentif Pendalaman kepada PDRM, elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan;
- (xii) kenaikan kadar Elaun Pakaian Seragam bagi pegawai kanan PDRM; dan,
- (xiii) elaun juruiring dan pengiring rapat kepada VVIP ataupun VIP.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, kerajaan juga sentiasa membuat kajian dan mengambil kira kekangan dan implikasi kewangan negara serta *parity* dengan skim-skim perkhidmatan lain.

Justeru, kerajaan telah meluluskan beberapa elaun yang dipohon oleh PDRM tetapi pada masa yang sama tidak menolak permohonan elaun-elaun lain tetapi menangguhkan dahulu pemberian elaun-elaun tertentu yang dipohon berdasarkan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind telah mencadangkan supaya mewujudkan elaun khas bagi anggota ataupun pegawai PDRM yang berjaya menangani rasuah. Selain itu Yang Berhormat juga turut mencadangkan penambahan anggota dan pegawai PDRM serta pengukuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk memantau hal-hal berhubung integriti di kalangan anggota dan pegawai PDRM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada pemberian elaun khas bagi anggota ataupun pegawai Polis Diraja Malaysia yang berjaya menangani rasuah. Walau bagaimanapun, anggota ataupun pegawai PDRM yang menunjukkan integriti serta ketelusan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pegawai penguat kuasa undang-undang dalam menangani rasuah dan mengambil tindakan dengan menangkap pemberi rasuah akan menerima surat penghargaan Tolak Rasuah daripada Ketua Polis Negara dengan wang saku sebanyak RM500 selain menerima sijil Tolak Rasuah SPRM daripada Ketua Pengarah SPRM.

Selain itu, anggota ataupun pegawai PDRM yang berjaya menangani rasuah juga layak untuk dicalonkan sebagai penerima Juara Anugerah Integriti PDRM. Anugerah ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh pihak PDRM kepada anggota ataupun pegawai dan pegawai awam PDRM yang diperakui telah menunjukkan pencapaian integriti di tahap terbaik. Untuk makluman, pengiktirafan ini selari dengan komitmen Ketua Polis Negara dalam memperkasakan integriti warga PDRM secara keseluruhan bagi kecemerlangan pasukan PDRM secara amnya dan diambil kira sebagai merit khas untuk kenaikan pangkat.

Bagi penambahan anggota dan pegawai PDRM- setakat ini tiada penambahan ke atas perjawatan PDRM disebabkan dasar semasa telah ditetapkan oleh kerajaan. Semua permohonan perjawatan baru adalah dibekukan manakala pewujudan jawatan baru tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti ataupun *trade off* atau pindah butiran ataupun *redeployment* dan tidak langsung melibatkan sebarang implikasi kewangan bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

PDRM melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) telah mengambil beberapa inisiatif dengan mengangkat kertas kerja cadangan pengukuhan perjawatan JIPS yang melibatkan permohonan sebanyak 1,749 perjawatan kepada pihak agensi pusat pada 28 Ogos 2019. Pecahan bagi cadangan pengukuhan perjawatan tersebut adalah pegawai kanan polis sebanyak 524 perjawatan, pegawai rendah polis sebanyak 715 perjawatan dan pegawai awam sebanyak 510 perjawatan yang melibatkan peringkat Bukit Aman, kontinjen dan daerah.

Cadangan tersebut telah mendapat perhatian oleh pihak agensi pusat dan dibentangkan oleh PDRM di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 10, Bilangan 5, Tahun 2019 yang telah diadakan pada 19 September 2019 dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada mesyuarat tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju supaya pengukuhan perjawatan JIPS adalah melalui tiga fasa dan bagi setiap fasa, sebanyak 583 permohonan perjawatan akan dilaksanakan. Kertas kerja tersebut, sedang dalam kajian Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif sekali lagi telah bertanya mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam menangani dan menyekat kumpulan pengganas daripada terus berleluasa di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari akan ancaman yang boleh ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan pengganas ini.

Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM telah mengambil pendekatan secara menyeluruh untuk menyekat kegiatan kumpulan termasuklah untuk membawa mereka ke muka pengadilan melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) melakukan tindakan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang negara yang masih berkuat kuasa seperti Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan, Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

■1830

- (ii) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi termasuklah dengan *Counter-Messaging Centre (CMC)*;
- (iii) mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap laman sesawang yang ada di negara kita;
- (iv) berkolaborasi dengan agensi-agensi seperti Jabatan Agama Islam serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi memastikan keharmonian agama, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang dapat dipertahankan;
- (v) mengadakan kerjasama strategik dengan negara-negara asing dalam menangani ancaman kumpulan pengganas tersebut;
- (vi) meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam dan ahli keluarga untuk memberikan maklumat mengenai penglibatan mana-

mana individu yang menunjukkan kecenderungan dan sokongan kepada kumpulan penganas; dan

- (vii) kerajaan juga dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang telah meminta kementerian menyatakan usaha untuk memperkasakan kerjasama di antara ESSCOM dan MINDEF bagi mengawal selia dan menjaga keamanan kawasan Pantai Timur Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha pemeraksanaan kerjasama antara ESSCOM dan MINDEF bagi mengawal selia dan menjaga keamanan kawasan Pantai Timur Sabah, sentiasa dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan dalam teras asas penubuhan ESSCOM dan mengikut Arahan Eksekutif No.1 / 2015.

Komander ESSCOM bertanggungjawab penuh dalam menguruskan keselamatan dan keamanan Pantai Timur Sabah serta mengeluarkan perintah kawalan operasi ke atas semua agensi kerajaan dalam ESSZONE. Selain itu, operasi rutin turut dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi tersebut dan dikawal selia oleh *ground commander* agensi berkenaan.

Pihak ESSCOM yang bertindak sebagai *operation controller*, turut membantu agensi berkaitan seperti ATM, PDRM dan APMM dengan perkongsian maklumat perisikan bagi melaksanakan operasi penguatkuasaan yang lebih cekap dan berkesan dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan sempadan perairan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, ada?

**Seorang Ahli:** ...Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Telah meminta jumlah pegawai polis yang berperanan sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah di sekolah dan universiti serta apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai kegiatan jenayah di sekolah?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) adalah kolaborasi antara Polis Diraja Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha untuk memberikan kesedaran mengenai pencegahan jenayah kepada pelajar sekolah.

PPS berperanan dalam membantu mewujudkan suasana sekolah yang selamat sebagaimana yang digariskan di dalam Buku Panduan PPS. Pada masa ini, sebanyak

7,982 buah sekolah rendah dan 2,359 buah sekolah menengah di seluruh negara terlibat PPS. Jumlah pegawai anggota yang terlibat adalah seramai 10,341 orang.

Di peringkat universiti pula, Kor Sukarelawan Polis Siswa dan Siswi (Kor SUKSIS), merupakan sebuah badan beruniform polis bagi mahasiswa universiti tempatan di negara ini. Mahasiswa yang menyertai Kor SUKSIS akan diberikan status kadet dan diwajibkan untuk menjalani tiga tahun latihan di universiti masing-masing sebelum digelar sebagai Inspektor Sukarelawan Polis. Dianggarkan sekitar 10 peratus ahli Kor SUKSIS akan menyertai PDRM selepas tamat pengajian kerana setiap Inspektor SUKSIS yang telah tamat latihan, akan diberikan keutamaan untuk menyertai pasukan beruniform PDRM selepas tamat pengajian dari universiti masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Telah membangkitkan mengenai tempoh masa yang diambil oleh PDRM untuk menyiasat sesuatu kes dan mengapakah terdapat banyak siasatan yang tertangguh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh siasatan kes adalah bergantung kepada jenis kes yang dikendalikan. Bagi kes yang rumit, penyiasatan-penyiasatan yang lama perlu dilakukan bagi membolehkan pihak PDRM mendapatkan bukti-bukti yang kukuh untuk dibawa kepada pegawai pendakwa bagi proses pendakwaan di mahkamah. Walau bagaimanapun, kes-kes yang ringan tidak memerlukan tempoh yang lama untuk disiasat.

Antara perkara-perkara yang menyebabkan kes-kes mengambil masa yang lama adalah kerana Pegawai Penyiasat PDRM memerlukan masa untuk mengumpul sebanyak mungkin keterangan yang menjurus kepada perilaku kesalahan tersebut. Mengesan saksi-saksi serta barang kes selain menghantar barang kes tersebut ke Jabatan Kimia ataupun Jabatan Forensik. Sebagai tambahan, bagi mendapatkan laporan kimia ataupun forensik tersebut, ia akan mengambil masa selama satu hingga tiga bulan bergantung kepada penyediaan laporan oleh kedua jabatan tersebut. Selain itu, antara punca yang menyebabkan siasatan tertangguh juga adalah disebabkan oleh kes-kes yang tidak mempunyai petunjuk yang menyukarkan siasatan lanjut dijalankan.

Kertas siasatan yang dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara atau pendakwa raya untuk nasihat dan pandangan juga, menyumbang kepada tempoh yang lama. Proses ini juga mengambil masa di mana pihak PDRM perlu melaksanakan arahan-arahan yang diberikan oleh Pegawai Pendakwa Raya sebelum Kertas Siasatan dilengkapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Sopiah...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya faham dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri. Cumanya, saya ingin mengingatkan bahawa kita ini semua akan musnah termasuklah saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong, semuanya akan musnah. Apa yang tinggal adalah amalan sama ada amalan baik atau amalan yang sebaliknya. Oleh sebab itu, saya mohon, supaya siasatan-siasatan yang dilakukan mesti berlaku adil kepada yang disiasat.

Satu lagi perkara saya hendak- sebelum saya lupa, sama ada Yang Berhormat Menteri telah memenuhi Janji 20 yang kita janjikan di dalam Buku Harapan. Oleh sebab kita akan menghadapi pilihan raya di Kimanis, kita tidak mahu terkena pukulan seperti di Tanjong Piai. Boleh Yang Berhormat Menteri pastikan? Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Sebagaimana saya sebut tadi dalam jawapan saya, dalam sesuatu kes atau sesuatu siasatan itu, kadang-kadang berpandu- ia daripada satu kes ke satu kes, ia berbeza-beza. *Complexity* sesuatu siasatan itu juga berbeza-beza. Kadang-kadang ada siasatan yang kita lakukan, memerlukan kita untuk berhubung dengan negara-negara jiran kita. Ini juga di antara perkara yang menyumbang kepada tempoh masa yang agak lama untuk kita melengkapkan siasatan-siasatan yang dilakukan oleh pihak PDRM.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya faham Yang Berhormat Menteri, kita berdoa... [*Membaca sepotong doa*] Itu peringatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Berkenaan dengan perkara 20 tadi Yang Berhormat, boleh sebut tidak apa perkara 20, apa perkara 20?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Perkara 20.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** "Menjadikan pasukan Polis Diraja Malaysia sebagai sebuah pasukan yang dihormati dan disegani".

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan penerangan tadi. Tuan Yang di-Pertua, sudah memang menjadi komitmen Kementerian Dalam Negeri untuk kita memastikan agar agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri ini dihormati dan diperkasakan. Ini antara komitmen kita dalam usaha kita untuk memastikan agar agensi-agensi ini untuk bebas membuat siasatan-siasatan yang mereka lakukan pada hari ini.



Kita tidak mahu- kita tahu dulu ada kenyataan-kenyataan yang mengatakan ada tangan-tangan ghaib di mana ada siasatan-siasatan yang dilakukan oleh polis khususnya keterlibatan ahli-ahli politik untuk mengganggu tugas-tugas polis. Maka dengan itu, di bawah Kerajaan Pakatan Harapan ini, kita memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pihak PDRM untuk menyiasat apa-apa juga kes yang terlibat dan disiasat di dalam negara kita.

Itu di antara perkara untuk kita memastikan agar agensi ini dihormati oleh rakyat dan diyakini. Ini akan menjadi komitmen khususnya di bawah Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, telah meminta supaya kementerian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani kegiatan jenayah yang semakin berleluasa di Pulau Pinang dan nyatakan statistik terkini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, jenayah indeks yang dilaporkan di Pulau Pinang bagi tahun 2019 dari Januari hingga November, mencatatkan sebanyak 4,274 kes. Kategori jenayah kekerasan mencatatkan jumlah sebanyak 859 kes manakala kategori harta benda mencatatkan jumlah 3,415 kes. Dalam mengekang kegiatan jenayah, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM, telah melaksanakan strategi untuk mencegah jenayah, antaranya adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*bit and patrol*), Unit Rondaan Bermotosikal dan Berkereta- *Mobile Patrol Vehicle*, di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep *police omnipresence* dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;

■1840

- (ii) dalam usaha memerangi jenayah PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Jenayah Bersepadu ataupun *Central Criminal Intelligence Unit* (CCIU) dengan mengguna pakai konsep *intelligence-led policing* iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif; dan
- (iii) langkah mutakhir yang diambil untuk mencegah jenayah adalah dengan mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah Tahun 1959 (POCA). Kesalahan-kesalahan yang telah diambil

tindakan di bawah POCA adalah berkaitan kongsi gelap, pemerdagangan orang, penyeludupan migran, perjudian, maksiat dan lain-lain jenayah yang boleh menimbulkan kegusaran kepada masyarakat umum.

Usaha untuk memerangi jenayah bukan hanya terletak di bawah pihak berkuasa semata-mata tetapi tugas sedemikian harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat di negara kita tanpa mengira ideologi politik, keturunan, bangsa dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa telah meminta supaya menyatakan tindakan kementerian mengenai isu transit dadah yang kian berleluasa di sempadan negara khususnya di Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui PDRM sentiasa komited dalam usaha membanteras pengedaran dan penagihan dadah di seluruh negara dan ia tidak terkecuali bagi negeri Kelantan yang menjadi salah satu laluan dan pintu masuk utama ke negara kita.

Tidak dinafikan kedudukan geografi sempadan negeri Kelantan dan Thailand agak mudah untuk diakses seterusnya dijadikan laluan dan transit oleh sindiket penyeludupan dadah. Justeru, PDRM sentiasa meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa Thailand agar kedua-dua negara sentiasa mengemas kini masing-masing melalui pertukaran maklumat, jenayah-jenayah narkotik selain daripada tangkapan aktor ataupun token kecil yang menjadi tali penghubung kepada sindiket penyeludupan dadah, PDRM juga menjadikan risikan dan intipan sebagai mekanisme utama dalam membanteras token besar.

Ia telah terbukti dengan peningkatan sebanyak 65.5 juta rampasan dadah. Jumlah keseluruhan kes tangkapan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952, Akta Penagih Dadah 1983 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 di Kelantan mulai Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak 15,166 kes dengan kes 18,420 tangkapan.

Antara pendekatan holistik lain dalam usaha membendung masalah pengedaran dadah di sempadan negara yang telah diambil oleh PDRM adalah:

- (i) bekerjasama dengan masyarakat setempat melalui perkongsian maklumat dengan melaksanakan program kepolisan masyarakat ataupun *community policing*;

- (ii) jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta, pejabat daerah, NGO, persatuan penduduk, JKKK dan masyarakat negeri Kelantan khususnya daerah-daerah sempadan dalam perkongsian maklumat serta operasi bersama;
- (iii) tindakan penguatkuasaan yang sering dipertingkatkan dalam mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;
- (iv) program ceramah dan pameran berkaitan dadah kepada masyarakat negeri Kelantan bagi memberikan pengetahuan dan kesedaran berkaitan bahayanya terlibat dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Telah meminta kementerian menyatakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah bab dadah tadi juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya, saya menyatakan bahawa anggaran belanjawan yang diberikan kepada penjagaan harimau sebanyak RM15 juta, flora dan fauna diberi kepada Orang Asli RM15 juta. Kepada AADK untuk mengadakan program dadah ini RM15 juta, ini yang menyedihkan saya ketika saya berbahas.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, RM15 juta Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia bagi kepada PEMADAM RM4 juta, tinggal lagi RM11 juta. Dengan RM11 juta kita hendak mengawal berapa banyak.

Oleh sebab itu saya ingin bertanya lah pandangan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersama-sama dengan saya sedih begitu dan apakah tindakan yang akan diambil kepada AADK masih lagi 700 kakitangan yang belum diisi. *Hot spot* semakin bertambah. AADK pegawainya kurang, peruntukannya kurang. Apakah Yang Berhormat kita perlu meminta supaya anggaran belanjawan ini ditambah khusus untuk program-program dadah ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan Yang Berhormat Senator dengan celahan tadi saya sebenarnya cukup setuju dengan apa yang telah disebutkan tadi. Isu dadah ini merupakan satu isu yang telah lama kita hadapi di negara kita malah sejak saya di bangku sekolah menengah lagi. Dadah telah

dikategorikan sebagai musuh nombor satu negara malah sehingga ke hari ini masih lagi dikategorikan sebagai musuh nombor satu negara. Kalau menjaga harimau pun berpuluh juta, takkan kita tidak boleh pertimbangkan.

Jadi kalau boleh saya masukkanlah ucapan Yang Berhormat Senator tadi di dalam ucapan saya berharap agar Kementerian Kewangan atau kerajaan dapat mempertimbangkan untuk menambah peruntukan khusus untuk agensi-agensi seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing telah meminta kementerian menyatakan tindakan yang diambil untuk menangani dan membendung isu penyalahgunaan dadah di kalangan anggota PDRM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memandang serius isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan anggota PDRM. Seramai 259 orang anggota yang didapati positif dadah melalui Ops Blue Devil yang dilaksanakan melalui 31 Ogos 2019 oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah dikenakan undang-undang sama seperti orang awam iaitu mereka menerusi proses siasatan seterusnya dihadapkan ke mahkamah. Tindakan tegas juga turut diambil oleh kementerian di bawah undang-undang pencegahan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 bagi anggota yang turut terlibat dalam pengedaran dadah.

Kementerian juga tidak akan berkompromi kerana anggota yang terbabit dengan penyalahgunaan dadah tidak wajar berada di dalam perkhidmatan PDRM. Justeru, tindakan tatatertib akan dipergiatkan dan mekanisme memastikan anggota bebas dadah juga akan dipelbagaikan bagi tahun 2020 melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS). Tiada peruntukan khas yang disediakan hanya menggunakan peruntukan sedia ada di bawah perbelanjaan mengurus dan pembangunan di bawah program kepolisan bagi penugasan siasatan dan operasi-operasi dalam membanteras jenayah dadah secara holistik dan menyeluruh.

Walau bagaimanapun, kementerian melalui PDRM sentiasa mengambil inisiatif dalam membendung penyalahgunaan dadah dalam kalangan anggota. Antara program yang dilaksanakan adalah ceramah kesedaran, program psikologi, pemerksaan integriti dan program pencegahan secara berterusan untuk memastikan anggota sentiasa bebas dari penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang telah bertanya mengenai tindakan yang diambil ke atas isu membawa pulang abu mayat Chin Peng, isu bendera Malaysia yang dipasang secara terbalik sama ada sengaja ataupun sebaliknya dan isu bintang pada Jalur Gemilang yang hanya dicetak dengan lima bucu sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang isu yang membangkitkan sentimen berunsur perkauman dan ketenteraman awam akan ditangani dengan mengambil kira keselamatan secara keseluruhan berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis tidak teragak-agak akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi dalam apa bentuk sekalipun sama ada dalam bentuk penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak tenteram dalam masyarakat.

Pihak polis akan melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap sebarang perlakuan tersebut berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 mahupun Akta Komunikasi dan Multimedia bagi memastikan keharmonian rakyat terus dipelihara.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 11 *report* ke atas isu abu mayat Chin Peng yang dibawa pulang. Pihak polis telah melakukan siasatan yang diklasifikasikan di bawah seksyen 504, Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan dan 505(c) Kanun Keseksaan iaitu kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam serta seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

#### ■1850

Seramai 10 orang saksi telah diambil keterangan terdiri daripada pihak pengadu, editor MalaysiaKini, wartawan, pembawa abu mayat dan juga individu yang terlibat dalam upacara yang dijalankan. Beberapa tindakan lain akan diambil seperti mendapatkan keterangan pakar sejarah. Selain itu, laporan daripada pihak ketiga iaitu SKMM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia diperlukan bagi membantu siasatan. Kertas siasatan akan dirujuk ke Pejabat Peguam Negara berserta cadangan berdasarkan dapatan hasil siasatan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Jalur Gemilang adalah simbol dan identiti penting Malaysia. Ia mempunyai nilai dan darjat yang melambangkan kedaulatan kemerdekaan dan kebebasan negara. Oleh itu, sebarang penghinaan ke atas Jalur Gemilang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab amatlah tidak wajar dan perbuatan tersebut boleh membangkitkan kemarahan rakyat Malaysia. Apatah lagi jika dilakukan oleh segelintir warganegara Malaysia sendiri. Oleh itu, kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil

tindakan terhadap pihak-pihak yang sengaja menghina Jalur Gemilang termasuklah dengan memasang secara terbalik dengan sengaja.

Isu penghinaan Jalur Gemilang boleh disiasat di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan, seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan seksyen 14, Akta Kesalahan Kecil iaitu kelakuan yang menghina. Pihak Polis Diraja Malaysia telah menerima sebanyak 69 laporan berhubung isu penghinaan Jalur Gemilang dan sembilan kertas siasatan telah pun dibuka. Kes-kes tersebut masih di dalam siasatan.

Sementara itu, pihak polis telah menerima sebanyak 31 repot mengenai kes video *viral* Bendera Malaysia yang menayangkan bintang lima bucu dan jalur merah-putih 11 baris. Siasatan diklasifikasikan di bawah seksyen 504, Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan, dan seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Seramai lima saksi telah diambil keterangan terdiri daripada pihak pengadu, penganjur, setiausaha eksekutif persatuan, pengarah syarikat dan vendor IT. Pihak polis juga telah merampas perkakasan yang digunakan bagi tujuan siasatan. Siasatan telah lengkap dan kertas siasatan akan dirujuk ke Pejabat Peguam Negara dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak lagi.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri, boleh tanya ya? Tentang pasang bendera terbalik itu sebab ia dah berlaku lebih kurang dua, tiga bulan terutama daripada bulan Ogos sebelum kita menyambut hari kemerdekaan. Jadi setakat ini agaknya apakah faktor yang menjadikan mereka pasang bendera itu terbalik sebab rasanya macam tidak masuk akal, dah lama macam ini kita merdeka tetapi mereka- ada lagi orang yang boleh pasang bendera terbalik. Terima kasih.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan celahan tadi Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan siasatan telah pun lengkap dan siasatan ini akan kita serahkan kepada pihak Peguam Negara. Biarlah pihak Peguam Negara yang akan menentukan pendakwaan. Soal apa sebab itu, ada dalam siasatan dan saya rasa tidak perlulah saya jelaskan di sini sebab ianya telah pun lengkap dan akan kita serahkan kepada pihak Peguam Negara.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Cuma saya hendak maklum, sebenarnya bila isu ini berlaku, saya sendiri sebenarnya hendak *husnuzon*, hendak bersangka baik dalam perkara ini. Akan tetapi dengan izin Allah SWT, Allah hendak tunjuk pada saya, saya balik daripada Bangi hendak ke Kuala Lumpur, di Stadium Negara

dipasang, ada kren yang sedang tanggalkan bendera itu yang sebelah okey, sebelah lagi terbalik. Macam orang kata keterlaluanlah hal ini.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Ya, terima kasih dengan celahan tadi. Apa yang pasti Yang Berhormat, ianya merupakan satu kerja provokasi. Oleh sebab itulah kita tegas, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia telah lengkapkan kertas siasatan ini dan kita mencadangkan untuk didakwa di mahkamah, bermakna ada asas terhadap provokasi itu dan ini satu perkara yang kita tidak boleh terima. Jangan bimbang, pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya PDRM bertindak tegas terhadap perkara ini dan mana-mana individu yang cuba membangkitkan kemarahan rakyat Malaysia tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang. Itu jaminan kita kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan dan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah telah meminta supaya Kementerian Dalam Negeri memberikan penjelasan sama ada kerajaan akan meneruskan hasrat seperti mana di dalam Manifesto Pakatan Harapan untuk menghapuskan undang-undang SOSMA yang masih digunakan semasa penahanan kes LTTE.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpandangan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pihak Polis Diraja Malaysia masih memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancaman-ancaman keselamatan seperti pengganas dan juga sindiket jenayah terancang. Namun kerajaan juga mengambil maklum akan kegusaran masyarakat bahawa SOSMA ataupun undang-undang yang lain boleh disalahgunakan bagi tujuan politik.

Selaras dengan komitmen kerajaan di dalam manifestonya, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan undang-undang keselamatan yang lain sedang dikaji untuk ditambah baik. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa dalam Manifesto Pakatan Harapan itu hanya disebut bahawa kita akan mengkaji undang-undang yang bersifat drakonian yang mana ianya satu perkara yang kita tidak mahu penyalahgunaan. Itu yang kita sebutkan untuk SOSMA ini tidak ada disebut untuk dimansuhkan, kita hanya untuk kaji sahaja dan kita pastikan bahawa ianya tidak disalahgunakan untuk kepentingan politik.

Selain jabatan kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia, jawatankuasa berkenaan turut dianggotai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan badan-badan hak asasi manusia yang lain, Badan Peguam Malaysia, pengamal undang-undang dan ahli akademik bagi mendapatkan pandangan yang menyeluruh dan seimbang terhadap akta-akta yang berkenaan.

Jawatankuasa tersebut telah memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan dan telah memberikan pandangan terhadap peruntukan akta-akta tersebut terutamanya dari aspek perundangan dan hak asasi manusia. Jawatankuasa juga telah memberikan pandangan dari segi implikasi keselamatan yang akan timbul sekiranya akta-akta tersebut dipinda ataupun dimansuhkan.

Buat masa ini, KDN sedang dalam proses untuk memuktamadkan rang undang-undang bagi pindaan SOSMA. Proses ini memerlukan penelitian dan kajian lanjut kerana dikhuatiri terdapat kelompangan perundangan di dalam akta sedia ada yang lain terutamanya di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan SOSMA ini digubal dan memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya walaupun undang-undang itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Perkara 5 – Kebebasan Diri; Perkara 9 – Larangan Buang Negeri, dan Kebebasan Bergerak; Perkara 10 – Kebebasan Berhimpun, Bercakap dan Menubuhkan Persatuan; dan Perkara 13 – Hak Terhadap Harta. Rang undang-undang SOSMA (Pindaan) 2019 ini dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang tertakluk kepada persetujuan Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad meminta kementerian menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu mabuk dan khayal dadah di bawah Kanun Keseksaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes kemalangan yang melibatkan pemandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah, pihak Polis Diraja Malaysia akan mengambil tindakan di bawah seksyen 44, dan 45, Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Sehingga kini, pihak PDRM masih belum mempunyai perancangan untuk mengenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan terhadap kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tinggal tiga muka surat lagi. Terakhir sekali adalah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah yang meminta penjelasan mengenai syarat Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) SPMV, dimasukkan di dalam syarat permohonan sebagai anggota polis sedangkan ia tidak diambil kira semasa ujian fizikal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja



Malaysia telah melaksanakan *exercise* ujian pemeriksaan fizikal bagi jawatan Konstabel Polis Gred YA1 (Lelaki) pada 2 Disember 2019 sehingga 17 Disember 2019 di seluruh Malaysia. Seramai 15 ribu calon telah dipanggil untuk menghadiri sesi *exercise* ujian pemeriksaan fizikal ini. Pemeriksaan fizikal ini merangkumi beberapa proses seperti berikut:

■1900

- (i) dokumentasi dan kelayakan kelulusan;
- (ii) ukuran tinggi, berat dan ukur lilit dada;
- (iii) pemeriksaan fizikal;
- (iv) ujian kecergasan fizikal; dan
- (v) ujian saringan air kencing.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2, Tahun 2016, rasionalisasi skim perkhidmatan pegawai polis rendah dan konstabel bagi kumpulan pelaksana ataupun skim perkhidmatan bersepadu, kelayakan pelantikan ke jawatan Konstabel Polis adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf dengannya. Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) adalah salah satu syarat kelayakan untuk memohon jawatan Konstabel Polis Gred YA1 yang setaraf dengan SPM.

Sehingga kini, PDRM tidak pernah menolak permohonan calon-calon yang memiliki kelayakan akademik SPMV semasa *exercise* ujian pemeriksaan fizikal ini.

Di samping itu, calon yang mempunyai kelayakan akademik Sijil Vokasional Malaysia (SVM) juga layak memohon ke jawatan Konstabel Polis Gred YA1. Sepanjang *exercise* ujian pemeriksaan fizikal dijalankan ini, terdapat seramai 180 orang calon yang menggunakan kelayakan akademik SVM dengan kepelbagaian bidang pengkhususan.

Justeru, PDRM masih mengkaji bidang pengkhususan yang bersesuaian dengan keperluan semasa pasukan. Ujian pemeriksaan fizikal ke atas calon-calon SVM yang telah memohon jawatan Konstabel Polis Gred YA1 di dalam sistem e-Pengambilan PDRM akan dilaksanakan pada Februari tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan perkara ini- betullah, itu salah satu soalan daripada saya. Akan tetapi, saya menceritakan pada hari tersebut bahawa di Pendang, Kedah di mana anak-anak ini dipanggil untuk semua negeri Kedah dibawa ke Pendang dan apabila sampai di sana, mereka pecah kepada dua, Yang Berhormat. Satu SVM, satu SPM. Sebelum mereka membuat apa-apa, mereka menyatakan yang SVM ada 70 orang diminta balik.

Jadi, anak-anak yang datang daripada Baling, daripada Kubang Pasu dan sebagainya disuruh balik begitu saja. Jadi, mereka ini semua kecil hati dan minta saya bertanya kenapa berlaku begitu. Kalau dikatakan tidak mahu sijil SVM itu, nyatakan di dalam borang. Akan tetapi, dipanggil mereka untuk ujian fizikal. Jadi, kes aniyalah, Yang Berhormat. Jadi, saya minta supaya di-*investigate*, dengan izin, perkara ini supaya tidak berlaku lagi kerana rakyat di bawah amat marah dengan perkara-perkara seperti begini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Apa yang dibangkitkan tadi, saya rasa pihak kementerian perlu menyiasat perkara ini khususnya pihak PDRM dan kita akan siasat dan ambil maklum tentang perkara itu dan mungkin saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat apa hasil siasatan yang kita telah lakukan kerana saya tiada maklumat tentang perkara itu buat masa ini. Pegawai-pegawai yang ada di belakang ini, kita mintalah agar siasatan terpakai itu perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 47 muka surat yang telah saya bacakan sebentar tadi, Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi di bawah seliaan kementerian akan sentiasa komited dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Tiada kompromi perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan. Ini bagi memastikan bahawa keharmonian dan ketenteraman awam sentiasa terkawal demi keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat yang sememangnya menjadi teras utama kementerian ini.

Sebelum saya mengakhiri pembentangan saya pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan segulung tahniah dan terima kasih khususnya kepada pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri yang telah bertungkus-lumus untuk menyediakan jawapan-jawapan yang telah disediakan ini di bawah kepimpinan Ketua Setiausaha kementerian kita... [*Tepuk*] Dan saya berharap pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri akan terus komited dalam memastikan agar keselamatan negara ini terus diperkasa demi kemakmuran negara kita yang tercinta Malaysia ini.

*Negara aman ketangkasan polis bertindak,  
Menggadai nyawa membanteras jenayah,  
Polis dan pemimpin berjiwa patriotik,  
Apabila berjuang tidak pernah mengalah.*

*Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikummusalam.* Terima kasih Yang Berhormat Datuk Mohd Azis bin Jamman.

Saya mendengar dengan penuh teliti dan insaf. Saya dengar daripada A sampai Z tadi bahawa saya sedarlah bak kata Awang Munsyi dalam buku dia, "Makin ku tebas dan terbang hutan itu, maka terasa oleh ku betapa tebalnya belantara itu". Itu dia luasnya pengalaman itu.

Juga di sini tadi, Yang Berhormat, saya hendak beritahu juga, saya dulu masa muda-muda menjadi Setiausaha Sulit Kanan pada Menteri hampir 20 tahun. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Menteri Pertahanan, Menteri Pelajaran, dari Menteri kepada Menteri. Saya belajar itu apa dia Akta Rahsia Rasmi itu yang penuh kesetiaan itu tadi. Banyak rahsia kita simpan, simpan banyak rahsia. Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut. Itu dia kiasan tadi ya. Sangat penting untuk kita jaga. *Build discipline- JPAM* tadi ya. Bukan pegawai khas, Setiausaha Kanan. Tahulah itu. Tidak boleh temberang. So, yang penting ialah kesetiaan dan sayang kepada negara, cinta pada bangsa, cinta pada negara. Itu sahaja. Jadi, rahsia itu, ingat, simpan betul-betul. Bak kata pantun orang Melayu.

*Bukan sampan sebarang sampan;  
Sampan kolek elok dilayarkan;  
Tahu makan tahu simpan;  
Rahsia penting jangan mudah dikhabarkan.... [Tepuk]*

Itu dia, Yang Berhormat. Jadi, terima kasih. Pegangan pada anak-anak muda kita, umpamanya ya. Saya terima kasih, Yang Berhormat, sekali lagi hujah yang baik dan panjang lebar yang menjadi pedoman kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

#### **7.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu, saya ingin menyatakan penghargaan kepada enam Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh 11 isu di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dalam Dewan yang mulia ini.

Sebelum menjawab kesemua persoalan ini, izinkan saya memaklumkan Dewan bahawa jumlah belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM15.6 bilion dan jumlah ini meningkat sebanyak 12 peratus ataupun RM1.67 bilion berbanding dengan jumlah yang diterima pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM13.9 bilion. Bagi peruntukan tahun 2020 ini, RM12.5 bilion adalah bagi belanja mengurus (OE) manakala RM3.8 bilion adalah bagi belanja pembangunan (DE).

Belanjawan Kementerian Pertahanan akan memfokuskan kepada empat tema utama Angkatan Tentera Malaysia iaitu memastikan kesiapsiagaan ATM berada pada

paras *full mission capable*; kedua, menjamin kesejahteraan dan kebajikan anggota tentera termasuk veteran ATM; ketiga, memperkukuhkan jaringan strategik dan hubungan diplomasi terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN dan di peringkat antarabangsa; keempat, meningkatkan integriti dalam tatacara pengurusan kewangan dan perolehan selaras dengan janji Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan kerajaan mempunyai perancangan yang mampan dalam mentadbir negara terutamanya dalam bidang ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba kalau boleh selesai dalam mungkin 20 minit atau setengah jam supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Menteri lain boleh jawab selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Isu pertama yang akan saya jawab adalah berkenaan dengan kesejahteraan anggota dan veteran khususnya Yang Berhormat Suresh Singh A/L Rashpal Singh telah mengemukakan persoalan berkenaan dengan keadaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT). Selain itu, beliau dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah turut telah membangkitkan persoalan tentang *allowance* Pingat Jasa Malaysia dan kebajikan veteran secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan berkaitan penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) ialah seperti berikut. Dimaklumkan bahawa sejak tahun 2015, berdasarkan Laporan Audit Negara Siri 1 Tahun 2018, mendapati sebanyak 12,261 unit RKAT adalah tidak selamat diduduki di mana sebanyak 9,744 unit tidak dapat diduduki langsung disebabkan mengalami kerosakan yang teruk.

#### ■1910

Walau bagaimanapun, sukacita saya maklumkan bahawa pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM50 juta pada tahun ini untuk kerja-kerja selenggaraan RKAT tersebut.

Melalui peruntukan tersebut, sebanyak 1,961 unit RKAT telah berjaya diselenggarakan dan dibaik pulih sepenuhnya pada tahun ini dengan peruntukan RM50 juta khas. Untuk tahun 2020 pula, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta kepada kementerian bagi selenggaraan RKAT. Melalui peruntukan ini, kementerian sedang merancang gerak kerja yang lebih agresif agar lebih banyak kerja-kerja selenggaraan dan naik taraf terhadap unit-unit RKAT dapat dilaksanakan pada tahun 2020 demi memberi keselesaan kepada anggota tentera dan keluarga mereka.

Pihak kementerian sasarkan 6,000 unit dipulihkan dengan peruntukan RM150 juta ini. ini adalah dasar baharu yang dilaksanakan oleh kementerian di bawah seliaan Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu dan dasar

baharu ini adalah untuk memperbaiki dan juga menaik taraf rumah-rumah daif yang di bawah pegangan Kementerian Pertahanan.

Memandangkan isu selenggaraan RKAT adalah merupakan isu yang telah berlarutan sejak sekian lama, peruntukan khas yang diluluskan kepada kementerian akan digunakan dengan sebaik mungkin bagi memberikan keselesaan kepada semua warga anggota tentera dan dalam masa yang sama menjadikan RKAT sebagai kediaman yang selesa dan kondusif untuk diduduki oleh anggota tentera dan juga keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab tentang elaun Pingat Jasa Malaysia (PJM). Pada tahun 2020, kerajaan akan membuat pemberian secara *one-off* kepada penerima Pingat Jasa Malaysia yang seramai 68,804 orang penerima PJM yang dijangka akan menerima dengan kadar pembayaran RM500 setiap seorang setahun, *one-off*, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM34 juta.

Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan Persekutuan turut meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM250 kepada Pesara Awam Persekutuan termasuk pesara tentera yang mana manfaat ini turut dipanjangkan kepada para veteran ATM tidak berpencen. Dianggarkan seramai 314,184 veteran ATM berpencen dan veteran ATM tidak berpencen akan menerima manfaat ini dengan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM78 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bayaran bagi Bantuan Khas Kewangan akan dibayar pada 18 Disember 2019 dan untuk bayaran *one-off* PJM akan dibayar tahun hadapan selepas mendapat peruntukan kewangan dari Kementerian Kewangan dan dijangka akan dibayar sebelum Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mei 2020.

Selain itu, untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi golongan veteran melalui Kertas Putih Pertahanan, kementerian turut sedang mengusahakan Inisiatif Kerjaya Kedua *second career*. Inisiatif ini menyasarkan mereka yang baru sahaja bersara daripada tentera dalam lingkungan usia 40-an hingga 50-an dan sememangnya golongan veteran mempunyai kemahiran dan pengalaman unik dan boleh dimanfaatkan oleh sektor luar daripada tentera dan ini adalah hala tuju baharu kementerian supaya kita bukan sahaja menumpukan kebajikan untuk veteran.

Memang teras kebajikan ini penting tetapi teras *second career* atau kerjaya kedua ini juga penting untuk veteran kita kerana ramai veteran bersara pada umur 40-an dan untuk mereka sebenarnya yang paling penting adalah peluang pekerjaan untuk mereka. Untuk ekonomi kita dan untuk negara kita juga pentingnya sumbangan daripada golongan ini kerana golongan ini melalui latihan yang bagus, latihan yang baik dan dengan sumbangan itu ekonomi kita dan juga sektor-sektor lain daripada ketenteraan dapat memanfaatkan daripada sumbangan mereka.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Memang kita tahu kita memang menyediakan kerja kedua untuk pesara-pesara tentera tetapi malangnya seperti mana yang kita dengar PERHEBAT yang mengendalikan latihan peralihan ini dikatakan akan menghadapi masalah mulai tahun Januari 2020 oleh kerana geran daripada Kementerian Kewangan mereka tidak akan peroleh.

Adakah Kementerian Pertahanan bersedia untuk mengambil alih ataupun Lembaga Tabung Angkatan Tentera akan terus menyara perbelanjaan PERHEBAT? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Apa yang kementerian sedang bincang dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan juga Ketua Setiausaha Kementerian sedang berbincang dengan PERHEBAT supaya satu transformasi boleh dilakukan dengan menjadikan PERHEBAT sebagai satu institusi yang menumpukan *second career* atau kerjaya kedua untuk veteran dan melatih veteran dengan kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan abad ke-21. So, ini adalah dalam perbincangan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan bersama dengan CEO LTAT sedang dalam perbincangan dengan PERHEBAT.

Isu berikutan ialah berkenaan dengan ketelusan Tatacara Perolehan Peralatan dan Pengurusan Kewangan ATM khususnya Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim telah bertanyakan tentang hala tuju Kem Skudai yang merupakan salah satu kem pertukaran tanah *land swap*. Selain itu, beliau turut telah mengutarakan satu perbandingan peruntukan Belanjawan Kementerian Pertahanan dengan negara-negara ASEAN lain. Isu ini juga berkaitan dengan persoalan tentang perolehan AV8, MD-530G dan juga *littoral combat ship* (LCS) yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim berkaitan Projek Pertukaran Tanah Kem Skudai. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Dewan berkenaan dengan Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang Bekas Auditor Jeneral ke atas 16 projek *land swap* yang dikendalikan oleh kerajaan sebelum ini.

Kem Skudai merupakan salah satu daripada 16 projek tersebut yang disiasat oleh Tan Sri Ambrin Buang. Laporan tersebut telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam Dewan ini pada bulan Mei dan laporan tersebut mendapati bahawa syarikat yang dipilih iaitu KKSB tidak mempunyai keupayaan dari segi pengalaman,

teknikal dan kewangan. Proses *due diligence* tidak juga dilaksanakan ke atas syarikat KKSB sama ada oleh EPU ataupun Kementerian Pertahanan pada masa terdahulu.

Ketiadaan *due diligence* ini antara sebab projek ini gagal kerana ia dilaksanakan oleh syarikat yang tidak mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan.

#### ■1920

Bagi hala tuju penyelesaian isu yang dihadapi oleh Kem Skudai, berdasarkan perancangan strategik tentera darat, pembangunan Kem Skudai ini akan tetap diteruskan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada keupayaan kewangan negara. Pelaksanaan projek ini akan berlandaskan garis panduan dan syor-syor daripada laporan Tan Sri Ambrin Buang untuk memastikan keperluan tentera darat dipenuhi.

Bagi kerisauan Yang Berhormat tentang aspek kawalan pertahanan di negeri Johor, ia tetap terpelihara kerana pasukan-pasukan yang pernah berada di Kem Majidee dahulu telah ditempatkan semula di kem-kem tetap dan di penempatan-penempatan sementara di sekitar negeri Johor. Adalah dikesali bahawa kerajaan terdahulu tidak memastikan atau gagal memastikan Kem Skudai ditubuhkan sebelum Kem Majidee dijual dan kerajaan sekarang sedang mencari jalan untuk memperbaiki keadaan yang dihadapi oleh tentera darat.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu perbandingan peruntukan pertahanan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, kementerian ini mengambil maklum tentang perkara ini. Sukacita untuk saya maklumkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pertahanan mengambil pandangan yang sangat holistik dan akan melaksanakan tiga pelan teras untuk memastikan ATM di bangun dengan baik dan tiga-tiga pelan ini dibawa atau dicadangkan dalam Kertas Putih Pertahanan.

Pertama, Pelan Pelaburan Pertahanan Negara (3PN) ataupun *Defence Investment Plan*. Kedua ialah rangka tindakan kapasiti pertahanan terutamanya berhubung dengan sumber manusia atau *talent* dan ketiga Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN).

Pelan Pelaburan Pertahanan Negara ataupun di negara lain dipanggil *Capability Plan*, di negara lain ia dipanggil sebagai *Capability Plan* merupakan pelan terperinci Kementerian Pertahanan untuk menumpukan usaha pelaburan pertahanan secara strategik supaya masa hadapan merupakan ATM yang bersepadu iaitu *joined*, cekap dan fleksibel. Dijangka Pelan Pelaburan Pertahanan Negara akan dikemukakan dalam tempoh pada tahun 2021 dan akan dilaksanakan sehingga tahun 2030.

Pelan ini akan diiktiraf oleh kerajaan secara keseluruhan dan akan diberi peruntukan secukupnya. Sebelum ini untuk makluman Laksamana, sebelum ini kita ada

pelan rancangan perkhidmatan. Tentera laut ada 15 to 5, tentera udara (TUDM) ada CAP55. Akan tetapi, pelan ini bukan pelan yang diiktiraf oleh MEA ataupun Kementerian Kewangan. So, apa yang kami hendak usahakan sekarang ialah satu pelan *capability* atau pelan pelaburan yang diiktiraf dan diangkat dan diberikan peruntukan kewangan oleh Jemaah Menteri dipersetujui oleh Jemaah Menteri supaya kita ada pelan jangka panjang dan pelan strategik yang secara menyeluruh. Ini adalah satu susulan daripada Kertas Putih Pertahanan.

Rangka tindakan kapasiti pertahanan pula berkenaan pembangunan model insan di Kementerian Pertahanan dan ATM supaya tenaga kerja kita sentiasa berkemahiran tinggi dan menepati keperluan cabaran semasa.

Akhir sekali, Dasar Industri Pertahanan Negara pula akan mentransformasikan industri pertahanan tempatan yang sekian lama hanya dipenuhi dengan orang tengah yang tidak menambah nilai kepada ekonomi negara. Kedua-dua pelan ini akan dikemukakan dalam tempoh tahun 2020 hingga 2021 dan akan di laksana sehingga tahun 2030. Dengan ini, sudah jelas bahawa Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan telah bersedia untuk melaksanakan satu perubahan yang komprehensif dan mengatasi cabaran pentadbiran sebelum ini demi pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, pelan-pelan ini adalah penting untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan tadbir urus perolehan dan kewangan Kementerian Pertahanan. Sebagai satu rangka tindakan, pelan-pelan ini akan secara jelas menyatakan keperluan semasa ATM, menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil serta menetapkan jadual perolehan yang sesuai. Kertas Putih Pertahanan merupakan dokumen terbuka dan ini secara langsung akan membenarkan Parlimen dan rakyat Malaysia untuk menjalankan semak imbang terhadap Kementerian Pertahanan dalam mencapai sasaran Kertas Putih Pertahanan tersebut.

Saya harap, Ahli-ahli Dewan Negara kalau boleh baca secara teliti, boleh bahas, boleh bincang secara teliti, kalau hendak buat forum pun boleh. Kalau hendak buat dialog pun boleh berkenaan dengan Kertas Putih Pertahanan. Saya rasa kita perlu satu perhubungan *civil–military relationship* yang baharu.

Perhubungan di antara awam dengan tentera, kita perlukan satu perhubungan baharu supaya Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Jemaah Menteri, perkhidmatan awam, semua memahami keperluan ketenteraan negara dan semua memahami isu-isu pertahanan supaya kita dengan satu visi dan dengan satu gambaran yang bersama. Kita tidak soalkan kenapa kita perlu tentera kita, tentera buat apa. Ini kerana kita semua akhirnya dengan ketelusan, kita memahami apa keperluan negara dan juga apa kepentingan negara iaitu *national interest* yang kita semua kongsi dan kita faham.



Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan isu tentang ketidakadaan pelan sebegini sebelum ini yang menyebabkan perolehan peralatan dan senjata ATM sebelum ini tergendala ataupun lewat dan kualiti kerja yang tidak memuaskan. Sebagai contoh, projek-projek yang telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid iaitu projek kenderaan berperisai iaitu AV8, helikopter MD-530G dan *littoral combat ship* (LCS).

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama, jumlah peruntukan kewangan Kementerian Pertahanan untuk projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kenderaan perisai 8x8 ialah sejumlah RM540 juta;
- (ii) Helikopter MD-530G sejumlah RM40 juta bagi tahun 2020. Perolehan aset ini akan dipertimbangkan secara teliti dan akan diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat; dan
- (iii) *littoral combat ship* (LCS). Rancangan peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM350 juta. Namun ia tertakluk kepada prestasi kemajuan projek berkenaan dan juga tertakluk kepada keputusan kementerian dan juga keputusan Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya baharu menerima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa peruntukan tambahan yang dipohon oleh BNS sebanyak RM1.4 bilion. Sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan di Dewan Rakyat tempoh hari.

Jawapan mengatakan bahawa permohonan tambahan peruntukan harus melalui proses tapisan di peringkat Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Bermakna peruntukan tambahan itu belum diperolehi. Jadi sekiranya tidak diperolehi, apa akan jadi kepada program atau pun projek LCS ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong:** Program LCS ini mengalami banyak masalah dan pihak BNS telah memohon sejumlah RM1.4 bilion sebagai tambahan kepada apa yang telah di peruntukan sebelum ini tetapi kerajaan belum lagi buat keputusan.

#### ■1930

Keputusan akan terpulang kepada Jemaah Menteri dan memang kos ini kos yang tinggi yang perlu dipertimbangkan bukan sahaja di peringkat Kementerian Pertahanan tetapi mesti di bawa ke Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri belum lagi buat keputusan tentang isu ini. Ke semua projek yang tadi yang saya sebutkan yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Laksamana Pertama ialah ini bermasalah dan telah disiasat oleh

Jawatankuasa Siasatan yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang. Laporan-laporan tersebut telah pun dimajukan kepada pihak SPRM untuk tindakan lanjut.

Di sini saya hendak tekankan bahawa jawatankuasa ini- jawatankuasa Tan Sri Ambrin Buang telah mendapati ke semua projek yang tadi disebutkan LCS, helikopter dan juga *eight-by-eight* bersifat *vendor driven* iaitu diusahakan dan dicadangkan oleh vendor tetapi sebelum itu bukan cadangan daripada ATM. *Vendor driven* adalah satu masalah yang kita hadapi sejak dulu dan di mana cabang-cabang perkhidmatan ATM telah diberikan peralatan tersebut tanpa pertimbangan kepada keperluan sebenar. Ini adalah isu-isu yang pentadbiran ini, kerajaan baharu ini terpaksa warisi dan kita sedang cari jalan supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang diwarisi oleh kerajaan ini.

Oleh sebab setiap projek ini bernilai tinggi mencecah bilion untuk AV8 dan LCS dan ratusan juta untuk helikopter MD 530G, projek-projek ini akan menjadi satu beban yang akan diwarisi oleh rakyat untuk tahun-tahun yang akan datang. Secara ringkasnya program-program ini bukan sahaja tidak menepati keperluan semasa ATM malah dikendalikan dengan kurang baik dan akan terus menjadi kos yang tidak menambah nilai kepada pengguna dan secara tidak langsung kepada pertahanan dan keselamatan negara. Keadaan ini sekali lagi menekankan keperluan satu pelan pembangunan ATM yang bersepadu yang diiktiraf oleh seluruh kerajaan dan terbuka untuk memastikan rakyat dan Parlimen boleh meneliti kemajuannya.

Seterusnya ada soalan tentang konsep dua medan yang diterajui oleh Angkatan Tentera Malaysia. Persoalan ini dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Datuk Paul Igai yang menyatakan kebimbangan sama ada pengagihan kekuatan dan peralatan di Sabah dan Sarawak adalah cukup untuk keperluan keselamatan dan pertahanan Borneo. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat pihak kementerian sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap keselamatan di negeri Sarawak dan Sabah. Ketika ini pihak Angkatan Tentera Malaysia melalui tentera darat telah pun menempatkan formasi-formasi di kedudukan yang strategik bagi mempertahankan kedaulatan Malaysia Timur.

Penempatan formasi-formasi ini adalah berlandaskan konsep dua medan atau *two mirroring theater* yang telah diperjelaskan dalam Kertas Putih Pertahanan. Menerusi konsep ini kekuatan akan diimbangkan antara Semenanjung dan Borneo. Misalnya Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat yang berpusat di Kem Muara Tuang, Kuching telah diperkukuhkan dengan dua divisyen infantri iaitu satu divisyen ditempatkan di Sarawak dan satu lagi divisyen ditempatkan di Sabah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kedudukan Malaysia terletak di tengah-tengah perairan strategik Asia Tenggara dan dikelilingi laluan perhubungan laut *sea lanes of important ya*.

Sukacitanya saya ingin maklumkan dan menekankan bahawa ATM masih berkemampuan untuk beroperasi di dua wilayah secara serentak walaupun kedudukan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dipisahkan oleh Lautan China Selatan. Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan keselamatan di Sarawak berada di bawah tanggungjawab divisyen pertama infantri untuk tentera darat yang berpangkalan di Kem Penrissen, Kuching bersama-sama brigid-brigid infantri yang berada di bawah pemerintahannya. Setiap brigid ditempatkan di lokasi-lokasi strategik seperti berikut.

Brigid ketiga infantri berpangkalan di Kem Penrissen, Kuching yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan di kawasan Barat Sarawak. Brigid kesembilan infantri berpangkalan di Kem RASCOM, Sibu yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan di kawasan Timur Sarawak. Brigid ke-31 infantri satu perancangan untuk pembinaan kem baharu di bawah RMKe-12 dan akan dipindahkan dari Sibu ke Bakun setelah pembinaan kem baharu tersebut siap sepenuhnya. Brigid ini akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan di kawasan sempadan, daratan Sarawak dan Indonesia.

Bagi keselamatan di Sabah pula, ia adalah tanggungjawab divisyen kelima infantri yang berpangkalan di Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu. Setiap brigid infantri yang berada di bawah pemerintahannya ditugaskan untuk menjaga keselamatan di setiap sektor yang telah ditetapkan seperti berikut. Brigid kelima infantri berpangkalan di Kem Paradise, Kota Belud yang bertanggungjawab menjaga keselamatan kawasan Pantai Barat Sabah. Brigid Ke-13 infantri berpangkalan di Kem Cenderawasih, Lahad Datu yang bertanggungjawab menjaga keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah. Brigid ke-32 infantri dirancang ditubuhkan di bawah RMKe-12 dan akan berpangkalan di Kalabakan, Tawau yang bertanggungjawab menjaga keselamatan kawasan sempadan daratan Sabah dengan Indonesia.

Melalui formasi-formasi yang bertanggungjawab menjaga keselamatan negeri Sabah dan Sarawak, tentera darat melaksanakan operasi-operasi berterusan sepanjang tahun terutamanya di sempadan daratan kedua-dua negeri tersebut dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terus terpelihara. Operasi dilaksanakan melibatkan operasi teras aktiviti rondaan di sempadan daratan yang melibatkan Tentera Darat Malaysia dan hanya Tentera Darat Malaysia. Operasi gabungan aktiviti rondaan sempadan daratan melibatkan Tentera Darat Malaysia bersama dengan Tentera TNI Angkatan Darat Indonesia dan operasi secara bersama di sempadan daratan dan perairan melibatkan Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia yang dikoordinasi oleh Markas Angkatan Bersama.

Bagi memperkukuhkan lagi hubungan baik dalam diplomasi pertahanan dengan negara jiran yang mempunyai sempadan daratan dengan Malaysia Timur, forum-forum seperti *General Borders Committee* (GBC) Malaysia-Indonesia (Malindo) dan jawatankuasa di bawah seperti Tim Perancang Operasi Darat (TPOD) diadakan setiap tahun. Forum-forum ini digunakan untuk membincangkan isu-isu keselamatan bersama dengan Indonesia yang dihadapi oleh dua-dua negara. Kesimpulannya mempunyai tentera darat dan juga secara amnya Angkatan Tentera Malaysia mempunyai pelan operasi-operasi yang boleh memelihara kesejahteraan dan juga keselamatan dan juga kedaulatan negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap. Saya faham kita boleh menghadapi peperangan di dua teater. Akan tetapi saya lihat di Semenanjung kita ada Panglima Angkatan Bersama yang untuk mengendalikan peperangan bersama tetapi tidak di Sabah dan Sarawak. Apa kata kalau saya cadangkan kita wujudkan Timbalan Panglima Angkatan Bersama berpusat di Sabah ataupun Sarawak bagi mengendalikan peperangan bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong:** Buat setakat ini Panglima Angkatan Bersama ialah untuk menjaga Markas AB, Markas Angkatan Bersama untuk rancangan keseluruhan dan tugasannya ialah untuk operasi. Di mana ada operasi seperti operasi di *United Nations* di *Lebanon*, di Lubnan ataupun operasi-operasi apa sahaja termasuk ATB2 di Sabah dan lain-lain diuruskan oleh Markas Angkatan Bersama di bawah seliaan Panglima Angkatan Bersama tetapi cadangan ini akan dibawa balik kepada ATM dan kami akan telitikan. Terima kasih.

#### ■1940

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Yang Berhormat Senator, lambatlah. Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah mengemukakan persoalan berkenaan dengan pembangunan Pangkalan TLDM Bintulu iaitu Markas Wilayah Laut 4, MAWILA 4, di Pangkalan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua ini memang isu yang banyak diulangi tapi saya ada sedikit maklumat baru yang boleh dikemukakan di sini. Untuk makluman Yang Berhormat, TLDM merancang untuk membina Markas Wilayah Laut 4 di Bintulu, namun ia masih di peringkat perbincangan di antara TLDM dengan kerajaan negeri Sarawak untuk mendapat tanah di Bintulu. Pemilihan Bintulu adalah kerana lokasi yang strategik dari segi kedudukan serta pemusatan operasi maritim di Laut China Selatan. Ia terletak pada jarak yang terhampir dengan Beting Raja Jarum (BRJ), dan Beting Patinggi Ali (BPA) berbanding dengan

markas-markas operasi tentera laut yang lain, membuatkan Bintulu adalah sebuah lokasi yang paling strategik untuk menugaskan kapal-kapal TLDM di Laut China Selatan.

Kehadiran TLDM menerusi perwujudan MAWILA 4 di dalam kawasan Pelabuhan Bintulu didapati akan membenarkan, memberikan *security assurance* kepada komuniti maritim setempat dan akan memberikan impak yang positif kepada peningkatan sosioekonomi Bintulu bagi jangka masa yang panjang. TLDM akan bekerjasama dengan semua pihak terutamanya sekali dengan pihak kerajaan negeri Sarawak dan pihak-pihak lain yang berkepentingan bagi mempercepatkan pembinaan MAWILA 4 di Bintulu, tertakluk kepada kemampuan kewangan negara pada masa yang akan datang. So, saya harap markas ini boleh dibina secepat mungkin dan bantuan dan kerjasama dari kerajaan negeri amat dihargai.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat membahaskan isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan. Kalau apa yang belum dijawab, akan dijawab secara bertulis. Sesungguhnya segala pandangan dan cadangan pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator amat dihargai dan serta menunjukkan tahap keprihatinan yang tinggi atas isu keselamatan dan pertahanan negara.

Pihak kementerian akan mengoptimumkan peruntukan yang diluluskan dengan menyusun semula strategi serta keutamaan perbelanjaan berdasarkan fokus tema utama ATM seperti yang telah saya nyatakan tadi, serta mengamalkan perbelanjaan berhemah agar keupayaan dan kesiagaan ATM sentiasa berada di tahap yang terbaik, tanpa mengira masa dan keadaan. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong telah memberi pandangan yang paling panjang lebar dan padat yang kita faham semuanya ya. Terima kasih banyak Yang Berhormat dan betul dia kata tidak panjang tapi padat dia punya itu. Terima kasih banyak. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Silakan.

#### **17.43 mlm**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya juga ingin ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan, saranan, teguran dan lain-lain cadangan yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara. Seramai 27 orang ahli Yang Berhormat Senator telah memberi pandangan mereka dan sebanyak 66 isu telah dibangkitkan kepada KPM. Saya akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang berkaitan Belanjawan 2020 mengikut tema, perkara-perkara spesifik

dan juga operasi akan dirumus secara umum bagi menjimatkan masa dan jika perlu saya akan berikan jawapan bertulis.

Walaupun bagaimanapun, semua isu yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari untuk menambah bilangan sekolah wawasan. Kementerian Pendidikan Malaysia ingin memaklumkan bahawa konsep sekolah wawasan pada asalnya adalah dua ataupun tiga buah sekolah berlainan aliran iaitu SK, SJKC dan SJKT beroperasi di dalam satu kawasan yang sama tetapi di bangunan masing-masing dan pentadbiran secara tersendiri. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang timbul terhadap pelaksanaan sekolah wawasan seperti kebimbangan berlakunya kehilangan identiti sekolah vernakular iaitu SJKC dan juga SJKT serta penghapusan fungsi Lembaga Pengelola Sekolah.

Perkara-perkara ini sebenarnya tidak berlaku kerana sehingga kini SJKC dan SJKT di sekolah wawasan sedia ada, masih kekal identiti masing-masing dan kerajaan PH juga tidak berhasrat untuk menghapuskan fungsi LPS. Sehingga kini KPM tiada perancangan untuk menambah sekolah wawasan yang sedia ada. Selain itu, beberapa orang Yang Berhormat Senator telah sentuh tentang pendidikan Orang Asli. Kementerian akan terus memastikan murid berkeperluan khusus seperti murid Orang Asli dan Penan mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan juga relevan dengan keperluan mereka.

Seperti yang telah dibangkitkan tentang pelantikan guru Orang Asli untuk ditempatkan di sekolah-sekolah Orang Asli. Pada tahun 2019, KPM telah menerima pencalonan sebanyak 133 orang calon guru Orang Asli untuk mengikuti pengajian di IPG. Daripada jumlah tersebut 25 orang diterima masuk mengambil kira keputusan ujian kelayakan calon guru dan keperluan semasa bagi memenuhi unjuran keperluan. Selain daripada itu, berkaitan pendidikan pra sekolah Orang Asli, untuk makluman pada tahun 2019, jumlah kelas pra sekolah di sekolah Orang Asli adalah sebanyak 75 kelas di 69 institusi, manakala jumlah murid pula adalah sebanyak 1,556 orang.

Begitu juga dengan pendidikan kewarganegaraan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Nuridah. Yang Berhormat Puan Nuridah di sini, tidak. Okey, dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Kedua-dua elemen iaitu pendidikan kewarganegaraan dan juga kandungan Perlembagaan. Sebenarnya kedua-dua elemen memang telah dimasukkan ke dalam kurikulum sejarah dan pendidikan sivik di semua sekolah termasuklah di sekolah Orang Asli. KPM juga telah memasukkan tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan pilihan raya dalam kurikulum sejarah. Tajuk ini turut diajar kepada murid orang asli berbeza-beza

mengikut aras dan tahap kebolehan serta keupayaan murid sama ada di peringkat rendah ataupun di sekolah menengah.

Yang Berhormat Dato' Isa, ada di sini tidak. Okey. Yang Berhormat Dato' Isa telah membangkit tentang isu keciciran dalam kalangan murid Orang Asli dan cadangkan bahawa SK Batau dijadikan, di naik taraf menjadi Sekolah Komprehensif K11. Untuk makluman, SK Batau adalah sekolah K9 yang sedang di naik taraf infrastrukturnya bagi pengoperasian K9 yang lebih selesa. Murid-murid lepasan Tingkatan 3 akan menyambung pelajaran di SMK Kuala Lanang yang akan ditempatkan asrama sekolah dan asrama pusat Orang Asli Lipis.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan Mohamad, ada di dalam Dewan. Okey, terima kasih. Yang Berhormat Senator turut memohon agar KPM mengeluarkan tender terbuka kepada petender yang layak termasuk kepada Orang Asli bagi menyelesaikan isu pengangkutan ke sekolah.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Senator, tender untuk pembekalan bas sekolah adalah terbuka kepada semua pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 110105 dan juga 110199 iaitu pengangkutan, komponen dan aksesori. Pembekal yang memenuhi kriteria-kriteria di bawah kod bidang tersebut adalah layak untuk menyertai tender.

Justeru itu KPM mengalu-alukan sebarang pembekal termasuklah daripada kalangan Orang Asli untuk menyertai dalam tender tersebut. KPM amat prihatin dan sentiasa berusaha meningkatkan pendidikan untuk murid atau pelajar Orang Asli. Berkaitan dengan perkara-perkara yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Kolokium Pendidikan dan Sosioekonomi Orang Asli Peringkat Kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Lipis pada 22 hingga 25 September 2019 adalah seperti berikut.

#### ■1950

Pertama, geran penyelidikan sebanyak RM1 juta yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan mengguna pakai dana *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), dengan izin, di bawah tadbir urus Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT Jabatan Pengajian Tinggi KPM.

Jabatan ini akan bekerjasama dengan IPGM untuk menggalakkan penyelidikan yang kritikal dan memberi impak kepada kesejahteraan Orang Asli fokus dalam bidang pedologi melalui Pusat Kecemerlangan Pedologi Peribumi Kebangsaan. Permohonan geran penyelidikan tahun 2020 akan dibuka pada awal bulan Januari tahun hadapan. Bagi status penempatan pegawai Orang Asli di Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, satu mesyuarat telah diadakan pada 5 hari bulan Disember tahun ini bagi membincangkan

hal ini dan senarai tugas mereka. Cadangan permohonan dua perjawatan baharu akan diangkat kepada agensi pusat untuk kelulusan.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang ada di dalam Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Puan Teo Nie Ching:** Tidak ada. Jadi, saya akan memberi jawapan bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bertulis, boleh. Sila.

**Puan Teo Nie Ching:** Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh ada di Dewan? Tiada. Jadi, saya juga akan beri jawapan bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching:** Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya?

**Puan Teo Nie Ching:** Tiada juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada?

**Puan Teo Nie Ching:** Tiada? Boleh saya- jadi, saya akan beri...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Puan Teo Nie Ching:** Jawapan bertulis juga kerana ini tentang biasiswa dan juga tentang geran untuk sasaran pemegang PHD.

Tentang isu PTPTN, beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangkit isu berkaitan PTPTN termasuklah Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan juga Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya. Buat masa ini, kementerian tidak bercadang untuk menghapuskan hutang PTPTN sebanyak 50 peratus kepada semua penghutang PTPTN seperti yang telah dicadangkan.

Sekiranya insentif ini hendak dilaksanakan, kerajaan perlu membelanjakan sebanyak RM29 bilion iaitu 50 peratus daripada keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan kepada peminjam. Jumlah ini adalah bersamaan dengan jumlah peruntukan untuk menaja pemimpin baharu seramai lebih 1.2 juta peminjam sehingga tamat pengajian. KPM perlu memberi perhatian terhadap penambahbaikan pengurusan pinjaman secara keseluruhan.

Dua asas utama yang perlu diberi perhatian iaitu pertama, mengurangkan bebanan peminjam. Kedua, mengekalkan kelestarian PTPTN. Sehubungan itu, sekiranya ada insentif yang hendak diberikan, ia akan diumumkan selepas mekanisme baharu bayaran balik dimuktamadkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri.



Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair?... [Disampuk] Ada? Terima kasih. Ini tentang pendidikan Bahasa Inggeris. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan terhadap pendidikan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman, kementerian sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah kita. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh KPM bagi membantu pelaksanaan inisiatif bahasa Inggeris adalah seperti berikut. Pertama, menyediakan satu pelan pembangunan pendidikan Bahasa Inggeris yang lengkap iaitu *the Roadmap for English Language Education in Malaysia 2015-2025* oleh Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris.

Kedua, melaksanakan program DLP di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Ketiga, memperkenalkan program *Highly Immersive Programme* (HIP) dengan tujuan membangunkan persekitaran *immersive* bahasa Inggeris di sekolah bagi memupuk budaya pembelajaran serta penggunaan bahasa Inggeris yang positif dalam kalangan murid. Keempat, menawarkan ujian Profisiensi Kesiediaan- *CEFR-Readiness* secara *one-off* dan percuma untuk semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan opsyen Bahasa Inggeris.

Tentang isu peruntukan juga telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh, telah membangkitkan isu berkaitan agihan peruntukan dan asas pertimbangan yang digunakan untuk sekolah-sekolah di seluruh negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan bahawa peruntukan disalurkan berdasarkan kepada prinsip cekap, akauntabiliti dan telus kepada semua institusi pendidikan di negara ini. Peruntukan untuk sekolah akan disalurkan mengikut keperluan dari semasa ke semasa dan berdasarkan kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Dalam konteks pembangunan semula sekolah daif, pelaksanaan pada tahun 2019 telah ditambah baik dari aspek penggunaan skala impak kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan termasuk rumah guru dan juga makmal. Keutamaan diberikan kepada sekolah yang telah mendapat...

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Saya ingin bertanya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Sebelum Yang Berhormat Menteri pergi lebih jauh, saya ingin bertanya mengenai berapakah jumlah pelajar di sekolah mubaligh sehingga November 2019? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh sebab soalan itu tidak masuk dalam semasa ucapan, saya pohon bahawa saya bagi jawapan bertulis nanti kerana angka itu saya ada, tetapi tidak ada di depan saya, juga dalam ucapan saya. Saya pohon maaf. Akan tetapi tidak ada masalah, kita boleh bekal jumlah tersebut. Jumlah murid di sekolah mubaligh, betul? Okey, saya buat catatan di sini [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mubaligh.

**Puan Teo Nie Ching:** Jadi, saya akan beri jawapan bertulis terhadap soalan tersebut. Okey, saya sambung tentang pembangunan semua sekolah daif. Keutamaan akan diberi kepada sekolah yang telah dapat pengesahan tidak selamat daripada JKR. Untuk makluman, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 235 buah sekolah dan peruntukan berjumlah RM1.029 bilion melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI).

Sehingga 23 November tahun ini, sebanyak 123 buah sekolah telah siap dibina dan telah digunakan. Manakala baki 112 buah sekolah lagi di dalam peringkat pelaksanaan termasuk 17 buah sekolah dalam proses tender semula. Projek-projek sekolah daif ini adalah sekolah yang berskala tujuh dan telah disahkan tidak selamat untuk digunakan oleh JKR. Bagi pelaksanaan bagi tahun 2019, peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula 32 buah sekolah daif di Sarawak. Kesemua projek ini dilaksanakan oleh JKR secara tender terbuka.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing ada di Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey. Untuk menjawab isu bayaran balik RM1 bilion oleh Kerajaan Sarawak, KPM ingin memaklumkan bahawa bayaran RM1 bilion adalah merupakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Pusat. Hasil daripada pembayaran balik ini, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menyalurkan semula peruntukan ini khusus bagi tujuan naik taraf dan pembangunan...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Timbalan Menteri bergerak jauh...

**Puan Teo Nie Ching:** Boleh saya habis ini dahulu tidak?

**Datuk Razali bin Idris:** Okey.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey. Selepas saya habis jawab tentang sekolah daif di Sarawak, saya bagi laluan. Okey. Pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak. Untuk Fasa 1, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM350 juta bagi tujuan naik taraf dan pembangunan semula 37 buah sekolah daif di negeri Sarawak dan 22 buah projek sedang dalam proses perolehan. Manakala baki 15 projek sedang di dalam proses reka bentuk akhir dan dijangka akan di tender pada akhir Disember tahun ini. Ya, Yang Berhormat. Manakala baki 15 projek sedang di dalam proses reka bentuk akhir dan dijangka akan di tender pada akhir Disember tahun ini. Ya, Yang Berhormat.

■2000

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan sekolah daif yang Yang Berhormat sebut tadi, sekiranya mendapat laporan daripada JKR, maka pihak kementerian akan mengambil perhatian. Saya ada satu tapi dah masuk dua tahun, ini tahun yang kedua 2019. Awal tahun 2019 saya dah sebut dan saya dapat satu salinan daripada Sekolah Kebangsaan Seberang Marang, Terengganu- 'Cadangan Meroboh dan Membina Bangunan Baru di Sekolah Kebangsaan Seberang Marang, Terengganu.'

Laporan ini sudah dihantar kepada kementerian, 13 Oktober yang terkini tetapi sampai sekarang masih belum mendapat apa-apa tindakan terkini daripada pihak kementerian. Jadi kalau boleh saya nak sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, boleh? Okey, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas membangkitkan perkara ini untuk perhatian saya. Saya akan dapatkan sesalinan surat tersebut daripada Yang Berhormat Senator supaya kita boleh kaji sama ada kita boleh masukkan projek ini untuk tahun depan. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Jadi, untuk pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah, hal ini melibatkan 172 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM630.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan PFI. Sehingga 23 November tahun ini, sebanyak 127 buah sekolah telah siap dibina dan telah digunakan. Manakala baki 45 buah sekolah lagi di peringkat pelaksanaan. Peruntukan pembangunan tahun 2019 diluluskan sebanyak RM10 juta untuk pelaksanaan pembangunan semula dan menaik taraf tiga buah sekolah daif di Sabah.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, ada di Dewan? Tak ada, jadi saya jawab secara bertulis. Terima kasih.

Tentang beban guru yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Senator, saya hendak jelaskan di sini bahawa mengenai beban tugas guru, kementerian ini sedar

bahawa tugas pentadbiran berlebihan mengambil masa urusan teras guru dalam pengajaran dan pembelajaran serta mengurangkan keberkesanan pengajaran mereka. Oleh itu, kementerian telah mengambil perhatian yang utama terhadap beban guru dengan meluluskan sebanyak 10 inisiatif bagi mengurangkan beban tugas guru seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam sesi Amanat Tahun Baharu 2019 dan Sambutan Hari Guru yang lalu.

Secara umumnya, maklum balas yang diterima menunjukkan perkembangan yang sangat positif kerana inisiatif-inisiatif yang diumumkan telah berjaya mengurangkan beban tugas guru. Pada masa yang sama, KPM akan terus meneliti inisiatif-inisiatif baharu yang boleh membantu mengurangkan beban tugas guru.

Tentang hal ehwal murid, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari? Tak ada. Okey, tak ada. Jadi saya jawab secara bertulis. Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan? Tak ada dalam Dewan. Terima kasih. Jadi jawapan bertulis. Puan Siti Fatimah? Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah telah membangkitkan isu tentang perubahan sistem semester di IPGM. Perubahan sistem semester IPGM dilaksanakan bagi mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MQA bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan program pendidikan guru di IPG. Antara syarat-syarat MQA yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- (i) satu tahun pengajian tidak melebihi maksimum 43 minggu;
- (ii) maksimum bilangan sesi ataupun semester bagi satu pengajian adalah tiga semester;
- (iii) beban pembelajaran pelajar bagi satu tahun pengajian adalah maksimum sebanyak 50 kredit; dan
- (iv) jumlah kredit bagi satu semester panjang ialah 20 kredit.

Jadi, kita buat perubahan kerana ini adalah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MQA. Selain daripada itu, beberapa orang Senator seperti Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan juga Dr. Ahmad Azam bin Hamzah telah membangkitkan tentang program sarapan pagi tetapi program sarapan pagi telah saya menjawab secara panjang lebar pada 11 Disember. Jadi kalau tidak ada soalan tambahan, saya pohon Yang Berhormat Senator boleh rujuk balik kepada jawapan saya pada 11 Disember. Ini kerana pada sesi itu, memang saya telah jawab secara panjang lebar.

Jadi ada soalan tambahan tentang program sarapan pagi? Tak ada ya? Okey, terima kasih. Tiada bantahan jadi saya- terima kasih.

Yang Berhormat Senator Puan Noridah ada di dalam Dewan? Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh telah membangkitkan isu

berkaitan sekolah harian biasa dan sekolah agama yang mesra OKU di Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 November tahun ini terdapat sebanyak 82 sekolah harian di Terengganu yang telah dilengkapi dengan empat kemudahan mesra OKU iaitu susur tangan, susur landai, tandas OKU, dan parkir OKU. Hanya satu sekolah agama yang mempunyai kemudahan mesra OKU iaitu Sekolah Menengah Agama Khairiah Kuala Terengganu.

Selain daripada itu, beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan tentang projek-projek yang sangat spesifik seperti Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili yang bertanya tentang Hospital Pengajar UNIMAS. Beliau ada di Dewan? Tidak ada. Okey.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris bertanya tentang beberapa projek di Terengganu. Boleh tak saya beri jawapan bertulis kerana ini sekolah yang spesifik di satu tempat yang sangat spesifik. Saya ada jawapan tetapi saya bagi jawapan bertulis, boleh?

**Datuk Razali bin Idris:** Dekat sini dia ada empat projek daripada kementerian.

**Puan Teo Nie Ching:** Saya ada jawapan untuk empat projek; Politeknik Hulu Terengganu, SMK Serada, SMK Permai dan juga satu lagi ialah Pejabat Pendidikan Daerah Marang. Itu projek yang sangat spesifik jadi saya pohon memberi jawapan bertulis kalau Yang Berhormat Senator setuju.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya setuju cuma kenapa saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia kerana di setiap negeri dia ada Majlis Tindakan Ekonomi dan bermesyuarat enam kali setahun. Enam-enam kali keluar cerita ini. Jadi sebahagiannya kita tahu masalahnya Tuan Yang di-Pertua kerana kelambatan tetapi tindakan tidak diambil. Maksudnya kalau kita kata dah berkali-kali kita beri tunjuk sebab, kenapa kita tak boleh tukar sahaja kontraktor? Itu maksudnya. Kita tak nak jawapannya, okey kita akan kaji, kita akan bagi peluang.

Jadi berkenaan dengan empat projek yang saya sebutkan di sini, ia merupakan satu isu yang tersangat besar di negeri Terengganu. Ya, walaupun projek ini dimulakan oleh kerajaan terdahulu tetapi walau bagaimanapun wang rakyat telah dihabiskan lebih kurang 70 hingga 80 peratus. Jadi saya harap pihak kementerian memberi tumpuan sama ada menukar kontraktor ataupun apa yang perlu dibuat supaya projek ini diteruskan jangan dibiarkan. Buat masa sekarang ini ia seolah-olah dibiarkan. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak boleh nafikan bahawa SMK Serada memang mengalami kelewatan sebanyak 28 peratus manakala untuk SMK Permai juga telah mengalami kelewatan sebanyak 29, hampir 30 peratus. Jadi saya akan semak kenapa kontraktor belum ditamatkan untuk pelantikan

kontraktor baharu kerana kalau memang dalam kementerian kita ada satu SOP untuk yang perlu diikuti mengikut perjanjian yang telah ditandatangani kalau kita berhasrat untuk tamatkan seseorang kontraktor.

■2010

Akan tetapi saya akan semak balik kenapa kontraktor tersebut belum ditamatkan dan kami akan pastikan bahawa projek-projek sebegini akan disiapkan secepat mungkin untuk manfaat dan kebajikan pelajar-pelajar kita. Selain daripada itu, butiran yang lain saya akan memberi jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong juga telah bangkitkan isu SJK(C) Chiao Nan. Boleh saya beri jawapan bertulis?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid ada? Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid telah bangkitkan tentang beberapa isu sekolah Orang Asli iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Sedohok dan juga SK Denai di Rompin, SK Simpai dan juga SMK RPS Kuala Betis. Kalau setuju saya pohon memberi jawapan bertulis kerana ini projek spesifik.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih. Saya setuju untuk jawapan bertulis dan saya minta tambah lagi satu soalan bertulis. Saya minta dapatkan senarai projek yang dibuat tahun 2019 dan perancangan tahun 2020 untuk sekolah K9 dan K11... *[Disampuk]* Sekolah K11, K9 yang dibuat pada tahun 2019 dengan tahun 2020. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid. Okey, tentang pendidikan teknik dan vokasional juga ada lima orang Yang Berhormat Senator yang telah bangkitkan isu ini termasuklah Yang Berhormat Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan juga Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya tentang promosi ataupun komunikasi untuk mempromosikan kursus TVET.

Untuk makluman, pelan komunikasi menjadi salah satu elemen penting dalam pengurusan TVET di KPM. Bukan sekadar itu, semua program, inisiatif, aktiviti yang dilaksanakan oleh KPM disediakan pelan komunikasi bagi memastikan semua lapisan masyarakat di seluruh negara mendapat maklumat yang tepat dan benar mengenai sesuatu program, inisiatif ataupun aktiviti yang dilaksanakan.

Menjawab kepada pertanyaan mengenai promosi TVET ini, dalam tempoh masa yang amat terhad ini saya tidak mampu untuk menjelaskan satu-persatu mengenai promosi TVET yang telah dilaksanakan. Suka saya memaklumkan bahawa terdapat banyak program promosi yang dilaksanakan sama ada melalui TV, radio, media sosial,

karnival, pameran dan sebagainya. Turut diadakan beberapa siri bual bicara yang telah dihadiri oleh pengurusan KPM atas jemputan RTM, TV3 dan beberapa stesen TV dan radio yang lain.

Program promosi terkini yang telah dilaksanakan ialah Ekspo Jelajah TVET. Ekspo ini adalah merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Kabinet Pemerksaan TVET yang telah ditubuhkan pada 14 Ogos yang lalu.

Tentang pembangunan program TVET, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin ada dalam Dewan? Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin tidak ada? Jadi saya bagi jawapan bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sekejap.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop ada dalam Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan mengenai komitmen KPM dalam memperkasakan TVET dan kesedaran terhadap pemerksaan TVET di IPT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kepatuhan dalam kurikulum TVET adalah berdasarkan kepada *Code of Practice for Programme Accreditation*.

Antara ciri-ciri bagi program TVET ialah pembangunannya perlu berdasarkan kepada *recognize occupational* ataupun *industry standard*, dengan izin. Ini secara langsung dapat memastikan kandungan kurikulum adalah memenuhi keperluan terkini industri dan menepati pasaran pekerjaan sedia ada. Program TVET turut menekankan komponen praktikal sebanyak 70 peratus dan kandungan kurikulum serta mewajibkan latihan industri dan projek akhir pelajar.

Maka berdasarkan standard yang digariskan oleh COPTPA yang saya sebut tadi dan juga Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan atau *National Occupational Skill Standard* (NOSS). Pemberian Pendidikan Tinggi (PPT) perlu menawarkan program yang menjurus kepada keperluan industri bagi melahirkan graduan yang mahir dalam industri tersebut.

Amalan ini secara tidak langsung dapat membantu pihak industri dalam penawaran dan permintaan pekerja pekerjaan agar tiada berlaku ketidakpadanan pekerjaan ataupun *job mismatch*. Suka saya memaklumkan bahawa hasil Laporan Kajian

Pengesanan Graduan 2018 yang dijalankan oleh KPM menunjukkan bahawa kadar kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti semakin meningkat dan sehingga kini telah melebihi 95 peratus pada tahun 2018. Jadi saya rasa tiada isu tentang kebolehpasaran graduan kita daripada politeknik dan juga kolej komuniti.

Okey, itu sahaja. Ada soalan-soalan yang saya belum jawab yang dibangkitkan oleh mana-mana ahli Yang Berhormat?

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tentang status SMK Kuala Betis.

**Puan Teo Nie Ching:** Itu saya baru jawab, SMK Kuala Betis saya ada jawapan bertulis. Ini adalah salah satu sekolah di bawah. Boleh tak saya bagi jawapan bertulis juga seperti dengan isu-isu SK yang itu spesifik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong ada?...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Ada satu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah bangkitkan mengenai satu blok bangunan baru untuk SJK(C) North, Sekolah Kebangsaan Cina North di Miri dan juga adakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana bangunan itu bangunan yang lama?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Bangunan blok. Tidak, ia bercadang untuk membina satu blok baru. Selepas itu, ada satu tanah diberikan Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembinaan sekolah itu. Saya hendak tahu daripada kementerian sama ada terdapat peruntukan untuk pembinaan blok itu dan juga ada mungkin untuk membina SJK(C) North II di tapak yang baru itu? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi bertulis atau ada jawapan?

**Puan Teo Nie Ching:** Secara bertulis.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Bertulis? Terima kasih.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Saya ada sentuh tentang pembinaan sekolah di SJK(T) berkenaan asrama sebab baru-baru ini ternampak ada banyak perubahan di sekolah Tamil, prestasi semua. So, untuk memudahkan murid-murid duduk di sekolah dan belajar tentang peruntukan itu.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey, untuk pembinaan asrama kita tertakluk kepada perlu dapat kelulusan daripada EPU, barulah kita perlu masuk dalam Rancangan Malaysia barulah projek itu akan diluluskan. Jadi, sama ada terdapat keperluan untuk membina asrama kami akan buat kajian untuk mengenal pasti keperluan tersebut dan kita akan kemukakan sebarang permintaan kepada EPU. Kalau diluluskan barulah projek itu akan disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat masa sekarang kajian?



**Puan Teo Nie Ching:** Jadi, setakat ini memang tidak ada kelulusan daripada EPU untuk masukkan ke dalam mana-mana satu Rancangan Malaysia ataupun *rolling plan*. Jadi, kalau Yang Berhormat Senator rasa ada mana-mana SJK(T) di mana asrama memang adalah amat diperlukan, mungkin bolehlah kemukakan cadangan tersebut untuk kajian kami.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey, ada lagi tak?

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan SJK(T) Ladang Kuala Muda tetapi jawapan yang bertulis itu, selepas itu saya ada tanya dalam perbahasan berkaitan dengan SJK(T) Ladang Kuala Muda, Sungai Petani.

#### ■2020

**Puan Teo Nie Ching:** Sekali lagi isu itu telah saya jawab dalam sesi soal jawab semasa sesi pagi, saya rasa minggu yang lalu. Jadi saya rasa Yang Berhormat Senator boleh rujuk balik kepada soalan tersebut. Tidak perlulah kita ulang jawapan yang sama untuk jimatkan masa semua orang. Saya harap Yang Berhormat Senator...

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak bagi penjelasan lagi berkaitan dengan SEED ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan itu- Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tidak. Saya ada pernah berbahas dalam perbahasan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan dan penjelasan apa Yang Berhormat hendak tahu?

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Okey, sebenarnya selama ini Kerajaan Barisan Nasional telah menyalurkan peruntukan. Jadi, apabila dalam bentuk geran mereka memberi peruntukan untuk membaik pulih dan lain-lain tujuan tetapi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan SJK(T) Ladang Kuala Muda ini mempertikaikan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional yang membantu SJK(T) seluruh negara.

Kerajaan Barisan Nasional bukan saya hendak membuat pertikaian di sini ataupun, saya hendak bagi penjelasan berkaitan. Jadi, telah pun sempat bersepakat dengan Barisan Nasional dengan kami dengan pemaju OSK Development mendapatkan tiga ekar tanah. Akan tetapi masa itu ada juga satu persetujuan dengan OSK Development dengan tanah tiga ekar dipersetujui oleh OSK Development untuk mengubah, dalam proses lah. Masa itu kita dalam proses mengubah status tanah. Akan tetapi di bawah kementerian sekarang, Kerajaan Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan berkata

ditarik balik. Ini menjelaskan bahawa sikap *double standard* oleh Kementerian Pendidikan sekarang. Sila jelaskan itu. Itu yang saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching:** Saya hendak tanya bila itu ditarik balik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bila tarik balik?

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Hari itu. Ada jawapan bertulis di sini. Ada jawapan bertulis berkata, bahawa saya ada sebut bahawa pada 6 Mei 2018, Kementerian Pendidikan menyerahkan satu- semasa- *wait* ya. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Kerajaan Negeri Kedah telah keluarkan satu surat bertarikh 18 September 2018, di mana jabatan ini tidak menyokong permohonan pecahan sempadan bagi tujuan relokasi. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri menjawab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu adalah kerajaan negeri yang menarik. Bukan Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Akan tetapi hari itu Tuan Yang di-Pertua jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri hari itu berkata, mereka tidak ada dirujuk balik tentang pembatalan ataupun berkaitan dengan isu persempadanan semula. Saya ada *copy* apa yang dikata dalam *handphone* saya, apa yang dikata oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Senator baca. Oleh sebab setahu saya ini adalah berkenaan dengan peruntukan yang diberi, di mana Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa kalau hendak beri duit itu tidak payahlah bagi cek, terus bagi duit.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Ya, ya. Itu satu isu yang saya katakan cek itu bukan lagi peruntukan, Yang Berhormat Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak. Yang Berhormat yang mengenai tanah ini boleh tidak kita selesai sekarang? Ini ada atau *you* jumpa dengan Yang Berhormat Menteri di luar Dewan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Tidak boleh jumpa Yang Berhormat Menteri di luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri boleh jumpa. *You* boleh jumpa Yang Berhormat Menteri. Okey, Yang Berhormat Menteri gulung.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah diperjelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua, membantu saya. Isu tapak itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, saya pun tidak boleh paksa kerajaan negeri untuk buat sebarang keputusan terhadap kegunaan tanah tersebut. Akan tetapi kami sentiasalah

bersedia untuk membantu. Jadi, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi KPM mengucapkan...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Sikit. Tuan Yang di-Pertua, sikit. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Beberapa kali Yang Berhormat Menteri sebut mengenai projek-projek yang dia dibiayai melalui PFI. Saya hendak tahu sama ada projek-projek ini dibiayai zaman Kerajaan Pakatan Harapan atau zaman sebelum ini? Oleh sebab saya difahamkan projek-projek dibiayai oleh PFI telah dihentikan.

**Puan Teo Nie Ching:** Betul, itu adalah pada zaman Barisan Nasional.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Baik.

**Puan Teo Nie Ching:** Oleh sebab sekolah daif memang ada satu proses yang panjang untuk kita pembangunan semula, untuk membina semula. Jadi, projek yang telah dilaksanakan pada zaman Barisan Nasional ada yang masih dalam pelaksanaan. Jadi, sebab itu dalam jawapan saya, memperjelaskan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh nampak *the whole picture*.

Okey, terima kasih. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan khususnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh KPM. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan diberi perhatian dan saya juga akan memberi jawapan bertulis seperti yang dijanji tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Thank you*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pendidikan dan juga pegawai-pegawai kementerian.

Silakan Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

#### **8.25 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya memberi jawapan bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Semasa perbahasan Belanjawan 2020 Dewan Negara yang telah diadakan selama empat hari daripada 9 Disember hingga 12 Disember tahun ini yang lepas, seramai 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah sudi membahaskan dan mengajukan beberapa pertanyaan, isu, cadangan dan pandangan kepada KPLB dan atas

semua perbincangan itu saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Sekarang izinkan saya menjawab beberapa pertanyaan yang dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab mengikut isu-isu yang dibangkitkan mengikut seperti berikut. Tajuk pertama adalah pembangunan infrastruktur luar bandar di Sabah khususnya. Kedua, pembangunan infrastruktur di Semenanjung. Selepas itu, ketiga projek perumahan di bawah KPLB. Keempat, Jabatan Kemajuan Masyarakat atau KEMAS.

Seterusnya saya akan pergi kepada tajuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP). Seterusnya kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Lepas itu soalan yang berkaitan dengan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Akhirnya pendidikan TVET di bawah KPLB. Semasa menjawab isu-isu ini, saya akan sebut nama-nama Yang Berhormat Senator yang telah bangkitkan soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Membangkitkan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Macam yang dibuat oleh rakan Timbalan Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Diizinkan Yang Berhormat jikalau ada dalam Dewan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Kalau mereka tidak ada saya akan beri secara bertulis ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih. Baik, topik yang pertama adalah pembangunan infrastruktur luar bandar di negeri Sabah. Seramai tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator telah bangkitkan ini iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin dan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

Sebagai permulaan jawapan saya, ingin saya memberitahu pertamanya ini untuk Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian telah membelanjakan, ini belanja bukan sahaja peruntukan. Membelanjakan RM4.1 bilion untuk tempoh tahun 2016 hingga tahun 2019 bagi melaksanakan program-program pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi di luar bandar Sabah termasuklah pembinaan jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar serta program *amenity social* yang dapat membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar.

Bagi tahun- manakala pada tahun 2020 negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM959.5 juta daripada peruntukan pembangunan KPLB bagi melaksanakan projek jalan luar bandar RM291 juta, bekalan air luar bandar sebanyak RM350 juta dan bekalan elektrik luar bandar RM216 juta. Secara khususnya saya sekarang rujuk kepada- baik *sorry*.

Sebelum saya pergi kepada soalan khususnya ingin saya juga menambah Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut melaksanakan program pembangunan ekonomi luar bandar yang melibatkan pembangunan usahawan termasuk pembiayaan penyediaan premis perniagaan dan latihan keusahawanan melalui MARA dan KEMAS dan melalui program PLKK dan program PPP untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk di luar bandar.

#### ■2030

Kementerian juga memberi penekanan kepada pembangunan belia melalui 426 program TVET di 274 institusi TVET di bawah KPLB termasuk 28 institusi dan 81 program di Sabah.

Sekarang saya rujuk secara khusus kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Pertama hingga Ke-11 telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk pembangunan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak bagi projek seperti jalan, bekalan air dan elektrik. Namun masih banyak lagi penduduk di luar bandar dibelenggu kemiskinan yang teruk.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan di luar bandar Sabah telah mencatatkan penurunan yang signifikan daripada 32.8 peratus pada tahun 2009 kepada 5.3 peratus pada tahun 2016. Manakala purata pendapatan isi rumah kasar bulanan di Sabah telah meningkat daripada RM3,102 pada tahun 2009 kepada RM5,354 pada tahun 2016.

Jadi, ini menunjukkan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar di Sabah adalah berkesan.

Namun begitu, kementerian sedar usaha ini masih perlu diteruskan. Kita tahu memang ada banyak lagi yang perlu dilakukan dan usaha ini masih perlu diteruskan bagi memastikan penduduk luar bandar di Sabah dapat keluar daripada garis kemiskinan dan menikmati taraf hidup wajar seperti mana yang digariskan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama dan juga Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030. Jadi di mana Wawasan Kemakmuran Bersama Kerajaan Pakatan Harapan telah bertekad untuk kurangkan jurang di antara negeri-negeri macam Sabah dan Sarawak, dan Semenanjung dan juga jurang di antara luar bandar dan bandar.

Seterusnya, saya alih kepada- *sorry*, satu lagi poin saya ingin tekankan. Untuk masa akan datang, selain daripada program-program sedia ada, tumpuan akan diberikan

juga- untuk membangunkan lima daerah di Sabah- inilah lima daerah antara daerah-daerah termiskin di Sabah iaitu Tongod, Pitas, Kota Marudu, Kudat dan Beluran yang mempunyai pendapatan purata bulanan di bawah RM4,000.

Dalam hal ini, kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri, pejabat daerah, agensi kementerian berkaitan untuk mendapat input mengenai cadangan pembangunan di kampung-kampung di daerah tersebut terutamanya berkaitan program-program ekonomi untuk meningkatkan pendapatan penduduk kampung tersebut. Input-input ini akan digunakan dalam perancangan kementerian bagi Rancangan Malaysia Keduabelas untuk tempoh 2021-2025.

Seterusnya saya alih Tuan Yang di-Pertua, kepada pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, ada? Tidak ada?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Kalau tidak ada, saya pohon untuk jawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah keluar, tidak ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Keluar sekejap kah, atau keluar...?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat, dia tidak ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Izinkan saya bagi secara bertulis juga. Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang alih kepada topik yang kedua iaitu pembangunan infrastruktur di semenanjung. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang? Oh ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada, ada. Terima kasih. Yang Berhormat Senator menyentuh supaya kerajaan tidak sekali-sekali meminggirkan pembangunan kawasan luar bandar khususnya negeri-negeri pantai timur. Kerajaan hendaklah mendapatkan jurang pembangunan sosioekonomi yang berlaku antara bandar dan luar bandar dengan lebih efektif, menyeluruh dan seimbang. Seperti saya sebut, ini juga ditekankan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetap terus memberi perhatian yang tinggi terhadap pembangunan luar bandar termasuklah di negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan

Pahang. Untuk tahun 2020, untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM556 juta telah diluluskan di bawah bajet pembangunan KPLB untuk ketiga-tiga negeri ini di mana RM215.9 juta adalah untuk Kelantan, RM190 juta adalah untuk Pahang dan RM150 juta untuk Terengganu.

Jumlah ini adalah meningkat sebanyak RM66 juta, merupakan peningkatan 13.45 peratus berbanding peruntukan tahun 2019 di mana sejumlah RM490.6 juta diperuntukkan. Peruntukan yang diterima oleh ketiga-tiga negeri ini juga adalah lebih tinggi berbanding semua negeri lain di semenanjung.

Saya teruskan sekarang dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, dia tamat, tamat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik. Jadi kita akan bagi secara bertulis. Saya alih-seterusnya saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis Yang Berhormat?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya pergi- tidak, tidak. Ada, ada lagi. Seramai dua Yang Berhormat Senator telah bahaskan mengenai jalan luar bandar di perkampungan Orang Asli iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Yang Berhormat Senator ada, saya nampak tadi dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua pun ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Dua-dua pun ada, bagus. Terima kasih. Membangkitkan bahawa supaya KPLB juga perlu melihat mengenai jalan luar bandar di beberapa buah kampung Orang Asli yang perlu dibina.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, kawasan perkampungan Orang Asli adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) termasuk pembinaan infrastruktur asas seperti jalan luar bandar, bekalan air dan elektrik luar bandar. Memandangkan JAKOA telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri (JPM), maka sekarang semua permohonan peruntukan pembangunan bagi infrastruktur asas di bawah JAKOA perlu dipohon melalui JPM kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

KPLB sekarang hanya melaksanakan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan juga Tabika KEMAS di perkampungan Orang Asli. Jadi, isu-isu berkaitan dengan dua aspek infra ini PPRT dan Tabika KEMAS, KPLB masih bertanggungjawab dan- ya, itu yang saya hendak beritahu.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa mencadangkan supaya menyediakan satu pelan reka bentuk PPRT rumah bertiang bagi komuniti Orang Asli kawasan pantai, kampung nelayan terutama kaum Seletar, kaum Orang Kuala yang tinggal gigi air.

**■2040**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelan dengan reka bentuk rumah bertiang atau rumah kayu sememangnya telah pun sedia ada di bawah program PPRT. Pada masa ini, kebanyakan rumah bertiang dibina di kawasan rendah dan mudah dinaiki air banjir khususnya di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Bagi kawasan-kawasan lain yang tiada risiko banjir, binaan rumah batu tidak bertiang lebih diutamakan memandangkan ia lebih mudah dibina dengan kos yang lebih standard berbanding rumah bertiang atau rumah kayu yang digunakan bahan binaan dengan kos yang lebih tinggi.

Akan tetapi cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Isa supaya ini digunakan untuk kawasan di gigi air boleh dipertimbangkan mengikut pada *case to case basis* dengan izin.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mencilah.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kos rumah bertiang dan kos *landed*, maksud saya kes bertapak. Adakah marginnya terlalu tinggi?

Kedua, kalau kita lihat Kampung Orang Asli, Desa Banang, kalau tidak silap saya 100 unit lebih telah dibina dan kampung ini sekarang sudah boleh katakan kampung tenggelam. Apabila musim air penuh, pasang besar saya katakan tadi memang halaman rumah sudah penuh air. Itu yang saya katakan mencadangkan kepada kampung-kampung kaum Kuala dan Seletar ini perlu rumah bertiang. Adakah rumah bertiang ini konsepnya hanya rumah kayu sedangkan kita ada juga hanya menggunakan tiang semen ataupun rumah PPRT yang berkonsepkan simen tetapi tiang pun, tiang semen. Mohon pandangan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya kurang tangkap apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Adakah maksudnya yang tiang itu *design* itu salah kah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** ...Apa sahaja yang menjadi masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiang itu kayu. Ada tidak tiang itu dibuat daripada konkrit?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Oh, untuk kes yang tertentu itu kita kena semaklah. Biasanya- adakah tiang itu, kayu itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.



**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Boleh saya menjelaskan. Contohnya kalau kita membuat rumah *landed*, rumah bertapak, rumah simen hanya kita tambah tiang simen. Kalau konsep rumah simen, dia pun ada tapak gajah dan sebagainya. Kos itu kita alihkan dalam konsep tiang. Sebab apabila rumah *landed*, kos *clearing* ataupun menyediakan tapak pun tiga empat ribu, makna kos itu kita alih kepada tiang.

Kaedah ini sangat praktikal bagi rumah-rumah yang saya katakan yang gigi air, rumah-rumah lereng bukit, yang ini akan menjimatkan kos. Itu yang saya katakan tadi kalau Yang Berhormat menjelaskan tadi rumah-rumah yang bertiang ini menggunakan konsep kayu. Pada saya lebih praktikal kalau menggunakan konsep tiang bagi rumah-rumah yang di pesisir pantai yang kayu mudah rosak dan sebagainya lebih baik menggunakan tiang simen. Itu pandangan saya.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya, terima kasih atas cadangan itu. Memang seperti mana saya sebutkan tadi *because* soalan asal daripada Yang Berhormat Senator ialah kita perlu menyediakan satu pelan reka bentuk rumah bertiang. Memang saya sahkan satu *design* rumah bertiang sudah sedia ada dan ada dilaksanakan di beberapa buah tempat. Akan tetapi memandangkan secara lazimnya kosnya agak lebih tinggi daripada rumah yang tidak bertiang, sebab itu dikhususkan untuk tempat-tempat yang betul-betul memerlukannya.

Akan tetapi, kita memang terbuka untuk mempertimbangkan untuk *case by case basis* untuk tempat-tempat di mana memang wajar kita membina rumah-rumah bertiang. Baik, saya teruskan kepada- ini berkaitan juga Tuan Yang di-Pertua dengan isu perumahan. Saya sedang masuk kepada isu perumahan. Ada soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada? Yang Berhormat Senator Datuk Razali pula menyatakan supaya pelaksanaan skim PPRT ini harus diuruskan dengan baik dan jujur. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pemantauan berterusan oleh pegawai-pegawai kementerian dan agensi di bawah kementerian sentiasa dilaksanakan supaya pelaksanaan projek di lapangan dapat berjalan dengan lancar dan berintegriti mengikut tatacara dan spesifikasi yang ditetapkan.

Kementerian amat serius dalam memastikan program dan projek kementerian dilaksanakan dengan penuh integriti. Sekiranya Yang Berhormat Senator dapat tahu tentang kes-kes yang spesifik yang melibatkan atau yang menunjukkan penyelewengan atau kekurangan kualiti rumah yang serius, saya menjemput Yang Berhormat Senator untuk memberi laporan terus kepada kementerian, boleh ditujukan kepada Menteri ataupun saya dan kita akan mengarahkan bahagian-bahagian yang berkenaan khususnya

bahagian integriti dan *internal audit* semua untuk membuat siasatan dan diambil tindakan selanjutnya. Jaminan itu kita bagi untuk mana-mana kes di mana kita dapat ada berlaku penyelewengan dan sebagainya. Itu sahaja untuk tajuk perumahan.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada tajuk KEMAS di mana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada? Terima kasih. Yang Berhormat Senator memohon supaya dipertingkatkan sistem pendidikan di Tabika KEMAS terutamanya di kampung-kampung Orang Asli agar dapat menguasai kemahiran 3M atau membaca, mengira dan menulis. Tabika KEMAS perlu menyediakan *syllabus*- ini cadangan Yang Berhormat ya. Menyediakan *syllabus* untuk pelajar seperti bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Selain itu Yang Berhormat Senator juga membangkitkan agar guru-guru tabika KEMAS tidak dilibatkan dengan politik. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan agar JAKOA mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam usaha meningkatkan prestasi tabika KEMAS di perkampungan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Dewan yang mulia ini, sehingga kini sebanyak 295 tabika KEMAS yang beroperasi di kampung Orang Asli yang dikendalikan oleh 295 pemaju masyarakat atau cikgu tabika dengan jumlah kanak-kanak seramai 5,360 orang. Daripada 295 pemaju masyarakat tersebut, seramai 163 orang adalah daripada masyarakat Orang Asli sendiri. Semua tabika KEMAS termasuk di kawasan Orang Asli menggunakan kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kurikulum ini bertujuan untuk mengembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dari segi sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.

Walau bagaimanapun, KEMAS juga telah memberi nilai tambah kepada *syllabus* pembelajaran sedia ada di semua tabika KEMAS dengan mewujudkan modul-modul tambahan iaitu patriotik, keyakinan diri, amalan kebersihan dan penghayatan pendidikan Islam. KEMAS juga telah mengambil inisiatif memperluaskan bidang sains teknologi, *engineering* dan matematik kepada *Science, Technology, Religion, Engineering, Arts and Mathematic* (STREAM) di mana bidang seni serta nilai murni daripada agama turut diintegrasikan dalam STEM supaya melalui estetika dan kreativiti minat kanak-kanak terhadap bidang STEM dapat dipupuk dengan lebih mudah.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak tabika, KEMAS juga telah melaksanakan program *English is Fun*

dengan izin dengan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan kanak-kanak dalam kelas. Bagi memastikan tahap profesionalisme pemaju masyarakat tabika, KEMAS sentiasa memastikan semua pemaju masyarakat tabika melaksanakan tugas utama untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan kepada kanak-kanak di samping mewujudkan hubungan yang erat antara tabika dengan ibu bapa atau penjaga dan masyarakat supaya wujud kesinambungan yang berterusan dengan berkesan.

#### ■2050

Saya tahu di bawah era kerajaan lama apabila kita sebut KEMAS, selalu dikaitkan dengan pihak-pihak tertentu khususnya sebuah parti politik. Daripada perubahan kuasa dari masa Pakatan Harapan sudah ambil alih Kerajaan Pusat, memang peringatan yang berkala telah diberikan kepada Jabatan KEMAS ini supaya menumpu kepada apa yang dikatakan *core business* mereka. *Core business* mereka itu ialah memang pengajaran pendidikan awal kepada kanak-kanak dan juga penganjuran program-program untuk masyarakat dewasa di peringkat kampung. Program latihan dan sebagainya. Peringatan ini memang dibuat secara berkala dan mereka diperingati bahawa inilah *core business* mereka dan bukan untuk melibatkan agensi itu secara formal dalam apa-apa aktiviti politik untuk membantu mana-mana parti politik.

Dari segi kerjasama di antara JAKOA dengan kementerian KPLB dari segi perjalanan tabika KEMAS, inilah satu proses yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya alih kepada tajuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP). Di sini dua orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu ini iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada? Terima kasih. Dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad yang juga ada.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing membangkitkan mengenai hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan MPKKP di Sarawak di mana ketua masyarakat dan ketua kaum di seluruh Sarawak sudah melahirkan pandangan mereka yang tidak bersetuju dengan penubuhan MPKKP ini sebab ia akan memecahbelahkan penduduk di rumah panjang. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya penubuhan MPKKP ini perlu dikaji semula.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sedar mungkin ada kebimbangan di kalangan beberapa orang tentang penubuhan MPKKP ini. Akan tetapi, ingin saya menjelaskan di sini, Kerajaan Persekutuan memang sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

Menjawab persoalan berkaitan pelaksanaan di negeri Sarawak, situasi yang berlaku kini ialah di Sarawak, hanya seorang ketua kaum atau juga dikenali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang mengurus tadbir setiap kampung atau rumah panjang. Setelah setahun Kerajaan Persekutuan memperkenalkan MPKKP di seluruh negara pada tahun lepas bulan Oktober, Kerajaan Sarawak sahaja yang masih tetap dengan pendirian untuk mengekalkan JKKK.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kepentingan penduduk luar bandar, Kerajaan Persekutuan merasakan perlunya diwujudkan entiti di peringkat akar umbi agar Kerajaan Persekutuan dapat merancang dan melaksanakan pembangunan di kawasan luar bandar dengan lebih berkesan.

Untuk makluman, bukan sahaja di negeri Sarawak tetapi MPKKP juga akan ditubuhkan di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perlis iaitu di negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Oktober 2019. Jadi, untuk makluman Dewan ini, ini bukan sahaja keputusan KPLB tetapi inilah keputusan mesyuarat Jemaah Menteri. Peranan utama MPKKP ini adalah:

- (i) membantu Kerajaan Persekutuan dalam penyediaan perancangan dan pelaksanaan pembangunan di peringkat kampung;
- (ii) menyalurkan maklumat keperluan pembangunan masyarakat kampung kepada Kerajaan Persekutuan;
- (iii) menyampaikan maklumat program Kerajaan Persekutuan dan menggalakkan penglibatan masyarakat di peringkat kampung; dan
- (iv) menyebarkan maklumat dan memberi penjelasan berkaitan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan di peringkat akar umbi.

Saya tegaskan semua empat peranan ini sebab kita mendapati di lima negeri ini sekarang, peranan yang penting ini sekarang kurang dijalankan secara berkesan. Dalam erti kata lain, kesemua fungsi yang saya sebut tadi adalah yang melibatkan Kerajaan Persekutuan sahaja.

Penubuhan MPKKP bukanlah sahaja satu fenomena baharu, malahan semasa pemerintahan kerajaan terdahulu juga turut ada diwujudkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) di negeri-negeri yang tidak diperintah oleh pihak berkenaan.

Jadi, dengan penubuhan MPKKP ini mulai 1 Januari 2020, Kerajaan Persekutuan hanya menyediakan peruntukan elaun dan geran kepada MPKKP lantikan Kerajaan Persekutuan di negeri Sarawak, Perlis, Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja. Manakala elaun dan kemudahan lain bagi MPKK dan JKKK yang masih ada di Sarawak

atau di negeri-negeri berkenaan perlu disediakan oleh kerajaan negeri masing-masing. Hal ini adalah kerana Kerajaan Persekutuan tidak boleh menampung kos perbelanjaan bagi kedua-dua entiti ini, MPKK atau JKKK dan MPKKP di negeri yang sama.

Di samping itu, memandangkan MPKKP ini adalah lantikan Kerajaan Persekutuan dan akan bantu dalam pelaksanaan program Kerajaan Persekutuan di kampung-kampung, maka adalah wajar MPKKP sahaja yang diberi elaun oleh Kerajaan Persekutuan.

Soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan ialah beliau tanya bilakah...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua, minta pencelahan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mencadangkan kepada kementerian supaya boleh mengeluarkan satu kenyataan rasmi kerana sejak kebelakangan ini, ramai di antara wakil GPS, wakil kerajaan negeri mengeluarkan kenyataan yang tidak benar ataupun saya boleh klasifikasi sebagai berita palsu untuk mengelirukan rakyat Sarawak. Khususnya mereka mengatakan bahawa pertubuhan MPKKP di bawah KPLB ini adalah bertentangan dengan Ordinan Ketua Kampung Sarawak.

Ataupun baru-baru ini, hari ini juga, saya terbaca seorang Menteri muda Sarawak mengatakan pertubuhan MPKKP ini perlu mendapatkan kelulusan lebih awal daripada Dewan Undangan Negeri. *This is not true.* Ini semata-mata untuk mengelirukan dan menakut-nakutkan orang Sarawak. Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap ada satu kenyataan rasmi yang tegas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Saya boleh sebut di sini bahawa mana-mana lantikan- dan saya boleh ambil contoh Sarawak ya. Negeri Sarawak memang ada undang-undang di peringkat negeri yang memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk melantik, sebagai contoh tuai rumah atau ketua kaum, penghulu dan beberapa jawatan lain. Ini telah disebut dalam kenyataan dahulu dan saya ulang di Dewan yang mulia ini. Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk menyentuh, mengganggu apa-apa pelantikan itu. Itu memang kekal. Apa yang kita akan lantik ialah MPKKP untuk menjalankan fungsi-fungsi yang saya telah terangkan tadi.

Jadi, kalau ada pandangan yang sepertimana Yang Berhormat Senator menghuraikan tadi iaitu ada pandangan di mana pelantikan MPKKP ini memerlukan izin...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** DUN Sarawak.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** ...DUN Sarawak, bagi saya dan saya pun ada latar belakang undang-undang sedikit selepas beramal selama 32 tahun, saya boleh katakan pandangan itu adalah tidak berasas dan merupakan satu kekeliruan.

■2100

Kalau itu betul, dalam era kerajaan lama pun, di mana MPKK atau semasa itu JKKKP dilantik untuk negeri Selangor, untuk negeri Kelantan, untuk negeri Pulau Pinang. Maksudnya, semasa itu pun memerlukan izin daripada Dewan Undangan Negeri di mana dengan jelas tidak diperlukan. Kuasa melantik MPKKP adalah kuasa yang ada di dalam tangan Kerajaan Pusat dan memang akan tetap diteruskan. Dari segi jawapan rasmi, saya yakin pimpinan di peringkat Pakatan Harapan di Sarawak akan beri jawapan yang sesuai atau wajar kepada pandangan-pandangan itu yang agak keliru tentang kuasa kerajaan negeri dan kuasa pusat.

Saya berbalik Tuan Yang di-Pertua kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan yang bertanya, bilakah MPKKP ini akan berkuasa? Adakah MPKKP akan diberikan peruntukan sebanyak RM10,000 dan benarkah MPKKP ini menggantikan JKKK yang lama? Jadi untuk makluman Yang Berhormat, MPKKP akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020 di Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis dan Sarawak.

Berkaitan dengan geran, ingin saya memperbetulkan tanggapan dalam soalan Yang Berhormat Senator iaitu berkaitan dengan pemberian peruntukan RM10 ribu kepada setiap MPKKP. KPLB tidak memberi peruntukan sebanyak RM10 ribu kepada setiap MPKKP dan dahulu pun kepada MPKK. Ini bukan secara automatik. Ia perlu dipohon. Bermakna, ia berdasarkan permohonan. Perlu dipohon memandangkan peruntukan yang kita ada pun adalah terhad.

Bagi negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan, MPKKP yang telah ditubuhkan boleh memohon bagi pelaksanaan program dan aktiviti yang berkaitan dengan ekonomi, kesejahteraan dan keceriaan kampung dengan nilai maksimum RM10 ribu. Akan tetapi saya tegaskan, bukan automatik berdasarkan permohonan- itu senang tetapi syarat itu perlu dipenuhi.

Soalan yang terakhir daripada Yang Berhormat Senator ialah sama ada benarkah MPKKP akan menggantikan JKKK yang lama. Seperti saya sebutkan tadi, JKKK ini hanya sekarang wujud di negeri Sarawak sahaja. Semua negeri lain telah menghentikan penggunaan istilah itu di Semenanjung dan semua ikut MPKKP dahulu. Jadi, bagi- saya boleh sebut di sini penubuhan MPKKP ini sama sekali tidak akan menjejaskan status JKKK yang sedia ada di Sarawak atau MPKK yang ada di mana-mana negeri lain,

mahupun ketua kaum dan lantikan lain yang merupakan lantikan kerajaan negeri. Jadi itulah berkaitan dengan tajuk...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Ada soalan tambahan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Asmak.

**Puan Asmak binti Husin:** Saya dulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya tentang sebelum ini kita ada peruntukan untuk MPKK RM10 ribu, bukan? Saya difahamkan untuk tahun ini, ia diberi agak lewat, penghujung tahun dan ada yang sudah mendapat, ada yang tidak dapat lagi. Jadi, lebih daripada peruntukan MPKK untuk tahun ini, bila berkuat kuasanya MPKKP ini, yang hujung ini, adakah akan diberi kepada MPKKP itu ataupun masih dikekalkan kepada MPKK? Itu satu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan itu. Untuk permohonan MPKK untuk tahun ini, semua proses permohonan itu ada satu tarikh muktamad. Kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua ialah 31 Ogos tahun ini. Jadi maksudnya selepas itu, MPKK tidak boleh memohon dan apa yang KPLB sudah proses dan sekiranya syarat dipenuhi, sudah meluluskan bayaran-bayaran sudah sampai adalah mereka yang memohon sebelum tarikh itu. Jadi, soalan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tidak berbangkit lagi ya. Jadi maksudnya, itu sahaja yang akan dihulurkan pada tahun ini. Tahun depan kita akan gunakan peruntukan yang untuk tahun 2020. Itulah prosesnya.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya masih lagi kabur berkenaan dengan MPKK dengan MPKKP. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, MPKK adalah pertukaran daripada JKKK. Jadi, sekarang kita ada MPKKP. MPKK adalah kepunyaan Kerajaan Pusat dan MPKKP juga kepunyaan Kerajaan Pusat.

Jadi soalan saya, apakah tidak akan berlaku pertindihan kuasa kalau sekiranya MPKKP dilaksanakan di lima buah negeri yang disebutkan tadi dengan adanya MPKK? Jadi, MPKK juga sebahagiannya dibayar elaun oleh Kerajaan Pusat dan sebahagiannya oleh kerajaan negeri. Jadi, itu satu daripada petunjuk bayaran elaun, tindakan kerja. Saya ingin memohon penjelasan yang tepat apakah kerajaan tidak bercadang, apabila diwujudkan MPKKP, maka mansuhlah MPKK? Itu maksud saya.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan itu. Untuk menjelaskan, saya sebut JKKK tadi hanya untuk kes Sarawak sahaja. Ini penting ya. Bila saya sebut dalam penjelasan tadi, istilah JKKK, saya sebut itu hanya dalam konteks negeri Sarawak sebab hanya negeri Sarawak, sebuah sahaja negeri yang masih mengambil pendirian dia tidak mahu gugurkan istilah yang lama itu dan masih kekalkan istilah itu di negeri Sarawak, yang mereka gunakan sampai sekarang, semua negeri yang lain, Sabah, Kelantan, sama ada diperintah oleh pusat ataupun oleh pembangkang.

So untuk pembangkang saya akan sebut dengan spesifik. Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis, semua sudah ubah kepada istilah MPKK. Perubahan istilah itu telah berlaku pada tahun lepas dan disetujui oleh semua kerajaan negeri kecuali negeri Sarawak. So jadi bila saya sebut JKKK, hanya dalam konteks itu sahaja.

Untuk semua negeri lain sama ada diperintah oleh pusat atau oleh pembangkang ialah MPKK. Apa perubahan sekarang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat ialah daripada 1 Januari 2020, lima buah negeri sahaja khususnya Sarawak, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perlis akan ditubuhkan struktur bernama MPKKP. Akan tetapi sebagai contoh, katakan di negeri Pahang, Kerajaan Negeri Pahang hendak kekalkan MPKK yang dahulu di mana mereka beri nama dan mereka lantik, katakan. Itu hak mereka. Kita tidak ganggu dia. Kita tidak kata ia ini mesti dibatalkan. Tidak. Itu hak kerajaan negeri dan terserah kepada kerajaan negeri.

Bayaran seperti yang saya sebutkan tadi, bayaran elaun atau apa-apa bayaran, itu pun kita serahkan kepada kerajaan negeri. Apa yang Kerajaan Pusat bertekad untuk buat untuk alasan yang saya sebut tadi ialah kita akan tubuhkan MPKKP di lima buah negeri ini dan apa-apa bayaran akan terus kepada MPKKP. Jadi kerajaan negeri berhak meneruskan MPKK yang lama dan buat apa-apa bayaran. Ini semua kita serah kepada kerajaan negeri. Saya harap penjelasan...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon tambahan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** ...Kita tidak mahu keliru dengan istilah JKKK lagi lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi tidak keliru.

**Puan Asmak binti Husin:** Keliru. Saya jadi keliru sudah ini. Saya dulu kah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun jadi keliru juga ini daripada penjelasan. Maknanya di sini, MPKK ini dibatalkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Itu satu.

Kedua- nanti. Saya hendak jelaskan kekeliruan saya sebab tengah malam ini bukan. Kedua, maknanya kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak akan menanggung lagi elaun tata urus cara dan sebagainya berkaitan dengan MPKK dan menyerahkan kuasa sepenuhnya kepada kerajaan negeri. Dalam erti kata lain,



membatalkan MPKK sedia ada di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Adakah itu maksudnya? Kalau itulah maksudnya, kita di Kelantan memang rasa sangat kecewa sebab dia sama juga dengan kerajaan dahulu, menghantar agensi daripada Persekutuan untuk mengawal selia kerajaan negeri. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

■2110

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan itu. Dalam semua penjelasan saya berkenaan dengan isu MPKKP tidak pernah saya sebut MPKK telah di batal oleh Kerajaan Pusat, tidak. Saya sudah sebut sebaliknya, itu terserah kepada kerajaan negeri.

Jadi, isu sama ada hendak diteruskan dan kalau diteruskan isu pembayaran semua, itu terserah kepada kerajaan negeri, itu sahaja. Jadi, saya mahu itu jelas, tidak dibatalkan. Isu itu tidak berbangkit langsung.

**Puan Asmak binti Husin:** Satu lagi, kekeliruan. Sekarang saya sedang melihat dalam *internet* tatacara pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar 2019. Maksudnya, sekarang tatacara pengurusan ini batal lah dan digantikan dengan MPKKP. Oleh sebab, ini ada *online*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya ulang sekali lagi, penubuhan MPKKP hanya untuk lima buah negeri yang diuruskan oleh pembangkang. MPKK yang lain di negeri Selangor, negeri Perak semua akan diteruskan. Jadi, mungkin apa yang dibaca oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Senator relevan untuk sana. Akan tetapi, untuk lima buah negeri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk lima buah negeri itu MPKK di batal?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** No, MPKKP akan ditubuhkan, MPKK yang sedia ada di Pahang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada kerajaan negeri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terpulang kepada kerajaan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, bermakna di bawah kementerian Yang Berhormat ini tidak ada lagi? Kepada lima buah negeri di bawah pembangkang tidak ada...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Kita tidak batal apa-apa, sama ada diteruskan dan termasuk isu bayaran adalah terserah kepada kerajaan negeri.

**Puan Asmak binti Husin:** Cuma...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bermakna ia tidak diteruskan. Yang Berhormat Menteri, tidak diteruskan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya tidak mahu sebut itu. Oleh sebab, nama-nama Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada atau tidak ada?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya hendak jawab macam ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana *you* hendak jawab.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yakni yang beri nama-nama untuk MPKK, nama pengerusi, nama setiausaha dan semua anggota adalah kerajaan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kita faham Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Jadi, kita sebut sama ada hendak teruskan MPKK di lima negeri ini dan JKKK di negeri Sabah terpulang kepada kerajaan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat Senator fahamkan? Yang Berhormat dia macam ini, kementerian Yang Berhormat ini tidak hendak menjawab di mana bukan dalam bidang kuasa kementerian. Itu terpulang kepada lima negeri tersebut untuk meneruskan atau tidak meneruskan. Bagi pihak kementerian, mereka hanya meneruskan kepada negeri-negeri yang lain di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

**Puan Asmak binti Husin:** Cumanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, lagi keliru?

**Puan Asmak binti Husin:** Cuma bila kata terpulang kepada kerajaan negeri, ia menunjukkan seolah-olah MPKK ini diwujudkan oleh kerajaan negeri pada peringkat awal. Sebenarnya tidak, ia memang diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Akan tetapi, dia hendak dipulangkan kepada kerajaan negeri. Jadi, macam pelik sedikitlah dia punya bidang kuasa itu kan? Saya rasa Yang Berhormat Senator Datuk Razali setuju dengan saya ini. Sekian, terima kasih, itu sahajalah.

**Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh:** Sedikit lagi tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita ada banyak kementerian lagi.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya setuju dengan Kerajaan Pusat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini, ini kalau ini berkenaan dengan MPKKP kah, MPKK kah, tidak bolehlah, fasal dia itu tidak hendak- kementerian tidak ada jawapan. Bukan tidak ada jawapan, dia ada jawapan tetapi mengelirukan saya [*Ketawa*] Dia macam ini Yang Berhormat, kerana kalau cakap batal, dia ada masalah. Dia bukan dalam bidang kuasa kementerian pada masa sekarang. So, apa yang Yang Berhormat Menteri cakap pun benar jugalah. Itu terpulang kepada negeri, okey?

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya yang lebih hangat diperkatakan ialah penubuhan MPKKP untuk negeri Sarawak. Oleh sebab, kerajaan negeri sangat mengatakan pendirian bahawa mereka tidak bersetuju

dengan penubuhan ini. Akan tetapi, saya hendak minta supaya diperjelaskan apakah tugas yang dimainkan oleh MPKKP ini? Oleh sebab di Sarawak, Jawatankuasa Kemajuan Pembangunan Kampung adalah mereka yang bertanggungjawab menjadi agensi yang membantu pihak pejabat daerah antara lain tugas mereka adalah untuk menjalani urusan-urusan pembangunan di dalam kampung.

Adakah yang hendak ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan ini menerusi kementerian ini juga terlibat dalam urusan pembangunan dalam kampung. Ini yang kekhuatiran seperti antara yang dikhuatiri akan berlaku perpecahan, pertindihan tugas dalam kampung, ini boleh memecahbelahkan. Ada dua agensi yang berjalan serentak di dalam kampung yang biasanya ini hanya satu agensi sahaja. Jadi, kita rasa kalau perpecahan itu diwujudkan hingga ke peringkat akar umbi, inilah yang kita khuatir kerana ia tidak mendatangkan kebaikan kepada negeri dan juga kepada negara.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ambil maklum pandangan itu. Akan tetapi saya hendak tegaskan, tadi saya sudah terangkan empat peranan utama MPKKP termasuk di Sarawak di mana tumpuan kita adalah pada program Kerajaan Pusat, maklumat daripada kerajaan, maklumat daripada akar umbi kepada Kerajaan Pusat dan sebagainya.

Saya tegaskan di sini, dan saya akan bagi satu contoh kenapa kita selepas satu tahun ini bukan kita terus kita tergesa-gesa buat selepas kerajaan bertukar pada tahun lepas. Kita sudah bagi lebih satu tahun, lebih satu tahun kita sudah secara ikhlas kita sudah meneruskan dengan status sedia ada dan memberi peluang untuk semua kerajaan negeri sama ada diuruskan oleh pembangkang atau Pusat, untuk tengok keadaan.

Akan tetapi, saya hendak bagi sebagai contoh untuk Sarawak. Apa Kerajaan Negeri Sarawak buat. Pada bukan Oktober Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas, Setiausaha Negeri Kerajaan Sarawak telah keluaran arahan bertulis melalui pekeliling mengarahkan semua ketua kaum, tuai rumah, semua anggota JKKK tidak boleh menghadiri apa-apa program Ahli Parlimen Pakatan Harapan atau ADUN Pakatan Harapan. Apa maksud itu? *It was a hostile act*, dengan izin. Bukan tidak ada kerjasama, *hostile act*. So, dalam keadaan begitu, itulah walau bagaimanapun kita bagi satu tahun lagi, tengok keadaan. Sama ada keadaan itu boleh dipulihkan? tetapi tidak. So, kita kena ambil kira semua itu.

Jadi, akhirnya kita ambil keputusan lebih baik di lima buah negeri itu termasuk Sarawak kita tubuhkan badan MPKKP supaya pastikan manfaat program-program Kerajaan Pusat. Kita ada banyak program, rakyat Sarawak juga sama ada rakyat di seluruh Malaysia berhak mendapat maklumat dan selepas itu memohon dan dapat manfaat itu kita hendak pastikan itu berlaku. Kita akan tumpukan MPKK kepada tugas-

tugas itu. Jadi, kita tidak kluatir tentang pertindihan atau apa-apa. Kita akan beri masalah, kita tubuhkan dahulu, kita bagi masa dan selepas itu kita akan menimbang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebab masa sudah- saya hendak *just* habiskan dua topik yang ringkas sahaja. Satu topik ialah berkaitan dengan KETENGAH yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga. Berkaitan dengan isu pembinaan kompleks sukan di Bandar Al-Muktafi Billah Shah di Dungun. Yang Berhormat bertanya mengenai projek cadangan menaik taraf kompleks sukan ini yang dikatakan masih ketinggalan dan lewat dari segi jadual asal.

Projek cadangan naik taraf kompleks sukan di Bandar Al-Muktafi Billah Shah ini dibina dengan kos lebih kurang sebanyak RM5.252 juta. Saya tidak mahu masuk semua butiran. Saya rasa Yang Berhormat Senator tahu, hanya saya hendak tegaskan di sini isu kelewatan ini tidak timbul berdasarkan maklumat yang ada dengan saya.

Saya diberitahu prestasi fizikal terkini bagi projek tersebut ialah sebanyak 97 peratus. Jadi, tidak lewat sangatlah dan baki kerja-kerja yang masih dalam pelaksanaan adalah kerja perpaipan sistem kumbahan ke kolam oksidasi. Kerja penurapan jalan dan penurapan-penurapan medan letak kenderaan di mana tarikh siap baru berdasarkan kelulusan lanjutan masa kali pertama ialah pada 11 Januari 2020.

Jadi, saya yakin Yang Berhormat Senator dalam lebih kurang sebulan projek ini akan siap sepenuhnya dan tidak ada masalah apa-apa lagi. Akhirnya, ini berkaitan dengan...

#### ■2120

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan ini kerana persoalan projek sakit di Terengganu ini sudah lebih daripada tiga kali berbangkit dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Terengganu. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sama dengan jawapan yang diberikan oleh pegawai semasa kita bermesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi. Akan tetapi pada hari ini saya *note* tarikh tersebut, saya hendak tengok apakah kesudahannya, sama ada sebulan lagi itu siap ataupun akan berlaku perkara yang sama.

Oleh sebab untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah tiga kali berbangkit dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri dan jawapan yang sama seperti mana yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi saya *note* lah pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya juga ambil maklum maklumat yang disampaikan, itu maklumat penting juga. Pegawai-pegawai yang bersama saya telah mendengar juga dengan jelas apa maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator iaitu jawapan yang sama telah diberi tiga kali dalam Mesyuarat

Majlis Tindakan Negeri. Akan tetapi saya pun tanya pada pegawai, "Pasti kah tarikh ini, semua siap?" Jawapan yang diberikan kepada saya ialah ya. Jadi saya pun harap kerja-kerja ini akan disiapkan pada tarikh tersebut.

Akhir sekali, topik yang terakhir secara ringkas Tuan Yang di-Pertua berkaitan pendidikan TVET...

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** ...Dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada, terima kasih. Yang Berhormat Senator mencadangkan agar Kementerian Pembangunan Luar bandar dapat menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), badan berkanun, syarikat milik kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan agar kerjasama strategik dilakukan bagi penempatan pelajar TVET untuk menjalankan latihan *internship* TVET.

Untuk makluman Yang Berhormat, fokus utama institusi pendidikan TVET di bawah KPLB adalah untuk memastikan pelajar dapat pekerjaan dalam industri mahupun menjadi usahawan. Oleh itu, institusi pendidikan TVET, KPLB telah menjalinkan kerjasama dengan lebih 100 buah syarikat, institusi pendidikan dan badan berkepentingan. Institusi tersebut akan mengadakan perbincangan terus dengan industri dengan pelbagai bidang kemahiran berkaitan peluang untuk para pelajar menjalankan latihan dan seterusnya bekerja di syarikat tersebut setelah tamat pengajian.

Antara kerjasama dengan pihak luar yang telah dilakukan oleh institusi pendidikan TVET KPLB untuk membolehkan para pelajar tersebut mendapat latihan dan seterusnya mendapat pekerjaan adalah sebagai contoh kerjasama dengan Perodua, MIMOS Berhad, *Cisco Systems Malaysia*, *Malaysia Automotive Robotics and Internet of Things Institute*, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Perlis, Politeknik Kota Bharu, *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*, *Proton*, *Toyota* dan *Modenas*. Inilah contoh dan ada banyak lagi. Jadi itu sahaja saya hendak kongsi Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas semua pertanyaan dan pandangan yang telah diberikan berkaitan dengan isu-isu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kepada kementerian.

Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ya, kalau tidak ganggu Timbalan Menteri cakap 40 minit.

**9.24 mlm.**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Kalau tidak ada gangguan. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose berminat untuk menghayati Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 atau WKB 2030 serta perkara-perkara berkaitan jurang ekonomi dan pembangunan wilayah.

WKB merupakan satu agenda nasional yang akan menerajui hala tuju negara secara lebih holistik bagi tempoh 2021 hingga 2030. Pelaksanaannya akan diterjemahkan dalam tempoh 10 tahun merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12, dan Rancangan Malaysia Ke-13. Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup waja atau, dengan izin, *decent standard of living* kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030. Walaupun WKB akan bermula pada tahun 2021, Belanjawan 2020 telah mengambil kira semangat WKB bagi memastikan apabila tiba tahun pelaksanaannya wawasan ini dapat digerakkan dengan tuntas.

Secara keseluruhannya walaupun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan prestasi yang menggalakkan namun ia masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Selain itu terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani antaranya sumber pertumbuhan yang masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukan peningkatan produktiviti. Isu produktiviti berkait rapat dengan tahap kemahiran pekerja. Pada masa ini industri masih didominasi oleh pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah yang merangkumi sebanyak 72.8 peratus daripada keseluruhan tenaga pekerja.

Sebahagian besar industri di Malaysia masih bergantung kepada perdagangan komoditi mentah yang tidak mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta kurang menghasilkan produk baharu. Industri sedia ada juga telah bergantung kepada pekerja asing dan hanya 37 peratus daripada industri dalam sektor pembuatan dan 20 peratus dalam sektor perkhidmatan mengguna pakai teknologi tinggi. Berdasarkan Laporan

Tahunan Bank Negara Malaysia 2017, gaji pekerja Malaysia adalah lebih rendah dan tidak setimpal berbanding dengan produktiviti buruh.

Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK Malaysia masih rendah iaitu 35.7 peratus pada tahun 2018 berbanding negara maju seperti Jerman sebanyak 51.5 peratus, *United Kingdom* 49.4 peratus, dan Korea Selatan 45.7 peratus. Oleh yang demikian, objektif pertama WKB adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Ini termasuklah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan memastikan kuasa beli rakyat ditingkatkan.

Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, tumpuan akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang berpotensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Objektif kedua WKB menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan wilayah, rantai bekalan dan etnik. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan perwujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan.

Teras Strategik Kelima WKB iaitu kesejahteraan sosial memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial, menggalakkan program kesedaran kewangan dan mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kumpulan sasar. Dalam konteks jurang antara wilayah khususnya kawasan bandar dan luar bandar, kerajaan menyedari bahawa jurang pengagihan ekonomi antara kedua-dua kawasan semakin melebar.

Dalam Teras Strategik Keenam WKB, iaitu keterangkuman wilayah. Pemetaan kawasan titik tumpuan ekonomi dengan izin, *economic hotspots* akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan kawasan tersebut.

#### ■2130

Dalam teras strategik kedua, terdapat 15 cadangan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA). Antaranya ialah tumpuan kepada pertanian pintar yang akan meningkatkan produktiviti hasil tanaman terutamanya untuk agropreneur di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, penekanan kepada komoditi Malaysia 2.0, membolehkan

tumpuan diberikan kepada penghasilan produk hiliran daripada komoditi seperti sawit dan getah supaya dapat menjana nilai ditambah dan pulangan yang lebih tinggi.

Penekanan baharu kerajaan untuk mengembangkan ekonomi dan peluang ekonomi merentasi kawasan luar bandar, akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan usahawan berpendapatan tinggi di kawasan ini. Dari segi rantaian bekalan, data menunjukkan masih terdapat jurang yang lebar dalam pelbagai lapisan rantaian bekalan. Sebagai contoh, kajian pasaran sektor makanan yang dijalankan oleh MyCC berkaitan dengan pemasaran ikan, mendapati pemborong utama menaikkan harga sehingga enam kali dalam rantaian pemasaran ikan tempatan dengan mengambil keuntungan antara 60 peratus hingga 75 peratus di setiap lapisan rantaian.

Dalam rantaian ini, nelayan merupakan kumpulan yang paling sedikit mendapat keuntungan dan tidak setimpal dengan titik peluh nelayan yang mengambil risiko tinggi serta bekerja keras untuk mencari rezeki. Sehubungan itu, kerajaan akan memastikan penyertaan yang lebih adil dalam rantaian bekalan.

Usaha untuk menangani ketiga-tiga jurang ini, melibatkan rakyat secara keseluruhannya tanpa mengira kumpulan etnik. Namun begitu, kerajaan sedar masih wujud ketidakseimbangan pendapatan dan jurang kekayaan yang nyata dan semakin melebar antara kumpulan etnik. Jurang ini, jika tidak ditangani dengan baik, akan mewujudkan keadaan tidak harmoni dalam negara.

Antara penekanan utama WKB, adalah kepada keberhasilan pencapaian berdasarkan prinsip kesaksamaan keberhasilan- *equitability of outcomes*. Kalau dahulu, kerajaan memberi fokus kepada peningkatan bilangan peluang berasaskan konsep prinsip kesaksamaan peluang- *equitability of opportunities*, terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Kini, aspek keberhasilan pencapaian berdasarkan prinsip kesaksamaan keberhasilan- *equitability of outcomes* kepada etnik yang ketinggalan, turut diberi penekanan dalam WKB.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, menyentuh perkara berkenaan kumpulan M40. Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan atau isi rumah M40, adalah merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan di antara 41 peratus hingga 80 peratus daripada taburan pendapatan keseluruhan.

Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR & KA) 2016, pendapatan isi rumah M40 adalah dalam julat RM4,360 dan RM9,619 yang mana pendapatan purata adalah RM6,502 dan pendapatan penengah adalah RM6,275. Isi rumah M40 melibatkan 2.78 juta isi rumah Malaysia. Klasifikasi ini adalah selaras dengan amalan antarabangsa dalam mengeluarkan statistik pendapatan mengikut



*quantile*. Kerajaan telah pun mengeluarkan julat pendapatan isi rumah B40, M40 dan T20 mengikut negeri supaya lebih menggambarkan situasi sebenar di peringkat negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada tumpuan kepada B40, kerajaan turut memberikan tumpuan kepada usaha untuk meringankan beban M40. Antara inisiatif untuk isi rumah M40 adalah perluasan Skim Pelindungan Kesihatan Percuma (mySalam) dan skim perumahan bagi membantu kumpulan isi rumah M40 untuk memiliki rumah seperti Skim Sewa Untuk Memiliki- *Rent-To-Own*, dan Skim Perumahan Belia. Kerajaan yakin kumpulan isi rumah M40 akan terus mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada. *Eh*, tidak ada.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya *skip* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan secara bertulis Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya akan berikan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Okey, silakan Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Yang Berhormat Senator Dato' Isa pun tidak ada, saya bagi jawapan bertulis. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim...

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Saya ada.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Ada? Okey. Telah membangkitkan berkenaan perkembangan ekonomi RMKe-12 dan peranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dinyatakan sebentar tadi berkaitan dengan WKB 2030, kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk menstrukturkan semula ekonomi dengan memberikan tumpuan bagi menarik pelaburan yang berkualiti serta meningkatkan produktiviti ke arah peralihan struktur industri dengan nilai ditambah tinggi.

Langkah ini dijangka mempergiatkan aktiviti ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa strategi di bawah Belanjawan 2020, untuk meraih peluang daripada konflik perdagangan dan merangsang aktiviti pelaburan swasta dalam tempoh jangka pendek. Antaranya termasuklah usaha untuk menyediakan pakej galakan pelaburan istimewa atau *customized* bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun bagi menarik syarikat dalam sektor berteknologi tinggi, pembuatan, kreatif dan ekonomi baharu.

Kedua, memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan lagi aktiviti bernilai tambah tinggi dalam industri ENE untuk beralih ke ekonomi digital berasaskan 5G dan Industri 4.0. Ketiga, insentif bagi menggalakkan automasi bagi sektor pembuatan untuk meningkatkan produktiviti syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Ke-12 sedang dirangka dengan menggunakan pendekatan *bottom-up* dan *top-down*, dengan izin. Pendekatan ini melibatkan penyertaan menyeluruh daripada semua pihak yang berkepentingan termasuk kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, pihak swasta, badan antarabangsa, akademia, pimpinan masyarakat dan badan bukan kerajaan. Input dari semua pihak berkepentingan diambil kira melalui:

- (i) 13 kumpulan perancangan antara agensi (IAPG);
- (ii) 46 kumpulan kerja teknikal (TWG); dan
- (iii) 193 kumpulan fokus- *focus group*.

Kementerian Hal ehwal Ekonomi telah selesai mengadakan sesi libat urus dengan semua kerajaan negeri termasuk negeri-negeri pembangkang pada bulan September 2019. Ini penting bagi mendapat pandangan serta input relevan dengan isu atau keperluan kumpulan sasar terbabit bagi memastikan hala tuju strategik pembangunan negara bagi tempoh 2021 hingga 2025 bersifat holistik dan menepati keperluan rakyat.

Di samping itu, sebuah laman web khas RMKe-12 telah dilancarkan pada 5 November 2019 bagi membolehkan semua lapisan masyarakat mengemukakan cadangan dan pendapat mengenai hala tuju pembangunan negara. Semua cadangan dan maklum balas yang diterima, akan dipertimbangkan sebagai input bagi penyediaan dokumen RMKe-12.

#### •2140

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) merupakan platform konsultasi peringkat tertinggi kerajaan yang bersifat *action oriented* bagi memastikan tindakan yang pantas diambil ke atas isu-isu berkaitan sosioekonomi rakyat. Antara perkara yang telah diputuskan oleh EAC sebelum ini adalah untuk

memendekkan tempoh proses urusan mendapatkan permit pembinaan dari 390 hari kepada 90 hari sahaja. Selain itu, EAC juga telah membuat keputusan untuk mengaktifkan semula Majlis Produktiviti Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa menyentuh perkara berkenaan peruntukan pembangunan untuk Negeri Terengganu, Sabah dan Kelantan. Dato' Haji Husain tidak ada tetapi saya teruskan juga sekali dengan yang lain.

Berdasarkan kajian separuh penggal RMKe11 peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuklah Terengganu, Sabah dan Kelantan. Pada tahun 2019 Terengganu telah diperuntukkan RM988 juta daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM54.7 bilion, manakala pada tahun 2020 Terengganu akan menerima peruntukan sebanyak RM1.134 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM56 bilion iaitu peningkatan peruntukan sebanyak 14.7 peratus.

Antara projek yang telah diluluskan untuk tahun 2020 adalah Projek Pemulihan Muara Sungai Dungun, Projek Membina Jalan Pantai Dendong ke Jalan Belakang Bukit Keluang, Besut, Projek Membina Jalan Baharu dari Kampung Gong Nangka ke Kampung Bukit Kor di Marang, dan Projek Pembangunan Eko Tourism di Tasik Kenyir.

Negeri Sabah pula telah menerima peruntukan sebanyak RM20.609 bilion daripada RM239.179 bilion peruntukan keseluruhan RMKe-10. Bagi RMKe-11, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM23.161 bilion daripada keseluruhan peruntukan pembangunan sebanyak RM248.699 bilion untuk negeri Sabah. Projek-projek yang diluluskan bagi negeri Sabah dalam tempoh RMKe-10 adalah sebanyak 1,737 projek.

Pada akhir tempoh RMKe-10, 825 projek masih dalam pelaksanaan. Projek ini telah menjadi projek sambungan dan dibawa ke dalam RMKe-11 untuk diteruskan pelaksanaannya. Pada penghujung RMKe-11 iaitu pada akhir tahun 2020 akan terdapat 2,485 projek sambungan dari jumlah projek keseluruhan sebanyak 3,137 projek.

Bagi negeri Kelantan, terdapat 253 projek yang telah diluluskan untuk tahun 2019 di mana 216 daripada projek tersebut adalah projek sambungan yang akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2020. Pada akhir tahun 2020 akan terdapat sebanyak 255 projek sambungan daripada keseluruhan 290 projek bagi negeri Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah dimaklumkan oleh Kementerian Pengangkutan bahawa mereka sedang dalam proses

perolehan untuk projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Kerja fizikal untuk projek ini dijangka akan dijalankan pada tahun 2020.

Bagi meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Central Spine Road dalam tahun 2020 kerajaan telah meluluskan Pakej 2B dari Paloh ke Bukit Sejuk dan Pakej 2C dari Bukit Sejuk ke Gua Musang. Dalam hubungan ini Pakej 3 iaitu dari Gua Musang ke *East-West Link* kecuali Pakej 3A *West Link* ke *East Link* iaitu *The Spur Road*, Pakej 4 Kampung Relung ke Raub dan Pakej 5 Raub ke Bentong sedang dalam pelaksanaan.

Bagi projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, Pakej 1B Pasir Hor ke Kadok dan Pakej 2A Kadok ke Ketereh telah dibuka kepada pengguna jalan raya manakala Pakej 2B Ketereh ke Kok Lanas sedang dalam pembinaan. Pakej 2C Kok Lanas ke Machang dan Pakej 3A Machang ke Bukit Tiu adalah dalam proses perolehan. Pakej 3B Kampung Berangan Mek Nab ke Keroh pula telah diluluskan untuk tahun 2020.

Bagi projek Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) kerajaan telah meluluskan untuk pelaksanaan kerja-kerja awalan. Ini merangkumi penyiasatan tanah atau *soil investigation*, *social Impact Assessment (SIA)*, *utility mapping* dan *survey lidar* bagi penentuan jajaran. Pada masa yang sama, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya bahawa pihaknya akan menjalankan kajian trafik bagi mengenai penggunaan lebuhraya ini dan hasilnya akan dibentangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Selain itu, kerajaan juga telah meluluskan pembinaan Jambatan Palekbang Kota Bharu untuk tahun 2020. Bagi projek laluan antara Pasir Puteh, Machang dan Jeli, beberapa sesi libat urus telah diadakan di antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kerja Raya untuk menentukan kos, skop, *outcome* dan jajaran yang terbaik bagi memastikan *value for money* kepada kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Datuk Lim ada? Tidak ada saya bagi jawapan bertulis. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, tidak ada. Saya bagi jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan berjumlah RM6.23 bilion kepada FELDA dalam bentuk geran pinjaman dan jaminan kerajaan secara berperingkat mengikut keperluan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam Kertas Putih FELDA.

Komponen inisiatif yang digariskan adalah seperti berikut, pertama- Projek Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) sebanyak RM250 juta, penghapusan faedah

hutang kebun peneroka sebanyak RM2 bilion, Program Pembangunan Peneroka (PPP) untuk mendapatkan hasil baharu sebanyak RM1 bilion, pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil sebanyak RM480 juta dan penstrukturan semula pinjaman daripada institusi kewangan sebanyak RM2.5 bilion.

Bagi tahun 2019, kerajaan telah meluluskan RM2.5 bilion dalam bentuk jaminan kerajaan bagi membolehkan FELDA menstrukturkan semula pinjaman sedia ada daripada institusi kewangan. Manakala sebanyak RM810 juta berbentuk tunai telah disalurkan kepada FELDA untuk membiayai program-program berikut.

Pertama, Projek Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) sebanyak RM180 juta, Program Pembangunan Peneroka (PPP) untuk mendapatkan hasil baharu sebanyak RM30 juta, penghapusan faedah hutang kebun peneroka sebanyak RM300 juta dan pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil sebanyak RM300 juta, itu untuk tahun 2019.

Dalam Belanjawan 2020, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM810 juta untuk kesejahteraan peneroka FELDA. Jumlah RM620 juta daripada peruntukan di atas adalah bagi pelaksanaan inisiatif yang telah digariskan di dalam Kertas Putih FELDA. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut, pertama- RM70 juta untuk menyiapkan perumahan generasi baharu FELDA.

Kedua, RM300 juta untuk penghapusan faedah hutang kebun peneroka dan ketiga RM250 juta untuk Program Pembangunan Peneroka.

#### ■2150

Beberapa penekanan baharu dalam usaha memulihkan FELDA telah dan sedang dilaksanakan. Peruntukan untuk Program Pembangunan Peneroka (PPP) telah dan akan digunakan untuk meningkatkan inisiatif bagi menjana pendapatan baharu melalui diversifikasi tanaman dan aktiviti ekonomi di kawasan FELDA termasuklah penternakan.

FELDA sedang meneliti Program Tanaman Gantian dan Ternakan yang mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat serta berpotensi menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten.

Projek rintis program ini telah dimulakan di kawasan seluas 77 ekar di FELDA Bukit Rokan, Negeri Sembilan.

Selain itu, projek-projek yang telah dipersetujui oleh FELDA untuk tujuan *upscaling*, dengan izin, adalah:

- (i) projek ternakan arnab berdaging di FELDA Bukit Aping Barat, Johor;
- (ii) projek ternakan ayam sistem tertutup di FELDA Kerteh 6, Terengganu;

- (iii) projek ternakan lembu integrasi di FELDA Sahabat 1 hingga 5 di Sabah; dan
- (iv) projek tanaman rozel di FELDA Chuping, Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nuing...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Ya, silakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya menghargai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tetapi selaku peneroka secara individu, saya tidak dapat rasai tawaran yang diberi oleh kementerian bagi meringankan beban hutang individu peneroka-peneroka tersebut sebagaimana yang dijanjikan dalam Itizam 3 – membela nasib peneroka FELDA dan mengurangkan bebanan hutang mereka. Ini saya tidak dengar daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Izin saya jelaskan daripada keseluruhan RM6.23 bilion tadi terdapat komponen berjumlah RM2 bilion untuk penghapusan faedah hutang kebun peneroka. Itu merupakan apa yang kita *consider* ataupun apa yang kita pertimbangkan sebagai faedah yang tidak wajar, agak tinggi. Kerajaan sewaktu membentangkan Kertas Putih membuat keputusan untuk menghapuskan hutang kebun peneroka berjumlah RM2 bilion. Jadi dari sudut pelaksanaannya, perkara ini sedang dalam proses di peringkat FELDA untuk menyediakan atau menyiapkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci kepada peneroka-peneroka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nuing Jeluing membangkitkan tentang bantuan musim tengkujuh (BMT) tahun 2019 untuk pekebun kecil di negeri Sarawak. Bagi negeri Sarawak, pekebun kecil getah atau penoreh bukan pemilik yang berada di bawah seliaan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dan memenuhi syarat kelayakan boleh mengemukakan permohonan BMT di pejabat RISDA berhampiran dengan pengesahan dari JPS. Selain itu, JPS juga boleh mengemukakan senarai pekebun kecil atau penoreh secara rasmi kepada RISDA untuk didaftarkan sebagai penerima BMT 2019 tertakluk kepada syarat dan kelayakan BMT.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim membangkitkan berkenaan sumber pasaran baharu yang diterokai oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). HDC telah merangka Pelan Induk Pembangunan Industri Halal (HIMP 2.0) yang akan memastikan pembangunan industri halal negara dilaksanakan dengan lebih terancang dan inklusif selari dengan penekanan kepada

industri ini di bawah WKB 2030. Sebanyak tiga segmen utama telah dikenal pasti iaitu makanan dan minuman, farmaseutikal dan kosmetik.

Selain daripada itu, tumpuan juga akan diberikan kepada tiga segmen berpotensi iaitu fesyen, peralatan perubatan dan *Muslim friendly tourism* dengan izin. Pembangunan kilang vaksin halal di taman industri halal Techpark @ENSTEK Nilai, Negeri Sembilan merupakan satu contoh usaha kerajaan bersama pihak swasta dalam segmen farmaseutikal. Usaha ini akan membolehkan pengusaha-pengusaha industri halal tempatan memperluaskan potensi pasaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Nuing Jeluing, Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind, Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung membangkitkan mengenai bayaran tunai hasil petroleum untuk negeri Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 10 Disember 2019 di Dewan ini. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (PEMANDU) bagi menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 November 2019 bersetuju bahawa isu berkaitan petroleum akan dibincang dan diputuskan secara bersama antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kedua-dua Ketua Menteri Sabah dan Sarawak bagi menentukan hala tuju selanjutnya.

Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong membangkitkan tentang cukai jualan produk petroleum negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak telah memfailkan saman terhadap Petronas di Mahkamah Tinggi Kuching pada 21 November 2019 yang lalu, maka kerajaan perlu menghormati proses perundangan yang sedang berjalan.

Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa membangkitkan mengenai bayaran tunai kepada negeri Kelantan dan bayaran tunai dari 10 lapangan pengeluaran minyak dan gas yang tidak dibayar kepada mana-mana negeri berkaitan. Berdasarkan maklumat daripada Petronas, terdapat dua lapangan gas yang tidak dipertikaikan terletak dalam perairan Malaysia yang berhampiran dengan negeri Kelantan iaitu Lapangan Bumi South dan Suria Selatan. Bayaran tunai yang dibayar oleh Petronas kepada Kementerian Kewangan mulai 2009 hingga 2019 berjumlah RM387.72 juta adalah hasil daripada pengeluaran dua lapangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran bagi Ogos 2019 berjumlah RM16.79 juta telah pun dilunaskan oleh Petronas kepada Kementerian Kewangan untuk maksud ini. Pihak Kementerian Kewangan menyalurkan sebanyak 50 peratus daripada bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri Kelantan manakala 50 peratus lagi disalurkan kepada Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Manakala terdapat 10

lapangan pengeluaran (*producing fields*) dengan izin mula mengeluarkan hasil secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2013 hingga ke hari ini.

Buat masa ini masih belum wujud persempadanan perairan (*sea boundaries*) dengan izin antara negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk menentukan bayaran tunai kepada negeri-negeri berkenaan. Ini kerana tidak pernah wujud persempadanan laut di antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh kerana itu, bayaran tunai untuk 10 lapangan pengeluaran ini tidak dibayar kepada mana-mana negeri sehingga persempadanan perairan ditentukan tertakluk kepada perundangan sedia ada. Bayaran tunai oleh Petronas untuk 10 lapangan pengeluaran telah disalurkan kepada Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) yang berjumlah hampir RM1.2 bilion untuk tempoh 2013 hingga 2019. Keputusan ini dibuat oleh Kerajaan BN dahulu.

Kerajaan PH tidak akan letak wang ini sebagai akaun terimaan tidak digunakan sebaliknya akan dianggap bayaran tunai tetapi akan dibayar kepada Kelantan dan Pahang setelah ditentukan sempadan perairan antara Kelantan dengan Terengganu dan Pahang dengan Terengganu.

#### ■2200

PETRONAS tidak akan abaikan semangat perjanjian Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau PDA 1974 di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Bayaran tunai dari bulan Jun 2018 hingga sekarang akan disimpan sehingga sempadan tersebut ditentukan. Dalam seksyen 32, Akta Kemajuan Petroleum 1974, Perdana Menteri boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Dalam konteks ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju supaya bayaran tunai kepada kerajaan negeri akan dibayar terus oleh PETRONAS mulai tahun 2020 seperti amalan yang dilaksanakan oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah membangkitkan perkara mengenai *Malaysia-Thailand Joint Development Area* (MTJDA). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan ini merupakan kawasan bertindih di antara Malaysia dan Thailand yang mengeluarkan gas dan *condensate*. Jumlah kumulatif pengeluaran gas di kawasan MTJDA sejak pengeluaran pertama pada tahun 2005 hingga Jun 2019 adalah sebanyak 4.78 trilion kaki padu manakala jumlah kumulatif pengeluaran *condensate* di MTJDA sehingga Jun 2019 adalah 62.91 juta tong.

Jumlah kutipan hasil petroleum dari kawasan ini yang telah disalurkan kepada kerajaan kedua-dua buah negara pada tahun 2018 yang telah diaudit adalah sebanyak USD793.46 juta. Jumlah kutipan hasil yang belum diaudit sehingga Jun 2019 adalah sebanyak USD437.38 juta. Jumlah ini dikongsi secara rasmi secara sama rata di antara



kedua-dua negara. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker tidak ada. Yang Berhormat Datuk Mohan...

**Puan Asmak binti Husin:** Sekejap, mohon soalan tambahan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Sebenarnya saya ingin mohon penjelasan. Mungkin soalan daripada orang awamlah mengenai dengan persempadanan. Bila sebenarnya muncul isu persempadanan ini sebab sebelum ini kita tidak dengar. Kedua, kalau kita hendak buat sempadan ini berapa lama masa ambil? Apakah prosedur-prosedurnya, dua hingga tiga tahun ataupun setahun ataupun dua hingga tiga bulan, mungkin ada jangka masa tertentu? Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Apabila kita bercakap tentang perairan negeri, kita bercakap tentang tiga batu nautika dan selebihnya itu bukan lagi dikira sebagai perairan negeri. Jadi oleh yang demikian apabila berlaku lapangan minyak ini, di kawasan di tengah-tengah laut ini, bagaimana kita hendak tahu bahawa lapangan minyak ini berkaitan dengan negeri mana sebab tidak ada garis yang jelas pada waktu ini. Tidak ada sempadan yang jelas antara negeri mana, sama ada di sini di Kelantan, di sini di Terengganu dan sebagainya.

Jadi oleh yang demikian, apabila kita bercakap tentang akaun ATTD tadi, hendak bagi dekat negeri mana? Kita memerlukan satu kaedah yang lebih objektif untuk memastikan pembahagian itu dibuat secara adil dan saksama. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkaitan termasuklah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan usaha-usaha ini bersama dengan pihak JUPEM dan pihak-pihak yang lain untuk melihat apakah kaedah yang terbaik untuk kita dapat mewujudkan atau memastikan *boundaries* tadi bagi membolehkan kita dapat gambaran yang jelas tentang berapakah jumlah untuk negeri mana.

Jadi niat Kementerian Hal Ehwal Ekonomi adalah untuk melihat perkara ini dapat diselesaikan seberapa segera kerana ia memudahkan semua pihak. Pihak-pihak yang terlibat termasuklah PETRONAS, Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker ada? Tidak ada, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Mohan ada?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Yang Berhormat Datuk Mohan tidak ada. Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah tidak ada. Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu ada, yang membangkitkan perkara berhubung penjualan aset negara.

Sepertimana yang telah dijelaskan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi semasa sesi penggulangan perbahasan Belanjawan 2020, peringkat dasar di Dewan Negara pada 30 Oktober 2019, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa hasil yang diperoleh daripada pelupusan aset milik Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah Nasional Berhad tidak disalurkan terus ke dalam akaun kerajaan.

Hasil yang diterima oleh kerajaan daripada GLIC ini adalah hanya dalam bentuk dividen tahunan dan cukai. Hasil pelupusan aset oleh GLIC digunakan untuk melaksanakan pelaburan baharu serta mengurangkan hutangnya sendiri dan bukannya hutang kerajaan. Aktiviti pelupusan aset dan penjualan ekuiti adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan bagi sesebuah dana pelaburan atau *investment fund*, dengan izin, milik GLIC seperti Khazanah dan ia berlaku setiap tahun sama ada di bawah kerajaan terdahulu mahupun di bawah kerajaan pada hari ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Mei 2018 sehingga Jun 2019, Khazanah telah melaksanakan pelupusan berjumlah RM18.8 bilion iaitu RM3.2 bilion antara bulan Mei hingga Disember 2018 dan RM15.6 bilion antara bulan Januari hingga Jun 2019. Daripada jumlah pelupusan ini Khazanah telah berjaya mengurangkan hutangnya kira-kira RM8 bilion daripada RM55 bilion kepada RM47 bilion. Melaksanakan pelaburan baharu dalam pelbagai sektor berjumlah lebih kurang RM6.4 bilion dan membayar dividen kepada kerajaan bagi tahun kewangan 2018 berjumlah kira-kira RM1.5 bilion. Lebihan daripada pelupusan ini disimpan sebagai tunai untuk pelaburan pada masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, majoriti pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah dalam tempoh setahun yang lepas adalah bagi aset-aset komersial yang telah mencapai sasaran kewangan yang ditetapkan. Bagi aset-aset strategik miliknya pula Khazanah tetap kekal sebagai pemegang saham tunggal, terbesar dalam beberapa GLIC utama negara termasuk Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), Telekom Malaysia (TM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah mandat terdahulu atau di bawah kerajaan terdahulu antara tahun 2009 hingga April 2018 Khazanah telah melaksanakan 84 pelupusan aset dengan nilai pelupusan berjumlah RM46.16 bilion. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan.

Akhir sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin bagi pihak Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang telah memberikan penjelasan yang panjang lebar, padat dan difahami. Terima kasih banyak Yang Berhormat dan semua staf-staf daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipersilakan.

**10.08 mlm.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 14 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan perkara-perkara berkaitan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya dalam bidang-bidang utama iaitu perumahan, kebombaaran, kerajaan tempatan, pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan perbandaran.

Pertama, menyentuh isu peruntukan yang diberikan bagi tujuan perumahan di bawah KPKT sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, peruntukan pembangunan Jabatan Perumahan Negara tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Program Perumahan Rakyat, RM527 juta;
- (ii) kemudahan insentif perumahan, RM40juta;
- (iii) pemulihan dan penyelenggaraan projek perumahan swasta terbengkalai RM8 juta;
- (iv) kajian dan pemilikan perumahan RM6.050 juta; dan
- (v) PPAM RM461 juta dan jumlah keseluruhannya adalah RM1.04 bilion.

■2210

Beralih pula pada isu harga rumah dan inisiatif kerajaan membantu rakyat memiliki rumah, di mana Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin membangkitkan isu berhubung peningkatan harga rumah dan Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid juga dan juga Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh telah membangkitkan mengenai program yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah.

Melalui kajian yang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara (KPKT), peningkatan harga rumah adalah disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya permintaan dan penawaran kos. Kos bahan mentah, upah kerja kos tanah dan lokasi perumahan. Bagi

menangani isu perumahan termasuklah peningkatan harga rumah, kerajaan telah mengadakan beberapa inisiatif seperti berikut:

- (i) penyediaan 1 juta rumah mampu milik dengan tempoh 10 tahun;
- (ii) memenuhi keperluan rakyat golongan B40 dan golongan setinggan melalui program perumahan rakyat dan dengan jualan dan kadar sewa yang minimum;
- (iii) menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak rumah melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta yang memberi bantuan kewangan kepada pembeli rumah pertama sebanyak RM30 ribu satu unit;
- (iv) menyediakan perumahan bagi penjawat awam dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran melalui Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
- (v) menyediakan perumahan mampu milik bagi golongan M40 dengan harga rumah yang lebih rendah daripada harga pasaran melalui Program Perumahan PR1MA, Program Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat di bawah SPNB; dan
- (vi) di bawah program untuk membantu golongan yang ingin membina rumah, sesebuah dia atas tanah sendiri melalui Program Rumah Mesra Rakyat SPNB.

Selain menyediakan rumah, kerajaan juga membantu rakyat dengan menyediakan insentif pembiayaan dalam membantu meningkatkan akses pemilikan rumah dalam kalangan rakyat melalui beberapa cara:

- (i) pengurangan kadar faedah pinjaman perumahan sehingga 3.5 peratus, melalui Skim Pembiayaan Perumahan Fleksi dan Skim Pembiayaan Dana RM1 bilion oleh Bank Negara Malaysia, Skim Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia;
- (ii) pengurangan kadar bayaran bulanan melalui pemanjangan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam di mana tempoh pembiayaan pertama daripada 30 tahun kepada 35 tahun dan tempoh pembiayaan kedua daripada 25 tahun kepada 30 tahun;
- (iii) kemudahan untuk mendapatkan pembiayaan perumahan menerusi jaminan Cagamas (SRP) Berhad, *FundMyHome+DepositKu* melalui *crowdfunding* dan Skim Jaminan Kredit Perumahan; dan

- (iv) pengurangan kos pembelian rumah melalui diskaun *plus* pengecualian duti setem, penawaran diskaun oleh pemaju perumahan dengan *zero deposit* yang disokong oleh Skim Jaminan Cagamas dan meningkatkan keupayaan pembeli dengan membeli jaminan kewangan kepada pembeli.

Kesimpulannya, inisiatif-inisiatif ini telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah berkualiti khususnya untuk golongan B40 dan M40.

Menyentuh pula tentang perumahan untuk belia. Kerajaan turut prihatin kepada isu perumahan untuk belia sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh. KPKT juga ada memberi beberapa inisiatif perumahan kepada golongan belia. Antaranya adalah Skim Program Rumah Transit ya.

Bertujuan untuk memberi kemudahan penyewaan perumahan secara sementara kepada pasangan muda atau belia yang baru berkahwin bagi mengurangkan beban golongan ini yang berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar.

Kedua, Perumahan Rumah Transit Belia untuk membantu golongan muda di kawasan bandar mendapat kemudahan kediaman di mana dijangkakan sebanyak 3,648 unit Rumah Transit Belia akan dibina di tiga kawasan iaitu di Mukim Kepong, Mukim Batu dan Mukim Kuang Daerah Gombak.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan juga Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin dan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying membangkitkan isu berkaitan bagaimana KPKT dapat memastikan pemaju perumahan membina rumah kos rendah ataupun rumah pada harga yang lebih mampu dibeli oleh warga Malaysia berdasarkan purata median gaji.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Dasar Perumahan Mampu Milik, kerajaan menetapkan penentuan harga rumah berdasarkan kaedah median *multiple* dengan menggunakan ketetapan gandaan median dan pendapatan isi rumah menengah median mengikut negeri dan *locality*. Penempatan ini menjadi panduan kepada pemaju PBT dan kerajaan negeri dalam penyediaan RMM.

Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengawal perkara pembangunan perumahan adalah seperti berikut:

- (i) kerjasama pihak berkuasa tempatan untuk memastikan harga rumah mampu milik diambil kira dalam kelulusan kebenaran merancang supaya setiap pembangunan perumahan memenuhi keperluan dan

harga yang mampu dimiliki oleh penduduk setempat seperti yang dikehendaki;

- (ii) kawalan perancangan pembangunan difokuskan di peringkat PBT supaya pembahagian zon pembangunan turut mengambil kira keperluan atau *demand* setempat;
- (iii) memastikan kelulusan mengikut harga rumah yang telah ditetapkan dalam kebenaran merancang oleh kerajaan negeri; dan
- (iv) KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan membangunkan *big data analytics* dengan kerjasama kerajaan negeri bagi mendapatkan analisis yang lebih tepat dan terperinci berkaitan pembangunan pemajuan perumahan.

Menyentuh isu unit rumah tidak terjual berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili mengenai bilangan rumah tidak terjual dan unit rumah siap yang tidak terjual diperolehi daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) di bawah Kementerian Kewangan.

Bagi suku kedua tahun 2019 terdapat 32,810 unit rumah siap dibina tidak terjual dengan nilai keseluruhannya RM19.76 bilion sebagai mana jadual yang saya akan sebut secara ringkasnya keseluruhannya adalah di bawah kategori bawah RM300 ribu 28 peratus. Di antara RM300 ribu hingga RM500 ribu 29.3 peratus, di antara harga RM500 hingga RM700 ribu 28.8 peratus dan antara RM700 sehingga RM1 juta, 22 peratus dan atas pada harga kos RM1 juta 27.6 peratus ya, yang keseluruhannya adalah 32.810.

Menjawab pula pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin turut bertanyakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi lebihan rumah. Justeru antara langkah lain kerajaan untuk mengatasi lebihan rumah mampu milik adalah dengan cadangan menjual rumah-rumah tidak terjual ini melalui pelaksanaan kempen seperti berikut:

Pertama, Kempen Pemilikan Rumah (HOC) oleh pihak REHDA yang menawarkan rumah berharga RM300 ribu sehingga RM2.5 juta di mana pemaju menawarkan sekurang-kurangnya diskaun 10 peratus ya minimum untuk hartanah yang layak dan dipadankan dengan pengecualian duti setem.

#### ■2220

Kedua adalah melalui kempen pemilikan rumah atau HOC 300 oleh KPKT untuk golongan B40 dan M40 dengan menawarkan rumah mampu milik di bawah harga RM300 ribu termasuklah program perumahan yang diselenggarakan oleh agensi kerajaan dan juga pemaju swasta.

Ketiga, adalah melalui kempen *Malaysia, My Second Home* di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang merupakan inisiatif kerajaan untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merencanakan ekonomi di negara Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan dan automobol.

Menyentuh lagi tentang penganjuran kempen pemilikan rumah HOC. Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga turut bertanya mengenai hasil penganjuran kempen pemilikan rumah HOC dan peratusan melibatkan pembeli rumah pertama.

Berdasarkan maklumat daripada pihak *Real Estate Housing Developers' Association Malaysia* (REHDA) sebanyak 27,823 unit rumah telah dijual bernilai RM17.66 bilion sepanjang tempoh HOC sehingga 11 November 2019. Sebenarnya tempoh asal HOC hanyalah untuk enam bulan tetapi disambung hingga akhir tahun 2019 ini. Bilangan pecahannya boleh lah didapati kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat berhasrat, saya akan boleh majukan senarai pecahannya.

Namun begitu, kementerian tidak mempunyai maklumat terperinci berhubung peratusan pemilikan rumah bagi pembeli rumah pertama melalui HOC kerana maklumat penjualan kempen HOC ini diselaraskan oleh pihak REHDA dan bukan melalui KPKT. Penjualan hartanah kepada warga asing pula, menjawab...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan saya berkaitan dengan ada rumah yang berharga RM250 ribu yang tidak terjual. Sebab RM250 ribu ini macam nilai ambang untuk mampu milik yang disebutkan tadi adalah yang bernilai lebih. Jadi, yang RM250 ribu ini macam mana hendak buat sebab dia sebenarnya dah kira minimum?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ya, saya rasa masalah yang rumah RM250 ribu ini adalah lebih dari segi kelayakan untuk *potential buyer* atau pembeli yang berhasrat untuk membeli untuk mendapat pinjaman. Oleh kerana itu, kita cuba membawa beberapa institusi kewangan untuk memberi kelonggaran syarat-syarat yang begitu ketat di mana kita minta sebagai *second income* dan sebagainya untuk memberi sedikit kelonggaran.

Saya rasa kebanyakan daripada masalahnya berkisar daripada masalah tersebut dan alasan yang diberi oleh institusi kewangan selalunya dikatakan Bank Negara tidak melepaskan syarat-syarat tertentu. Bagaimanapun kita masih berusaha untuk berbincang dengan beberapa lagi institusi kewangan untuk memberi ruang untuk lebih *flexibility*, *insya-Allah*.

Baiklah, Puan Asmak lagi. Popular ini selalu tanya dan juga Yang Berhormat Senator Puan Puan Hajah Sabani binti Mat turut membangkitkan berkenaan penjualan hartanah kepada warga asing dan kesannya kepada peningkatan harga hartanah. Untuk maklumat, penetapan harga penjualan hartanah kepada warga asing dikawal oleh kerajaan negeri masing-masing berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi yang dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi iaitu garis panduan perolehan harta yang merujuk kepada hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas.

Walau bagaimanapun Belanjawan 2020, penurunan harga RM1 juta kepada RM600 ribu kepada warga asing adalah terpakai hanya untuk kondominium dan pangsapuri sedia ada yang masih tidak terjual dan akan berkuat kuasa hanya pada 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 sahaja. Ini tidak merangkumi projek baharu yang belum dilancarkan iaitu tempoh hanya 12 bulan. Langkah-langkah yang dicadangkan ini adalah bagi membantu untuk mengurangkan lambakan kondominium serta pangsapuri sedia ada yang telah siap dan tidak terjual.

Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak hanya 398 orang atau 0.4 peratus sahaja berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang atau 99.6 peratus.

Secara keseluruhannya transaksi ini menunjukkan pasaran hartanah kediaman warga asing masih terkawal. Antara langkah-langkah sedia ada yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi kemungkinan para pembeli, *speculator* mengambil kesempatan yang mengakibatkan kenaikan harga hartanah, adalah dengan penetapan cukai keuntungan hartanah ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun keenam dan tahun seterusnya seperti berikut:

- (i) bagi syarikat individu bukan warganegara dan bukan bermastautin, tetap kadar CKHT dinaikkan daripada 5 peratus kepada 10 peratus iaitu sekali ganda; dan
- (ii) bagi individu warganegara dan penduduk tetap kadar CKHT dinaikkan daripada 10 peratus kepada 5 peratus. Walau bagaimanapun CKHT dikecualikan atas harga hartanah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah mampu milik di bawah RM200 ribu.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili, ada sini ya? Bertanya mengenai pemilik tanah yang mengadakan usaha sama dengan pemaju asing untuk membangunkan kawasan perumahan. Sebenarnya Yang Berhormat, usaha sama antara pemilik tanah dan pemaju asing bagi pembangunan perumahan adalah *corporate business decision* ya iaitu *quite independent*.



Namun begitu kerjasama ini tertakluk kepada undang-undang sedia ada yang berkaitan termasuklah berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM mendapat kebenaran merancang (KM) dan kelulusan pelan pembangunan oleh PBT. Selanjutnya, pemaju berkenaan juga perlu memohon APDL dengan KPKT bagi pembangunan perumahan di Semenanjung Malaysia.

Menyentuh tentang isu projek perumahan terbengkalai oleh Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee yang telah membangkitkan isu berkaitan projek perumahan. Datuk Teo berada di sini? Tidak ada ya. Saya akan menjawab secara bertulis ya.

Seterusnya Yang Berhormat, teruskan tentang soalan rumah mampu milik di Sarawak daripada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Ada di Dewan? Tidak ada ya. Saya akan majukan secara bertulis. Program perumahan penjawat awam juga daripada soalan beliau. Dari itu saya berpindah kepada isu tentang kebombaian pula ya. Isu kebombaian daripada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Tidak ada ya? Jadi itu satu sahaja soalan daripada bomba, daripada beliau.

Jadi, saya berpindah kepada isu kerajaan tempatan. Berkaitan isu kerajaan tempatan, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Ada di Dewan? Beliau membangkitkan mengenai isu ancaman anjing liar atau anjing peliharaan yang tidak dikawal oleh pemilik. Bagi mengawal selia pemilik-pemilik anjing peliharaan agar tidak melepaskan anjing mereka berkeliaran di taman-taman awam, pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh menggunakan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing PBT, di mana anjing yang didapati berkeliaran di kawasan awam tanpa pemunya atau tidak dikawal atau diawasi oleh pemunya adalah dianggap sebagai anjing terbiar dan boleh ditangkap oleh PBT dan urusan mengikut tatacara operasi piawai, SOP penangkapan dan pelupusan anjing terbiar yang dikeluarkan oleh KPKT, ada peruntukan tertentu.

#### ■2230

Di bawah seksyen 80 pula Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 1976 PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemunya anjing sekiranya membiarkan anjing membuang najis di tempat awam di bawah peruntukan penghapusan kacau ganggu. Di bawah perancangan dan pelaksanaan untuk menangani isu anjing terbiar, PBT pula menjalankan operasi penangkapan anjing terbiar secara rutin dan juga operasi khas di atas aduan orang ramai. PBT juga menjalankan operasi bersepadu penangkapan anjing terbiar bersama Jabatan Veterinar secara berkala di kawasan PBT.

Beralih kepada isu-isu di bawah *heading* pengurusan sisa pepejal. Dalam bidang pengurusan sisa pepejal negara pula, Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ada di Dewan ya Dr. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu

kesedaran di sekolah-sekolah tentang pencemaran plastik dan usaha untuk mengurangkan penggunaan botol plastik. KPKT sentiasa komited dalam melaksanakan program-program dan kempen pendidikan secara berterusan meliputi semua lapisan masyarakat yang bermula di peringkat sekolah, institusi, komuniti, agensi kerajaan dan swasta seterusnya pihak industri.

KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau SWCorp telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membangunkan modul latihan Kelab Kitar Semula sekolah rendah dan menengah pada tahun 2013 lagi dan kemas kini pada tahun 2018 dan menerbitkan modul pengajaran dan pembelajaran pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R merentas kurikulum pra sekolah pada tahun 2017. Menerusi pembangunan modul tersebut para pelajar diberikan pendedahan terhadap pengurusan sisa pepejal yang meliputi pelbagai aspek termasuk 3R iaitu “*reduce*”, “*reuse*”, dan “*recycle*”, dan bahaya serta impak sisa plastik kepada alam sekitar.

Menyentuh tentang usaha pula untuk mengurangkan penggunaan botol plastik. Dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna atau *single use plastic* yang mana kita amat susah hati untuk tidak benar ia diteruskan lagi. KPKT giat mengadakan pelbagai kempen dan program seperti pengasingan sisa pepejal di punca atau *separation at source* dalam kalangan masyarakat meliputi peringkat sekolah dan komuniti. KPKT juga telah melaksanakan Kempen Jangan Gunalah bagi menggalakkan masyarakat untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna atau *single use* seperti beg plastik, straw dan menggalakkan penggunaan bekas yang boleh diguna semula atau *repeated use*.

Menyentuh tentang kebersihan di Cameron Highlands yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang membangkitkan isu kebersihan kebun-kebun dan jalan-jalan di Cameron Highlands.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkhidmatan pembersihan awam di kawasan kebun-kebun adalah di bawah bidang kuasa PBT dan perkhidmatan pembersihan jalan utama iaitu Jalan Persekutuan atau *federal road* yang menghubungkan pekan-pekan di Cameron Highlands adalah di bawah bidang kuasa JKR. Manakala KPKT bertanggungjawab dalam melaksanakan operasi pembersihan di pekan kecil utama seperti pekan Tanah Rata, pekan Brinchang, pekan Ringlet dan lain-lain.

KPKT juga membantu dalam menggalakkan program tanggungjawab sosial bagi memastikan kebersihan di kawasan Cameron Highlands terpelihara. Dalam hubungan ini masyarakat setempat dan pengusaha kebun digalakkan untuk mengambil tanggungjawab bersama dalam memastikan sisa pepejal diurus dengan berkesan dan seterusnya

bersama-sama menjaga kebersihan. Menyentuh tentang isu geran tahunan kepada PBT yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang telah membangkitkan isu berkaitan geran tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk pengurusan sisa pepejal.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, geran tahunan merupakan salah satu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri untuk membantu pihak berkuasa tempatan bagi mengurus pentadbiran mereka termasuklah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di mana pemberian tersebut adalah berdasarkan Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan 1981) Akta 245.

Ia dibuat di bawah peruntukan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan dan geran tahunan ini digunakan untuk menampung perbelanjaan mengurus PBT termasuklah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Menyentuh tentang pencapaian Kempen Kitar Semula di seluruh negara dalam bidang pengurusan sisa pepejal, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh bertanya mengenai pencapaian Kempen Kitar Semula yang telah dijalankan oleh KPKT. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah melaksanakan Kempen 3R sekali lagi "*reduce*", "*reuse*" dan "*recycle*" yang melibatkan pelbagai peringkat seperti berikut.

- (i) kempen kesedaran dan promosi faedah 3R melalui iklan di pelbagai platform media seperti *billboard*, surat khabar, radio, televisyen dan media sosial;
- (ii) program pendidikan melalui modul latihan Kelab Kitar Semula sekolah rendah dan menengah, modul pengajaran dan pembelajaran pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R merentas kurikulum pra sekolah dan sesi ceramah dan pameran iaitu setakat ini 2,613 ceramah dan 970 pameran telah dijalankan;
- (iii) kami menjalankan juga program libat urus melalui pertandingan Kitar Semula sekolah-sekolah peringkat kebangsaan, pertandingan membina arca daripada barangan kitar semula iaitu *waste to art*, Program *Drive Thru* 3R, Program 3R bersama industri dan Program 3R di pejabat kerajaan; dan
- (iv) membudayakan masyarakat melalui inisiatif Komuniti Sifar Sisa atau (ZICOM) di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah *value food no waste* dan gotong-royong bersama komuniti tempatan dan seterusnya.

Penguatkuasaan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca sejak tahun 2016 lagi. Hasil daripada program-program di atas kadar kitar semula negara telah meningkat setiap tahun mulai tahun 2015 daripada 15.7 peratus hingga 28.06 peratus pada tahun 2019 iaitu boleh dikatakan hampir sekali ganda.

Baik, menyentuh tentang perkhidmatan perbandaran yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee berhubung kutipan bayaran penyelenggaraan strata dan cadangan supaya kerajaan menyalurkan peruntukan bagi tujuan membaik pulih. Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee hadir? Tak ada ya. Jadi saya jawab secara bertulis ya.

Saya rasa itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua dapat saya sampaikan dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua senator yang telah mengajukan soalan-soalan dan siapa yang tidak hadir *insya-Allah* kita akan hantarkan jawapan kepada mereka berkenaan *insya-Allah*. Terima kasih.

#### ■2240

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah beri panjang lebar dan padat dan kita faham semua ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kanannya.

Sekarang saya jemput pula Kementerian Pengangkutan. Dipersilakan sahabat lama saya.

#### 10.40 mlm.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bergembira kerana ada peluang walaupun agak lewat, sudah tentunya, untuk cuba menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Akan tetapi, sebagaimana dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum saya, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak hadir, mungkin terbaiknya saya edarkan kepada mereka secara bertulis dan saya juga bercadang untuk mengedarkan secara bertulis kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang saya jawab ataupun tidak jawab dalam jawapan saya ini.

Jadi, pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 di Dewan Negara yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Terima kasih sekali lagi kepada semua Yang Berhormat daripada kementerian.

Pertamanya ialah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid yang membangkitkan satu cadangan supaya pihak kerajaan menurunkan kadar cukai jalan dalam mengurangkan beban rakyat. Oleh kerana Yang Berhormat sudah tidak ada dalam Dewan ini, saya akan hantar secara bertulis kepada beliau seperti yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya berkenaan dengan menangani isu pemandu mabuk di bawah pengaruh dadah serta rombakan pegawai penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah yang ada di depan saya iaitu kaedah kerajaan menangani isu pemandu mabuk di bawah pengaruh dadah serta rombakan pegawai penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Bahagian pertama berkaitan dengan isu pemandu mabuk, saya dengar tadi telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Jadi, saya akan tidak sentuhnya secara langsung dan sebaliknya saya akan terus kepada isu mengenai pusingan kerja dalaman JPJ. Ini dilaksanakan adalah selaras dengan:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam; dan
- (ii) Surat Pekeliling Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat JPJ Bilangan 1 Tahun 2019 – Panduan Pertukaran dan Penempatan JPJ Malaysia.

Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran (JKPP) JPJ bersidang setiap dua bulan sekali untuk memproses dan melaksanakan pertukaran berdasarkan:

- (i) keperluan pekeling di atas;
- (ii) keperluan jabatan; dan
- (iii) berdasarkan kes dan laporan.

Anggaran kos yang terlibat bagi urusan tuntutan pertukaran pegawai pada tahun 2019 adalah dianggarkan RM1.5 juta iaitu RM1.02 juta untuk pengangkutan barangan dan RM500 ribu untuk tuntutan tunai. Bagi tahun 2019, jumlah pertukaran yang dilaksanakan adalah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori</b>	<b>Jumlah (orang)</b>
1.	Permohonan pertukaran	84
2.	Pertukaran pusingan kerja	108
3.	Pertukaran urusan pemangkuan	111

Pihak JPJ akan melaksanakan siri pertukaran pusingan kerja anggota JPJ secara berterusan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menyentuh isu yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah mengenai saingan

pemandu teksi dengan e-hailing dan penyediaan khidmat perkhidmatan lain. Yang Berhormat juga tidak ada dalam Dewan, jadi saya akan hantar secara bertulis.

Seterusnya saya akan menyentuh isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose- juga tidak ada dalam Dewan. Mengenai cadangan menaik taraf sistem tambang teksi bermeter. Akan kita edarkan.

Seterusnya berkaitan dengan isu gejala mat lajak dan mat rempit. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair. Tidak ada dalam Dewan. Kita akan edarkan secara bertulis kepada semua.

Seterusnya ialah berkenaan dengan cadangan beliau juga berkaitan dengan tambahan perkhidmatan kereta api laluan Seremban-Kuala Lumpur. Akan kita edarkan. Juga cadangan menggunakan semula laluan kereta api Seremban ke Port Dickson bagi tujuan pelancongan. Akan ada jawapan dan akan diedarkan.

Selanjutnya Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind... *[Disampuk]* Ada. Terima kasih Yang Berhormat Datuk yang membangkitkan isu mengenai isu tanah runtuh di landasan kereta api Halogilat ke Tenom, Sabah semasa musim hujan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengumuman peruntukan sebanyak RM50 juta bagi menaik taraf landasan kereta api antara Halogilat dan Tenom merupakan pengumuman peruntukan projek sedia ada dan sedang dilaksanakan. Projek ini telah bermula pada 18 September 2017 dan telah tamat mengikut kontrak pada 3 Jun 2019. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor telah memohon lanjutan tempoh kontrak yang kini sedang dalam pertimbangan pihak yang berkenaan. Kemajuan kerja di tapak sehingga akhir November 2019 adalah 89 peratus.

Skop utama bagi projek ini adalah penggantian rel sedia ada iaitu 60 lbs kepada BS80A, penggantian penggalas kayu sedia ada kepada penggalas konkrit dan menaik taraf paip pembetung sedia ada. Apabila projek ini siap, penduduk di sepanjang jajaran landasan itu akan menikmati sistem pengangkutan awam rel yang cekap, boleh dipercayai dan kekerapan tren yang konsisten.

Kementerian ini dan Jabatan Keretapi Negeri Sabah sedia maklum kejadian tanah runtuh yang berlaku di kawasan landasan ini yang menyebabkan kerosakan rel dan struktur landasan.

Sepanjang pelaksanaan projek menaik taraf landasan Halogilat ke Tenom, beberapa siri kejadian tanah runtuh telah berlaku dan pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah dan kontraktor telah memainkan peranan iaitu dengan mengambil tindakan pengalihan runtuhan dari tapak bina termasuk kerja-kerja pembaikan struktur rel. Ini adalah kerana pihak kontraktor, dalam masa yang sama, mempunyai kelengkapan jentera di tapak dan mereka juga perlu membawa masuk bahan binaan memandangkan tidak ada

alternatif atau laluan lain selain daripada menggunakan landasan kereta api di kawasan tersebut.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tiga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah. Yang pertama mengenai isu kerugian Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa proses transformasi KTMB untuk menjadi sebuah entiti yang lestari dan berdaya saing telah pun bermula sejak tahun 2014 dan kini berada di peringkat pertengahan iaitu termasuk berikut.

Pertama, membaik pulih landasan dan penyelenggaraan secara keseluruhan. Sebagai contoh, projek naik taraf landasan di Lembah Klang dan projek pemuliharaan landasan Pantai Timur.

Kedua, menambah baik mutu perkhidmatan *train shuttle* di Pantai Timur dengan penerimaan 13 set DMU atau *diesel multiple unit* pada tahun 2020 nanti.

Ketiga, menambah kekerapan perkhidmatan tren ETS dengan penerimaan sembilan set ETS baharu kereta elektrik secara berperingkat sehingga awal tahun 2020 yang mana ianya juga menawarkan perkhidmatan nilai tambah dengan menyediakan satu koc kelas perniagaan, *business class coach*, dengan izin, yang menyediakan keselesaan berganda mengikut kemampuan penumpang.

Keempat, KTMB juga di dalam proses menggantikan sistem tiket sedia ada kepada sistem yang lebih dinamik dan memenuhi permintaan teknologi digital masa kini.

Pada masa yang sama, inisiatif bagi pelan jangka pendek sebelum ini masih diteruskan. Ini termasuklah bagi perkhidmatan penumpang iaitu:

- (i) mempertingkatkan *connectivity* perkhidmatan rel dengan mod pengangkutan lain seperti bas, teksi dan perkhidmatan teksi secara *e-hailing*;
- (ii) strategi pemasaran yang efektif dan strategi harga yang kompetitif; dan
- (iii) menambah baik kemudahan penumpang di stesen dan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan pelanggan.

Bagi perkhidmatan kargo pula, strategi harga yang lebih berkesan sedang dilakukan, meningkatkan pegangan modal pasaran atau meningkatkan *market share* kita, dengan izin, dan ketiganya, meningkatkan kecekapan operasi tren kargo.

Pada peringkat seterusnya sehingga tahun 2030, KTMB akan terus membina suatu organisasi yang mampan dengan menyediakan perkhidmatan rel yang berkualiti tinggi dan disokong oleh infrastruktur dan stok kereta atau *rolling stock*, dengan izin, yang boleh dipercayai kepada pengguna dan pelanggan iaitulah seperti berikut ini.

**■2250**

Pertama, perkhidmatan kargo menjadi pilihan utama pengangkutan barang iaitu dengan menyediakan perkhidmatan kargo berkonsepkan *total logistic solution* dengan izin, kepada pelanggan. Kedua, menyediakan perkhidmatan nilai tambah kepada rakan niaga. Ketiga, menyasarkan keuntungan dari sudut perancangan KTMB.

Perkhidmatan penumpang bagi ETS, komuter dan antara bandar menjadi pilihan utama penumpang iaitu dengan menyediakan perkhidmatan nilai tambah kepada penumpang. Contohnya, dengan menyediakan *station lifestyle* dan menyasarkan keuntungan juga. Seterusnya, memperkenalkan perkhidmatan rel di laluan baharu serta menjadi peneraju perkhidmatan rel di peringkat nasional.

Seterusnya, mempertingkatkan bidang perkhidmatan rel ke negara-negara jiran khususnya di peringkat negara ASEAN dan lain-lain seperti sebagai operator konsultan dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan. Seterusnya, membangunkan *rail centre of excellence for railway* di Batu Gajah yang telah kita ada tempatnya untuk kursus-kursus dan latihan yang lain. Ia bukan sahaja bagi latihan dalam bidang perkeretaapian kepada pekerja KTMB, tetapi juga kepada pihak luar sebagai satu ciri perniagaan KTMB.

Adalah diharapkan dengan pelan yang dirancang seperti di atas, KTMB akan menjadi satu organisasi yang lestari, bebas dari segi kekangan kewangan dan memenuhi kehendak pelanggan dalam menyediakan perkhidmatan rel yang terbaik kepada rakyat serta memberi pulangan positif kepada kerajaan sebagai pemegang saham.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan berkaitan kos penyelenggaraan tren yang mahal serta mengambil tempoh yang lama, ia adalah disebabkan kebanyakan alat ganti dan komponen tren yang digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tren perlu diimport daripada pengeluar-pengeluar tren di luar negara yang mana bilangannya sangat terhad. Di samping itu, penggunaan tren yang telah berusia juga menyebabkan sebahagian alat ganti terpaksa dipesan khas kerana tiada lagi dalam pasaran.

Bagi memastikan tren-tren KTMB ini disenggarakan mengikut jadual, kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas ini telah meluluskan program *overhaul*, dengan izin, 40 unit lokomotif, *semi-overhaul*, dengan izin, 38 set tren komuter dan 10 set tren ETS serta baik pulih *coaches* penumpang sedia ada dengan kos keseluruhan sebanyak RM930 juta.

Dengan pelaksanaan projek ini, kegagalan tren semasa operasi dapat diminimumkan dan ketersediaan atau, dengan izin, *availability* tren untuk operasi juga turut dapat ditingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, struktur KTMB dikawal selia oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensinya dengan fungsi-fungsi masing-masing seperti berikut:



- (i) Kementerian Kewangan- pemegang saham 100 peratus dan kawal selia belanja mengurus;
- (ii) Kementerian Pengangkutan- mengawal selia polisi dan pembangunan industri tren;
- (iii) Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) di bawah Kementerian Pengangkutan- kawal selia pelesenan dan penguatkuasaan tren-tren; dan
- (iv) Perbadanan Aset Kereta api- RAC iaitu *Railway Assets Corporation*, pemilik dan kawal selia aset KTMB.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh juga ada bertanyakan mengenai usaha kerajaan untuk memperuntukkan bas-bas percuma dari kawasan bandar ke bandar di seluruh Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perkhidmatan bas percuma merupakan sebenarnya inisiatif kerajaan negeri. Pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan membantu dari segi pelesenan dan memberi khidmat nasihat mengenai perkhidmatan tersebut.

Akan tetapi pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan ada memberikan perkhidmatan dan membantu perkhidmatan yang dinamakan myBAS di bandar Kuala Terengganu yang menyediakan perkhidmatan di empat laluan daripada pusat bandar ke pusat aktiviti utama seperti Jeti Merang, Marang serta Bukit Payong.

Selain itu, terdapat juga menerusi program di bawah ISBSF Kementerian Pengangkutan, syarikat bas henti-henti sedia ada iaitu Syarikat Pengangkutan Bumi Pantai Timur Sdn Berhad, Cas Ligas Sdn Berhad, Syarikat Kenderaan Noor & Hisham Sdn Berhad, dan Kenderaan Bas MARA yang menyediakan perkhidmatan ke bandar-bandar lain seperti Dungun, Kemaman, Jerneh, Kuala Berang dan Kuala Besut.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh adalah mengenai pembangunan industri pengangkutan air dan teksi air di Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa ini belum ada kajian menyeluruh yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bertujuan untuk mengkaji secara terperinci terhadap keberkesanan sosioekonomi dalam usaha meningkatkan jaringan pengangkutan dan kawasan berdaya huni di Terengganu melalui pembangunan industri pengangkutan teksi air. Jadi, belum dilakukan kajian yang menyeluruh.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Tidak ada dalam Dewan ini, kita

akan beri secara bertulis. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, beliau telah memohon maaf kepada saya tadi ialah berkaitan dengan Lapangan Terbang Miri, berkaitan dengan isu tambang mahal penerbangan di antara Miri-Kuala Lumpur dan yang berkaitan dengan harga-harga tambang penerbangan dari Sarawak ke Kuala Lumpur dan sebagainya akan kita berikan secara bertulis.

Seterusnya saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang ada di hadapan saya, yang berkaitan dengan jumlah *closed-circuit television* (CCTV) di semua lapangan terbang antarabangsa.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kesemua lapangan terbang antarabangsa dan domestik di bawah kendalian MAHB dilengkapi sistem *closed-circuit television* (CCTV). Kelengkapan ini bertujuan untuk pemantauan keselamatan penumpang dan warga pekerja di lapangan terbang tersebut. Jumlah CCTV di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu serta lapangan terbang antarabangsa lain di bawah kendalian MAHB adalah seperti berikut.

Lapangan Terbang	Jumlah CCTV (buah)
Kota Kinabalu	238
Kuching	114
Pulau Pinang	258
Langkawi	124
KLIA	2,164
KLIA2	1,236

Kesemua CCTV tersebut berfungsi dan diselenggarakan dengan baik mengikut jadual yang telah ditetapkan. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, tempoh masa simpanan atau, dengan izin, *retention period* rakaman adalah mengikut piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan dan tidak dapat didedahkan atas sebab-sebab keselamatan negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung. Tidak ada dalam Dewan ini, berkaitan dengan anggaran penumpang lapangan terbang di Sabah akan kita beri secara bertulis. Juga soalan Yang Berhormat berkaitan penggunaan *aerobridge* oleh *AirAsia* juga ada jawapan bertulis.

Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, itulah semua jawapan yang dapat kita beri kepada yang hadir dalam Dewan ini. Kepada semua yang bertanya yang ada dicatat dalam salinan teks ini akan kita edarkan secara bertulis. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah memberi penjelasan yang panjang lebar dan tepat dan paling memuaskan. Terima kasih

banyak dan juga pegawai-pegawai kanan dia ya. Sekarang saya pergi pula kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia.

#### **10.59 mlm.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM1,951,426,400 pada tahun 2020 kepada KKMM dengan pengagihan sebanyak RM813,500,000 bagi perbelanjaan pembangunan dan RM1,137,926,400 bagi perbelanjaan mengurus.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan dan saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

#### **■2300**

Seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Penggulangan jawapan saya akan menyentuh kepada tiga perkara yang utama iaitu:

- (i) penambahan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan *internet* di kawasan luar bandar;
- (ii) teknologi komunikasi; dan
- (iii) kandungan penyiaran.

Izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad mengenai perkhidmatan telekomunikasi dan jalur lebar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai berkenaan capaian jalur lebar di kawasan luar bandar. Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) akan melibatkan pelaksanaan pelbagai projek-projek infrastruktur yang akan dibangunkan di seluruh negara seperti pembinaan menara-menara, penyediaan rangkaian-rangkaian gantian optik dan pelaksanaan pusat pendaratan kabel dasar laut.

Kerajaan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meringankan kadar penembusan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Antaranya adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Pelan

Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) telah dirangka antara lain bagi menyokong teras yang pertama iaitu, 'Memacu Pertumbuhan Ekonomi Baharu Dalam Era Digital'.

Matlamat NFCP adalah untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan negara. Dengan adanya capaian kesalinghubungan digital yang lebih baik, rakyat Malaysia kini boleh terlibat dalam ekonomi digital dan menikmati manfaat daripada Wawasan Kemakmuran Bersama Tahun 2030.

Dalam perkara ini, satu pasukan petugas khas NFCP yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah diwujudkan agar perancangan sewajarnya dapat dilaksanakan bagi mencapai sasaran NFCP yang telah dikenal pasti. Petugas-petugas khas ini dianggotai oleh pelbagai wakil kementerian seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, MAMPU, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Fokus utama pasukan petugas khas NFCP pada masa ini adalah untuk melihat bagaimana untuk mencapai sasaran bagi menyediakan rangkaian gentian optik meliputi sejumlah 70 peratus sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos. Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mengadakan beberapa siri libat urus dengan pasukan kerajaan negeri sepanjang tahun 2019.

Bagi mengenal pasti dan menambah baik prosedur serta proses yang berkaitan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan infrastruktur komunikasi. Malah, sebahagian besar negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Infrastruktur Digital Negeri untuk menyelaraskan pelaksanaan NFCP termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) merupakan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur Digital di negeri Sarawak. Inisiatif ini merupakan satu bentuk kerjasama yang diwujudkan bagi memudah cara polisi dan proses permohonan serta melicinkan pelaksanaan pembangunan infrastruktur digital di negeri berkenaan.

Pihak KKMM amat mengalu-alukan kerjasama yang berterusan ini dari semua pemegang taruh termasuklah kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Demi untuk memastikan kejayaan pelaksanaan NFCP, KKMM dan SKMM akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan sasaran NFCP dapat dicapai.

Seterusnya bagi menjawab mengenai perkhidmatan telekomunikasi termasuklah 5G yang dibawakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Pihak kerajaan sentiasa memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi pindaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberikan perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Sehingga kini, sebanyak 2.8 juta sambungan talian tetap menggunakan rangkaian gentian optik telah tersedia di seluruh negara. Manakala melalui inisiatif jalur lebar pinggir bandar yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar, lebih dari sejumlah 625 ribu sambungan telah disediakan di seluruh negara. Manakala bagi liputan jalur lebar 3G di Malaysia adalah sebanyak 95.5 peratus bagi kawasan berpenduduk manakala liputan 4G adalah sebanyak 82.2 peratus bagi kawasan yang berpenduduk.

Pada bulan Jun 2019, pihak SKMM ada membuat beberapa sesi perbincangan dengan tujuan memberikan kesedaran tentang 5G dan Panggilan Kerjasama Projek Demonstrasi 5G Malaysia yang juga dikenali sebagai CFC untuk menggalakkan penglibatan pelbagai kementerian dan kerajaan bagi mengenal pasti kes-kes kegunaan-*used case*, yang berpotensi bagi menerapkan teknologi 5G ini. Berikut adalah senarai kementerian yang telah bertemu dengan SKMM:

- (i) Kementerian Kesihatan;
- (ii) Kementerian Pengangkutan;
- (iii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (iv) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;
- (v) Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani; dan
- (vi) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Untuk Panggilan Kerjasama Projek Demonstrasi 5G Malaysia (CFC) ini, sebanyak Jumlah sebanyak 28 kes-kes kegunaan yang diterima dari lima kementerian tersebut, iaitu:

- (i) Kementerian Kesihatan;
- (ii) Kementerian Pengangkutan;
- (iii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (iv) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli; dan
- (v) Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani.

Kegunaan kes-kes ini kemudiannya dikemukakan kepada industri di Bengkel Pemantapan Rangka Kerja 5G bersama kementerian dan pihak berkepentingan yang dianjurkan oleh pasukan petugas sinergi pada 27 Jun 2019.

Projek-projek infrastruktur ini dilaksanakan melalui pembiayaan swasta secara komersial dan sebahagian lagi akan dibiayai melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) atau dikenali sebagai *Universal Service Provision (USP fund)* yang di kumpul dan dikawal selia oleh SKMM. Penggunaannya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejangat) 2002 yang dikenal sebagai Peraturan-peraturan PPS. SKMM juga mempertimbangkan beberapa aspek yang memastikan penyediaan teknologi 5G secara komersial dapat dilaksanakan dengan lancar. Ini termasuklah keperluan untuk bayaran sekiranya ada, bagi spektrum yang dikenal pasti.

Walau bagaimanapun, isu keuntungan bukan merupakan faktor dalam sebarang pertimbangan berkaitan dengan peruntukan spektrum. Pihak kerajaan juga mengambil maklum berkenaan masalah ketiadaan liputan jalur lebar di kawasan Pusat Kecemerlangan Orang Asli Simpang Pulai dan perkampungan Orang Asli serta sekolah yang berhampiran dan akan membuat kajian yang menyeluruh untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar di lokasi-lokasi yang dinyatakan. Melalui Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), pihak kerajaan akan memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur jalur lebar di seluruh negara termasuklah di kawasan perkampungan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung peruntukan sebanyak RM25 juta dalam ucapan Belanjawan 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, ia adalah untuk menyediakan dana geran padanan secara bidaan untuk menggalakkan lebih banyak projek rintis aplikasi digital bagi dron penghantar, kenderaan pandu sendiri, teknologi *blockchain*, serta produk dan perkhidmatan lain yang memanfaatkan pelaburan dan infrastruktur gantian optik dan 5G. Buat masa ini, Kementerian Kewangan, KKMM dan *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* sedang mengenal pasti mekanisme dan rangka kerja yang sesuai bagi pelaksanaan geran ini.

Oleh yang demikian, penyediaan komunikasi yang mana akan dapat memanfaatkan dan melaksanakan projek masih belum ditentukan.

#### ■2310

MDEC juga akan mengadakan sesi perbincangan bersama pakar industri teknologi yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberi maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh

berhubung dengan teknologi komunikasi. Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) adalah hasil laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui LPPKN di mana salah satu domainnya adalah keluarga dan teknologi komunikasi. Salah satu indikator bagi domain tersebut adalah kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha yang diambil oleh pihak SKMM berkenaan kawalan penggunaan teknologi komunikasi adalah melalui inisiatif aplikasi saringan sendiri kandungan oleh ibu bapa yang dikenali sebagai *parental control tools*, dengan izin. Inisiatif yang digerakkan dengan kerjasama pihak Penyedia Perkhidmatan Internet, ISP bertujuan untuk mengupayakan penggunaan *Internet* khususnya golongan ibu bapa dengan memudahkan untuk memantau, mengawal, menyaring kandungan yang diakses oleh keluarga serta anak-anak.

Terdapat pelbagai perisian yang disediakan secara percuma atau berbayar. Pihak SKMM menggalakkan penggunaan perisian seperti ini kerana ini adalah satu mekanisme penapisan yang boleh memberikan manfaat oleh ibu bapa, penjaga dan individu untuk memastikan penggunaan *Internet* adalah secara lebih positif dan selamat oleh anak-anak.

Langkah di dalam mengawal selia akses terhadap suatu kandungan di *Internet* bukanlah menjadi tanggungjawab di pihak kerajaan semata-mata. Semua pihak termasuk ibu bapa perlulah memainkan peranan masing-masing berhubung perkara ini. Sebagai langkah lanjutan, pihak SKMM turut mengambil langkah dengan menggerakkan inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara bagi tujuan mendidik dan menggalakkan masyarakat agar mengamalkan kawalan sendiri menggunakan *Internet* secara positif serta memupuk budaya penggunaan media baru secara bijaksana.

Manakala CyberSecurity Malaysia atau CSM sudah merangka Inisiatif Etika Siber Kebangsaan ataupun *National Cyber Etiquette Initiative*, dengan izin, NCEI yang mewujudkan struktur dan pelan untuk komuniti siber yang mapan dan harmoni, memupuk prinsip-prinsip negara serta memangkinkan perubahan tingkah laku di kalangan netizen seiring dengan langkah pihak kerajaan dalam menangani pelbagai isu keselamatan siber bagi memastikan ekosistem siber dan kedaulatan negara sentiasa terjamin dan sejahtera.

Ini merupakan inisiatif id bawah Program *Outreach a Cyber Security* Malaysia iaitu Program CyberSAFE, *Cyber Security Awareness For Everyone*, dengan izin, untuk memupuk dan memberi kesedaran keselamatan siber serta amalan terbaik mengenai penggunaan ICT termasuk *Internet* secara selamat dan positif. Inisiatif untuk memperkasakan institusi keluarga melalui program berbentuk seminar yang menyasarkan ibu bapa dan anak-anak juga telah diadakan dengan memperkenalkan konsep keibubapaan siber. Ia menyentuh ciri-ciri kawal sendiri juga ada di dalam diri anak-anak

terutama bagi memilih kenalan melalui platform, *Facebook*, *Wechat*, *Instagram* dan sebagainya.

Bagi tahun 2020, beberapa program akan dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik antaranya Hari Keselamatan *Internet*, *Safer Internet Day* dengan izin, Program Keibubapaan Siber, Program *Enrich Childhood and National ICT Security Discourse*, dengan izin, yang mana kesemua program ini akan melibatkan ibu bapa, penjaga serta anak-anak termasuk murid-murid yang akan memberi fokus kepada kaedah kawalan sendiri bagi melindungi diri dari ancaman siber masa kini.

KKMM melalui CyberSecurity Malaysia ingin mengesyorkan agar buku panduan '*CyberSAFE a Parenting – Ke Arah Kesejahteraan Siber*' yang telah diterbitkan oleh CyberSecurity Malaysia bersama rakan-rakan strategik diguna pakai sebagai salah satu rujukan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong berhubung pembangunan kandungan penyiaran. Masih adakah?... Tidak ada. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyediakan jawapan bertulis untuk Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Dengan itu Kementerian Komunikasi dan Multimedia menutup penggulungan serta saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Kementerian juga mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan yang bersesuaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi melakukan penambahbaikan perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee Shith, Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia yang telah dapat menjawab dengan panjang lebar, padat, kemas dan teratur. Jadi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kanannya yang kemas dan kita semua faham.

Sekarang akhir sekali saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, dipersilakan menjawab.

**11.17 mlm.**

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Salam sejahtera dan salam hormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah



mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2020 yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya semasa minggu perbahasan yang lepas.

Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan itu. Saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat Senator tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula dengan menjawab isu oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Ada di dalam Dewan? Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang jalan yang menghubungkan Sarawak dan Sabah atau Sarawak-Sabah *Link Road* (SSLR) yang dianggarkan bernilai RM5.2 bilion dan akan siap menjelang tahun 2030.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, siling peruntukan RMK-11 yang telah diluluskan adalah sebanyak RM1.2 bilion bagi pakej satu yang menghubungkan Lawas ke Kampung Pa' Berunut. Daripada siling peruntukan RM1.2 bilion tersebut, sebanyak RM5 juta telah diluluskan untuk tahun 2019-2020 bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, peruntukan untuk kerja pembinaan bagi pakej satu yang dijangka akan dimulakan pada Ogos 2020 hanya akan disahkan setelah makmal pengurusan nilai atau VAS selesai dilaksanakan pada Januari 2020.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing turut membangkitkan tentang penjimatan berjumlah RM1.2 bilion selepas cara-cara mengendalikan pembinaan Jalan Pan Borneo dikaji semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjimatan RM1.2 bilion tersebut adalah berpunca daripada tiada pembayaran bagi yuran PDP apabila Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Sarawak mengambil alih pelaksanaan Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sepenuhnya.

Perubahan model pelaksanaan tersebut tidak akan menjejaskan skop aspek keselamatan dan kelangsungan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosioekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, ada? Terima kasih. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang usaha untuk mengurangkan harga tol ataupun kos tol.

**■2320**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja raya pada waktu ini masih lagi di peringkat penelitian dan semakan. Terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dengan lebih terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat. Ini termasuklah pengambil analihan lebuhraya bertol serta mekanisme pengurangan kadar tol yang mana lebih wajar dilaksanakan oleh kerajaan.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip. Ada? Ada, okey. Mengenai Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) selepas Ayer Keroh, Melaka hingga ke Johor Bahru yang sepatutnya sudah dinaikkan kepada tiga *lane*, *dual carriageway*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedar akan masalah kesesakan Lebuhraya Utara-Selatan dari Melaka ke Johor Bharu. Walau bagaimanapun, kesesakan tersebut hanya berlaku pada waktu-waktu tertentu secara khusus pada cuti hujung minggu yang panjang, musim cuti persekolahan dan pada musim perayaan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebarang kerja-kerja pelebaran dan penambahan lorong lebuhraya adalah dilaksanakan mengikut kepada keutamaan bagi lokasi-lokasi yang mengalami kesesakan teruk setiap hari.

Setakat ini pihak kerajaan telah melaksanakan kerja-kerja pelebaran lorong ketiga di seksyen Seremban-Ayer Keroh dan Rawang ke Tanjung Malim dan yang terkini pembinaan lorong keempat Lebuhraya Utara-Selatan di seksyen Shah Alam, Rawang, Jalan Duta dan Nilai Utara, Sungai Buloh yang sedang dilaksanakan selaras dengan penstrukturan semula syarikat konsesi PLUS. Berhubung cadangan pelebaran lebuhraya dari Melaka ke Johor Bahru dari dua lorong ke tiga lorong, pihak kerajaan pada ketika ini tiada perancangan untuk melaksanakannya dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip juga meminta agar ada pihak yang memantau kehadiran anjing-anjing liar di hentian-hentian di lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian mengambil makluman dan memandang serius berhubung perkara ini. Kawasan rehat dan rawat serta hentian sebelah di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) adalah kawasan berpagar dan sentiasa dikawal dan dipantau oleh syarikat konsesi. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat konsesi khususnya akan sentiasa memantau dan memastikan tiada sebarang pencerobohan binatang liar di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Ada? Ada. Terima kasih. Beliau membangkitkan tentang Jalanraya Persekutuan yang menghubungkan dua buah negeri Kelantan dan Terengganu bermula daripada bulatan

Batu 6, Kuala Nerus sehinggalah ke Kota Bharu masih lagi sekelas dan setaraf dengan zaman awal kemerdekaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jalan Persekutuan yang dimaksudkan adalah jalan Kuala Terengganu, Kota Bharu, Rantau Panjang FT003 yang melibatkan jajaran jalan sepanjang 206.05 kilometer. Kementerian ini tidak pernah mengabaikan penyelenggaraan jalan di laluan tersebut. Setiap tahun kementerian akan memperuntukkan sebanyak RM4.23 juta bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin untuk memastikan keadaan jalan ini sentiasa selamat digunakan oleh pengguna jalan raya.

Kerja-kerja penyelenggaraan rutin meliputi kerja-kerja seperti penampalan lubang jalan, penyelenggaraan bahu jalan, memotong rumput, penyelenggaraan perabot jalan, mencuci sistem perparitan jalan, mencuci saluran pembetung, membersihkan kawasan jambatan dan rondaan rutin. Kerja-kerja penyelenggaraan rutin ini dilaksanakan mengikut pusingan kerja yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi.

Jalan Persekutuan yang menghubungkan dua buah negeri Kelantan dan Terengganu bermula daripada bulatan Batu 6, Kuala Nerus ke Kota Bharu adalah merupakan jalan Persekutuan FT03. Kerajaan telah pun meluluskan dua buah projek yang melibatkan jajaran FT003 iaitu satu, projek menaik taraf laluan FT003 dari persimpangan Melor Ketereh ke Kampung Jerus, kilometer 19.75 kilometer ke 24.5 kilometer Kelantan yang kini sedang dalam peringkat reka bentuk.

Kedua, projek naik taraf atau menggantikan jambatan sedia ada di FT003/448/60 Dungun, Terengganu, Sungai Gemuruh dan projek ini di dalam peringkat pembinaan di mana tarikh milik tapak pada 10 Oktober 2017 dan tarikh siap semasa pada 14 Oktober 2021 dan kemajuan fizikal ditapak sebanyak 35 peratus jadual berbanding 30 peratus sebenar. Selain itu juga kementerian ini sedang menyelaras...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri, saya- boleh saya celah sikit?

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey. Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan menggantikan jambatan sedia ada di FT003/448/60 Dungun, Terengganu, ada Ahli Yang Berhormat sebut tadi.

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Projek ini dikategorikan sebagai projek sakit di negeri Terengganu dan telah kita bermesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi dah masuk empat kali dan jawapan dia sama seperti mana jawapan Yang Berhormat Menteri bagi.

Jadi, saya hendak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah semata-mata untuk meminta kementerian melihat secara lebih dekat laporan yang diberikan oleh pihak

yang terbabit di Dungun. Sepatutnya, tarikh siap semasa, dia tulis dekat sini 16 Julai 2019. So, sekarang dah nak masuk tahun 2020, masih lagi jawapan seperti mana Yang Berhormat Menteri jawab dengan saya, sama dengan jawapan yang diberikan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Terengganu sebanyak empat kali.

Ini saya hendak minta Yang Berhormat Menteri tengok betul-betul apa masalah sebenarnya. Kalau betul masalah kontraktor, kita minta kementerian ambil tindakan kepada kontraktor. Akan tetapi saya tidak soal nama kontraktor dekat sini. Cuma kita persoalkan tarikh asal siap 9 Oktober 2019, tarikh semasa 16 Julai 2019. Sekarang dah hendak masuk tahun 2020. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini adalah informasi yang baru. Saya akan meneliti dan saya akan membuat semakan dan akan kembali dengan Yang Berhormat Senator, ya. Terima kasih. Selain itu juga, kementerian ini sedang menyelaraskan dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi cadangan untuk menaik taraf jalan FT003 dari wakaf Lecong ke Kampung Jerus, Melor. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan bagi cadangan kerja ini adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim ada ya. Okey, terima kasih. Beliau juga memohon agar jalan Pontian-Johor Bharu turut dilebarkan untuk dijadikan tiga *lane dual carriageway*.

Tuan Yang di-Pertua, jalan yang dimaksudkan adalah merupakan jalan Persekutuan FT05 dan FT017. Pihak kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM155 juta bagi pelaksanaan projek cadangan menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang FT17 daripada empat lorong kepada enam lorong, Johor Fasa 2B dari persimpangan Bandar Sri Alam/Taman Rinting ke Pasir Gudang. Makmal pengurusan nilai peringkat kajian nilai- *value assessment*, dengan izin, dijangka akan dilaksanakan pada bulan November 2020.

Manakala bagi FT05 pula, kementerian ini telah pun mengangkat permohonan pelan seperti berikut di dalam *Rolling Plan* Satu atau RP1 Rancangan Malaysia Kesebelas untuk kelulusan Agensi Pusat:

- (i) menaik taraf laluan Persekutuan FT005 dari Skudai ke simpang Jalan Ulu Choh-Gelang Patah Fasa 1, membina *cloverleaf* ke jalan masuk ke UiTM dan melebarkan jalan dari UiTM ke Pulau Perdana; dan
- (ii) menaik taraf laluan Persekutuan FT05 dari Skudai dari Simpang Jalan Ulu Choh Gelang Patah Fasa 2 dan menaik taraf jalan dari empat lorong ke enam lorong dari Pulau Perdana ke Ulu Choh-Gelang Patah.

Walau bagaimanapun berdasarkan kepada keutamaan projek dan keupayaan peruntukan, projek-projek tersebut tidak diluluskan oleh agensi pusat dalam tempoh yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim turut mencadangkan pembinaan *flyover* di persimpangan Taman Pulai Perdana juga di Taman Teratai dan juga di Persimpangan Taman Sri Pulai dan Taman Pulai perdana.

#### ■2330

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian ini tiada sebarang perancangan untuk membina jejambat atau *flyover* di persimpangan Taman Pulai Perdana dan Taman Teratai serta persimpangan Taman Seri Pulai dan Taman Pulai Perdana tersebut pada masa kini. Bagi tindakan jangka pendek, pihak jabatan kerja raya akan mengenal pasti tindakan lawatan setempat atau *localize remedial measure*, dengan izin, mengikut keperluan serta peruntukan semasa di sepanjang laluan tersebut.

Manakala bagi tindakan jangka panjang pula, kementerian ini akan menyelaraskan semula dengan pihak bahagian perancangan ekonomi negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor supaya projek yang dipohon sebagai projek baharu di dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sekiranya pembinaan jejambat ini memenuhi keperluan teknikal untuk dibina. Kementerian ini akan mengkaji permohonan ini sebelum ia diangkat kepada Kementerian Hal Ekonomi dan juga Kementerian Kewangan untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip membangkitkan tentang keadaan jalan Desaru ke Mersing. Kementerian ini sentiasa prihatin dan mengambil maklum berkenaan jalan-jalan dimaksudkan bermula dari Mersing ke Desaru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Jalan Persekutuan yang terlibat bagi laluan dari Desaru sehingga ke Mersing ialah:

- (i) Jalan Kota Tinggi, Mersing FT03, seksyen 22.9 ke 83.6 melibatkan jajaran sepanjang 60.7 kilometer; dan
- (ii) Desaru-Pengerang FT090 seksyen 00 sampai 42.08 melibatkan jajaran sepanjang 42.08 kilometer.

Kementerian tidak pernah mengabaikan penyelenggaraan jalan di laluan tersebut. Setiap tahun kementerian akan memperuntukkan sebanyak RM2.11 juta bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin untuk memastikan keadaan jalan ini sentiasa selamat digunakan oleh pengguna jalan raya.

Kementerian Kerja Raya mengambil maklum terhadap isu berkaitan penyelenggaraan jalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan akan menyediakan program di bawah penyelenggaraan berkala khususnya penyelenggaraan

berkala *pavement* untuk menambah baik keadaan jalan Persekutuan dari Desaru, Kota Tinggi, Mersing yang melibatkan laluan FT003 dan FT090 dari semasa ke semasa yang sewajarnya.

Pendirian kementerian ini jelas iaitu sentiasa berusaha untuk memastikan keadaan jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat, baik dan selesa kepada pengguna jalan Persekutuan termasuklah menyediakan situasi pemanduan yang baik pada waktu malam.

Bagi maksud tersebut pihak kerajaan telah meluluskan kajian dan projek yang melibatkan jalan-jalan tersebut seperti berikut:

- (i) kajian keperluan projek menaik taraf jalan FT092 dari Kota Tinggi ke Bandar Penawar Kota Tinggi; dan
- (ii) pembinaan *directional ramp* di persimpangan Senai-Desaru *Expressway* Bandar Penawar yang kini sedang berada di peringkat reka bentuk.

Di samping itu juga, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian ini telah pun mengangkat beberapa permohonan melibatkan laluan tersebut seperti berikut.

Pertama, menaik taraf jalan dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala di laluan FT092 Kota Tinggi-Sungai Ringgit seksyen 25 hingga seksyen 68 daerah Kota Tinggi. Permohonan semasa *Rolling Plan* Pertama hingga *Rolling Plan* Ketiga.

Kedua, menaik taraf jalan dan memperelok jajaran Batu Pahat-Mersing di laluan FT003 daerah Mersing Johor. Permohonan semasa *Rolling Plan* Pertama.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keutamaan projek dan keupayaan peruntukan. Projek-projek ini tidak diluluskan oleh agensi pusat dalam tempoh yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip turut membangkitkan tentang pelebaran jalan antara Segamat-Tangkak, Segamat ke Gambang. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, projek naik taraf jalan Segamat-Tangkak terbahagi kepada tujuh pakej iaitu Pakej 1A, 1B, 2, 3, 4, 5 dan 6. Dua pakej telah pun siap iaitu Pakej 1B. Pakej 2- manakala Pakej 3 di jadual siap pada 31 Disember 2019. Pakej 5 pula dijangka tender pada bulan Mei 2021. Maka pelaksanaan Pakej 1A, 4 dan 6 adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek menaik taraf jalan Persekutuan dari Gambang, Pahang ke Segamat Johor telah dimulakan dengan fasa 1 iaitu dari simpang Gambang ke ladang IOI sepanjang 47 kilometer. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 25 Ogos 2015. Projek ini mengalami kelewatan pelaksanaan

berikutan beberapa isu teknikal, pengurusan kontraktor dan masalah pengalihan utiliti. Berdasarkan pelaksanaan semasa projek dijangka siap pada Oktober 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek yang tidak diluluskan oleh agensi pusat yang telah saya sebutkan tadi. Kementerian ini akan menyelaras semula dengan pihak bahagian perancangan ekonomi negeri dan Jabatan Kerja Raya negeri masing-masing supaya projek-projek ini dipohon sebagai projek baharu di dalam Rancangan Malaysia Keduabelas. Sekiranya jalan tersebut memenuhi keperluan teknikal untuk di naik taraf kelak. Kementerian ini akan mengkaji permohonan ini sebelum ia diangkat kepada Kementerian Hal Ekonomi dan juga Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan.

Saya beralih pula kepada isu melibatkan jalan Persekutuan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris telah membangkitkan- ada ya? Tentang penggantian jambatan sedia ada di FT003/448/60 Dungun Terengganu.

Untuk makluman, projek yang dimaksudkan adalah projek menggantikan jambatan sedia ada di FT003/448/60 Dungun, Terengganu-Sungai Gemuruh. Projek ini telah mula dilaksanakan dengan pembinaan di tapak pada 10 Oktober 2017 dan dijangka siap pembinaannya pada 14 Oktober 2021. Pihak kontraktor telah diberi lanjutan masa EOT disebabkan isu dan masalah pengambilan balik tanah yang memakan masa yang panjang untuk diselesaikan. Kerja-kerja pengalihan paip yang telah melebihi masa yang ditetapkan dan juga keperluan meminda reka bentuk asal mengikut kesesuaian tapak. Pada masa kini, kerja-kerja pembinaan telah dilaksanakan sebanyak 30 peratus sebenar berbanding 30 peratus mengikut jadual.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing telah membangkitkan tentang isu Jambatan Rambungan, Jambatan Batang Lupar dan dua lagi jambatan yang lain di Sarawak. Jambatan-jambatan yang dimaksudkan tersebut ialah Jambatan Igan, Rambungan dan Batang Lupar merupakan jambatan yang terletak di sepanjang jalan-jalan persiaran pantai Sarawak.

Jalan-jalan tersebut adalah merupakan jalan negeri. Memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk melaksanakan projek-projek tersebut maka pihak Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bolehlah digunakan untuk membina jalan-jalan baru bagi menghubungkan kawasan pedalaman Sarawak ke bandar-bandar utama di negeri Sarawak.

Sehubungan itu, projek jalan *Sarawak-Sabah Link Road* akan dibina bagi menghubungkan kawasan-kawasan pedalaman di utara negeri Sarawak seperti Kampung Pa' Berunut dan sebagainya dengan Lebuh raya Pan Borneo di Lawas. Ini akan merancakkan kegiatan ekonomi di kawasan pedalaman di samping memberikan

keselamatan dan keselesaan kepada penduduk di situ untuk menjalankan aktiviti harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu ada? Saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sekian sahaja ucapan penggulungan saya mengenai perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Baru Bian Menteri Kerja Raya dan kepada pegawai-pegawai kementerian. Yang Berhormat...

**Puan Raj Murni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit untuk Dewan Negara pada hari ini kita ada tiga rekod baharu. Ada tiga rekod baharu untuk Dewan Negara kalau saya boleh kongsi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Raj Murni binti Sabu:** Pertama kita bersidang sehingga waktu ini. Kedua, kali pertama Yang Berhormat Menteri datang untuk menjawab. Ketiga, Kaukus Dewan Negara ditubuhkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik terima kasih. Jadi pertama sekali kita ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Baru Bian Menteri Kerja Raya datang sendiri Menteri itu bawa dia punya tentera-tenteranya. Terima kasih banyak. Bagi tepukan sedikit kepada dia... [*Tepuk*] Telah memberi kepada kita begitu jelas dan padat perbahasannya pada malam ini.

Sekarang sudah pukul 11.40, tengok saya rasa muda lagi rasanya. Rasa bersemangat. Inilah saya kata dan juga hari ini juga, malam ini Menteri JPM Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy pun ada dia tunggu saya. Bagi saya semangat juga itu.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah pukul 11.40 kita berada di sini dan pandangan saya, saya rasa begitu bertenaga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat berada bersama saya ini.

Saya juga mengingatkan tadi, ingatlah kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pada malam ini yang berpengalaman kita pandai-pandailah jangan sangat termakan cakap orang tadi. Jangan dengar cakap manis orang tadi. Bak kata pantun orang Melayu.

*Mari minum madu kelulut;  
Madu mujarab hilangkan semput;  
Adik cantik cakap manis di mulut;  
Siapa mendengar menjadi leput... [*Tepuk*]*



Ingat kita orang politik sentiasa sahaja demi cabaran, demi cabaran. Akan tetapi jangan cari masalah. Ingat itu. Akan tetapi saya percaya Ahli Yang Berhormat yang begitu matang dan dinamik tidak mudah hendak cari masalah. Bak kata pantun orang Melayu.

*Kalau tuan mengait pulasan;  
Ambil tangga untuk dipanjat;  
Bukan dahulu saya berpesan;  
Pokok berduri jangan dipanjat.*

Itu Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli Yang Berhormat yang datang malam ini. Sekarang kita sudah hampir *midnight* sudah 11.40. Jadi terima kasih kepada keluarga saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang sama-sama saya berjuang sampai ke benteng. Terima kasih, tahniah sekali lagi... *[Tepuk]* Ini sejarah kita Yang Berhormat. Kita catat dalam tinta emas, sejarah kita.

Jadi dengan itu juga, Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 17 Disember 2019.

Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.42 malam]***